

**Canon**

**EOS 760D**

**EOS 760D (W)**



**BM**  
Manual  
Arahan

# Pengenalan

EOS 760D ialah kamera refleks lensa tunggal digital yang menonjolkan pengesanan CMOS perincian halus dengan kira-kira 24.2 megapiksel berkesan, DIGIC 6, 19 titik AF yang mempunyai ketepatan tinggi dan kelajuan tinggi (titik AF jenis silang: maksimum 19 titik), kira-kira 5.0 fps penangkapan berterusan, penangkapan Pandangan Langsung, rakaman filem Definisi Tinggi Penuh (Full HD) dan fungsi Wi-Fi/NFC\*.

## **Sebelum Mula Menangkap, Pastikan Anda Membaca yang Berikut**

Untuk mengelakkan gambar buruk dan kemalangan, baca dahulu “Peringatan Keselamatan” (hlm.20-22) dan “Peringatan Pengendalian” (hlm.23-25).

## **Rujuk kepada Manual Ini Semasa Menggunakan Kamera untuk Lebih Membiasakan Diri Anda dengan Kamera**

Sambil membaca manual ini, ambil beberapa gambar ujian dan lihat hasilnya. Kemudian anda boleh memahami kamera dengan lebih baik.

## **Menguji Kamera Sebelum Penggunaan dan Liabiliti**

Selepas penangkapan, main balik imej dan semak sama ada imej telah direkod dengan betul. Jika kamera atau kad memori rosak dan imej tidak boleh direkod atau dimuat turun ke komputer, Canon tidak bertanggungjawab terhadap apa-apa kehilangan atau kesulitan yang terjadi.

## **Hak cipta**

Undang-undang hak cipta di negara anda mungkin melarang penggunaan imej yang dirakam atau muzik yang telah dihakciptaikan dan imej dengan muzik dalam kad memori untuk apa-apa selain hiburan peribadi. Juga ketahuilah bahawa sesetengah persembahan dan pameran awam tertentu, dll mungkin melarang fotografi walaupun untuk hiburan peribadi.

## Senarai Semak Item

Sebelum bermula, periksa bahawa semua item berikut disertakan dengan kamera anda. Jika terdapat apa-apa yang hilang, hubungi pembekal anda.

---



**Kamera**

(dengan eyecup  
dan penutup badan)




**Pek Bateri  
LP-E17**

(dengan penutup  
perlindungan)



**Pengecas Bateri  
LC-E17E\***



**Tali Lebar**



**Kabel Antara muka**

\* Pengecas Bateri LC-E17E disediakan. (LC-E17E disertakan dengan kord kuasa.)

- Manual Arahan dan CD-ROM yang disediakan disenaraikan pada halaman berikutnya.
- Jika anda telah membeli Kit Lensa, periksa bahawa lensa disertakan.
- Bergantung pada jenis Kit Lensa, manual arahan lensa mungkin juga disertakan.
- Berhati-hati supaya tidak kehilangan apa-apa item di atas.

# Manual Arahkan dan CD-ROM

Manual arahan terdiri daripada buku kecil dan manual elektronik (fail PDF pada CD-ROM). **Buku kecil adalah Manual Arahkan Asas. Untuk arahan terperinci, lihat Manual Arahkan Kamera pada CD-ROM.**

---



**Manual Arahkan Asas Kamera  
dan Fungsi Wi-Fi/NFC**



## **CD-ROM Manual Arahkan Kamera**

Mengandungi manual yang berikut (fail PDF):

- Manual Arahkan Kamera
- Manual Arahkan Fungsi Wi-Fi/NFC
- Panduan Rujukan Cepat

Arahan untuk melihat CD-ROM Manual Arahkan Kamera terdapat pada halaman 434-435.



## **EOS DIGITAL Solution Disk (Perisian CD-ROM)**

Mengandungi perisian seperti perisian pengeditan imej dan Manual Arahkan Perisian (fail PDF).

Untuk maklumat lanjut dan prosedur pemasangan perisian, lihat halaman 438-439.

Arahan untuk melihat Manual Arahkan Perisian terdapat pada halaman 440.

## Kad yang Serasi

Kamera boleh menggunakan kad berikut tanpa mengira kapasiti: **Jika kad ini adalah baharu atau telah diformat oleh kamera atau komputer lain, format kad dengan kamera ini** (hlm.65).

- Kad memori SD
  - Kad memori SDHC\*
  - Kad memori SDXC\*
- \* Kad UHS-I yang disokong.

## Kad yang Boleh Merakam Filem

**Apabila merakam filem, gunakan kad SD kapasiti besar yang dikadarkan pada SD Speed Class 6 “CLASS 6” atau lebih tinggi.**

- Jika anda menggunakan kad yang menulis perlahan apabila merakam filem, filem mungkin tidak dirakam dengan betul. Selain itu, jika anda memainkan balik filem pada kad dengan kelajuan membaca perlahan, filem mungkin tidak dimainkan balik dengan betul.
- Jika anda ingin menangkap foto pegun sambil merakam filem, anda memerlukan kad yang lebih pantas lagi.
- Untuk memeriksa kelajuan membaca/menulis kad, rujuk kepada laman Web pengeluar kad.




Dalam manual ini, “kad” merujuk kepada kad memori SD, kad memori SDHC dan kad memori SDXC.

\* **Kamera tidak disertakan dengan kad untuk merekod imej/filem.**  
Sila beli kad secara berasingan.

# Panduan Permulaan Cepat


1



## Masukkan bateri (hlm.38).

- Untuk mengecaskan bateri, lihat halaman 36.


2



## Masukkan kad (hlm.39).

- Dengan label kad menghadap ke belakang kamera, masukkan ke dalam slot kad.


3



## Pasang lensa (hlm.47).


- Jajarkan indeks cagak lensa putih atau merah dengan indeks cagak kamera yang sama warnanya.

4



## Tetapkan suis mod fokus lensa kepada <AF> (hlm.47).


5



## Tetapkan suis kuasa kepada <ON>, kemudian tetapkan Dail Mod kepada <A+> (Latar Auto Pintar) (hlm.76).

- Putar Dail Mod sambil menahan butang pelepasan kunci pada bahagian tengah.
- Semua tetapan kamera yang perlu akan ditetapkan secara automatik.

6

**Selak monitor LCD** (hlm.41).


- Apabila monitor LCD memaparkan skrin tetapan tarikh/masa/zon, lihat halaman 44.

7

**Fokus pada subjek** (hlm.52).

- Lihat melalui pemidang tilik dan sasarkan pusat pemidang tilik terhadap subjek.
- Tekan butang pengatup separuh ke bawah dan kamera akan memfokus pada subjek.
- Jika perlu, denyar terbina dalam akan dinaikkan.

8

**Ambil gambar** (hlm.52).

- Tekan butang pengatup sepenuhnya untuk mengambil gambar.

9






**Semak gambar.**

- Imej yang ditangkap akan dipaparkan selama 2 saat pada monitor LCD.
- Untuk memaparkan imej sekali lagi, tekan butang <▶> (hlm.108).

- Untuk menangkap sambil melihat monitor LCD, lihat “Penangkapan Pandangan Langsung” (hlm.207).
- Untuk melihat imej yang sudah ditangkap, lihat “Main Balik Imej” (hlm.108).
- Untuk memadamkan imej, lihat “Memadamkan Imej” (hlm.326).

# Kelaziman yang Digunakan dalam Manual Ini

## Ikon dalam Manual ini


-  : Menunjukkan Dail Utama.
-  : Menunjukkan Dail Kawalan Cepat.
-  : Menunjukkan arah anjakan atau pergerakan apabila kekunci pada Dail Kawalan Cepat ditekan.
-  : Menunjukkan butang Tetapan.
-  : Menunjukkan bahawa setiap fungsi kekal aktif selama 4 saat, 6 saat, 10 saat atau 16 saat selepas anda melepaskan butang.


\* Dalam manual ini, ikon dan tandaan menunjukkan butang, dail dan tetapan kamera yang sepadan dengan ikon dan tandaan pada kamera dan monitor LCD.


**MENU** : Menunjukkan fungsi yang boleh ditukar dengan menekan butang <MENU> untuk menukar tetapannya.


★ : Apabila ditunjukkan pada sebelah kanan bahagian atas halaman, ini menunjukkan bahawa fungsi tersedia hanya dalam mod Zon Kreatif (hlm.31).

(hlm.\*\*\*) : Nombor halaman rujukan untuk maklumat lanjut.

 : Amaran untuk mengelakkan masalah penangkapan.

 : Maklumat tambahan.

 : Tip atau nasihat untuk penangkapan yang lebih baik.

 : Nasihat penyelesaian masalah.

## Andaian Asas

- Semua operasi yang diterangkan dalam manual ini mengandaikan suis kuasa ditetapkan kepada <ON> dan suis <LOCK▶> ditetapkan ke kiri (Kunci berbilang fungsi dilepaskan) (hlm.55).
- Diandaikan bahawa semua tetapan menu, Fungsi Tersuai, dll ditetapkan kepada lalai.
- Ilustrasi dalam manual ini menunjukkan kamera yang dipasangkan dengan lensa EF-S18-135mm f/3.5-5.6 IS STM sebagai contoh.

	<b>Pengenalan</b>	2
<b>1</b>	<b>Panduan Awal</b>	35
<b>2</b>	<b>Penangkapan Asas dan Main Balik Imej</b>	75
<b>3</b>	<b>Menetapkan AF dan Mod Pemacu</b>	111
<b>4</b>	<b>Tetapan Imej</b>	127
<b>5</b>	<b>Operasi Lanjutan</b>	159
<b>6</b>	<b>Fotografi Denyar</b>	177
<b>7</b>	<b>Menangkap dengan Monitor LCD (Penangkapan Pandangan Langsung)</b>	207
<b>8</b>	<b>Merakam Filem</b>	239
<b>9</b>	<b>Ciri-ciri Berguna</b>	277
<b>10</b>	<b>Main Balik Imej</b>	299
<b>11</b>	<b>Imej Pasca Pemprosesan</b>	333
<b>12</b>	<b>Mencetak Imej</b>	341
<b>13</b>	<b>Menyesuaikan Kamera</b>	359
<b>14</b>	<b>Rujukan</b>	373
<b>15</b>	<b>Melihat CD-ROM Manual Arahan / Memuat Turun Imej ke Komputer Anda</b>	433



## Kandungan Sepintas Lalu

### Penangkapan

- Menangkap secara automatik → hlm.75-107 (Mod Zon Asas)
- Menangkap secara berterusan → hlm.124 (📷 Penangkapan berterusan)
- Mengambil gambar diri anda dalam kumpulan → hlm.126 (👤 Pemasa sendiri)
- Membekukan aksi → hlm.162 (Tv AE keutamaan pengatup)
- Mengaburkan aksi
- Mengaburkan latar belakang → hlm.82 (📷 Auto Kreatif)
- Mengekalkan latar belakang dalam fokus tajam → hlm.164 (Av AE keutamaan apertur)
- Melaraskan kecerahan imej (pendedahan) → hlm.171 (Pampasan pendedahan)
- Menangkap dalam cahaya malap → hlm.76, 178 (🌙 Fotografi denyar) hlm.134 (Tetapan kelajuan ISO)
- Menangkap tanpa denyar → hlm.81 (📷 Denyar Mati) hlm.99 (📷 Denyar mati)
- Menangkap bunga api pada waktu malam → hlm.168 (Pendedahan mentol)
- Menangkap sambil melihat monitor LCD → hlm.207 (📷 Penangkapan Pandangan Langsung)
- Menggunakan penuras Kreatif → hlm.216 (Penuras Kreatif)
- Merakam filem → hlm.239 (🎞️ Rakaman filem)

### Kualiti Imej

- Menangkap dengan kesan imej yang sepadan dengan subjek → hlm.137 (Gaya Gambar)





- Membuat cetakan gambar bersaiz besar → hlm.128 (🖨️ L, 🖨️ L, RAW)
- Mengambil banyak gambar → hlm.128 (📷 S1, 📷 S1, S2, S3)

## AF (Pemfokusan)

- Menukar mod pemilihan kawasan AF → hlm.116 (🔍 Mod pemilihan kawasan AF)
- Menangkap subjek bergerak → hlm.89, 91, 114 (AF Servo AI)

## Main balik

- Melihat imej pada kamera → hlm.108 (🖥️ Main balik)
- Mencari gambar dengan cepat → hlm.300 (📄 Paparan indeks)  
hlm.301 (🔍 Menyemak lalu imej)
- Menarafkan imej → hlm.306 (Pendarafan)
- Menghalang imej penting daripada dipadam dengan tidak sengaja → hlm.324 (🛡️ Lindung imej)
- Memadamkan imej yang tidak diperlukan → hlm.326 (🗑️ Padam)
- Main balik imej dan filem secara auto → hlm.316 (Tayangan slaid)
- Melihat foto atau filem pada set TV → hlm.320 (OUT Video)
- Melaraskan kecerahan monitor LCD → hlm.280 (Kecerahan monitor LCD)
- Mengaplikasikan kesan khas pada imej → hlm.334 (Penuras Kreatif)

## Mencetak

- Mencetak gambar dengan mudah → hlm.341 (Pencetakan langsung)



# Indeks Ciri-ciri

## Kuasa

- **Bateri**
  - Mengecap → hlm.36
  - Memasang/  
Mengeluarkan → hlm.38
  - Periksa bateri → hlm.43
  - Memeriksa  
maklumat bateri → hlm.376
- **Saluran keluar  
kuasa isi rumah** → hlm.377
- **Kuasa dimatikan  
secara auto** → hlm.42

## Kad

- **Memasang/  
Mengeluarkan** → hlm.39
- **Memformat** → hlm.65
- **Lepaskan pengatup  
tanpa kad** → hlm.278

## Lensa

- **Memasang/  
Menanggalkan** → hlm.47
- **Zum** → hlm.48
- **Penstabil imej** → hlm.50

## Tetapan Asas

- **Pelarasan dioptrik** → hlm.51
- **Bahasa** → hlm.46
- **Tarikh/Masa/Zon** → hlm.44
- **Beeper** → hlm.278

## Monitor LCD

- **Menggunakan  
Monitor LCD** → hlm.41
- **LCD mati/hidup  
secara auto** → hlm.293
- **Pelarasan kecerahan** → hlm.280
- **Skrin sentuh** → hlm.62

## Merekod Imej

- **Mencipta/  
Memilih folder** → hlm.281
- **Penomboran fail** → hlm.283

## AF

- **Operasi AF** → hlm.112
- **Mod pemilihan  
kawasan AF** → hlm.116
- **Pemilihan titik AF** → hlm.118
- **Fokus manual** → hlm.123

## Pemacu

- **Mod pemacu** → hlm.124
- **Penangkapan  
berterusan** → hlm.124
- **Pemasa sendiri** → hlm.126
- **Bilangan tangkapan  
maksimum** → hlm.130

## Kualiti Imej

- **Kualiti rakaman imej** → hlm.128
- **Gaya Gambar** → hlm.137
- **White balance** → hlm.144
- **Pengoptimum  
Pencahayaannya Auto** → hlm.148
- **Pengurangan hingar  
untuk pendedahan lama** → hlm.150
- **Pengurangan hingar  
untuk ISO berkelajuan  
tinggi** → hlm.149
- **Pembetulan  
penyimpangan lensa** → hlm.152
- **Pengurangan kelipan** → hlm.156
- **Keutamaan ton sorotan** → hlm.364
- **Ruang warna** → hlm.158

## Penangkapan

- Mod penangkapan → hlm.31
- Panduan Ciri → hlm.73
- Kelajuan ISO → hlm.134
- Nisbah bidang → hlm.132
- Mentol → hlm.168
- Mod pemeteran → hlm.169
- Kunci cermin → hlm.175
- Kawalan jauh → hlm.378

## Pelarasan Pendedahan

- Pampasan pendedahan → hlm.171
- AEB → hlm.172
- Kunci AE → hlm.174

## Denyar

- Denyar terbina dalam → hlm.178
- Denyar luaran → hlm.183
- Tetapan fungsi denyar → hlm.185
- Penangkapan wayarles → hlm.192

## Penangkapan Pandangan Langsung

- Penangkapan Pandangan Langsung → hlm.207
- Operasi AF → hlm.222
- Kaedah AF → hlm.224
- AF berterusan → hlm.220
- Pengatup Sentuh → hlm.232
- Penuras Kreatif → hlm.216

## Rakaman Filem

- Rakaman filem → hlm.239
- Kaedah AF → hlm.224
- Saiz rakaman filem → hlm.251
- AF Servo Filem → hlm.269
- Rakaman suara → hlm.272
- Pendedahan manual → hlm.243

- Penangkapan foto pegun → hlm.248
- Zum digital → hlm.254
- Filem HDR → hlm.255
- Filem Kesan Miniatur → hlm.257
- Snapshot video → hlm.259

## Main Balik

- Masa semakan imej → hlm.279
- Paparan imej tunggal → hlm.108
- Paparan maklumat penangkapan → hlm.328
- Paparan indeks → hlm.300
- Menyemak imej (Paparan pintasan) → hlm.301
- Pandangan diperbesar → hlm.302
- Putaran imej → hlm.305
- Penarafan → hlm.306
- Main balik filem → hlm.312
- Tayangan slaid → hlm.316
- Melihat imej pada set TV → hlm.320
- Lindungi → hlm.324
- Padam → hlm.326

## Pengeditan Imej

- Penuras Kreatif → hlm.334
- Tukar saiz → hlm.337
- Memotong → hlm.339

## Mencetak → hlm.344

## Penyesuaian

- Fungsi Tersuai (C.Fn) → hlm.360
- Menu Saya → hlm.372

## Perisian → hlm.433






## Fungsi Wi-Fi/NFC

- Manual Arahan Fungsi Wi-Fi/NFC

















# Kandungan

<b>Pengenalan</b>	<b>2</b>
Senarai Periksa Item .....	3
Manual Arahan dan CD-ROM .....	4
Kad yang Serasi .....	5
Panduan Permulaan Cepat .....	6
Kelaziman yang Digunakan dalam Manual Ini .....	8
Bab .....	9
Kandungan Sepintas Lalu .....	10
Indeks Ciri-ciri.....	12
Kandungan .....	14
Peringatan Keselamatan .....	20
Peringatan Pengendalian .....	23
Tatanama.....	26




## **1 Panduan Awal** **35**

Mengecas Bateri .....	36
Memasang dan Menanggalkan Bateri.....	38
Memasang dan Menanggalkan Kad.....	39
Menggunakan Monitor LCD .....	41
Menghidupkan Kuasa.....	42
Menetapkan Tarikh, Masa dan Zon .....	44
Memilih Bahasa Antara Muka.....	46
Memasang dan Menanggalkan Lensa .....	47
Penstabil Imej Lensa .....	50
Operasi Asas .....	51
 Kawalan Cepat untuk Fungsi Penangkapan.....	57
 Operasi Menu.....	59
 Menggunakan Skrin Sentuh .....	62
Memformat Kad.....	65
Menukar Paparan Monitor LCD.....	67
 Memaparkan Grid .....	69
 Memaparkan Aras Elektronik .....	70
Memaparkan Pengesanan Kelipan .....	72
Panduan Ciri.....	73

## 2 Penangkapan Asas dan Main Balik Imej 75





 Penangkapan Sepenuh Automatik (Latar Auto Pintar) .....	76
 Teknik Auto Penuh (Latar Auto Pintar) .....	79
 Melumpuhkan Denyar .....	81
 Penangkapan Auto Kreatif .....	82
 Menangkap Potret .....	86
 Menangkap Landskap .....	87
 Menangkap Dekat .....	88
 Menangkap Subjek Bergerak .....	89
<b>SCN</b> : Mod Pemandangan Khas .....	90
 Menangkap Kanak-kanak .....	91
 Menangkap Makanan .....	92
 Menangkap Potret Cahaya Lilin .....	93
 Menangkap Potret Malam (Dengan Tripod) .....	94
 Menangkap Pemandangan Malam (Pegangan tangan) .....	95
 Menangkap Pemandangan Cahaya Belakang .....	96
 Kawalan Cepat .....	98
Tangkap berdasarkan Pemilihan Suasana .....	100
Tangkap berdasarkan Jenis Pencahayaan atau Pemandangan ...	104
 Main Balik Imej .....	108

## 3 Menetapkan AF dan Mod Pemacu 111



AF: Mengubah Operasi Autofokus (Operasi AF) .....	112
 Memilih Kawasan AF dan Titik AF .....	116
Mod Pemilihan Kawasan AF .....	119
Subjek yang Sukar untuk Difokus .....	122
MF: Fokus Manual .....	123
 Memilih Mod Pemacu .....	124
 Menggunakan Pemasa sendiri .....	126

## 4 Tetapan Imej 127

Menetapkan Kualiti Rakaman Imej .....	128
Mengubah Nisbah Bidang Imej .....	132
<b>ISO</b> : Menukar Kelajuan ISO untuk Sesuai dengan Cahaya .....	134

 Memilih Gaya Gambar .....	137
 Menyesuaikan Gaya Gambar.....	139
 Mendaftarkan Gaya Gambar.....	142
<b>WB</b> : Memadankan Sumber Cahaya (White balance).....	144
 <b>WB</b> Melaraskan Ton Warna bagi Sumber Cahaya.....	146
Pembetulan Auto Kecerahan dan Kontras (Pengoptimum Pencahayaan Auto) ...	148
Menetapkan Pengurangan Hingar.....	149
Pembetulan Pencahayaan Persisian Lensa dan Penyimpangan...	152
Mengurangkan Kelipan.....	156
Menetapkan Julat Penghasilan Semula Warna (Ruang warna)...	158


## 5 Operasi Lanjutan 159



<b>P</b> : AE Program .....	160
<b>Tv</b> : Menggambarkan Pergerakan Subjek (AE keutamaan pengatup) ...	162
<b>Av</b> : Menukar Kedalaman Medan (AE keutamaan apertur).....	164
Pratonton Kedalaman Medan .....	166
<b>M</b> : Pendedahan Manual.....	167
 Menukar Mod Pemetaran (Mod pemetaran) .....	169
Menetapkan Pampasan Pendedahan (Pampasan pendedahan)...	171
Bracketing Pendedahan Auto (AEB) .....	172
 Mengunci Pendedahan (Kunci AE).....	174
Kunci Cermin untuk Menghalang Goncangan Kamera .....	175

## 6 Fotografi Denyar 177


 Menggunakan Denyar Terbina dalam.....	178
 Menggunakan Speedlite Luaran.....	183
Menetapkan Denyar .....	185
Menggunakan Denyar Wayarles .....	192
Penangkapan Denyar Wayarles Mudah.....	196
Penangkapan Denyar Wayarles Tersuai .....	200

## 7 Menangkap dengan Monitor LCD (Penangkapan Pandangan Langsung) 207

 Menangkap dengan Monitor LCD .....	208
Tetapan Fungsi Penangkapan.....	214


 Menggunakan Penuras Kreatif .....	216
Tetapan Fungsi Menu.....	220
Mengubah Operasi Autofokus (Operasi AF).....	222
Menggunakan AF untuk Fokus (Kaedah AF).....	224
 Menangkap dengan Pengatup Sentuh .....	232
MF: Memfokus secara Manual.....	234

## **8 Merakam Filem 239**












 Merakam Filem .....	240
Rakaman Pendedahan auto .....	240
Rakaman Pendedahan Manual.....	243
Menangkap Foto Pegun .....	248
Tetapan Fungsi Penangkapan .....	250
Menetapkan Saiz Rakaman Filem .....	251
Menggunakan Zum Digital Filem .....	254
Merakam Filem HDR .....	255
Merakam Filem Kesan Miniatur .....	257
Menangkap Snapshot Video .....	259
Tetapan Fungsi Menu.....	269

## **9 Ciri-ciri Berguna 277**




Ciri-ciri Berguna .....	278
Melumpuhkan Alat Beeper .....	278
Peringatan Kad.....	278
Menetapkan Masa Semak Imej.....	279
Menetapkan Masa Kuasa Terpadam secara Auto .....	279
Melaraskan Kecerahan Monitor LCD .....	280
Mencipta dan Memilih Folder .....	281
Kaedah Penomboran Fail .....	283
Menetapkan Maklumat Hak Cipta .....	285
Putaran Auto Imej Menegak.....	287
Mengembalikan Kamera kepada Tetapan Lalai .....	288
Menghalang Monitor LCD daripada Terpadam secara Automatik ...	293
Mengubah Warna Skrin Tetapan Penangkapan.....	293

 Pembersihan Pengesan Automatik .....	294
Menambah Data Penghapusan Debu .....	295
Pembersihan Pengesan Manual .....	297


## 10 Main Balik Imej 299

 Mencari Imej dengan Cepat .....	300
 /  Pandangan Diperbesar .....	302
 Memainkan Balik dengan Skrin Sentuh .....	303
 Memutarkan Imej.....	305
Menetapkan Penarafan .....	306
 Kawalan Cepat untuk Main Balik .....	308
 Menikmati Filem .....	310
 Memainkan Balik Filem.....	312
 Mengedit Babak Pertama dan Terakhir Filem .....	314
Tayangan Slaid (Main Balik Auto) .....	316
Melihat Imej pada Set TV .....	320
 Melindungi Imej.....	324
 Memadamkan Imej.....	326
INFO.: Paparan Maklumat Penangkapan .....	328

## 11 Imej Pasca Pemrosesan 333

 Menggunakan Penuras Kreatif .....	334
 Menukar saiz Imej JPEG .....	337
 Memotong Imej JPEG.....	339

## 12 Mencetak Imej 341

Bersedia untuk Mencetak.....	342
 Mencetak.....	344
Memotong Imej.....	350
 Format Pesanan Cetakan Digital (DPOF) .....	352
 Pencetakan Langsung Imej Dipesan Cetak.....	355
 Menentukan Imej untuk Buku Foto .....	356

<b>13</b>	<b>Menyesuaikan Kamera</b>	<b>359</b>
	Menetapkan Fungsi Tersuai .....	360
	Tetapan Fungsi Tersuai .....	363
	C.Fn I : Pendedahan .....	363
	C.Fn II : Imej.....	364
	C.Fn III : Autofokus/Pemacu .....	365
	C.Fn IV : Operasi/Lain-Lain .....	369
	Mendaftarkan Menu Saya .....	372
<b>14</b>	<b>Rujukan</b>	<b>373</b>
	Fungsi Butang INFO .....	374
	Memeriksa Maklumat Bateri .....	376
	Menggunakan Saluran Keluar Kuasa Isi Rumah .....	377
	Penangkapan Kawalan Jauh .....	378
	📶 Menggunakan Kad Eye-Fi.....	380
	Jadual Ketersediaan Fungsi mengikut Mod Penangkapan.....	382
	Peta Sistem.....	388
	Tetapan Menu .....	390
	Panduan Penyelesaian Masalah .....	404
	Kod Ralat .....	418
	Peringatan Pengendalian: Lensa STM (Lensa Kit) .....	419
	Spesifikasi .....	420
<b>15</b>	<b>Melihat CD-ROM Manual Arahan / Memuat Turun Imej ke Komputer Anda</b>	<b>433</b>
	Melihat CD-ROM Manual Arahan Kamera.....	434
	Memuat Turun Imej ke Komputer.....	436
	Gambaran Keseluruhan Perisian .....	438
	Memasang Perisian .....	439
	Manual Arahan Perisian.....	440
	Indeks .....	441

# Peringatan Keselamatan

Peringatan yang berikut disediakan untuk mengelakkan diri anda dan orang lain daripada bahaya atau kecederaan. Pastikan anda faham sepenuhnya dan ikuti peringatan ini sebelum menggunakan produk.

**Jika anda mengalami apa-apa kepingangan, masalah atau kerosakan produk, hubungi Canon Service Center terdekat atau peruncit di tempat anda membeli produk tersebut.**



## Amaran

Patuhi amaran di bawah. Jika tidak, kematian atau kecederaan serius mungkin akan berlaku.

- Untuk mengelakkan kebakaran, haba yang melampau, kebocoran kimia, letupan dan kejutan elektrik, ikuti langkah-langkah perlindungan di bawah:
  - Jangan gunakan apa-apa bateri, sumber kuasa atau aksesori yang tidak dinyatakan dalam Manual Arahkan. Jangan gunakan bateri buatan sendiri atau bateri yang diubah suai.
  - Jangan lakukan litar pintas, buka atau ubah suai bateri. Jangan kenakan haba pada bateri atau memateri bateri. Jangan dedahkan bateri kepada api atau air. Jangan dedahkan bateri terhadap kejutan fizikal yang kuat.
  - Jangan masukkan hujung positif dan negatif bateri dengan cara yang salah.
  - Jangan cas semula bateri dalam suhu di luar julat suhu sekitar yang dibenarkan. Juga, jangan melebihi masa mengecas yang ditunjukkan dalam Manual Arahkan.
  - Jangan masukkan sebarang objek logam asing ke dalam sentuhan elektrik kamera, aksesori, kabel penyambung, dll.
- Apabila melupuskan pek bateri, lindungi sentuhan elektrik dengan pita untuk mengelakkan sentuhan dengan objek logam atau bateri lain. Ini untuk mengelakkan kebakaran atau letupan.
- Jika haba yang berlebihan, asap, atau wasap terhasil semasa bateri dicas semula, cabut pengecas bateri dari saluran keluar kuasa dengan segera untuk menghentikan cas. Jika tidak, ia mungkin mengakibatkan kebakaran, kerosakan haba, atau kejutan elektrik.
- Jika bateri bocor, bertukar warna, bertukar bentuk atau mengeluarkan asap atau wasap, keluarkannya dengan segera. Berhati-hati supaya anda tidak melecur. Ia mungkin mengakibatkan kebakaran, kejutan elektrik atau kulit terbakar jika anda tetap menggunakannya.
- Elakkan sebarang kebocoran bateri daripada terkena mata, kulit dan pakaian. Ia boleh menyebabkan buta atau masalah kulit. Jika kebocoran bateri terkena mata, kulit atau pakaian, siram kawasan yang terlibat dengan air bersih yang banyak tanpa menggosoknya. Jumpa doktor dengan segera.
- Jangan tinggalkan mana-mana kord berhampiran sumber haba. Ia boleh menukar bentuk kord atau mencairkan penambat dan menyebabkan kebakaran atau kejutan elektrik.
- Jangan pegang kamera dalam posisi yang sama untuk jangka masa yang lama. Walaupun kamera tidak terasa terlalu panas, sentuhan yang berpanjangan dengan bahagian badan yang sama boleh menyebabkan kemerahan kulit, melepuh atau lecuran suhu rendah. Menggunakan tripod adalah disarankan bagi mereka yang mempunyai masalah dengan peredaran darah atau kulit yang sangat sensitif, atau apabila menggunakan kamera di tempat yang sangat panas.
- Jangan nyalakan denyar pada orang yang memandu kereta atau kenderaan lain. Ia boleh menyebabkan kemalangan.

- Jangan nyalakan denyar berhampiran mata sesiapa. Ia boleh menjejaskan penglihatannya. Apabila menggunakan denyar untuk mengambil gambar bayi, kekalkan jarak jauh sekurang-kurangnya 1 meter/3.3 kaki.
- Apabila kamera atau aksesori tidak digunakan, pastikan untuk mengeluarkan bateri dan menanggalkan palam kuasa daripada peralatan sebelum menyimpan. Ini untuk mengelakkan kejutan elektrik, haba yang berlebihan, kebakaran atau karat.
- Jangan gunakan peralatan di tempat yang terdapat gas mudah terbakar. Ini untuk mengelakkan letupan atau kebakaran.
- Jika anda menjatuhkan peralatan dan selongsong pecah dan mendedahkan bahagian dalaman, jangan sentuh bahagian dalaman. Terdapat kemungkinan berlaku kejutan elektrik.
- Jangan buka atau ubah suai peralatan. Bahagian dalaman bervoltan tinggi boleh menyebabkan kejutan elektrik.
- Jangan lihat matahari atau sumber cahaya yang sangat terang melalui kamera atau lensa. Berbuat demikian boleh merosakkan penglihatan anda.
- Pastikan peralatan luar daripada jangkauan kanak-kanak dan bayi, termasuk ketika ia sedang digunakan. Tali atau kord mungkin menyebabkan kelemasan, kejutan elektrik atau kecederaan secara tidak sengaja. Kelemasan atau kecederaan juga mungkin berlaku jika kanak-kanak atau bayi menelan komponen atau aksesori kamera secara tidak sengaja. Jika kanak-kanak atau bayi menelan komponen atau aksesori, jumpa doktor dengan segera.
- Jangan gunakan atau simpan peralatan di tempat berdebu atau lembap. Begitu juga, simpan bateri dengan penutup perindungannya terpasang untuk mengelakkan litar pintas. Ini untuk mengelakkan kebakaran, haba yang berlebihan, kejutan elektrik atau kulit terbakar.
- Sebelum menggunakan kamera di dalam kapal terbang atau hospital, periksa jika ia dibenarkan. Gelombang elektromagnet yang dipancarkan oleh kamera boleh mengganggu instrumen pesawat atau peralatan perubatan di hospital.
- Untuk mengelakkan kebakaran dan kejutan elektrik, ikuti langkah perlindungan di bawah:
  - Sentiasa masukkan palam kuasa sepenuhnya.
  - Jangan kendalikan palam kuasa dengan tangan yang basah.
  - Apabila mencabut palam kuasa, genggam dan tarik palam, bukan kordnya.
  - Jangan calarkan, potong, atau terlalu bengkokkan kord atau meletakkan objek berat di atas kord. Jangan menyimpul atau mengikat kord.
  - Jangan sambungkan terlalu banyak palam kuasa ke saluran keluar kuasa yang sama.
  - Jangan gunakan kord yang mempunyai wayar atau penebat yang telah rosak.
- Cabut palam kuasa secara berkala dan bersihkan debu di sekeliling saluran keluar kuasa dengan kain kering. Jika persekitaran berdebu, lembap atau berminyak, debu di saluran keluar kuasa boleh menjadi lembap dan menyebabkan litar pintas seterusnya kebakaran.
- Jangan sambungkan bateri secara langsung ke saluran keluar elektrik atau saluran penyalan rokok kereta. Bateri mungkin bocor, menjana haba yang berlebihan atau meletup, menyebabkan kebakaran, kulit terbakar atau kecederaan.
- Penerangan yang jelas mengenai cara menggunakan produk perlu disampaikan oleh orang dewasa apabila produk digunakan oleh kanak-kanak. Pantau kanak-kanak apabila mereka menggunakan produk. Penggunaan yang salah mungkin mengakibatkan kejutan elektrik atau kecederaan.
- Jangan tinggalkan lensa atau kamera berlensa di bawah matahari tanpa memasang penutup lensa. Ini kerana lensa boleh menumpukan sinar matahari dan menyebabkan kebakaran.
- Jangan tutup atau balut produk dengan kain. Berbuat demikian boleh memerangkap haba dan menyebabkan selongsong bertukar bentuk atau terbakar.

- Berhati-hati supaya tidak membasahkan kamera. Jika kamera terjatuh ke dalam air atau jika air atau serpihan logam masuk ke dalam kamera, segera keluarkan bateri. Ini adalah untuk mengelakkan kebakaran dan kejutan elektrik.
- Jangan gunakan pencair cat, benzena atau pelarut organik lain untuk membersihkan peralatan. Berbuat demikian boleh menyebabkan kebakaran atau membahayakan kesihatan.



**Peringatan** Patuhi peringatan di bawah. Jika tidak, kecederaan fizikal atau kerosakan harta mungkin berlaku.

- Jangan gunakan atau simpan produk di dalam kereta di bawah matahari panas atau berhampiran sumber haba. Produk mungkin menjadi panas dan menyebabkan kulit terbakar. Ia mungkin menyebabkan kebocoran bateri atau letupan, yang akan menurunkan prestasi atau memendekkan jangka hayat produk.
- Jangan bawa kamera ke sana ke mari semasa ia terpasang pada tripod. Berbuat demikian boleh menyebabkan kecederaan. Pastikan juga tripod cukup kukuh untuk menyokong kamera dan lensa.
- Jangan tinggalkan produk dalam persekitaran bersuhu rendah untuk tempoh masa yang lama. Produk mungkin menjadi sejuk dan mungkin menyebabkan kecederaan apabila disentuh.
- Jangan mainkan CD-ROM yang disediakan dalam pemacu yang tidak sesuai dengan CD-ROM.

Jika anda menggunakannya dalam pemain CD, anda mungkin merosakkan pembesar suara dan komponen lain. Apabila menggunakan fon kepala, terdapat juga risiko kecederaan pada telinga yang diakibatkan oleh volumn yang terlalu kuat.

# Peringatan Pengendalian

## Penjagaan Kamera

- Kamera ini ialah instrumen ketepatan. Jangan jatuhkannya atau menyebabkan hentaman fizikal terhadapnya.
- Kamera ini tidak kalis air dan tidak boleh digunakan dalam air. Jika anda menjatuhkan kamera ini ke dalam air secara tidak sengaja, segera hubungi Canon Service Center terdekat. Lapkan sebarang titisan air dengan sehelai kain yang kering dan bersih. Jika kamera telah terdedah kepada udara masin, lapkan dengan sehelai kain basah yang telah diperah habis.
- Jangan sesekali tinggalkan kamera berdekatan apa-apa yang mempunyai medan magnetik yang kuat seperti magnet atau motor elektrik. Juga elakkan menggunakan atau membiarkan kamera berdekatan apa-apa yang mengeluarkan gelombang radio yang kuat, seperti antena besar. Medan magnetik kuat boleh mengakibatkan kesalahan operasi kamera atau memusnahkan data imej.
- Jangan tinggalkan kamera dalam haba yang melampau, seperti di dalam sebuah kereta di bawah cahaya matahari secara langsung. Suhu tinggi boleh mengakibatkan kepincangan kamera.
- Kamera ini mengandungi litaran elektronik kejituan. Jangan cuba membuka kamera sendiri.
- Jangan halang denyar terbina dalam, operasi cermin dengan jari anda, dll. Melakukan perkara sedemikian mungkin menyebabkan kepincangan.
- Gunakan penghembus untuk menghembus debu pada lensa, pemidang tilik, cermin refleks dan skrin pemfokusan. Jangan gunakan pencuci yang mengandungi pelarut organik untuk mencuci badan atau lensa kamera. Untuk kotoran degil, bawa kamera ke Canon Service Center terdekat.
- Jangan sentuh sentuhan elektrik kamera dengan jari anda. Ini untuk mengelakkan sentuhan itu terhakis. Sentuhan yang terhakis boleh mengakibatkan kesalahan operasi kamera.
- Jika kamera dibawa dari persekitaran yang sejuk ke bilik yang panas dengan tiba-tiba, pemeluwapan mungkin terbentuk pada kamera dan bahagian dalam. Untuk mengelakkan pemeluwapan, mula-mula letakkan kamera dalam beg plastik yang kedap udara dan biarkannya menyesuaikan diri dengan suhu yang lebih tinggi sebelum mengeluarkannya daripada beg itu.
- Jika pemeluwapan terbentuk pada kamera, jangan gunakannya. Ini adalah untuk mengelakkan kerosakan terhadap kamera. Jika terdapat pemeluwapan, keluarkan lensa, kad dan bateri daripada kamera, tunggu sehingga pemeluwapan telah tersejat sebelum menggunakan kamera ini.
- Jika kamera tidak akan digunakan untuk tempoh yang berpanjangan, keluarkan bateri dan simpan kamera dalam lokasi yang dingin, kering dan mempunyai pengaliran udara yang baik. Walaupun semasa kamera berada dalam simpanan, tekan butang pengatup beberapa kali sekali-sekala untuk memeriksa sama ada kamera masih berfungsi.

- Elakkan menyimpan kamera di tempat yang terdapat bahan kimia yang menyebabkan karat dan hakisan seperti dalam makmal kimia.
- Jika kamera tidak digunakan untuk jangka masa yang lama, uji semua fungsinya sebelum menggunakannya. Jika anda tidak menggunakan kamera untuk beberapa waktu atau jika terdapat sesi penangkapan yang penting seperti lawatan ke luar negara yang mendatang, periksa kamera di Canon Service Center yang terdekat atau periksa kamera dengan sendiri dan pastikan ia berfungsi dengan baik.
- Jika anda menggunakan penangkapan berterusan, penangkapan Pandangan Langsung, atau rakaman filem untuk tempoh berpanjangan, kamera mungkin menjadi panas. Ini bukan kepincangan.
- Jika terdapat sumber cahaya terang di dalam atau luar kawasan imej, ghosting mungkin berlaku.

### **Panel LCD dan Monitor LCD**

- Walaupun monitor LCD dihasilkan dengan teknologi kejituan yang sangat tinggi dengan lebih 99.99% piksel berkesan, mungkin terdapat beberapa piksel mati yang hanya memaparkan hitam atau merah, dll antara 0.01% atau kurang daripada piksel yang tertinggal. Piksel mati bukan kepincangan. Piksel tidak mempengaruhi imej yang direkod.
- Jika monitor LCD dibiarkan hidup untuk jangka masa yang lama, kepincangan skrin mungkin berlaku dan menyebabkan anda melihat saki-baki apa yang dipaparkan. Namun, ini hanyalah sementara dan akan hilang apabila kamera tidak digunakan untuk beberapa hari.
- Paparan monitor LCD mungkin kelihatan perlahan dalam suhu rendah, atau kelihatan hitam dalam suhu tinggi. Ia akan kembali ke normal pada suhu bilik.

### **Kad**

Untuk melindungi kad dan data yang direkod, ambil perhatian yang berikut:

- Jangan jatuhkan, bengkokkan atau basahkan kad. Jangan dedahkannya terhadap hentakan yang kuat, hentaman fizikal atau getaran.
- Jangan sentuh sentuhan elektronik kad dengan jari anda atau apa-apa yang bersifat logam.
- Jangan lekatkan apa-apa pelekat dll pada kad ini.
- Jangan simpan atau gunakan kad ini berdekatan apa-apa yang mempunyai medan magnetik yang kuat seperti set TV, pembesar suara atau magnet. Juga elakkan tempat yang cenderung mempunyai elektrik statik.
- Jangan tinggalkan kad ini di bawah cahaya matahari secara langsung atau berhampiran sumber haba.
- Simpan kad ini dalam bekas.
- Jangan simpan kad ini di lokasi panas, berdebu atau lembap.

## Kotoran yang Melekat pada Bagian Hadapan Pegasan


Selain debu dari luar yang memasuki kamera, dalam beberapa kes yang jarang berlaku, pelincir dari bahagian dalam kamera mungkin melekat pada bahagian hadapan pengesan. Jika titik kelihatan masih kekal pada imej, adalah disarankan supaya membersihkan pengesan di Canon Service Center.

## Lensa

Selepas menanggalkan lensa daripada kamera, letakkan lensa dengan bahagian bawah menghadap ke atas dan pasang penutup belakang lensa untuk mengelakkan permukaan lensa dan sentuhan elektrik daripada tercalar.



# Tatanama




Penutup badan (hlm.47)


**< A/V OUT/DIGITAL >**  
Terminal OUT Audio/video/  
Digital (hlm.323, 342, 436)

**< i >** Terminal kawalan  
jauh (hlm.379)


**< MIC >** Terminal IN mikrofon  
luaran (hlm.272)

**< HDMI OUT >** Terminal OUT  
HDMI mini (hlm.320)






## Tetapan Fungsi Penangkapan (dalam mod Zon Kreatif, hlm.31)




Paparan hanya akan menunjukkan tetapan yang sedang digunakan.

## Panel LCD



Paparan hanya akan menunjukkan tetapan yang sedang digunakan.

## Maklumat Pemandang Tilik



Paparan hanya akan menunjukkan tetapan yang sedang digunakan.

## Dail Mod

Anda boleh menetapkan mod penangkapan. Putar Dail Mod sambil menahan tengah Dail Mod ke bawah (Butang pelepasan kunci Dail Mod).

## Zon Kreatif


Mod berikut memberikan anda lebih kawalan untuk menangkap pelbagai subjek seperti yang diinginkan.

- P** : AE Program (hlm.160)
- Tv** : AE keutamaan pengatup (hlm.162)
- Av** : AE keutamaan apertur (hlm.164)
- M** : Pendedahan manual (hlm.167)


## Zon Asas

Anda hanya perlu menekan butang pengatup. Kamera ini menetapkan semuanya untuk sesuai dengan subjek atau pemandangan untuk penangkapan.

- A<sup>+</sup>** : Latar Auto Pintar (hlm.76)
- [Mati]** : Denyar Mati (hlm.81)
- CA** : Auto Kreatif (hlm.82)
- [Potret]** : Potret (hlm.86)
- [Landskap]** : Landskap (hlm.87)
- [Dekat]** : Dekat (hlm.88)
- [Sukan]** : Sukan (hlm.89)
- SCN** : Pemandangan khas (hlm.90)
  - [Kanak-kanak]** : Kanak-kanak (hlm.91)
  - [Makanan]** : Makanan (hlm.92)
  - [Cahaya Lilin]** : Cahaya Lilin (hlm.93)
  - [Potret Malam]** : Potret Malam (hlm.94)
  - [Pegangan Tangan]** : Pemandangan Malam Pegangan Tangan (hlm.95)
  - [HDR]** : Kawalan Cahaya Latar HDR (hlm.96)




## Lensa tanpa Skala Jarak



## Pengecas Bateri LC-E17E


Pengecas untuk Pek Bateri LP-E17 (hlm.36).





# Panduan Awal


Bab ini menerangkan langkah persediaan sebelum anda mula menangkap serta operasi kamera yang asas.



## Memasang Tali yang Disediakan


Masukkan hujung tali melalui lubang cagak tali kamera dari bawah. Kemudian masukkan melalui kancing tali seperti yang ditunjukkan dalam ilustrasi. Tarik tali untuk mengemaskan bahagian kendur dan pastikan tali tidak akan tertanggal daripada kancing.

- Penutup kanta mata juga diletakkan pada tali (hlm.379).




Penutup kanta mata

# Mengecap Bateri



## 1 Tanggalkan penutup perlindungan.


- Tanggalkan penutup perlindungan yang disediakan bersama bateri.



## 2 Pasangkan bateri.

- Seperti yang ditunjukkan dalam ilustrasi, pasang bateri pada pengecas dengan kemas.
- Untuk mengeluarkan bateri, ikuti prosedur di atas secara terbalik.

## LC-E17E



## 3 Cas semula bateri.

- Sambungkan kord kuasa ke pengecas dan masukkan palam ke dalam saluran keluar kuasa.
  - ▶ Pengecasan semula akan bermula secara automatik dan penunjuk pengecasan bernyala jingga.
  - ▶ Apabila bateri telah dicas sepenuhnya, penunjuk pengecasan penuh bernyala hijau.

- Bateri yang telah habis digunakan mengambil masa kira-kira 2 jam untuk dicas sepenuhnya pada suhu bilik (23°C / 73°F). Masa yang diperlukan untuk mengecap bateri akan jauh berbeza bergantung pada suhu sekitar dan baki kapasiti bateri.
- Untuk tujuan keselamatan, mengecap semula pada suhu rendah (5°C - 10°C / 41°F - 50°F) akan mengambil masa lebih lama (sehingga lebih kurang 4 jam).




## Petua untuk Menggunakan Bateri dan Pengecas

- **Semasa pembelian, bateri tidak dicas sepenuhnya.**  
Cas bateri sebelum menggunakannya.
  - **Cas semula bateri sehari sebelum digunakan atau pada hari ia akan digunakan.**  
Walaupun semasa penyimpanan, bateri yang telah dicas akan beransur-ansur menyusut dan kehilangan kapasitinya.
  - **Selepas mengecas semula bateri, tanggalkan bateri dan putuskan pengecas dari saluran keluar kuasa.**
  - **Keluarkan bateri semasa kamera tidak digunakan.**  
Jika bateri dibiarkan dalam kamera untuk jangka masa yang lama, sebahagian kuasa yang kecil akan dibebaskan, menyebabkan nyahcas berlebihan dan memendekkan hayat bateri. Simpan bateri dengan penutup perlindungan (disediakan) terpasang. Menyimpan bateri semasa ia dicas sepenuhnya mungkin mengurangkan prestasi bateri.
  - **Pengecas bateri juga boleh digunakan di negara asing.**  
Pengecas bateri serasi dengan sumber kuasa dari 100 V AC hingga 240 V AC 50/60 Hz. Jika perlu, pasang penyesuai palam yang boleh didapati secara komersil untuk negara atau wilayah masing-masing. Jangan pasang sebarang pengubah voltan mudah alih pada pengecas bateri. Berbuat demikian boleh merosakkan pengecas bateri.
  - **Jika bateri cepat habis walaupun setelah dicas sepenuhnya, bateri telah sampai ke akhir tempoh guna.**  
Periksa prestasi cas semula bateri (hlm.376) dan beli bateri baharu.
- Selepas mencabut palam kuasa pengecas, jangan sentuh pin untuk sekurang-kurangnya 5 saat.
  - Jangan cas bateri selain Pek Bateri LP-E17.
  - Pek Bateri LP-E17 adalah khas untuk produk Canon sahaja. Menggunakannya dengan pengecas bateri atau produk yang tidak serasi mungkin menyebabkan kepincangan atau kemalangan yang tidak dipertanggungjawab oleh Canon.

# Memasang dan Mengeluarkan Bateri


Masukkan Pek Bateri LP-E17 yang telah dicas sepenuhnya ke dalam kamera. Pemandang tilik kamera menjadi cerah apabila bateri dipasang dan menjadi gelap apabila bateri ditanggalkan.

## Memasang Bateri




### 1 Buka penutup.

- Luncurkan tuas seperti yang ditunjukkan dengan anak panah dan buka penutup.



### 2 Masukkan bateri.


- Masukkan bahagian hujung dengan sentuhan bateri.
- Masukkan bateri sehingga ia terkunci pada tempatnya.



### 3 Tutup penutup.

- Tekan penutup sehingga ia berdetap tertutup.

## Mengeluarkan Bateri



### Buka penutup dan keluarkan bateri.

- Tekan tuas pelepasan bateri seperti yang ditunjukkan dengan anak panah dan keluarkan bateri.
- Untuk menghalang litar pintas sentuhan bateri, pastikan anda telah memasang penutup perlindungan (yang disediakan, hlm.36) pada bateri.


Selepas membuka penutup petak slot bateri, berhati-hati supaya tidak menolaknya dengan terlalu kuat ke belakang. Jika tidak, engsel mungkin akan patah.

# Memasang dan Mengeluarkan Kad



Kad memori (dijual berasingan) SD, SDHC, atau SDXC boleh digunakan. Kad memori SDHC dan SDXC dengan UHS-I juga boleh digunakan. Imej yang ditangkap direkod pada kad.

- 1 **Pastikan suis perlindungan tulis kad ditetapkan dengan menghalakan ke atas untuk membolehkan penulisan dan pemadaman.**

## Memasang Kad



Suis perlindungan tulis



Tangkapan yang boleh diambil

### 1 Buka penutup.

- Luncurkan penutup seperti yang ditunjukkan dengan anak panah untuk membukanya.

### 2 Masukkan kad.

- Seperti yang ditunjukkan oleh ilustrasi, hadapkan label kad terhadap anda dan masukkan sehingga klik pada tempatnya.


### 3 Tutup penutup.

- Tutup penutup dan luncurkannya ke arah yang ditunjukkan dengan anak panah sehingga ia berdetap tertutup.
- Apabila anda menetapkan suis kuasa kepada <ON>, bilangan tangkapan yang boleh diambil akan dipaparkan pada panel LCD.



- Bilangan tangkapan yang boleh diambil bergantung pada baki kapasiti kad, kualiti rakaman imej, kelajuan ISO dll.
- Menetapkan [📷 1: Release shutter without card (Lepaskan pengatup tanpa kad)] kepada [Disable (Lumpuhkan)] akan menghalang anda daripada menangkap tanpa memasukkan kad (hlm.278).


## Mengeluarkan kad



Lampu akses

### 1 Buka penutup.

- Tetapkan suis kuasa kepada <OFF>.
- **Pastikan lampu akses padam, kemudian buka penutup.**
- Jika [**Recording... (Merekod...)**] dipaparkan, tutup penutup.



### 2 Keluarkan kad.


- Tekan ke dalam dengan perlahan, kemudian lepaskannya untuk mengeluarkan kad.
- Tarik keluar kad, kemudian tutup penutup.

**!** Apabila lampu akses menyala atau berkelip, ia menunjukkan bahawa imej sedang ditulis ke kad, dibaca atau dipadamkan daripada kad atau data sedang dipindahkan. Jangan buka penutup slot kad pada masa ini. Selain itu, jangan lakukan apa-apa perkara berikut semasa lampu akses sedang menyala atau berkelip. Jika tidak, ia akan merosakkan data imej, kad atau kamera.


- Mengeluarkan kad.
- Mengeluarkan bateri.
- Menggoncang atau menghempas kamera.
- Mencabut dan menyambung kord kuasa (apabila Kit Penyesuai AC digunakan).
- Jika kad telah mengandungi imej yang direkod, nombor imej mungkin tidak bermula daripada 0001 (hlm.283).
- Jika mesej ralat berkaitan kad dipaparkan pada monitor LCD, keluarkan dan masukkan semula kad. Jika ralat berterusan, gunakan kad lain. Jika anda boleh memindahkan semua imej pada kad ke komputer, pindahkan semua imej dan kemudian lakukan format kad dengan kamera (hlm.65). Kad mungkin akan menjadi normal semula.
- Jangan sentuh bahagian sentuhan kad dengan jari anda atau objek logam. Jangan dedahkan bahagian sentuhan kad kepada habuk atau air. Jika kotoran melekat pada sentuhan, kegagalan sentuhan mungkin berlaku.
- Kad multimedia (MMC) tidak boleh digunakan (ralat kad akan dipaparkan).

# Menggunakan Monitor LCD

Selepas anda menyelak monitor LCD, anda boleh menetapkan fungsi menu, menggunakan penangkapan Pandangan Langsung, merakam filem dan memainkan balik imej dan filem. Anda boleh menukar arah dan sudut monitor LCD.




## 1 Selak monitor LCD.



## 2 Putar monitor LCD.

- Apabila monitor LCD dilipat keluar, anda boleh memutarannya ke atas atau bawah atau melebihi 180° ke arah subjek.
- Sudut yang ditunjukkan hanyalah anggaran.



## 3 Hadapkannya ke arah anda.

- Biasanya, gunakan kamera dengan monitor LCD menghadap ke arah anda.




- Berhati-hati supaya tidak memaksa dan mematahkan engsel apabila memutar monitor LCD.
- Apabila Suis Kawalan Jauh RS-60E3 atau mikrofon luaran disambungkan ke kamera, julat sudut putaran apabila monitor LCD dilipat keluar menjadi terhad.




- Apabila tidak menggunakan kamera, tutup monitor LCD dengan skrin menghadap ke dalam. Ini akan melindungi skrin.
- Semasa penangkapan Pandangan Langsung atau rakaman filem, menghadapkan monitor LCD ke arah subjek akan memaparkan imej cermin pada skrin.



## Menghidupkan Kuasa

Jika anda menghidupkan suis kuasa dan skrin tetapan tarikh/masa/zon muncul, lihat halaman 44 untuk menetapkan tarikh/masa/zon.




- <  > : Kamera dihidupkan. Anda boleh merakam filem (hlm.240).
- <ON> : Kamera dihidupkan. Anda boleh menangkap foto pegun.
- <OFF> : Kamera dimatikan dan tidak beroperasi. Tetapkan pada posisi ini apabila tidak menggunakan kamera.

## Pembersihan Pengesan Automatik

- Bila-bila anda menetapkan suis kuasa kepada <ON> atau <OFF>, pembersihan pengesan akan dilakukan secara automatik. (Bunyi perlahan boleh didengar.) Semasa pembersihan pengesan, monitor LCD akan memaparkan <  >.
- Anda masih boleh menangkap semasa pembersihan pengesan dengan menekan butang pengatup separuh ke bawah (hlm.52) untuk memberhentikan pembersihan dan menangkap gambar.
- Jika anda menetapkan suis kuasa <ON>/<OFF> berulang kali pada selangan masa yang pendek, ikon <  > mungkin tidak dipaparkan. Ini perkara biasa dan bukan kepincangan.


## **MENU** Kuasa Terpadam secara Auto





- Untuk menjimatkan kuasa bateri, kamera akan terpadam secara automatik selepas kira-kira 30 saat tidak beroperasi. Untuk menghidupkan semula kamera, tekan sahaja butang pengatup separuh ke bawah (hlm.52).
- Anda boleh menukar masa kuasa terpadam secara auto dengan [**⚡2: Auto power off (Kuasa terpadam secara auto)**] (hlm.279).

 Jika anda menetapkan suis kuasa kepada <OFF> semasa imej sedang direkod ke kad, [**Recording... (Merekod...)**] akan dipaparkan dan kuasa akan mati selepas kad siap merekod imej.

## Memeriksa Aras Bateri

Apabila suis kuasa dihidupkan, aras bateri akan ditunjukkan dalam salah satu daripada empat aras.



-  : Aras bateri mencukupi.
-  : Aras bateri adalah rendah, tetapi kamera masih boleh digunakan.
-  : Bateri akan habis tidak lama lagi. (Berkelip)
-  : Cas semula bateri.

### Bilangan Tangkapan yang Boleh Diambil (Anggaran bilangan tangkapan)

Suhu	Suhu Bilik (23°C / 73°F)	Suhu Rendah (0°C / 32°F)
Tiada Denyar	550	470
50% Menggunakan Denyar	440	400

- Angka di atas berdasarkan Pek Bateri LP-E17 yang dicas sepenuhnya, tiada penangkapan Pandangan Langsung dan ujian standard CIPA (Camera & Imaging Products Association).
- Tangkapan yang boleh diambil dengan Cengkaman Bateri BG-E18 (dijual berasingan)
  - Dengan LP-E17 x 2: kira-kira dua kali ganda tangkapan tanpa cengkaman bateri.




- Perbuatan berikut akan menyebabkan kehabisan bateri dengan lebih cepat:
  - Menekan butang pengatup separuh ke bawah untuk jangka masa yang lama.
  - Mengaktifkan AF dengan kerap tanpa mengambil gambar.
  - Menggunakan Penstabil Imej lensa.
  - Menggunakan monitor LCD dengan kerap.
- Bilangan tangkapan yang boleh diambil mungkin berkurangan bergantung pada keadaan penangkapan sebenar.
- Operasi lensa dikuasakan oleh bateri kamera. Bergantung pada lensa yang digunakan, kuasa bateri mungkin kehabisan kuasa dengan cepat.
- Untuk bilangan tangkapan yang boleh diambil dengan penangkapan Pandangan Langsung, lihat halaman 209.
- Lihat [**3: Battery info (Maklumat bateri)**] untuk memeriksa keadaan bateri (hlm.376).

## MENU Menetapkan Tarikh, Masa dan Zon

Apabila anda menghidupkan kuasa untuk kali pertama atau jika tarikh/masa/zon ditetapkan semula, skrin tetapan tarikh/masa/zon akan muncul. Ikuti langkah-langkah di bawah untuk menetapkan zon masa dahulu. Tetapkan kamera kepada zon masa tempat tinggal anda sekarang, supaya apabila anda merantau, anda dengan mudah boleh menukar tetapan kepada zon masa yang betul untuk destinasi dan kamera akan melaraskan tarikh/masa secara automatik.


**Sila ambil perhatian bahawa tarikh/masa yang ditambahkan pada imej yang direkod akan berdasarkan tetapan tarikh/masa ini.**

**Pastikan untuk menetapkan tarikh/masa yang betul.**




### 1 Paparkan skrin menu.

- Tekan butang <MENU> untuk memaparkan skrin menu.



### 2 Di bawah tab [F2], pilih [Date/Time/Zone (Tarikh/Masa/Zon)].


- Tekan kekunci <◀> <▶> untuk memilih tab [F2].
- Tekan kekunci <▲> <▼> untuk memilih [Date/Time/Zone (Tarikh/Masa/Zon)], kemudian tekan <SET>.



### 3 Tetapkan zon masa.


- [London] ditetapkan secara lalai.
- Tekan kekunci <◀> <▶> untuk memilih kotak zon masa.
- Tekan <SET> supaya <⏏> dipaparkan.
- Tekan kekunci <▲> <▼> untuk memilih zon masa, kemudian tekan <SET>. (Kembali ke <□>.)

- Prosedur tetapan menu diterangkan pada halaman 60-61.
- Dalam langkah 3, masa yang dipaparkan pada sebelah kanan bahagian atas skrin ialah perbezaan masa berbanding dengan Coordinated Universal Time (UTC). Jika anda tidak melihat zon masa anda, tetapkan zon masa dengan merujuk kepada perbezaan dengan UTC.




## 4 Tetapkan tarikh dan masa.

- Tekan kekunci <◀> <▶> untuk memilih nombor.
- Tekan <SET> supaya <⏸> dipaparkan.
- Tekan kekunci <▲> <▼> untuk menetapkan nombor, kemudian tekan <SET>. (Kembali ke <□>.)



## 5 Tetapkan waktu jimat siang.

- Tetapkan jika perlu.
- Tekan kekunci <◀> <▶> untuk memilih [☀].
- Tekan <SET> supaya <⏸> dipaparkan.
- Tekan kekunci <▲> <▼> untuk memilih [☀], kemudian tekan <SET>.
- Apabila waktu jimat siang ditetapkan kepada [☀], masa yang ditetapkan dalam langkah 4 akan bertambah sebanyak 1 jam. Jika [☀] ditetapkan, masa jimat siang akan dibatalkan dan masa akan undur ke belakang sebanyak 1 jam.



## 6 Keluar dari tetapan.

- Tekan kekunci <◀> <▶> untuk memilih [OK], kemudian tekan <SET>.
- ▶ Tarikh/masa/zon dan waktu jimat siang akan ditetapkan dan menu akan muncul semula.




Tetapan tarikh/masa/zon akan ditetapkan semula dalam keadaan berikut. Jika ini berlaku, tetapkan semula tarikh/masa/zon.

- Apabila kamera disimpan tanpa bateri.
- Apabila bateri kamera habis.
- Apabila kamera terdedah pada suhu bawah beku untuk jangka masa yang lama.




- Tarikh/masa yang ditetapkan akan bermula apabila anda menekan [OK] dalam langkah 6.
- Selepas menukar zon masa, pastikan tarikh dan masa yang betul telah ditetapkan.

## MENU Memilih Bahasa Antara Muka




### 1 Paparkan skrin menu.

- Tekan butang <MENU> untuk memaparkan skrin menu.



### 2 Di bawah tab [F2], pilih [Language] (Bahasa).

- Tekan kekunci <◀> <▶> untuk memilih tab [F2].
- Tekan kekunci <▲> <▼> untuk memilih [Language] (Bahasa), kemudian tekan <SET>.




### 3 Tetapkan bahasa yang diinginkan.

- Tekan kekunci <▲> <▼> untuk memilih bahasa, kemudian tekan <SET>.
- ▶ Bahasa antara muka akan bertukar.

# Memasang dan Menanggalkan Lensa

Kamera ini adalah serasi dengan semua lensa EF dan EF-S Canon.  
Kamera ini tidak boleh digunakan dengan lensa EF-M.


## Memasang Lensa



### 1 Tanggalkan tudung.

- Tanggalkan tudung belakang lensa dan penutup badan dengan memutar tudung tersebut seperti yang ditunjukkan dengan anak panah.


Indeks putih



### 2 Pasangkan lensa.

- Jajarkan indeks merah atau indeks putih dengan indeks kamera yang sama warnanya. Putar lensa seperti yang ditunjukkan dengan anak panah sehingga ia klik pada tempatnya.

Indeks merah



### 3 Tetapkan suis mod fokus lensa kepada <AF>.


- <AF> ialah singkatan untuk autofokus.
- <MF> ialah singkatan untuk fokus manual.

### 4 Tanggalkan tudung hadapan lensa.

#### Mengurangkan Debu

- Apabila menukar lensa, lakukannya dengan cepat di tempat yang kurang debu.
- Apabila menyimpan kamera tanpa lensa terpasang, pastikan penutup badan dipasang pada kamera.
- Buangkan debu pada penutup badan sebelum memasangkannya.


## Mengezum



Putar gelang zum pada lensa dengan jari anda.

- Jika anda ingin mengezum, lakukan sebelum memfokus. Memutar gelang zum selepas mencapai fokus mungkin menukar fokus.

## Menanggalkan Lensa



Semasa menekan butang pelepasan lensa, putar lensa seperti yang ditunjukkan dengan anak panah.

- Putar lensa sehingga ia berhenti, kemudian tanggalkannya.
- Pasangkan tudung belakang lensa pada lensa yang telah ditanggalkan.

- Kepada pemilik lensa **EF-S18-135mm f/3.5-5.6 IS STM** atau lensa **EF-S18-200mm f/3.5-5.6 IS**:

Anda boleh mengelakkan lensa daripada memanjang keluar semasa anda sedang membawanya. Tetapkan gelang zum ke hujung sudut lebar 18mm, kemudian tolak tuas kunci gelang zum ke <LOCK>. Gelang zum boleh dikunci hanya pada hujung sudut lebar.

- ⚠ Jangan lihat matahari secara langsung melalui sebarang lensa. Perbuatan itu boleh menyebabkan kehilangan penglihatan.
- Apabila memasang atau menanggalkan lensa, tetapkan suis kuasa kamera kepada <OFF>.
- Jika bahagian depan (gelang fokus) lensa berputar semasa autofocus, jangan sentuh bahagian yang berputar.
- Jika anda membeli kit lensa dengan lensa **EF-S18-135mm f/3.5-5.6 IS STM**, lensa **EF-S18-55mm f/3.5-5.6 IS STM** atau lensa **EF-S55-250mm f/4-5.6 IS STM**, lihat “Peringatan Pengendalian” pada halaman 419.



## Sudut Pandangan

Memandangkan saiz pengesan imej lebih kecil daripada format filem 35mm, sudut pandangan lensa yang terpasang akan bersamaan dengan sudut pandangan lensa yang panjang fokusnya kira-kira 1.6x panjang fokus yang ditunjukkan.




Saiz pengesan imej (Anggaran) (22.3 x 14.9 mm / 0.88 x 0.59 inci)  
Saiz imej 35mm (36 x 24 mm / 1.42 x 0.94 inci)

## Memasang Tudung Lensa

Tudung lensa boleh menghalang cahaya yang tidak diinginkan dan mengelakkan hujan, salji, debu dll melekap pada hadapan lensa. Apabila menyimpan lensa di dalam beg, dll, anda juga boleh memasang tudung secara terbalik.


- Jika tidak terdapat tanda indeks pada lensa dan tudung:




### Pasangkan tudung lensa.

- Putar tudung seperti yang ditunjukkan anak panah untuk memasang dengan kemas.

- Jika terdapat tanda indeks pada lensa dan tudung:



- 1 Jajarkan titik merah pada tudung dan tepi lensa, kemudian putarkan tudung seperti yang ditunjukkan dengan anak panah.



- 2 Putar tudung seperti yang ditunjukkan dalam ilustrasi.

- Putar tudung mengikut arah jam sehingga ia terpasang dengan kemas.




- Jika anda tidak memasang tudung dengan kemas, ia mungkin menghalang persisian imej, membuatkan imej kelihatan gelap.
- Apabila memasang atau mengeluarkan tudung, cengkam kuat dasar tudung apabila memutarnya. Mencengkam kuat tepi tudung apabila memutarnya mungkin mencatitkan tudung, menyebabkan kegagalan untuk memutar.
- Tanggalkan tudung apabila menggunakan denyar terbina dalam kamera. Jika tidak, tudung tersebut akan menghalang sebahagian denyar.

## Penstabil Imej Lensa

Apabila anda menggunakan Penstabil Imej terbina dalam lensa IS, goncangan kamera dibetulkan untuk mendapatkan tangkapan yang lebih tajam. Prosedur yang diterangkan di sini berdasarkan lensa EF-S18-135mm f/3.5-5.6 IS STM sebagai contoh.

\* IS ialah singkatan untuk Penstabil Imej.



### 1 Tetapkan suis IS kepada <ON>.

- Tetapkan juga suis kuasa kamera kepada <ON>.

### 2 Tekan butang pengatup separuh ke bawah.

- ▶ Penstabil Imej akan beroperasi.

### 3 Ambil gambar.


- Apabila gambar kelihatan tidak bergoyang dalam pemidang tilik, tekan butang pengatup sepenuhnya untuk mengambil gambar.

- Penstabil Imej tidak akan berkesan jika subjek bergerak ketika pendedahan.
- Untuk pendedahan mentol, tetapkan suis IS ke <OFF>. Jika <ON> ditetapkan, kesalahan operasi Penstabil Imej mungkin berlaku.
- Penstabil Imej mungkin tidak berkesan untuk goncangan berlebihan seperti dalam perahu yang bergoyang.

- Penstabil Imej boleh beroperasi dengan suis mod fokus lensa ditetapkan sama ada kepada <AF> atau <MF>.
- Apabila menggunakan tripod, anda masih boleh menangkap dengan suis IS ditetapkan kepada <ON> tanpa masalah. Walau bagaimanapun, untuk menjimatkan kuasa bateri, anda disarankan supaya menetapkan suis IS kepada <OFF>.
- Penstabil Imej berkesan walaupun apabila kamera dicagakkan pada monopod.
- Dengan lensa EF-S18-135mm f/3.5-5.6 IS STM, lensa EF-S18-55mm f/3.5-5.6 IS STM, lensa EF-S55-250mm f/4-5.6 IS STM atau lensa EF-S18-200mm f/3.5-5.6 IS, mod Penstabil Imej mungkin bertukar secara automatik supaya sesuai dengan keadaan penangkapan.

# Operasi Asas

## Melaraskan Kejelasan Pemandang Tilik



### Putar tombol pelarasan dioptrik.


- Putar tombol ke kiri atau ke kanan supaya titik AF dalam pemandangan tilik kelihatan tajam.



Jika pelarasan dioptrik kamera masih tidak boleh memberikan imej pemandangan tilik yang tajam, anda disarankan supaya menggunakan Lensa Pelarasan Dioptrik siri E (dijual berasingan).

## Memegang Kamera

Untuk mendapatkan imej yang tajam, pegang kamera secara pegun untuk meminimumkan goncangan kamera.



Tangkapan mendatar

Tangkapan menegak


1. Pegang kemas cengkaman kamera dengan tangan kanan anda.
2. Pegang bahagian bawah lensa dengan tangan kiri anda.
3. Letakkan perlahan jari telunjuk tangan kanan anda pada butang pengatup.
4. Tekan sedikit lengan dan siku anda pada bahagian depan badan anda.
5. Untuk mengekalkan cara berdiri yang stabil, letakkan satu kaki di hadapan kaki lain.
6. Lepapkan kamera pada muka anda dan lihat melalui pemandangan tilik.



Untuk menangkap semasa melihat monitor LCD, lihat halaman 207.


## Butang Pengatup

Butang pengatup mempunyai dua langkah. Anda boleh menekan butang pengatup separuh ke bawah. Kemudian anda boleh menekan butang pengatup sepenuhnya.



### Menekan Separuh ke Bawah

Ini mengaktifkan sistem autofokus dan pendedahan automatik yang menetapkan kelajuan pengatup dan aperture. Tetap pendedahan (kelajuan pengatup dan aperture) dipaparkan dalam pemidang tilik dan pada panel LCD (4).



### Menekan Sepenuhnya

Ini melepaskan pengatup dan mengambil gambar.

## Mengelakkan Goncangan Kamera


Pergerakan kamera pegangan tangan semasa waktu pendedahan dipanggil goncangan kamera. Ia boleh menyebabkan gambar kabur. Untuk mengelakkan goncangan kamera, ambil perhatian yang berikut:

- Pegang dan stabilkan kamera seperti yang ditunjukkan pada halaman sebelumnya.
- Tekan butang pengatup separuh ke bawah untuk autofokus, kemudian tekan butang pengatup sepenuhnya secara perlahan.



- Jika anda menekan butang pengatup sepenuhnya tanpa menekannya separuh ke bawah dahulu, atau jika anda menekan butang pengatup separuh ke bawah dan kemudian tekannya sepenuh serta-merta, kamera akan mengambil sedikit masa sebelum ia mengambil gambar.
- Walaupun semasa paparan menu, main balik imej atau merekod imej, anda boleh kembali secara serta-merta kepada keadaan sedia menangkap dengan menekan butang pengatup separuh ke bawah.

## Dail Mod




**Putar dail sambil menekan butang pelepasan kunci pada tengah dail.**

Gunakannya untuk menetapkan mod penangkapan.




## Dail Utama



**(1) Selepas menekan butang, putar dail <img alt="Main Dial icon" data-bbox="315 378 365 398"/>.**

Selepas menekan butang seperti <ISO> <▲ WB> <▼ [ISO icon]> <◀ [ISO icon]> <▶ AF>, putar dail <img alt="Main Dial icon" data-bbox="315 378 365 398"/> untuk menukar tetapan. Bagi butang <ISO>, fungsi kekal terpilih selama 6 saat (⌚) selepas menekan butang. Apabila pemilihan fungsi berakhir atau jika anda menekan butang pengatup separuh ke bawah, kamera akan bersedia untuk menangkap.

- Gunakan dail ini untuk memilih atau menetapkan kelajuan ISO, white balance, Gaya Gambar, mod pemacu, operasi AF, titik AF, dll.



**(2) Putar dail <img alt="Main Dial icon" data-bbox="315 732 365 752"/> sahaja.**


Semasa melihat pemandang tilik atau panel LCD, putar dail <img alt="Main Dial icon" data-bbox="315 732 365 752"/> untuk menukar tetapan.

- Gunakan dail ini untuk menetapkan kelajuan pengatup, apertur, dll.





Operasi dalam (1) boleh dilakukan walaupun semasa suis <LOCK▶> ditetapkan ke kanan (Kunci berbilang fungsi, hlm.55, 371).


## Dail Kawalan Cepat



### (1) Selepas menekan butang, putar dail <☀>.

Selepas menekan butang seperti <ISO> <▲ WB> <▼  > <◀  > <▶ AF>, putar dail <☀> untuk menukar tetapan. Bagi butang <ISO>, fungsi kekal terpilih selama 6 saat (⌚) selepas menekan butang. Apabila pemilihan fungsi berakhir atau jika anda menekan butang pengatup separuh ke bawah, kamera akan bersedia untuk menangkap.


- Gunakan dail ini untuk memilih atau menetapkan kelajuan ISO, white balance, Gaya Gambar, mod pemacu, operasi AF, titik AF, dll.



### (2) Putar dail <☀> sahaja.


Semasa melihat pemidang tilik atau panel LCD, putar dail <☀> untuk menukar tetapan.

- Gunakan dail ini untuk menetapkan jumlah pampasan pendedahan, tetapan apertur untuk pendedahan manual, dll.




### (3) Selepas menekan butang, tekan kekunci <▲>, <▼>, <◀> atau <▶>.

Selepas menekan butang <MENU> atau <Q>, tekan kekunci <▲> <▼> atau <◀> <▶> untuk menetapkan menu atau fungsi Kawalan Cepat.

 Operasi dalam (1) dan (3) boleh dilakukan walaupun semasa suis <LOCK> ditetapkan ke kanan (Kunci berbilang fungsi, hlm.55, 371).

## LOCK ► Kunci Berbilang Fungsi

Dengan menetapkan [13: Multi function lock (Kunci berbilang fungsi)] di bawah [4: Custom Functions (Fungsi Tersuai) (C.Fn)] (hlm.371) dan menggerakkan suis <LOCK ►> ke kanan, anda boleh menghalang Dail Utama dan Dail Kawalan Cepat daripada bergerak dan menukar tetapan secara tidak sengaja.



Suis <LOCK ►> ditetapkan ke kiri:

Kunci dilepaskan


Suis <LOCK ►> ditetapkan ke kanan:

Kunci terpasang



Jika suis <LOCK ►> ditetapkan ke kanan dan anda cuba menggunakan salah satu daripada kawalan kamera yang telah dikunci, <L> akan dipaparkan pada pemedang tilik dan panel LCD. Pada paparan tetapan penangkapan (hlm.56), [LOCK (KUNCI)] akan dipaparkan.

## ☀️ Pencahayaan Panel LCD



Hidupkan (☀️) atau matikan pencahayaan panel LCD dengan menekan butang <☀️>. Semasa pendedahan mentol, menekan butang pengatup sepenuhnya akan mematikan pencahayaan panel LCD.



## Memaparkan Tetapan Fungsi Penangkapan

Selepas anda menekan butang <INFO.> beberapa kali, tetapan fungsi penangkapan akan dipaparkan.

Dengan tetapan fungsi penangkapan dipaparkan, anda boleh putar Dial Mod untuk melihat tetapan bagi setiap mod penangkapan.


Menekan butang <Q> membolehkan Kawalan Cepat tetapan fungsi penangkapan (hlm.57).

Tekan butang <INFO.> sekali lagi untuk mematikan paparan.




## Q Kawalan Cepat untuk Fungsi Penangkapan

Anda boleh terus memilih dan menetapkan fungsi penangkapan yang dipaparkan pada monitor LCD. Ini dipanggil Kawalan Cepat.



### 1 Tekan butang <Q> (10).


- ▶ Skrin Kawalan Cepat akan muncul.




### 2 Tetapkan fungsi yang diinginkan.

- Tekan kekunci <▲> <▼> atau <◀> <▶> untuk memilih fungsi.
- ▶ Fungsi yang dipilih dan panduan Ciri (hlm.73) akan muncul.
- Putar dail <☀> atau <⊙> untuk menukar tetapan.

#### Mod Zon Asas



#### Mod Zon Kreatif




### 3 Ambil gambar.

- Tekan butang pengatup sepenuhnya untuk mengambil gambar.
- ▶ Imej yang ditangkap akan dipaparkan.




- Untuk fungsi yang boleh ditetapkan dalam mod Zon Asas dan prosedur tetapan, lihat halaman 99.
- Dalam langkah 1 dan 2, anda juga boleh menggunakan skrin sentuhan monitor LCD (hlm.62).

## Sampel Skrin Kawalan Cepat




\* Fungsi yang ditanda dengan asterisk tidak boleh ditetapkan dengan skrin Kawalan Cepat.

## Skrin Tetapan Fungsi




↓ <SET>



- Pilih fungsi yang diinginkan dan tekan <SET>. Skrin tetapan fungsi akan muncul.
- Putar dail <☀️> atau dail <🕒> atau tekan kekunci <◀> <▶> untuk menukar tetapan. Terdapat juga fungsi lain yang ditetapkan dengan menekan butang <INFO.>, <📷> atau <🗑️>.
- Tekan <SET> untuk memuktamadkan tetapan dan kembali ke skrin Kawalan Cepat.
- Apabila anda memilih <📷> (hlm.116) dan menekan butang <MENU>, skrin sebelumnya akan muncul semula.

## MENU Operasi Menu


Anda boleh menetapkan pelbagai tetapan dengan menu seperti kualiti rakaman imej, tarikh dan masa, dll.




### Skrin Menu

Tab menu dan item yang dipaparkan adalah berbeza bergantung pada mod penangkapan.


#### Mod Zon Asas




#### Rakaman filem



#### Mod Zon Kreatif



## Prosedur Tetapan Menu




### 1 Paparkan skrin menu.

- Tekan butang <MENU> untuk memaparkan skrin menu.


### 2 Pilih tab.

- Tekan kekunci Dail Kawalan Cepat <◀> <▶> untuk memilih tab (kumpulan fungsi).
- Contohnya, dalam manual ini “tab [📷3]” merujuk kepada paparan skrin apabila tab 📷 (Penangkapan) ketiga dari kiri [📷<sup>1</sup>] dipilih.




### 3 Pilih item yang diinginkan.

- Tekan kekunci Dail Kawalan Cepat <▲> <▼> untuk memilih item, kemudian tekan <Ⓢ>.



### 4 Pilih tetapan.

- Tekan kekunci Dail Kawalan Cepat <▲> <▼> atau <◀> <▶> untuk memilih tetapan yang diinginkan. (Sesetengah tetapan memerlukan anda menekan sama ada kekunci <▲> <▼> atau <◀> <▶> untuk memilih tetapan tersebut.)
- Tetapan semasa ditunjukkan dalam biru.



### 5 Tetapkan tetapan yang diinginkan.

- Tekan <Ⓢ> untuk menentukannya.

### 6 Keluar dari tetapan.


- Tekan butang <MENU> untuk kembali ke paparan tetapan fungsi penangkapan.




- Dalam langkah 2, anda juga boleh memutar dail <☀> untuk memilih tab menu. Dalam langkah 4, anda juga boleh memutar dail <⦿> untuk memilih tetapan tertentu.
- Dalam langkah 2 hingga 5, anda juga boleh menggunakan skrin sentuh monitor LCD (hlm.62).
- Penerangan fungsi menu berikut mengandaikan anda telah menekan butang <MENU> untuk memaparkan skrin menu.
- Untuk membatalkan, tekan butang <MENU>.
- Untuk maklumat lanjut tentang setiap item menu, lihat halaman 390.

## Item Menu Malam

Contohnya: Apabila [**Multi Shot Noise Reduction (Pengurangan Hingar Berbilang Tangkapan)**] ditetapkan



Item menu yang malam tidak dapat ditetapkan. Item menu akan dimalapkan jika tetapan yang lain mengatasinya.



Anda boleh melihat fungsi yang mengatasinya dengan memilih item menu yang malam dan menekan <SET>. Jika anda membatalkan tetapan yang mengatasi fungsi, item menu yang malam akan boleh ditetapkan.



Sesetengah item menu yang malam tidak akan menunjukkan fungsi yang mengatasinya.




Dengan [**Clear all camera settings (Hapus semua tetapan kamera)**] di bawah [**4: Clear settings (Hapus tetapan)**], anda boleh menetapkan semula fungsi menu kepada tetapan lalai (hlm.288).

## Menggunakan Skrin Sentuh


Monitor LCD ialah panel sensitif sentuhan yang anda boleh kendalikan dengan jari anda.

### Mengetik

#### Kawalan Cepat (Paparan sampel)



- Guna jari anda untuk mengetik (sentuh sedikit dan alihkan jari anda dari) monitor LCD.
- Dengan mengetik, anda boleh memilih menu, ikon, dll yang dipaparkan pada monitor LCD.
- Apabila operasi skrin sentuh boleh dilakukan, satu bingkai akan muncul di sekeliling ikon (kecuali pada skrin menu). Contohnya, apabila anda mengetik [**Q**], skrin Kawalan Cepat akan muncul. Dengan mengetik [**↶**], anda boleh kembali ke skrin sebelumnya.




#### Operasi dibolehkan dengan dengan mengetik skrin

- Menetapkan fungsi menu selepas menekan butang <MENU>
- Quick Control (Kawalan Cepat)
- Menetapkan fungsi selepas menekan butang <[Q]>, <ISO>, <[WB]>, <▲ WB>, <▼ [WB]>, <[AF]> atau <▶ AF>
- Pengatup sentuh semasa penangkapan Pandangan Langsung
- Menetapkan fungsi semasa penangkapan Pandangan Langsung
- Menetapkan fungsi semasa rakaman filem
- Operasi main balik


## Menyeret

### Skrin menu (Paparans sampel)



- Luncurkan jari anda semasa menyentuh monitor LCD.


### Paparans skala (Paparans sampel)



### Operasi yang boleh dilakukan dengan menyeret jari anda pada skrin


- Memilih tab menu atau item selepas menekan butang <MENU>
- Menetapkan kawalan skala
- Quick Control (Kawalan Cepat)
- Menetapkan fungsi semasa penangkapan Pandangan Langsung
- Menetapkan fungsi semasa rakaman filem
- Operasi main balik

## **MENU** Menyenyapkan bunyi Bip semasa Operasi Sentuh




Jika [**📷 1: Beep (Bip)**] ditetapkan kepada [**Touch to 🔊 (Sentuh untuk 🔊)**], bip tidak akan berbunyi semasa operasi sentuh.

## MENU Tetapan Kawalan Sentuh



### 1 Pilih [Touch control (Kawalan Sentuh)].

- Di bawah tab [**3**], pilih [**Touch control (Kawalan Sentuh)**], kemudian tekan <SET>.



### 2 Tetapkan tetapan kawalan sentuh.

- Pilih tetapan yang diinginkan, kemudian tekan <SET>.
- [**Standard**] ialah tetapan normal.
- [**Sensitive (Sensitif)**] memberikan respons sentuhan yang lebih baik berbanding dengan [**Standard**]. Cuba gunakan kedua-dua tetapan dan pilih yang anda lebih suka.
- Untuk melumpuhkan operasi skrin sentuh, pilih [**Disable (Lumpuhkan)**].


## Peringatan untuk Operasi Skrin Sentuh

- Memandangkan monitor LCD tidak sensitif terhadap tekanan, jangan gunakan objek tajam, seperti kuku jari anda atau pen mata bulat untuk operasi sentuh.
- Jangan gunakan jari yang basah untuk operasi skrin sentuh.
- Jika monitor LCD terdapat sebarang lembapan atau jari anda basah, skrin sentuh mungkin tidak memberi respons atau kesalahan operasi mungkin berlaku. Dalam keadaan sedemikian, matikan kuasa dan kesat monitor LCD dengan sehelai kain.
- Jangan lekatkan apa-apa lapisan perlindungan (boleh didapati secara komersil) atau pelekat pada monitor LCD. Ia mungkin membuatkan respons operasi sentuh menjadi perlahan.
- Jika anda lakukan operasi sentuh dengan cepat apabila [**Sensitive (Sensitif)**] ditetapkan, respons sentuh mungkin lebih perlahan.

## MENU Memformat Kad


Jika kad ini adalah baharu atau telah diformat oleh kamera atau komputer yang lain, format kad dengan kamera ini.

⚠ **Apabila kad diformat, semua imej dan data pada kad akan dipadam. Imej terlindung juga akan dipadam, jadi pastikan tiada apa yang anda perlu simpan. Jika perlu, pindahkan imej dan data ke komputer dll sebelum memformat kad.**




### 1 Pilih [Format card (Format kad)].

- Di bawah tab [1], pilih [Format card (Format kad)], kemudian tekan <SET>.



### 2 Format kad.

- Pilih [OK], kemudian tekan <SET>.
- ▶ Kad akan diformat.
- ▶ Apabila pemformatan kad siap, menu akan muncul semula.



- Untuk pemformatan aras rendah, tekan butang <[checkmark]> untuk menambah [Low level format (Format aras rendah)] dengan tanda semak <✓>, kemudian pilih [OK].



## Laksanakan [Format card (Format kad)] dalam keadaan berikut:

- Kad adalah baharu.
- Kad telah diformat oleh kamera lain atau komputer.
- Kad telah penuh dengan imej atau data.
- Ralat berkaitan kad dipaparkan (hlm.418).

### Pemformatan Aras Rendah

- Lakukan pemformatan aras rendah jika kelajuan rakaman atau bacaan kad kelihatan perlahan atau jika anda ingin memadamkan semua data pada kad.
- Memandangkan pemformatan aras rendah akan memformat semua sektor yang boleh direkod pada kad, pemformatan akan mengambil masa sedikit lama berbanding dengan pemformatan biasa.
- Anda boleh menghentikan pemformatan aras rendah dengan memilih [**Cancel (Batal)**]. Walaupun dalam keadaan ini, pemformatan biasa akan diselesaikan dan anda boleh menggunakan kad seperti biasa.



- Apabila kad diformat atau data dipadamkan, hanya maklumat pengurusan fail ditukar. Data sebenar tidak dipadam sepenuhnya. Ketahuilah perkara ini apabila menjual atau membuang kad. Apabila membuang kad, laksanakan pemformatan aras rendah atau musnahkan kad secara fizikal untuk mengelakkan data peribadi terbocor.
- **Sebelum menggunakan kad Eye-Fi yang baharu, perisian pada kad hendaklah dipasang pada komputer anda. Kemudian format kad dengan kamera.**




- Kapasiti kad yang dipaparkan pada skrin format kad mungkin lebih kecil daripada kapasiti yang ditunjukkan pada kad.
- Peranti ini menggabungkan teknologi exFAT yang dilesenkan dari Microsoft.

# Menukar Paparan Monitor LCD


Monitor LCD boleh memaparkan skrin tetapan penangkapan, skrin menu, imej yang ditangkap, dll.

## Tetapan Penangkapan



- Apabila anda menghidupkan kuasa, tetapan penangkapan akan dipaparkan.
- Apabila mata anda berada berhampiran dengan kanta mata pemidang tilik, pengesanan paparan mati (hlm.27, 293) akan mematikan monitor LCD untuk mengelakkan silau. Apabila mata anda menjauhi kanta mata pemidang tilik, monitor LCD akan dihidupkan semula.
- Dengan menekan butang <INFO.>, anda boleh menukar skrin monitor LCD seperti yang berikut: Paparkan skrin tetapan kamera, paparkan aras elektronik, paparkan skrin tetapan penangkapan atau matikan skrin monitor LCD (hlm.374).

## Fungsi Menu



- Muncul apabila anda menekan butang <MENU>. Tekan butang sekali lagi untuk kembali ke skrin tetapan penangkapan.

## Imej yang Ditangkap



- Muncul apabila anda menekan butang <▶>. Tekan butang sekali lagi untuk kembali ke skrin tetapan penangkapan.




- Di bawah [**▼2: LCD auto off (LCD terpadam secara auto)**], anda boleh menghalang monitor LCD daripada terpadam secara automatik (hlm.293).
- Walaupun apabila skrin menu atau imej yang ditangkap dipaparkan, menekan butang pengatup membolehkan anda menangkap dengan segera.



- Jika anda melihat melalui kanta mata pemedang tilik sambil memakai kaca mata hitam, monitor LCD mungkin tidak terpadam secara automatik. Jika ini berlaku, tekan butang <INFO.> untuk mematikan monitor LCD.
- Pencahayaan lampu pendarfluor yang berdekatan mungkin menyebabkan monitor LCD mati. Jika ini berlaku, jauhkan kamera dari pencahayaan lampu pendarfluor.


# ⦿ Memaparkan Grid

Anda boleh memaparkan grid dalam pemidang tilik untuk membantu anda memeriksa condong kamera atau mengubah tangkapan.




## 1 Pilih [Viewfinder display (Paparans pemidang tilik)].

- Di bawah tab [F2], pilih [Viewfinder display (Paparans pemidang tilik)], kemudian tekan <SET>.




## 2 Pilih [Grid display (Paparans grid)].

- Pilih [Grid display (Paparans grid)], kemudian tekan <SET>.



## 3 Pilih [Show (Paparans)].

- Pilih [Show (Paparans)], kemudian tekan <SET>.
- ▶ Apabila anda keluar dari menu, grid akan muncul dalam pemidang tilik.




Anda boleh memaparkan grid pada monitor LCD semasa penangkapan Pandangan Langsung dan sebelum anda mula merakam filem (hlm.220, 271).


## Memaparkan Aras Elektronik



Anda boleh memaparkan aras elektronik pada monitor LCD dan dalam pemidang tilik untuk membantu anda membetulkan condong kamera. Ambil perhatian bahawa anda boleh memeriksa hanya condong mendatar dan bukan condong hadapan/belakang.

### Memaparkan Aras Elektronik pada Monitor LCD




#### 1 Tekan butang <INFO.>.

- Setiap kali anda menekan butang <INFO.>, paparan skrin akan bertukar.
- Memaparkan aras elektronik.
- Jika aras elektronik tidak muncul, tetapkan [  3: **INFO** button display options (Pilihan paparan butang **INFO**. ) ] supaya aras elektronik boleh dipaparkan (hlm.374).





Aras mendatar



#### 2 Periksa condong kamera.


- Condong mendatar dipaparkan dalam kenaikan 1°. Skala condong ditandakan dalam kenaikan 5°.
- Apabila garisan merah bertukar hijau, ini menunjukkan condong hampir dibetulkan.

- Walaupun apabila condong dibetulkan, mungkin terdapat jidar selisih kira-kira  $\pm 1^\circ$ .
- Jika kamera sangat condong, jidar selisih aras elektronik akan menjadi lebih besar.

 Ketika penangkapan Pandangan Langsung dan sebelum rakaman filem (kecuali dengan  + Pengesanan), anda juga boleh memaparkan aras elektronik seperti yang diterangkan di atas (hlm.211, 246).


## MENU Memaparkan Aras Elektronik dalam Pemandang Tilik

Aras elektronik mudah yang menggunakan ikon kamera boleh dipaparkan dalam pemandang tilik. Memandangkan ini boleh dipaparkan semasa anda menangkap, anda boleh memperbetulkan sebarang condong semasa penangkapan pegangan.




### 1 Pilih [Viewfinder display (Paparans pemandang tilik)].

- Di bawah tab [F2], pilih [Viewfinder display (Paparans pemandang tilik)], kemudian tekan <SET>.




### 2 Pilih [Electronic level (Aras elektronik)].

- Pilih [Electronic level (Aras elektronik)], kemudian tekan <SET>.



### 3 Pilih [Show (Paparans)].

- Pilih [Show (Paparans)], kemudian tekan <SET>.



Aras elektronik

### 4 Tekan butang pengatup separuh ke bawah.

- ▶ Aras elektronik akan muncul seperti yang ditunjukkan dalam ilustrasi.


- Mendatar
- Condong 1°
- Condong 2° atau lebih tinggi

- Ia juga boleh berfungsi dengan penangkapan menegak.

Walaupun apabila condong dibetulkan, mungkin terdapat jidar selisih  $\pm 1^\circ$ .


# Memaparkan Pengesanan Kelipan ☆

Jika anda menetapkan fungsi ini, < **Flicker!** > akan muncul dalam pemidang tilik apabila kamera mengesan kelipan yang disebabkan oleh kelipan sumber cahaya. Dalam tetapan lalai, pengesanan kelipan ditetapkan kepada **[Show (Paparkan)]**.




## 1 Pilih [Viewfinder display (Paparan pemidang tilik)].

- Di bawah tab [**2**], pilih [**Viewfinder display (Paparan pemidang tilik)**], kemudian tekan < **SET** >.




## 2 Pilih [Flicker detection (Pengesanan kelipan)].

- Pilih [**Flicker detection (Pengesanan kelipan)**], kemudian tekan < **SET** >.



## 3 Pilih [Show (Paparkan)].



- Pilih [**Show (Paparkan)**], kemudian tekan < **SET** >.

 Jika anda menetapkan [**3: Anti-flicker shoot. (Penangkapan anti kelip)**] untuk [**Enable (Aktif)**], anda boleh menangkap dengan kurang ketidakrataan pendedahan yang disebabkan oleh kelipan (hlm.156).


# Panduan Ciri

Panduan Ciri muncul apabila anda menukar mod penangkapan atau menetapkan fungsi penangkapan, penangkapan Pandangan Langsung, rakaman filem atau Kawalan Cepat untuk main balik, dan memaparkan penerangan ringkas mod, fungsi atau pilihan tersebut. Ia juga memaparkan penerangan apabila anda memilih suatu fungsi atau pilihan pada skrin Kawalan Cepat. Panduan Ciri mati apabila anda mengetik pada penerangan atau meneruskan operasi.

- **Mod penangkapan (Sampel)**



- **Kawalan Cepat (Sampel)**



Tetapan penangkapan




Penangkapan Pandangan Langsung



Main balik

## MENU Melumpuhkan Panduan Ciri



### Pilih [Feature guide (Panduan Ciri)].

- Di bawah tab [**F3**], pilih [**Feature guide (Panduan Ciri)**], kemudian tekan <SET>.
- Pilih [**Disable (Lumpuhkan)**], kemudian tekan <SET>.





# 2

## Penangkapan Asas dan Main Balik Imej

Bab ini menerangkan cara menggunakan mod Zon Asas pada Dail Mod untuk hasil terbaik dan cara memainkan balik imej.

Dengan mod Zon Asas, anda hanya perlu menghala dan menangkap sementara kamera menetapkan semuanya secara automatik (hlm.99, 382). Di samping itu, untuk mengelakkan gambar buruk disebabkan oleh operasi yang silap, tetapan fungsi penangkapan lanjut tidak boleh ditukar.



 Jika anda menetapkan Dail Mod kepada <SCN> apabila monitor LCD mati, tekan butang <Q> untuk menyemak mod penangkapan sebelum menangkap (hlm.90).

# **[A<sup>+</sup>]** Penangkapan Sepenuh Automatik (Latar Auto Pintar)


<[A<sup>+</sup>] > ialah mod sepenuh automatik. Kamera menganalisis pemandangan dan menetapkan tetapan optimum secara automatik. Kamera juga melaraskan fokus secara automatik dengan mengesan sama ada subjek pegun atau bergerak (hlm.79).



## 1 **Tetapkan Dail Mod kepada <[A<sup>+</sup>] >.**


- Putar Dail Mod sambil menahan butang pelepasan kunci pada bahagian tengah.

Bingkai AF




## 2 **Sasarkan bingkai AF Kawasan pada subjek.**

- Semua titik AF akan digunakan untuk fokus dan kamera akan memfokus pada objek yang paling dekat.
- Menyasarkan pusat bingkai AF Kawasan pada subjek akan memudahkan pemfokusan.



## 3 **Fokus pada subjek.**

- Tekan butang pengatup separuh ke bawah. Gelang fokus lensa akan berputar untuk memfokus.
- ▶ Titik AF yang mencapai fokus akan dipaparkan. Pada masa yang sama, beeper akan berbunyi dan penunjuk fokus <●> dalam pemidang tilik akan menyala.
- ▶ Dalam cahaya malam, titik AF akan menyala merah sebentar.
- ▶ Jika perlu, denyar terbina dalam akan dinaikkan secara automatik.



Penunjuk fokus



## 4 Ambil gambar.

- Tekan butang pengatup sepenuhnya untuk mengambil gambar.
- ▶ Imej yang ditangkap akan dipaparkan selama 2 saat pada monitor LCD.
- Selepas anda selesai menangkanp, tekan denyar terbina dalam ke bawah dengan jari anda.



Mod < **A+** > menjadikan warna kelihatan lebih mengagumkan dalam pemandangan semula jadi, luar dan matahari terbenam. Jika anda tidak mendapatkan ton warna yang diinginkan, tukar mod kepada mod Zon Kreatif dan pilih Gaya Gambar selain daripada < **SCN** >, kemudian tangkap semula (hlm.137).



## SOALAN-SOALAN LAZIM

- **Penunjuk fokus < ● > berkelip dan fokus tidak dicapai.**  
Sasarkan bingkai AF Kawasan pada kawasan dengan kontras yang baik, kemudian tekan butang pengatup separuh ke bawah (hlm.52). Jika anda terlalu dekat dengan subjek, jauhkan diri dan cuba semula.
- **Apabila fokus dicapai, titik AF tidak akan menyala merah.**  
Titik AF menyala merah hanya apabila fokus dicapai dalam keadaan cahaya malap.
- **Berbilang titik AF menyala secara serentak.**  
Fokus telah dicapai pada semua titik tersebut. Anda boleh mengambil gambar selagi titik AF yang meliputi subjek sedang menyala.

- **Beeper terus berbunyi dengan perlahan. (Penunjuk fokus <●> tidak menyala.)**

Ini menunjukkan kamera memfokus secara berterusan pada subjek yang bergerak. (Penunjuk fokus <●> tidak menyala.) Anda boleh mengambil gambar tajam bagi subjek yang bergerak.

Ambil perhatian bahawa kunci fokus (hlm.79) tidak akan berfungsi dalam keadaan ini.

- **Menekan butang pengatup separuh ke bawah tidak memfokus pada subjek.**

Jika suis mod fokus pada lensa ditetapkan ke <MF> (fokus manual), tetapkannya ke <AF> (autofokus).

- **Denyar menyala walaupun siang hari.**

Untuk subjek cahaya belakang, denyar mungkin menyala untuk membantu mencerahkan kawasan gelap subjek. Jika anda tidak ingin denyar mencetus, gunakan Kawalan Cepat untuk menetapkan [Flash firing (Nyalaan denyar)] kepada [☺] (hlm.98) atau tetapkan mod <☒> (Denyar Mati) dan tangkap (hlm.81).

- **Denyar menyala dan gambar yang terhasil terlalu terang.**

Jauhi subjek dan tangkap. Apabila menangkap fotografi denyar, jika subjek terlalu dekat dengan kamera, gambar terhasil mungkin terlalu terang (pendedahan berlebihan).

- **Dalam cahaya malap, denyar terbina dalam menyala beberapa kelipan denyar.**

Menekan butang pengatup separuh ke bawah mungkin mengakibatkan denyar terbina dalam menyala beberapa kelipan denyar untuk membantu autofokus. Ini dipanggil sinar bantu AF. Julat berkesannya sejauh kira-kira 4 meter/13.1 kaki. Denyar terbina dalam akan berbunyi apabila bernyala berterusan. Ini perkara biasa dan bukan kepincangan.

- **Apabila denyar digunakan, bahagian bawah gambar yang terhasil menjadi gelap secara tidak normal.**

Bayang corong lensa ditangkap dalam gambar kerana subjek terlalu dekat dengan kamera. Jauhi subjek dan tangkap. Jika tudung terpasang pada lensa, tanggalkannya sebelum mengambil gambar denyar.

## **[A<sup>+</sup> Teknik Auto Penuh (Latar Auto Pintar)**

### **Menggubah Semula Tangkapan**



Bergantung pada pemandangan, letakkan subjek ke arah kiri atau kanan untuk menghasilkan latar belakang yang seimbang dan perspektif yang baik. Dalam mod <[A<sup>+</sup>] >, menekan butang pengatup separuh ke bawah untuk memfokus pada subjek pegun akan mengunci fokus pada subjek. Gubah semula tangkapan sambil menekan butang pengatup separuh ke bawah, kemudian tekan butang pengatup sepenuhnya untuk mengambil gambar. Ini dipanggil “kunci fokus”. Kunci fokus juga boleh dilakukan dalam mod Zon Asas lain (kecuali <[A] > <[A<sup>-</sup>] >).


### **Menangkap Subjek Bergerak**



Dalam mod <[A<sup>+</sup>] >, jika subjek bergerak (jarak dari kamera bertukar) sementara atau selepas anda memfokus, AF Servo AI akan berfungsi untuk memfokus subjek secara berterusan. (Beeper akan terus berbunyi dengan perlahan.) Selagi anda terus menyasarkan bingkai AF Kawasan pada subjek sementara menekan butang pengatup separuh ke bawah, pemfokusan akan berterusan. Apabila anda ingin mengambil gambar, tekan butang pengatup sepenuhnya.

## 📷 Penangkapan Pandangan Langsung

Anda boleh menangkap sambil melihat imej pada monitor LCD. Ini dipanggil sebagai “penangkapan Pandangan Langsung”. Untuk butiran, lihat halaman 207.




### 1 Paparkan imej Pandangan Langsung pada monitor LCD.

- Tekan butang <📷>.
- ▶ Imej Pandangan Langsung akan muncul pada monitor LCD.



### 2 Fokus pada subjek.

- Tekan butang pengatup separuh ke bawah untuk memfokus.
- ▶ Apabila fokus dicapai, titik AF akan bertukar hijau dan beeper akan berbunyi.



### 3 Ambil gambar.

- Tekan butang pengatup sepenuhnya.
- ▶ Gambar diambil dan imej yang ditangkap dipaparkan pada monitor LCD.
- ▶ Apabila paparan main balik berakhir, kamera akan kembali ke penangkapan Pandangan Langsung secara automatik.
- Tekan butang <📷> untuk menamatkan penangkapan Pandangan Langsung.

Anda juga boleh memutar monitor LCD untuk sudut yang berlainan (hlm.41).



Sudut normal






Sudut rendah



Sudut tinggi

## Melumpuhkan Denyar

Kamera menganalisis pemandangan dan menetapkan tetapan optimum secara automatik. Di tempat yang melarang fotografi denyar seperti muzium atau akuarium, gunakan mod < > (Denyar Mati).



### Tip Penangkapan

- **Elakkan goncangan kamera jika paparan bernombor dalam pemidang tilik berkelip.**  
Dalam cahaya malam apabila goncangan kamera mudah berlaku, paparan kelajuan pengatup pemidang tilik akan berkelip. Pegang kamera dengan mantap atau gunakan tripod. Apabila menggunakan lensa zum, gunakan hujung sudut lebar untuk mengurangkan kekaburan yang disebabkan goncangan kamera walaupun semasa memegang kamera.
- **Ambil potret tanpa denyar.**  
Dalam keadaan cahaya malam, minta subjek untuk kekal pegun sehingga gambar diambil. Sebarang pergerakan oleh subjek semasa penangkapan mungkin menyebabkan subjek dikaburkan dalam gambar.

## **CA** Penangkapan Auto Kreatif

Dalam mod <CA>, anda boleh menetapkan fungsi yang berikut untuk penangkapan:


(1) Tangkapan Kesan Tambahan, (2) Tangkapan berasaskan suasana, (3) Latar belakang kabur, (4) Mod pemacu dan (5) Nyalaan denyar.

Tetapan lalai adalah sama seperti <A+>.

\* CA ialah singkatan untuk Creative Auto (Auto Kreatif).




**1** Tetapkan Dial Mod kepada <CA>.



**2** Tekan butang <Q> (10).

▶ Skrin Kawalan Cepat akan muncul.




**3** Tetapkan fungsi yang diinginkan.

- Tekan kekunci <▲> <▼> atau <◀> <▶> untuk memilih fungsi.
- ▶ Fungsi yang dipilih dan panduan Ciri (hlm.73) akan muncul.
- Tekan <SET> untuk menetapkan fungsi.
- Untuk prosedur tetapan dan maklumat tentang setiap fungsi, lihat halaman 83-85.

**4** Ambil gambar.

- Tekan butang pengatup sepenuhnya untuk mengambil gambar.



Jika anda menetapkan (1), (2) atau (3) apabila kamera ditetapkan untuk penangkapan Pandangan Langsung, anda boleh melihat kesannya pada skrin sebelum anda mula menangkap.

### (1) Tangkapan Kesan Tambahan

- Anda boleh memilih mana-mana kesan yang berikut untuk penangkapan: penuras Kreatif (hlm.216), Gaya Gambar (hlm.137) dan Tangkapan berasaskan suasana (hlm.100).
- Putar dail <☀> untuk memilih [☑ : **Enable (Aktif)**]. Putar dail <☀> untuk memilih kesan penangkapan dan tangkap.
- Apabila anda mengambil gambar, dua imej akan dirakam. Satu dengan kesan digunakan dan satu tanpa kesan. Kedua-dua imej akan dipaparkan bersama sejurus selepas anda mengambil gambar. Imej tanpa kesan dipaparkan di bahagian kiri dan imej dengan kesan di bahagian kanan.


### Mendaftarkan kesan penangkapan kegemaran anda

- Ketika semakan imej sejurus selepas penangkapan dan ketika main balik, imej yang menggunakan kesan akan mempunyai ikon [SET ☑]. Selepas anda menekan butang <SET> dan kemudian butang <INFO.>, anda boleh menyemak kesan penangkapan yang digunakan.
- Anda boleh mendaftar sehingga dua kesan penangkapan di bawah [★ :**Favorite effect (Kesan kegemaran)**].
- Apabila anda memilih [★ :**Favorite effect (Kesan kegemaran)**] yang berdaftar, anda boleh menangkap dengan kesan penangkapan tersebut digunakan. Anda juga boleh menulis ganti [★ :**Favorite effect (Kesan kegemaran)**] tersebut.











- Jika anda menggunakan kad Eye-Fi dan menetapkannya untuk memadamkan imej selepas pemindahan, imej tanpa kesan tidak akan dipaparkan ketika main balik sejurus selepas penangkapan.
- Imej Pandangan Langsung yang dipaparkan dengan Tangkapan Kesan Tambahan tidak akan kelihatan benar-benar sama seperti foto sebenar.

## (2) Tangkapan berasaskan suasana

- Anda boleh memilih dan menangkap dengan suasana yang anda ingin gambarkan dalam imej anda.
- Putar dail <  > untuk memilih suasana. Untuk butiran, lihat halaman 100.

## (3) Latar belakang kabur



- Jika [**OFF (MATI)**] ditetapkan, darjah kabur latar belakang akan berubah bergantung pada kecerahan.
- Jika ia ditetapkan kepada mana-mana tetapan selain daripada [**OFF (MATI)**], anda boleh melaraskan latar belakang kabur tanpa mengira kecerahan.
- Jika anda memutar dail <  > atau <  > untuk menggerakkan kursor ke kanan, latar belakang akan kelihatan lebih tajam.
- Memutar dail <  > atau <  > untuk menggerakkan kursor ke kiri akan mengaburkan latar belakang subjek. Ambil perhatian bahawa bergantung pada apertur maksimum lensa (f/nombor terkecil), pelarasan penggelongsor tertentu mungkin tidak boleh dipilih.
- Jika anda menggunakan penangkapan Pandangan Langsung, anda boleh melihat cara imej dikaburkan di hadapan dan di belakang titik fokus. Apabila anda memutar dail <  > atau <  >, [**Simulating blur (Simulasi kabur)**] akan dipaparkan pada monitor LCD.
- Jika anda ingin mengaburkan latar belakang, lihat “Menangkap Potret” pada halaman 86.
- Bergantung pada lensa dan keadaan penangkapan, latar belakang mungkin tidak kelihatan terlalu kabur.
- Fungsi ini tidak boleh ditetapkan jika anda menggunakan denyar. Jika <  > telah ditetapkan dan anda menetapkan latar belakang kabur, <  > akan ditetapkan secara automatik.



- Jika [**Simulating blur (Simulasi kabur)**] berkesan ketika penangkapan Pandangan Langsung, imej yang dipaparkan dengan < **Exp.SIM** > (hlm.210) berkelip mungkin mempunyai lebih hingar berbanding dengan imej sebenar yang dirakam, atau ia mungkin kelihatan gelap.
- Anda tidak boleh menetapkan kedua-dua (1) Tangkapan Kesan Tambahan dan (2) Tangkapan berasaskan suasana pada masa yang sama.
- Anda tidak boleh menetapkan kedua-dua (1) Tangkapan Kesan Tambahan dan (3) Latar belakang kabur pada masa yang sama.

(4) **Mod pemacu:** Gunakan dail <☀️> atau <🕒> untuk membuat pemilihan.

<☐> **Penangkapan tunggal:**

Tangkap satu imej pada satu masa.

<📷> **Penangkapan berterusan:**

Sementara anda menahan butang pengatup sepenuhnya, tangkapan akan diambil secara berterusan. Anda boleh menangkap sehingga kira-kira 5.0 tangkapan sesaat.

<☐S> **Penangkapan tunggal senyap\*:**

Penangkapan tunggal dengan kurang bunyi penangkapan berbanding dengan <☐>.

<📷S> **Penangkapan berterusan senyap\*:**

Penangkapan berterusan (maksimum kira-kira 3.0 tangkapan sesaat) dengan kurang bunyi penangkapan berbanding <📷>.

<📷🕒> **Pemasa sendiri: 10saat/kawalan jauh:**

Gambar diambil 10 saat selepas anda menekan butang pengatup. Alat kawalan jauh juga boleh digunakan.

<🕒2> **Pemasa sendiri: 2 saat:**

Gambar diambil 2 saat selepas anda menekan butang pengatup.

<🕒C> **Pemasa sendiri: Berterusan:**

Tekan kekunci <▲> <▼> untuk menetapkan bilangan berbilang tangkapan (2 hingga 10) yang akan ditangkap dengan pemasa sendiri. 10 saat selepas anda menekan butang pengatup, bilangan berbilang tangkapan yang ditetapkan akan ditangkap.

\* Tidak dapat ditetapkan ketika penangkapan Pandangan Langsung.

(5) **Nyalaan denyar:** Putar dail <☀️> atau <🕒> untuk memilih tetapan yang diinginkan.

<🔦^> **Denyar auto** : Denyar menyala secara automatik jika perlu.


<🔦> **Denyar hidup**: Denyar selalu menyala.



<🔦⊘> **Denyar mati** : Denyar dilumpuhkan.



- Apabila menggunakan pemasa sendiri, lihat nota 📄 pada halaman 126.
- Apabila menggunakan <🕒⊘>, lihat "Melumpuhkan Denyar" pada halaman 81.
- Jika anda telah menetapkan Tangkapan Kesan Tambahan, **RAW+▲L**, **RAW** dan <📷> <📷S> <🕒C> tidak boleh ditetapkan.
- Jika anda telah menetapkan latar belakang kabur, anda tidak boleh menggunakan denyar.

## Menangkap Potret

Mod <> (Potret) mengaburkan latar belakang untuk menjadikan subjek manusia jelas kelihatan. Mod ini juga menjadikan ton kulit dan rambut kelihatan lembut.



### Tip Penangkapan

- **Pilih lokasi di mana jarak di antara subjek dan latar belakang paling jauh.**



Lebih jauh jarak antara subjek dengan latar belakang, latar belakang akan kelihatan lebih kabur. Subjek juga akan kelihatan lebih menyerlah berlatarbelakangkan pemandangan gelap yang tidak berserabut.

- **Gunakan lensa telefoto.**


Jika anda mempunyai lensa zum, gunakan hujung telefoto untuk memenuhi bingkai dengan subjek daripada pinggang ke atas. Dekati jika perlu.


- **Fokus pada wajah.**

Semak bahawa titik AF yang meliputi bahagian wajah bernyala. Untuk penangkapan dekat pada muka, fokus pada mata.


 Tetapan lalai ialah <> (Penangkapan berterusan). Jika anda menahan butang pengatup, anda boleh menangkap secara berterusan untuk menangkap perubahan lagak dan ekspresi muka subjek yang halus (maksimum kira-kira 5.0 tangkapan/saat).

## Menangkap Lanskap

Gunakan mod < > (Lanskap) untuk pemandangan luas atau untuk mendapatkan semuanya dalam fokus tidak kira dekat atau jauh. Untuk warna biru dan hijau terang serta imej yang sangat tajam dan ketara.




### Tip Penangkapan


- **Dengan lensa zum, gunakan hujung sudut lebar.**  
Apabila menggunakan hujung sudut lebar lensa zum, objek dekat dan jauh akan dalam fokus dengan lebih baik berbanding dengan hujung telefoto. Zum ini juga menambahkan kelebaran lanskap.
- **Menangkap pemandangan malam.**  
Mod < > juga baik untuk pemandangan malam kerana mod ini melupuhkan denyar terbina dalam. Apabila menangkap pemandangan malam, gunakan tripod untuk mengelakkan goncangan kamera.





- Denyar terbina dalam tidak akan menyala walaupun dalam keadaan cahaya belakang atau cahaya malap.
- Jika anda menggunakan Speedlite luaran, Speedlite itu akan menyala.

## Menangkap Dekat


Apabila anda ingin menangkap bunga atau benda kecil pada jarak dekat, gunakan mod < > (Dekat). Untuk membuatkan benda kecil kelihatan lebih besar, gunakan lensa makro (dijual berasingan).





### Tip Penangkapan



- **Gunakan latar belakang yang ringkas.**  
Latar belakang yang ringkas membuatkan objek kecil seperti bunga kelihatan lebih jelas.
- **Dekati subjek sedekat yang mungkin.**  
Periksa lensa untuk jarak pemfokusan minimumnya. Sesetengah lensa mempunyai penunjuk seperti <MACRO 0.25m/0.8kaki> padanya. Jarak pemfokusan minimum lensa diukur dari tanda < > (satah fokus) di atas kamera ke subjek. Jika anda terlalu dekat dengan subjek, penunjuk fokus < > akan berkelip. Jika anda menggunakan denyar dan bahagian bawah gambar kelihatan gelap secara luar biasa, jauhi subjek.
- **Dengan lensa zum, gunakan hujung telefoto.**  
Jika anda mempunyai lensa zum, menggunakan hujung telefoto akan membuatkan subjek kelihatan lebih besar.

## Menangkap Subjek Bergerak

Gunakan mod < > (Sukan) untuk menangkap subjek bergerak, seperti orang yang sedang berlari atau kenderaan yang sedang bergerak.



### Tip Penangkapan


- **Gunakan lensa telefoto.**  
Penggunaan lensa telefoto disarankan untuk menangkap dari jauh.
- **Jejak subjek dengan bingkai AF Kawasan.**  
Sasarkan titik AF pusat pada subjek, kemudian tekan butang pengatup separuh ke bawah untuk memulakan autofokus dalam bingkai AF Kawasan. Semasa autofokus, beeper akan berbunyi dengan perlahan secara berterusan. Jika fokus tidak dapat dicapai, penunjuk fokus < > akan berkelip.  
Tetapan lalai ialah < > (Penangkapan berterusan). Apabila anda ingin mengambil gambar, tekan butang pengatup sepenuhnya. Jika anda terus menahan butang pengatup, anda boleh mengekalkan autofokus semasa penangkapan berterusan pergerakan subjek (maksimum kira-kira 5.0 tangkapan sesaat).
- Dalam cahaya malap apabila goncangan kamera mudah berlaku, paparan kelajuan pengatup pada sebelah kiri bahagian bawah pemedang tilik akan berkelip. Pegang kamera dengan mantap dan tangkap.
- Jika anda menggunakan Speedlite luaran, Speedlite itu akan menyala.

# SCN: Mod Pemandangan Khas

Kamera akan memilih tetapan yang sesuai secara automatik apabila anda memilih mod penangkapan untuk subjek atau pemandangan anda.




**1** Tetapkan Dial Mod kepada <SCN>.



**2** Tekan butang <Q> (10).

▶ Skrin Kawalan Cepat akan muncul.



**3** Pilih mod penangkapan.

- Tekan kekunci <▲> <▼> atau <◀> <▶> untuk memilih ikon mod penangkapan yang diinginkan.
- Putar dail <☀> atau <⌚> untuk memilih mod penangkapan.
- Anda juga boleh memilih ikon mod penangkapan dan menekan <SET> untuk memaparkan senarai mod penangkapan supaya anda boleh memilih salah satu daripadanya.





## Mod Penangkapan Tersedia dalam Mod <SCN>

Mod Penangkapan	Halaman
Kanak-kanak	hlm.91
Makanan	hlm.92
Cahaya Lilin	hlm.93



Mod Penangkapan	Halaman
Potret Malam	hlm.94
Pemandangan Malam Pegangan Tangan	hlm.95
Kawalan Cahaya Latar HDR	hlm.96


## Menangkap Kanak-kanak

Apabila anda ingin fokus secara berterusan dan menangkap kanak-kanak sedang berlari, gunakan <> (Kanak-kanak). Warna kulit akan kelihatan sihat.






### Tip Penangkapan

- **Jejak subjek dengan bingkai AF Kawasan.**  
Sasarkan titik AF pusat pada subjek, kemudian tekan butang pengatup separuh ke bawah untuk memulakan autofokus dalam bingkai AF Kawasan. Semasa autofokus, beeper akan berbunyi dengan perlahan secara berterusan. Jika fokus tidak dapat dicapai, penunjuk fokus <> akan berkelip.
- **Tangkap secara berterusan.**  
Tetapan lalai ialah <> (Penangkapan berterusan). Apabila anda ingin mengambil gambar, tekan butang pengatup sepenuhnya. Jika anda terus menahan butang pengatup, anda boleh mengekalkan autofokus semasa penangkapan berterusan bagi ekspresi wajah dan pergerakan subjek yang sedang berubah (maksimum kira-kira 5.0 tangkapan setiap saat).

 Semasa denyar dikitar semula, “buSY” dipaparkan dalam pemidang tilik dan pada panel LCD, dan gambar tidak boleh diambil. Ambil gambar selepas paparan tersebut mati. Ketika penangkapan Pandangan Langsung, “BUSY” dipaparkan pada monitor LCD dan anda tidak dapat melihat subjek.

## Menangkap Makanan

Apabila menangkap makanan, gunakan <> (Makanan). Foto akan kelihatan cerah dan terang.



### Tip Penangkapan


#### ● Tukar ton warna.


Anda boleh menukar [**Color tone (Ton warna)**]. Foto makanan dengan warna kemerah-merahan biasanya menjadikan makanan kelihatan lebih terang. Untuk meningkatkan warna kemerah-merahan makanan, tetapkannya ke arah [**Warm tone (Ton panas)**]. tetapkannya ke arah [**Cool tone (Ton sejuk)**] jika ia kelihatan terlalu merah.

#### ● Tangkap subjek secara dekat.


Jika anda mempunyai lensa zum, gunakan hujung telefoto untuk menangkap makanan secara dekat.



#### ● Elakkan menggunakan denyar.

Jika anda menggunakan denyar, cahaya mungkin terpantul dari pinggan atau makanan dan menghasilkan bayang yang tidak semula jadi. <> (Denyar mati) ditetapkan dalam tetapan lalai. Cuba menghalang goncangan kamera apabila menangkap dalam keadaan cahaya malap.


-  Memandangkan mod ini menetapkan ton warna untuk membuat makanan kelihatan terang, subjek manusia mungkin ditangkap dengan warna kulit yang tidak sesuai.
- Jika anda menggunakan denyar, tetapan [**Color tone (Ton warna)**] akan bertukar kepada tetapan standard.

## Menangkap Potret Cahaya Lilin


Apabila menangkap subjek dalam cahaya lilin, gunakan <> (Cahaya Lilin). Ton warna cahaya lilin akan dikekalkan dalam foto.





### Tip Penangkapan



- **Gunakan pusat titik AF untuk fokus.**  
Sasarkan titik AF pusat dalam pemidang tilik pada subjek, kemudian tangkap.
  - **Elakkan goncangan kamera jika kelajuan pengatup dalam pemidang tilik berkelip.**  
Dalam cahaya malam apabila goncangan kamera mudah berlaku, paparan kelajuan pengatup pemidang tilik akan berkelip. Pegang kamera dengan mantap atau gunakan tripod. Apabila menggunakan lensa zum, gunakan hujung sudut lebar untuk mengurangkan kekaburan yang disebabkan goncangan kamera walaupun semasa memegang kamera.
  - **Tukar ton warna.**  
Anda boleh menukar [**Color tone (Ton warna)**]. Untuk meningkatkan warna kemerah-merahan cahaya lilin, tetapkannya ke arah [**Warm tone (Ton panas)**]. tetapkannya ke arah [**Cool tone (Ton sejuk)**] jika ia kelihatan terlalu merah.
-  Penangkapan Pandangan Langsung tidak boleh digunakan.
  - Denyar terbina dalam tidak akan menyala. Dalam cahaya malam, sinar bantu AF mungkin dipancarkan (hlm.115).
  - Jika anda menggunakan Speedlite luaran, Speedlite itu akan menyala.

## Menangkap Potret Malam (Dengan Tripod)

Untuk menangkap orang pada waktu malam dan mendapatkan pemandangan malam yang kelihatan semula jadi, gunakan mod  (Potret Malam). Menggunakan tripod adalah disarankan.





### Tip Penangkapan

- **Gunakan lensa sudut lebar dan tripod.**  
Apabila menggunakan lensa zum, gunakan hujung sudut lebar untuk mendapatkan pemandangan malam yang luas. Juga, gunakan tripod untuk mengelakkan goncangan kamera.
- **Periksa kecerahan subjek.**  
Dalam cahaya malap, denyar terbina dalam akan dinyalakan secara automatik untuk mendapatkan pendedahan subjek yang baik. Anda disarankan untuk bermain balik imej selepas penangkapan untuk memeriksa kecerahan imej. Jika subjek kelihatan gelap, dekatkan subjek dan tangkap semula.
- **Juga tangkap dalam mod penangkapan yang lain.**  
Memandangkan goncangan kamera mudah berlaku dengan tangkapan malam, penangkapan dengan  dan  juga disarankan.

- Minta subjek untuk kekal pegun walaupun selepas denyar menyala.
- Jika anda gunakan pemasa sendiri bersama dengan denyar, lampu pemasa sendiri akan bernyala seketika selepas gambar diambil.
- Lihat peringatan pada halaman 97.

## Menangkap Pemandangan Malam (Pegangan tangan)

Menggunakan tripod apabila menangkap pemandangan malam akan menghasilkan keputusan yang terbaik. Namun begitu, mod <> (Pemandangan Malam Pegangan Tangan) membolehkan anda menangkap pemandangan malam walaupun ketika memegang kamera. Empat tangkapan diambil secara berterusan untuk setiap gambar dan satu imej yang terhasil dengan goncangan kamera yang dikurangkan akan direkod.






### Tip Penangkapan

- **Pegang kamera dengan kuat.**


Semasa penangkapan, pegang kamera dengan kuat dan mantap. Dalam mod ini, empat tangkapan dijajarkan dan digabungkan menjadi satu imej tunggal. Namun demikian, jika terdapat salah jajaran yang ketara dalam sebarang empat tangkapan disebabkan goncangan kamera, tangkapan tersebut mungkin tidak sejajar dengan betul dalam imej terakhir.


- **Untuk penangkapan orang, hidupkan denyar.**

Jika anda ingin menyertakan orang dalam tangkapan pemandangan malam, tekan butang <> untuk menetapkan <> (Denyar hidup). Untuk mengambil potret yang elok, tangkapan pertama akan menggunakan denyar. Minta subjek supaya tidak bergerak sehingga semua empat tangkapan berterusan telah diambil.

 Lihat peringatan pada halaman 97.

## Menangkap Pemandangan Cahaya Belakang

Apabila menangkap pemandangan yang mempunyai kawasan cerah dan gelap, gunakan mod <  > (Kawalan Cahaya Latar HDR). Apabila anda mengambil satu gambar dalam mod ini, tiga tangkapan berterusan diambil pada pendedahan berlainan. Ini menghasilkan satu imej, dengan julat ton lebar, yang telah meminimumkan bayangan susutan akibat pencahayaan belakang.



### Tip Penangkapan

#### ● Pegang kamera dengan kuat.

Semasa penangkapan, pegang kamera dengan kuat dan mantap. Dalam mod ini, tiga tangkapan dijajarkan dan digabungkan menjadi satu imej tunggal. Namun demikian, jika terdapat salah jajaran yang ketara dalam sebarang tiga tangkapan disebabkan goncangan kamera, tangkapan tersebut mungkin tidak sejajar dengan betul dalam imej terakhir.



- Denyar tidak akan menyala. Dalam cahaya malap, sinar bantu AF mungkin dipancarkan (hlm.115).
- Lihat peringatan pada halaman 97.



ialah singkatan untuk High Dynamic Range (Julat Dinamik Tinggi).



### **Peringatan untuk <MF> (Potret Malam) dan <MF> (Pemandangan Malam Pegangan Tangan)**

- Semasa penangkapan Pandangan Langsung, mungkin sukar untuk memfokus titik cahaya seperti dalam pemandangan malam. Dalam keadaan seperti itu, tetapkan suis mod fokus lensa kepada <MF> dan fokus secara manual.
- Imej Pandangan Langsung yang dipaparkan tidak akan kelihatan betul-betul sama seperti imej sebenar yang ditangkap.

### **Peringatan untuk <MF> (Pemandangan Malam Pegangan Tangan)**

- Apabila menangkap fotografi denyar, jika subjek terlalu dekat dengan kamera, gambar terhasil mungkin terlalu terang (pendedahan berlebihan).
- Jika anda menggunakan denyar untuk menangkap pemandangan malam dengan cahaya yang sedikit, tangkapan mungkin tidak sejajar dengan betul. Ini boleh mengakibatkan gambar yang kabur.
- Jika anda menggunakan denyar dan subjek manusia dekat dengan latar belakang yang juga diterangkan oleh denyar, tangkapan mungkin tidak sejajar dengan betul. Ini boleh mengakibatkan gambar yang kabur. Bayangan yang tidak normal dan warna yang tidak sesuai mungkin juga muncul.
- Liputan denyar luaran:
  - Apabila menggunakan Speedlite dengan tetapan liputan denyar automatik, kedudukan zum akan ditetapkan pada hujung lebar, tanpa mengambil kira kedudukan zum.
  - Jika anda perlu menetapkan liputan denyar secara manual, tetapkan unit pemancar cahaya (kepala denyar) kepada hujung sudut lebar sebelum menangkap.

### **Peringatan untuk <MF> (Potret Malam)**

- Semasa penangkapan Pandangan Langsung, mungkin sukar untuk memfokus apabila muka subjek kelihatan gelap. Dalam keadaan seperti itu, tetapkan suis mod fokus lensa kepada <MF> dan fokus secara manual.

### **Peringatan untuk <MF> (Pemandangan Malam Pegangan Tangan) dan <RAW> (Kawalan Cahaya Latar HDR)**

- Berbanding dengan mod penangkapan lain, julat penangkapan akan lebih kecil.
- **RAW** + **L** atau **RAW** tidak boleh dipilih. Jika **RAW** + **L** atau **RAW** telah ditetapkan, **L** akan ditetapkan.
- Jika anda menangkap subjek yang bergerak, pergerakan subjek mungkin meninggalkan imej tinggal atau kawasan persekitaran subjek mungkin menjadi gelap.
- Penjajaran imej mungkin tidak berfungsi dengan betul dengan corak yang berulang (kekisi, jalur, dll), imej rata atau ton tunggal, atau imej yang salah dijajarkan secara ketara disebabkan oleh goncangan kamera.
- Ia mengambil sedikit masa untuk merekod imej pada kad kerana ia digabungkan selepas menangkap. Semasa pemprosesan imej, "buSY(Sibuk)" akan dipaparkan dalam peminat tilik dan pada panel LCD dan anda tidak boleh mengambil gambar sehingga pemprosesan lengkap.
- Jika mod penangkapan ditetapkan kepada <MF> atau <MF>, pencetakan



### Peringatan untuk <img alt="HDR icon" data-bbox="315 108 345 128"/> (Kawalan Cahaya Latar HDR)


- Ambil perhatian bahawa imej mungkin tidak akan dihasilkan dengan peringkatan yang lancar dan mungkin kelihatan tidak teratur atau mempunyai hingar yang ketara.
- Kawalan Cahaya Latar HDR mungkin tidak berkesan untuk pemandangan cahaya belakang yang berlebihan atau pemandangan kontras tinggi yang keterlaluan.
- Apabila menangkap subjek yang cukup terang, contohnya untuk pemandangan dengan pencahayaan biasa, imej mungkin kelihatan tidak semula jadi kerana kesan HDR yang digunakan.

## Q Kawalan Cepat

Dalam mod Zon Asas apabila skrin tetapan fungsi penangkapan dipaparkan, anda boleh menekan butang <img alt="Quick Settings icon" data-bbox="355 345 385 365"/> untuk memaparkan skrin Kawalan Cepat. Jadual pada halaman berikutnya menunjukkan fungsi yang boleh ditetapkan dengan skrin Kawalan Cepat dalam setiap mod Zon Asas.

### 1 Tetapkan Dail Mod kepada mod Zon Asas.

Contoh: Mod potret



### 2 Tekan butang <img alt="Quick Settings icon" data-bbox="355 495 385 515"/> (⊗10).

- ▶ Skrin Kawalan Cepat akan muncul.

### 3 Tetapkan fungsi.

- Tekan kekunci <img alt="Up arrow icon" data-bbox="395 710 425 730"/> <img alt="Down arrow icon" data-bbox="455 710 485 730"/> atau <img alt="Left arrow icon" data-bbox="395 735 425 755"/> <img alt="Right arrow icon" data-bbox="455 735 485 755"/> untuk memilih fungsi. (Langkah ini tidak diperlukan dalam mod <img alt="Portrait mode icon" data-bbox="825 765 855 785"/>)
- ▶ Fungsi yang dipilih dan panduan Ciri (hlm.73) akan muncul.
- Putar dail <img alt="Sun icon" data-bbox="395 825 425 845"/> atau <img alt="Moon icon" data-bbox="455 825 485 845"/> untuk menukar tetapan.
- Anda juga boleh memilih dari senarai dengan memilih fungsi dan menekan <img alt="Set icon" data-bbox="455 925 485 945"/>.

## Fungsi yang boleh Ditetapkan dalam Mod Zon Asas

● : Tetapan lalai ○ : Boleh dipilih pengguna □ : Tidak boleh dipilih



Fungsi								
Drive mode (Mod pemacu) (hlm.124)	: Penangkapan tunggal	●	●	●	○	●	●	○
	: Penangkapan berterusan	○	○	○	●	○	○	●
	S : Penangkapan tunggal senyap	○	○	○	○	○	○	○
	S : Penangkapan berterusan senyap	○	○	○	○	○	○	○
	(10 saat)	○	○	○	○	○	○	○
	2 (2 saat)	○	○	○	○	○	○	○
	C (Berterusan)	○	○	○	○	○	○	○
Flash firing (Nyalaaan denyar)	A : Menyala automatik	●	□	●	●	□	●	□
	: Denyar hidup (Menyala pada setiap masa)	○	□	○	○	□	○	□
	: Denyar mati	○	●	○	○	●	○	●
Ambience-based shots (Tangkapan berasaskan suasana) (hlm.100)		□	□	○	○	○	○	○
Light/scene-based shots (Tangkapan berasaskan cahaya/ pemandangan) (hlm.104)		□	□	○	○	○	○	○
Background blur (Latar belakang kabur) (hlm.84)		□	□	○	□	□	□	□
Color tone (Ton warna) (hlm.92, 93)		□	□	□	□	□	□	□
Extra Effect Shot (Tangkapan Kesan Tambahan) (hlm.83)		□	□	○	□	□	□	□

Fungsi		SCN						
Drive mode (Mod pemacu) (hlm.124)	: Penangkapan tunggal	○	●	●	●	●	●	●
	: Penangkapan berterusan	●	○	○	○	○	○	○
	S : Penangkapan tunggal senyap	○	○	○	○	○	○	○
	S : Penangkapan berterusan senyap	○	○	○	○	○	○	○
	(10 saat)	○	○	○	○	○	○	○
	2 (2 saat)	○	○	○	○	○	○	○
	C (Berterusan)	○	○	○	○	○	○	○
Flash firing (Nyalaaan denyar)	A : Menyala automatik	●	□	□	●	□	□	□
	: Denyar hidup (Menyala pada setiap masa)	○	○	□	□	○	□	□
	: Denyar mati	○	●	●	□	●	●	●
Ambience-based shots (Tangkapan berasaskan suasana) (hlm.100)		○	○	○	○	○	□	□
Light/scene-based shots (Tangkapan berasaskan cahaya/ pemandangan) (hlm.104)		○	□	□	□	□	□	□
Background blur (Latar belakang kabur) (hlm.84)		□	□	□	□	□	□	□
Color tone (Ton warna) (hlm.92, 93)		□	○	○	□	□	□	□
Extra Effect Shot (Tangkapan Kesan Tambahan) (hlm.83)		□	□	□	□	□	□	□

\* Jika anda menukarkan mod penangkapan atau menetapkan suis kuasa kepada <OFF>, semua fungsi akan kembali kepada tetapan lalai (kecuali pemasa sendiri).

# Tangkap Gambar berdasarkan Pemilihan Suasana

Selain dalam mod Zon Asas <A+>, <A> dan <A->, anda boleh memilih suasana untuk penangkapan.



Suasana	CA /  /  /  / 	SCN		Kesan Suasana
		 /  / 	 /  / 	
 STD Standard setting (Tetapan standard)	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	No setting (Tiada tetapan)
 V Vivid (Terang)	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	Low (Rendah) / Standard / Strong (Kuat)
 S Soft (Lembut)	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	Low (Rendah) / Standard / Strong (Kuat)
 W Warm (Panas)	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	Low (Rendah) / Standard / Strong (Kuat)
 I Intense (Kuat)	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	Low (Rendah) / Standard / Strong (Kuat)
 C Cool (Sejuk)	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	Low (Rendah) / Standard / Strong (Kuat)
 B Brighter (Lebih cerah)	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	Low (Rendah) / Medium (Sederhana) / High (Tinggi)
 D Darker (Lebih gelap)	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	Low (Rendah) / Medium (Sederhana) / High (Tinggi)
 M Monochrome (Monokrom)	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	Blue (Biru) / B/W / Sepia

## 1 Tetapkan Dail Mod kepada mana-mana mod berikut: <CA>, <A+>, <A>, <A->, <A-1>, <A-2> atau <SCN>.

- Jika mod penangkapan ialah <SCN>, tetapkan salah satu daripada yang berikut: <A+>, <A>, <A->, <A-1> atau <A-2>.










## 2 Paparkan imej Pandangan Langsung.

- Tekan butang <  > untuk memaparkan imej Pandangan Langsung (kecuali <  >).







## 3 Pada skrin Kawalan Cepat, pilih suasana yang diinginkan.

- Tekan butang <  > ().
- Tekan kekunci <  > <  > untuk memilih [ **Standard setting (Tetapan standard)**]. [**Ambience-based shots (Tangkapan berasaskan suasana)**] akan muncul pada skrin.
- Tekan kekunci <  > <  > untuk memilih suasana yang diinginkan.
- ▶ Monitor LCD akan memaparkan bagaimana imej akan kelihatan dengan suasana terpilih.



## 4 Tetapkan kesan suasana.

- Tekan kekunci <  > <  > untuk memilih kesan supaya [**Effect (Kesan)**] dipaparkan di bahagian bawah.
- Tekan kekunci <  > <  > untuk memilih kesan yang diinginkan.

## 5 Ambil gambar.

- Tekan tombol pengatur sepenuhnya untuk mengambil gambar.
- Untuk kembali ke penangkapan pemidang tilik, tekan tombol <📷> untuk keluar daripada penangkapan Pandangan Langsung. Kemudian tekan tombol pengatur sepenuhnya untuk mengambil gambar.
- Jika anda menukar mod penangkapan atau menetapkan suis kuasa kepada <OFF>, tetapan akan kembali kepada [FSTD **Standard setting (Tetapan standard)**].

- Imej Pandangan Langsung yang dipaparkan dengan tetapan suasana tidak akan kelihatan sama seperti imej sebenar.
- Menggunakan denyar mungkin akan meminimumkan kesan suasana.
- Di luar rumah yang cerah, imej Pandangan Langsung yang anda lihat pada monitor LCD mungkin tidak mempunyai kecerahan atau suasana yang sama seperti imej sebenar. Tetapkan [**2: LCD brightness (Kecerahan LCD)**] kepada 4 dan lihat imej Pandangan Langsung supaya monitor LCD tidak terjejas dengan cahaya luar.

- Jika anda tidak mahu imej Pandangan Langsung dipaparkan ketika menetapkan fungsi, tekan tombol <Q> selepas langkah 1 dan tetapkan [**Ambience-based shots (Tangkapan berasaskan suasana)**] dan [**Effect (Kesan)**].

## Tetapan Suasana

### **STANDARD Standard setting (Tetapan standard)**

Sifat imej standard untuk mod penangkapan masing-masing. Ambil perhatian bahawa <P> mempunyai sifat imej yang menepati kehendak potret dan <L> menepati kehendak landskap. Setiap suasana ialah suatu pengubahsuaian sifat imej mod penangkapan masing-masing.

### **VIVID Vivid (Terang)**

Subjek akan kelihatan tajam dan terang. Ia membuatkan foto kelihatan lebih mengagumkan berbanding dengan [STANDARD Standard setting (Tetapan standard)].

### **SOFT Soft (Lembut)**

Subjek akan kelihatan lebih lembut dan lebih cantik. Baik untuk potret, haiwan peliharaan, bunga, dll.

### **WARM Warm (Panas)**

Subjek akan kelihatan lebih lembut dengan warna yang lebih panas. Baik untuk potret, haiwan peliharaan dan subjek lain yang anda ingin kelihatan panas.

### **INTENSE Intense (Kuat)**

Sementara kecerahan keseluruhan dikurangkan sedikit, subjek diberi penekanan dengan perasaan yang lebih kuat. Membuatkan manusia dan subjek hidup kelihatan lebih jelas.

### **COOL Cool (Sejuk)**

Kecerahan keseluruhan dikurangkan sedikit dengan kas warna yang lebih dingin. Subjek dalam kawasan teduh akan kelihatan lebih tenang dan mengagumkan.

### **BRIGHTER Brighter (Lebih cerah)**

Gambar akan kelihatan lebih cerah.

### **DARKER Darker (Lebih gelap)**

Gambar akan kelihatan lebih gelap.


### **MONOCHROME Monochrome (Monokrom)**

Gambar akan menjadi monokrom. Anda boleh memilih warna monokrom menjadi biru, hitam dan putih atau sepia. Apabila [MONOCHROME (Monokrom)] dipilih, <B/W> akan muncul dalam pemedang tilik.

## Tangkap Gambar berdasarkan Jenis Pencahayaan atau Pemandangan

Dalam mod Zon Asas <img alt="camera icon" data-bbox="380 125 405 145"/>, <img alt="mountain icon" data-bbox="380 155 405 175"/>, <img alt="sun icon" data-bbox="380 185 405 205"/>, <img alt="bird icon" data-bbox="380 215 405 235"/> dan <img alt="scenery icon" data-bbox="380 245 405 265"/>, anda boleh menangkap dengan tetapan yang sepadan dengan jenis pencahayaan atau pemandangan. Biasanya, [STD] **Default setting (Tetapan lalai)** adalah mencukupi, tetapi jika tetapan padan dengan keadaan pencahayaan atau pemandangan, gambar akan kelihatan lebih tepat mengikut pandangan mata anda.

Untuk penangkapan Pandangan Langsung, jika anda menetapkan kedua-dua [**Light/scene-based shots (Tangkapan berdasarkan kecerahan/pemandangan)**] dan [**Ambience-based shots (Tangkapan berasaskan suasana)**] (hlm.100), anda patut menetapkan [**Light/scene-based shots (Tangkapan berdasarkan kecerahan/pemandangan)**] terlebih dahulu. Ini akan memudahkan anda melihat kesan yang terhasil pada monitor LCD.

Pencahayaan atau Pemandangan					SCN 
	[STD] Default setting (Tetapan lalai)	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>
 Daylight (Siang)	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>
 Shade (Teduhan)	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>
 Cloudy (Mendung)	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>
 Tungsten light (Cahaya tungsten)	<input type="radio"/>	<input checked="" type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>
 Fluorescent light (Cahaya pendarfluor)	<input type="radio"/>	<input checked="" type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>
 Sunset (Matahari terbenam)	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>

# 1 Tetapkan Dail Mod kepada mana-mana mod berikut: <☺>, <☷>, <☹>, <☹> atau <SCN>.

- Bagi <SCN>, tetapkannya kepada <☹>.



# 2 Paparkan imej Pandangan Langsung.

- Tekan butang <☷> untuk memaparkan imej Pandangan Langsung.




# 3 Pada skrin Kawalan Cepat, pilih jenis pencahayaan atau pemandangan.

- Tekan butang <Q> (☺10).
- Tekan kekunci <▲> <▼> untuk memilih [STD Default setting (Tetapan lalai)]. [Light/scene-based shots (Tangkapan berdasarkan kecerahan/ pemandangan)] akan muncul pada skrin.
- Tekan kekunci <◀> <▶> untuk memilih pencahayaan atau pemandangan yang diinginkan.
- ▶ Imej yang terhasil dengan jenis pencahayaan atau pemandangan yang dipilih akan dipaparkan.

## 4 Ambil gambar.

- Tekan butang pengatup sepenuhnya untuk mengambil gambar.
- Untuk kembali ke penangkapan pemidang tilik, tekan butang <📷> untuk keluar daripada penangkapan Pandangan Langsung. Kemudian tekan butang pengatup sepenuhnya untuk mengambil gambar.
- Jika anda menukar mod penangkapan atau menetapkan suis kuasa kepada <OFF>, tetapan akan kembali kepada [STD] **Default setting (Tetapan lalai)**.

- Jika anda menggunakan denyar, tetapan akan bertukar kepada [STD] **Default setting (Tetapan lalai)**. (Namun begitu, maklumat penangkapan akan memaparkan jenis pencahayaan atau pemandangan yang ditetapkan.)
- Jika anda ingin menetapkan ini bersama [**Ambience-based shots (Tangkapan berasaskan suasana)**], tetapkan jenis pencahayaan atau pemandangan yang paling padan dengan suasana yang anda telah tetapkan. Dalam kes [**Sunset (Matahari terbenam)**], sebagai contoh, warna yang panas akan menonjol maka suasana yang anda tetapkan mungkin tidak sesuai.

 Jika anda tidak inginkan imej Pandangan Langsung dipaparkan apabila menetapkan fungsi, tekan butang <Q> selepas langkah 1 dan tetapkan [**Light/scene-based shots (Tangkapan berdasarkan kecerahan/pemandangan)**].

## Tetapan Jenis Pencahayaan atau Pemandangan

### **Default setting (Tetapan lalai)**

Tetapan lalai yang sesuai dengan kebanyakan subjek.

### **Daylight (Siang)**

Untuk subjek di bawah cahaya matahari. Memberikan langit biru dan kehijauan yang kelihatan lebih semula jadi dan menghasilkan semula bunga yang berwarna terang dengan lebih baik.

### **Shade (Teduhan)**

Untuk subjek dalam kawasan teduhan. Sesuai untuk ton kulit, yang mungkin kelihatan terlalu kebiruan dan untuk bunga yang berwarna terang.

### **Cloudy (Mendung)**

Untuk subjek di bawah langit mendung. Membuatkan ton kulit dan landskap yang mungkin kelihatan suram pada hari mendung, kelihatan lebih panas. Juga berkesan untuk bunga berwarna cerah.

### **Tungsten light (Cahaya tungsten)**

Untuk subjek yang dinyalakan dengan pencahayaan tungsten. Mengurangkan kas warna oren kemerahan yang disebabkan pencahayaan tungsten.

### **Fluorescent light (Cahaya pendarfluor)**

Untuk subjek di bawah pencahayaan pendarfluor. Sesuai untuk semua jenis pencahayaan pendarfluor.

### **Sunset (Matahari terbenam)**

Sesuai apabila anda ingin menangkap warna matahari terbenam yang mengagumkan.

## ▶ Main Balik Imej

Cara paling senang untuk bermain balik imej diterangkan di bawah. Untuk maklumat lanjut tentang prosedur main balik, lihat halaman 299.



### 1 Main balik imej.

- Tekan butang <▶>.
- ▶ Imej terakhir yang ditangkap atau yang dimainkan balik akan muncul.



### 2 Pilih imej.

- Untuk memainkan balik imej bermula dengan imej terakhir yang ditangkap, putar dail <◉> lawan arah jam. Untuk main balik imej bermula dengan imej pertama yang ditangkap, putar dail <◉> mengikut arah jam.
- Setiap kali anda menekan butang <INFO.>, paparan maklumat akan bertukar.



Tiada maklumat



Paparan maklumat  
asas



Paparan maklumat penangkapan

### 3 Keluar daripada main balik imej.

- Tekan butang <▶> untuk keluar dari main balik imej dan kembali ke keadaan sedia menangkap.

## Paparan Maklumat Penangkapan

Dengan skrin maklumat penangkapan dipaparkan (hlm.108), anda boleh menekan kekunci <▲> <▼> untuk menukar maklumat penangkapan yang dipaparkan di bahagian bawah skrin seperti berikut. Untuk butiran, lihat halaman 329-330.




- Maklumat yang dipaparkan berbeza bergantung pada mod dan tetapan penangkapan.
- Jika maklumat GPS tidak direkodkan untuk imej tersebut, skrin maklumat GPS tidak akan dipaparkan.



# 3

## Menetapkan AF dan Mod Pemacu



19 titik AF dalam pemandangan tilik menjadikan penangkapan AF sesuai untuk pelbagai subjek dan pemandangan.

Anda juga boleh memilih operasi AF dan mod pemacu yang paling sepadan dengan keadaan penangkapan dan subjek.


- Ikon ☆ di sebelah kanan bahagian atas tajuk halaman menunjukkan fungsi tersebut tersedia hanya dalam mod Zon Kreatif (hlm.31).
- Dalam mod Zon Asas, operasi AF dan titik AF (mod pemilihan kawasan AF) ditetapkan secara automatik.




<AF> ialah singkatan untuk autofokus. <MF> ialah singkatan untuk fokus manual.

# AF: Menukar Operasi Autofokus ☆


Anda boleh memilih ciri-ciri operasi AF (autofokus) supaya sesuai dengan keadaan penangkapan atau subjek. Dalam mod Zon Asas, operasi AF optimum ditetapkan secara automatik untuk mod penangkapan masing-masing.



**1** Tetapkan suis mod fokus lensa kepada <AF>.



**2** Tekan butang <▶ AF>.  
▶ [AF operation (Operasi AF)] akan muncul.




**3** Pilih operasi AF.

- Tekan kekunci <◀> <▶> untuk memilih operasi AF yang diinginkan, kemudian tekan <SET>.

**4** Fokus pada subjek.

- Halakan titik AF pada subjek dan tekan butang pengatup separuh ke bawah. Kemudian, kamera akan autofokus dalam operasi AF yang dipilih.

## AF Tangkapan Tunggal untuk Subjek Pegun



Titik AF

Penunjuk fokus

Sesuai untuk subjek pegun. Apabila anda menekan butang pengatup separuh ke bawah, kamera akan fokus hanya sekali.

- Apabila fokus dicapai, titik AF yang mencapai fokus akan dipaparkan dan penunjuk fokus <●> dalam pemidang tilik juga akan menyala.
- Dengan pemeteran penilaian, tetapan pendedahan akan ditetapkan pada masa yang sama fokus dicapai.
- Semasa anda menahan butang pengatup separuh ke bawah, fokus akan dikunci. Anda kemudian boleh mengubah semula tangkapan jika diingini.




- Jika fokus tidak dapat dicapai, lampu penunjuk fokus <●> dalam pemidang tilik akan berkelip. Jika ini berlaku, gambar tidak boleh diambil walaupun jika butang pengatup ditekan sepenuhnya. Gubah semula tangkapan atau lihat “Subjek yang Sukar untuk Difokus” (hlm.122) dan cuba fokus semula.
- Jika [📷1: Beep (Bip)] ditetapkan kepada [Disable (Lumpuhkan)], beeper tidak akan berbunyi apabila fokus dicapai.
- Selepas mencapai fokus dengan AF Tangkapan Tunggal, anda boleh mengunci fokus pada subjek dan mengubah semula tangkapan. Ini dipanggil “kunci fokus”. Ini memudahkan apabila anda ingin fokus pada subjek persisian yang tidak diliputi oleh bingkai AF Kawasan.
- Apabila lensa yang dilengkapi dengan fungsi pemfokusan manual elektronik digunakan, selepas mencapai fokus, anda boleh fokus secara manual dengan memutar gelang fokus lensa sambil menekan butang pengatup separuh ke bawah.

## AF Servo AI untuk Subjek Bergerak

**Operasi AF ini sesuai dengan subjek bergerak apabila jarak pemfokusan berubah-ubah. Semasa anda menahan butang pengatup separuh ke bawah, subjek akan difokuskan secara berterusan.**


- Pendedahan ditetapkan pada masa gambar diambil.
- Apabila mod pemilihan kawasan AF ditetapkan kepada AF pemilihan automatik 19 titik (hlm.116), pada permulaannya, kamera menggunakan titik AF yang dipilih secara manual untuk fokus. Semasa autofokus, jika subjek bergerak menjauhi titik AF yang dipilih secara manual, pengesanan fokus berterus selagi subjek diliputi oleh bingkai AF Kawasan.

 Dengan AF Servo AI, beeper tidak akan berbunyi walaupun ketika fokus dicapai. Malah, lampu penunjuk fokus <●> dalam peminang tilik tidak akan menyala.

## AF Fokus AI untuk Menukar Operasi AF secara Automatik

**AF Fokus AI menukar operasi AF daripada AF Tangkapan Tunggal kepada AF Servo AI secara automatik jika subjek pegun mula bergerak.**

- Selepas subjek difokus dalam AF Tangkapan Tunggal, jika subjek mula bergerak, kamera akan mengesan pergerakan itu, menukar operasi AF secara automatik kepada AF Servo AI dan mula mengesan subjek yang bergerak.

 Apabila fokus dicapai dengan AF Fokus AI dengan operasi Servo aktif, beeper akan terus berbunyi perlahan. Walau bagaimanapun, lampu penunjuk fokus <●> dalam peminang tilik tidak akan menyala. Ambil perhatian bahawa fokus tidak akan dikunci dalam keadaan ini.

## Titik AF Menyala Merah

Dalam tetapan lalai, titik AF menyala merah apabila fokus dicapai dalam keadaan cahaya malap. Dalam mod Zon Kreatif, anda boleh menetapkan sama ada titik AF menyala merah apabila fokus dicapai (hlm.368).

## Sinar Bantu AF dengan Denyar Terbina Dalam

Dalam keadaan cahaya malap, apabila anda menekan butang pengatup separuh ke bawah, denyar terbina dalam mungkin menyalakan kelipan denyar sekejap. Ini menerangi subjek untuk membantu pemfokusan auto.



- Sinar bantu AF tidak akan dipancarkan daripada denyar terbina dalam dalam mod penangkapan berikut: <img alt="Video mode icon" data-bbox="435 430 465 450"/>, <img alt="Movie mode icon" data-bbox="475 430 505 450"/>, <img alt="Movie mode icon" data-bbox="515 430 545 450"/> dan <img alt="Movie mode icon" data-bbox="555 430 585 450"/>.
- Sinar bantu AF tidak akan dipancarkan dengan operasi AF Servo AI.
- Denyar terbina dalam berbunyi apabila beryala berterusan. Ini perkara biasa dan bukan kepincangan.




- Julat berkesan sinar bantu AF dipancarkan oleh denyar terbina dalam adalah kira-kira 4 meter/13.1 kaki.
- Dalam mod Zon Kreatif, apabila anda menaikkan denyar terbina dalam dengan butang <img alt="Half-press shutter icon" data-bbox="435 605 465 625"/> (hlm.178), sinar bantu AF akan dipancarkan apabila diperlukan. Sila ambil perhatian bahawa bergantung pada tetapan untuk [4: AF-assist beam firing (Nyalaan sinar bantu AF)] di bawah [4: Custom Functions (Fungsi Tersuai) (C.Fn)], sinar bantu AF tidak akan dipancarkan (hlm.365).

## Memilih Kawasan AF dan Titik AF<sup>☆</sup>

19 titik AF disediakan untuk pemfokusan auto. Anda boleh memilih mod pemilihan kawasan AF dan titik AF yang sesuai dengan pemandangan atau subjek.


### Mod Pemilihan Kawasan AF

Anda boleh memilih salah satu daripada tiga mod pemilihan kawasan AF. Sila lihat halaman berikutnya untuk prosedur pemilihan.




#### : AF titik tunggal (Pemilihan manual)

Pilih suatu titik AF untuk fokus.




#### : AF Zon (Pemilihan zon secara manual)

19 titik AF terbahagi kepada lima zon untuk fokus.




#### : AF pemilihan automatik 19 titik

Semua titik AF digunakan untuk fokus. Mod ini ditetapkan secara automatik dalam mod Zon Asas (kecuali <


Bingkai AF Kawasan

## Memilih Mod Pemilihan Kawasan AF



### 1 Tekan butang <☐> atau <☐> (⊙6).


- Lihat melalui pemidang tilik dan tekan butang <☐> atau <☐>.



### 2 Tekan butang <☐>.

- Setiap kali anda menekan butang <☐>, mod pemilihan kawasan AF bertukar.
- Mod pemilihan kawasan AF yang ditetapkan ditunjuk pada bahagian atas pemidang tilik.

Mod pemilihan kawasan



☐ : AF titik tunggal

(Pemilihan manual)

☐ : AF Zon

(Pemilihan zon secara manual)


☐ : AF pemilihan automatik 19 titik



Di bawah [☛4: Custom Functions (Fungsi Tersuai) (C.Fn)], jika anda menetapkan [5: AF area selection method (Kaedah pemilihan kawasan AF)] untuk [1: ☐ → Main Dial (Dail Utama)], anda boleh memilih mod pemilihan kawasan AF dengan menekan butang <☐> atau <☐>, kemudian putar dail <☞> (hlm.365).


## Memilih Titik AF secara Manual

Anda boleh memilih titik AF atau zon AF secara manual. Jika AF pemilihan automatik 19 titik+ AF Servo AI telah ditetapkan, anda boleh pilih apa-apa kedudukan di mana AF Servo AI akan bermula.




### 1 Tekan butang <☑> atau <☑> (☉6).

- ▶ Titik AF akan dipaparkan dalam pemidang tilik.
- Dalam mod AF Zon, zon yang dipilih akan dipaparkan.



### 2 Pilih titik AF.

- Anda boleh memilih titik AF dengan menganjak secara mendatar dengan dail <☉> atau secara menegak dengan dail <☉>. Jika anda menekan <SET>, titik AF pusat (atau zon tengah) akan dipilih.
- Dalam mod AF Zon, memutar dail <☉> atau <☉> akan menukarkan zon dalam urutan gelungan.
- Anda juga boleh memilih titik AF atau zon AF dengan menganjak secara mendatar dengan kekunci <◀> <▶> atau secara menegak dengan kekunci <▲> <▼>.



- Apabila anda menahan butang <☑> dan memutar dail <☉>, anda boleh memilih titik AF dengan menganjak secara menegak.
- Apabila anda menekan butang <☑> atau <☑>, panel LCD memaparkan yang berikut:
  - AF pemilihan automatik 19 titik dan AF Zon (pemilihan zon secara manual): **[☑] AF**
  - AF 1 titik (Pemilihan manual): **SEL [ ]** (Tengah)/**SEL AF** (Lari dari pusat)

# Mod Pemilihan Kawasan AF ☆

## ☐ AF titik tunggal (Pemilihan Manual)




Pilih salah satu titik AF <☐> untuk digunakan untuk pemfokusan.

## ☐ AF Zon (Pemilihan Zon secara Manual)

19 titik AF terbahagi kepada lima zon untuk fokus. Semua titik AF di zon yang dipilih akan digunakan untuk pemilihan automatik titik fokus. Ia berkesan untuk subjek yang bergerak.

Walau bagaimanapun, kerana ia cenderung untuk fokus subjek terdekat, memfokus sasaran tertentu adalah lebih sukar berbanding dengan AF titik tunggal.

Titik AF yang mencapai fokus dipaparkan sebagai <☐>.



## AF Pemilihan Automatik 19 Titik

Semua titik AF digunakan untuk fokus. Mod ini ditetapkan secara automatik dalam mod Zon Asas (kecuali <img alt="AF-ON button" data-bbox="265 165 285 185"/>).



Dengan AF Tangkapan Tunggal, menekan butang pengatup separuh ke bawah akan memaparkan titik AF <img alt="AF point icon" data-bbox="295 235 315 255"/> yang mencapai fokus. Jika berbilang titik AF dipaparkan, ini bermakna semuanya telah mencapai fokus.



Dengan AF Servo AI, titik AF <img alt="AF point icon" data-bbox="295 355 315 375"/> yang dipilih secara manual (hlm.118) mula-mula digunakan untuk mencapai fokus. Titik AF yang mencapai fokus dipaparkan sebagai <img alt="AF point icon" data-bbox="295 375 315 395"/>.

## AF Menggunakan Pengesanan Ton Warna

Mengkonfigurasi yang berikut menjadikannya lebih mudah untuk fokus pada subjek manusia pegun.

- Tetapkan operasi AF kepada AF Tangkapan Tunggal.
- Tetapkan mod pemilihan kawasan AF kepada AF Zon (pemilihan zon secara manual) atau AF pemilihan automatik 19 titik.
- Di bawah [**F4: Custom Functions (Fungsi Tersuai) (C.Fn)**], tetapkan [**6: Auto AF point selection: Color Tracking (Pemilihan auto titik AF: Pengesanan Warna)**] kepada [**0: One-Shot AF only (AF Tangkapan Tunggal sahaja)**] (jika ditetapkan kepada [**1: Disable (Lumpuhkan)**]), secara asasnya subjek terdekat akan difokus (hlm.366).

- Apabila mod AF Servo AI ditetapkan dengan AF pemilihan automatik 19 titik atau AF Zon, titik AF aktif <img alt="AF point icon" data-bbox="295 715 315 735"/> akan terus beralih untuk mengesan subjek. Walau bagaimanapun, dalam keadaan penangkapan tertentu (contohnya apabila subjek adalah kecil), ia mungkin tidak dapat mengesan subjek. Juga, pada suhu yang rendah, respons pengesanan adalah lebih perlahan.
- Jika kamera tidak dapat fokus dengan sinar bantu AF Speedlite luaran dikhususkan EOS, tetapkan mod pemilihan kawasan AF kepada AF Titik tunggal (pemilihan manual) dan pilih titik AF tengah untuk autofokus.
- Apabila titik AF menyala, sebahagian atau kesemua pembedang tilik mungkin menyala merah. Ini merupakan ciri-ciri paparan titik AF menggunakan kristal cecair.
- Dalam suhu rendah, ia mungkin menjadi susah untuk melihat paparan titik AF kerana ciri-cirinya yang menggunakan kristal cecair.


## Operasi AF dan Apertur Lensa Maksimum

### Apertur Lensa Maksimum: f/3.2 - f/5.6

Dengan semua titik AF, AF jenis silang mungkin didapati sensitif kepada garisan menegak dan mendatar. Walau bagaimanapun, dengan lensa di bawah, titik AF persisian akan mengesan garisan menegak atau mendatar sahaja (tiada pemfokusan jenis silang).



### Lensa yang Tidak Menyokong Pemfokusan Jenis Silang dengan Titik AF Persisian



- Pemfokusan jenis silang
- Fokus sensitif garisan menegak
- Fokus sensitif garisan mendatar

Pemfokusan jenis silang pada titik AF  dan  tidak boleh dilakukan dengan lensa berikut:

EF35-80mm f/4-5.6, EF35-80mm f/4-5.6 II, EF35-80mm f/4-5.6 III,  
EF35-80mm f/4-5.6 USM, EF35-105mm f/4.5-5.6, EF35-105mm f/4.5-5.6  
USM, EF80-200mm f/4.5-5.6 II, EF80-200mm f/4.5-5.6 USM

### Apertur Lensa Maksimum: f/1.0 - f/2.8

Selain pemfokusan jenis silang (garisan menegak dan mendatar dikesan serentak), titik AF tengah juga boleh melaksanakan AF sensitif garisan menegak berketepatan tinggi.\*

Baki 18 titik AF melaksanakan pemfokusan jenis silang, seperti apabila apertur lensa maksimum adalah f/3.2 - f/5.6.

\* Kecuali EF28-80mm f/2.8-4L USM dan EF50mm f/2.5 Compact Macro.

## Subjek yang Sukar untuk Difokus

Autofokus boleh gagal mencapai fokus (penunjuk fokus pemidang tilik <●> berkelip) dengan subjek tertentu seperti berikut:

- Subjek dengan kontras yang amat rendah (Contoh: Langit biru, dinding warna padu, dll)
- Subjek dalam cahaya yang sangat malap
- Subjek bercahaya belakang yang terlalu terang dan memantul (Contoh: Kereta dengan badan yang sangat memantul, dll)
- Subjek jauh dan dekat yang dibingkaikan hampir dengan titik AF (Contoh: Haiwan di dalam sangkar, dll)
- Subjek seperti titik cahaya yang dibingkaikan hampir dengan titik AF (Contoh: Pemandangan malam, dll)
- Corak berulang (Contoh: Tingkap pencakar langit, papan kekunci komputer, dll)


Dalam hal seperti itu, lakukan salah satu daripada yang berikut:

- (1) Dengan AF Tangkapan Tunggal, fokus terhadap objek di jarak yang sama seperti subjek dan kuncikan fokus sebelum mengubah semula tangkapan (hlm.79).
- (2) Tetapkan suis mod fokus lensa kepada <MF> dan fokus secara manual.



- Bergantung pada subjek, fokus mungkin dicapai dengan mengubah semula tangkapan sedikit dan menjalankan operasi AF sekali lagi.
- Keadaan yang membuatkan pemfokusan sukar dengan AF semasa penangkapan Pandangan Langsung atau rakaman filem disenaraikan pada halaman 230.

## MF: Fokus Manual



Gelang fokus

- 1 **Tetapkan suis mod fokus lensa kepada <MF>.**
- 2 **Fokus pada subjek.**
  - Fokus dengan memutar gelang fokus lensa sehingga subjek kelihatan tajam dalam pemedang tilik.



Jika anda menekan butang pengatup separuh ke bawah semasa memfokus secara manual, titik AF yang mencapai fokus dan penunjuk fokus <●> akan menyala dalam pemedang tilik.


## Memilih Mod Pemacu

Mod pemacu tunggal dan berterusan disediakan.






### 1 Tekan butang < >.

- ▶ [Drive mode (Mod pemacu)] akan muncul.



### 2 Pilih mod pemacu.

- Tekan kekunci <  >  > untuk memilih mod pemacu yang diinginkan, kemudian tekan <  >.


#### : Penangkapan tunggal

Apabila anda menekan butang pengatup sepenuhnya, hanya satu tangkapan akan diambil.


#### : Penangkapan berterusan (Anggaran maksimum 5.0 tangkapan/saat)

Sementara anda menahan butang pengatup sepenuhnya, tangkapan akan diambil secara berterusan.

#### S : Penangkapan tunggal senyap

Penangkapan tunggal dengan kurang bunyi penangkapan berbanding dengan <  >.

#### S : Penangkapan berterusan senyap (Anggaran maksimum 3.0 tangkapan/saat)

Penangkapan berterusan dengan kurang bunyi penangkapan berbanding dengan <  >.


#### : Pemasa sendiri: 10saat/kawalan jauh

#### 2 : Pemasa sendiri: 2 saat

#### C : Pemasa sendiri: Berterusan

Untuk penangkapan pemasa sendiri, lihat halaman 126. Untuk penangkapan kawalan jauh, lihat halaman 378.



- Jika <math>\langle \square S \rangle</math> atau <math>\langle \square S \rangle</math> ditetapkan, jarak masa dari masa anda menekan butang pengatup sepenuhnya sehingga gambar ditangkap akan menjadi lebih lama berbanding dengan penangkapan tunggal atau penangkapan berterusan normal.
  - Dengan penangkapan Pandangan Langsung, <math>\langle \square S \rangle</math> dan <math>\langle \square S \rangle</math> tidak boleh ditetapkan.
  - Apabila aras bateri rendah, kelajuan penangkapan berterusan boleh menjadi sedikit perlahan.
  - Dalam operasi AF Servo AI, kelajuan penangkapan berterusan mungkin menjadi sedikit perlahan bergantung pada subjek dan lensa yang digunakan.
  - : Kelajuan penangkapan berterusan maksimum iaitu kira-kira 5.0 tangkapan/saat dicapai di bawah keadaan berikut\*: Pada kelajuan pengatup 1/500 saat atau yang lebih tinggi, pada apertur maksimum (berbeza bergantung pada lensa), Pembetulan herotan: Lumpuhkan, dan Penangkapan anti kelip: Lumpuhkan. Kelajuan penangkapan berterusan mungkin berkurangan bergantung pada kelajuan pengatup, apertur, keadaan subjek, kecerahan, lensa, penggunaan denyar, suhu, baki aras bateri, dll.
- \* Tetapkan mod operasi AF kepada AF Tangkapan Tunggal dan suis Penstabil Imej (IS) kepada MATI apabila menggunakan lensa berikut: EF300mm f/4L IS USM, EF28-135mm f/3.5-5.6 IS USM, EF75-300mm f/4-5.6 IS USM, dan EF100-400mm f/4.5-5.6L IS USM.

## ☺ Menggunakan Pemasa sendiri



### 1 Tekan butang <◀☺▶>.

▶ [Drive mode (Mod pemacu)] akan muncul.

### 2 Pilih pemasa sendiri.

● Tekan kekunci <◀> <▶> untuk memilih pemasa sendiri, kemudian tekan <SET>.


☺: **Pemasa sendiri 10 saat**

Alat kawalan jauh juga boleh digunakan (hlm.378).

☺<sub>2</sub>: **Pemasa sendiri 2 saat** (hlm.85)

☺<sub>C</sub>: **Pemasa sendiri 10 saat dengan tangkapan berterusan**

Tekan kekunci <▲> <▼> untuk menetapkan bilangan berbilang tangkapan (2 hingga 10) yang akan ditangkap dengan pemasa sendiri.



### 3 Ambil gambar.

● Lihat melalui pemidang tilik, fokus pada subjek, kemudian tekan butang pengatup sepenuhnya.

▶ Anda boleh periksa operasi pemasa sendiri dengan lampu pemasa sendiri, beeper dan paparan kiraan detik (dalam saat) pada panel LCD.

▶ 2 saat sebelum gambar diambil, lampu pemasa sendiri akan menyala dan beeper akan berbunyi dengan lebih cepat.

● Dengan <☺<sub>C</sub>>, selang antara berbilang tangkapan mungkin dilanjutkan bergantung pada tetapan fungsi penangkapan seperti kualiti rakaman imej atau denyar.

● Jika anda tidak melihat melalui pemidang tilik apabila anda menekan butang pengatup, pasang penutup kanta mata (hlm.379). Jika cahaya lilau memasuki pemidang tilik apabila gambar itu diambil, ia mungkin mempengaruhi pendedahan.

● Selepas mengambil tangkapan pemasa sendiri, memainkan balik imej (hlm.108) untuk memeriksa fokus dan pendedahan adalah disarankan.

● Apabila menggunakan pemasa sendiri untuk menangkap diri anda sahaja, gunakan kunci fokus (hlm.79) pada satu objek pada jarak yang agak sama seperti jarak anda akan berada.

● Untuk membatalkan pemasa sendiri selepas ia bermula, sentuh monitor LCD atau tekan butang <◀☺▶>.

# 4


## Tetapan Imej

Bab ini menerangkan tetapan fungsi berkaitan imej: Kualiti rakaman imej, kelajuan ISO, Gaya Gambar, white balance, Pengoptimum Pencahayaan Auto, pengurangan hingar, pembetulan penyimpangan lensa, penangkapan anti kelip dan fungsi lain.

- Dalam mod Zon Asas, hanya yang berikut boleh ditetapkan seperti yang diterangkan dalam bab ini: Kualiti rakaman imej dan pembetulan penyimpangan lensa.
- Ikon ☆ di sebelah kanan bahagian atas tajuk halaman menunjukkan fungsi tersebut tersedia hanya dalam mod Zon Kreatif (hlm.31).

## MENU Menetapkan Kualiti Rakaman Imej

Anda boleh memilih bilangan piksel dan kualiti imej. Sepuluh tetapan kualiti rakaman imej disediakan: L, L, M, M, S1, S1, S2, S3, RAW + L, RAW.




### 1 Pilih kualiti rakaman imej.

- Di bawah tab [ 1], pilih [**Image quality (Kualiti imej)**], kemudian tekan <SET>.
- ▶ [**Image quality (Kualiti imej)**] akan muncul.

Piksel direkod (bilangan piksel)

Tangkapan yang boleh diambil



### 2 Tetapkan kualiti rakaman imej.

- Bilangan piksel bagi kualiti masing-masing dan bilangan tangkapan yang boleh diambil akan dipaparkan untuk membantu anda memilih kualiti yang diinginkan. Kemudian tekan <SET>.

## Panduan untuk Tetapan Kualiti Rakaman Imej

(Anggaran)

Kualiti Imej		Piksel Dirakam (megapiksel)	Saiz Fail (MB)	Tangkapan yang Boleh Diambil	Bilangan Tangkapan Maksimum
	Kualiti tinggi	24 (24M)	7.6	940	180 (940)
			3.9	1810	1810 (1810)
	Kualiti sederhana	10.6 (11M)	4.0	1770	1770 (1770)
			2.0	3500	3500 (3500)
	Kualiti rendah	5.9 (5.9M)	2.5	2830	2830 (2830)
			1.3	5320	5320 (5320)
S2		2.5 (2.5M)	1.3	5320	5320 (5320)
S3		0.35 (0.3M)	0.3	20180	20180 (20180)
+	Kualiti tinggi	24 (24M)	28.1+7.6	190	6 (6)
			28.1	240	7 (8)

\* Saiz fail, bilangan tangkapan yang boleh diambil dan bilangan tangkapan maksimum untuk penangkapan berterusan berdasarkan standard pengujian Canon (nisbah bidang 3:2, ISO 100 dan Gaya Gambar Standard) menggunakan kad 8 GB. **Angka tersebut akan bertukar bergantung pada subjek, jenama kad, nisbah bidang, kelajuan ISO, Gaya Gambar, Fungsi Tersuai dan tetapan lain.**

\* Angka dalam kurungan digunakan untuk kad 8 GB serasi UHS-I berdasarkan standard pengujian Canon.




Walaupun anda menggunakan kad kelas UHS-I, penunjuk bilangan tangkapan maksimum tidak akan bertukar. Walau bagaimanapun, bilangan tangkapan maksimum dalam tanda kurung dalam jadual di atas akan diguna pakai semasa penangkapan berterusan.

## ? SOALAN-SOALAN LAZIM

- **Saya ingin memilih kualiti rakaman imej yang sepadan dengan saiz kertas untuk pencetakan.**

### Saiz kertas



Rujuk kepada gambar rajah di bahagian kiri apabila memilih kualiti rakaman imej. Jika anda ingin memotong imej, anda disarankan supaya memilih kualiti yang lebih tinggi (lebih banyak piksel) seperti **L**, **M**, **RAW+L** atau **RAW**. **S2** sesuai untuk memainkan balik imej dengan bingkai gambar digital. **S3** sesuai untuk menghantar imej melalui e-mel atau mengunggahnya di laman Web.

- **Apakah perbezaan antara **L** dan **M**?**

Tetapan ini menunjukkan aras kualiti imej yang berbeza disebabkan oleh kadar pemampatan yang berbeza. Tetapan **L** menghasilkan kualiti imej yang lebih tinggi dengan bilangan piksel yang sama. Walaupun **M** menghasilkan kualiti imej yang rendah sedikit, ini membenarkan lebih banyak imej untuk disimpan pada kad. Kedua-dua **S2** dan **S3** mempunyai kualiti **L** (Halus).

- **Saya boleh mengambil lebih banyak tangkapan daripada bilangan tangkapan yang boleh diambil seperti yang ditunjukkan.**

Bergantung pada keadaan penangkapan, anda mungkin boleh mengambil tangkapan lebih banyak daripada yang ditunjukkan. Ia juga mungkin kurang daripada yang ditunjukkan. Bilangan tangkapan yang boleh diambil yang dipaparkan hanyalah anggaran.

- **Adakah kamera memaparkan bilangan tangkapan maksimum?**

Bilangan tangkapan maksimum dipaparkan di sebelah kanan pemandang tilik. Memandangkan ia hanya penunjuk digit tunggal **0 - 9**, sebarang nombor yang lebih tinggi daripada 8 hanya akan dipaparkan sebagai **9**. Sila ambil perhatian bahawa nombor ini juga akan dipaparkan walaupun apabila tiada kad dipasangkan di dalam kamera ini. Pastikan anda tidak menangkap tanpa kad di dalam kamera.

- **Bilakah patut saya menggunakan **RAW**?**


Imej **RAW** mesti diproses pada komputer. Untuk butiran, lihat "**RAW**" dan "**RAW+L**" pada halaman seterusnya.

## RAW

**RAW** ialah data imej mentah sebelum ia dijadikan **L** atau imej lain. Imej **RAW** tidak boleh dilihat pada komputer tanpa menggunakan perisian EOS, seperti Digital Photo Professional (hlm.438). Walau bagaimanapun, anda boleh melakukan pelbagai pelarasan yang mustahil dilakukan dengan jenis imej lain seperti **L**. **RAW** adalah berkesan apabila anda ingin melaraskan imej itu dengan tepat atau menangkap subjek yang penting.

## RAW + L

**RAW + L** merakam imej **RAW** dan imej **L** dengan tangkapan tunggal. Dua imej itu disimpan pada kad secara serentak. Dua imej itu akan disimpan dalam folder yang sama dengan nombor fail yang sama (sambungan fail .JPG untuk JPEG dan .CR2 untuk RAW). Imej **L** boleh dilihat atau dicetak walaupun dengan komputer yang tidak dipasang dengan perisian EOS.




### Perisian Pemprosesan Imej RAW

- Penggunaan "Digital Photo Professional" (perisian EOS, hlm.438) adalah disarankan apabila melihat imej RAW pada komputer.
- Versi Digital Photo Professional terdahulu mungkin tidak boleh memproses imej RAW yang diambil dengan kamera ini. Jika versi Digital Photo Professional terdahulu dipasang pada komputer anda, kemas kini (tulis ganti) perisian ini seperti berikut.
  - Apabila perisian CD-ROM (EOS DIGITAL Solution Disk) disertakan dengan kamera:
    - Pasangkan Digital Photo Professional daripada CD-ROM.
  - Apabila perisian CD-ROM (EOS DIGITAL Solution Disk) tidak disertakan dengan kamera:
    - Muat turun versi Digital Photo Professional yang serasi dengan kamera ini daripada laman Web Canon.
- Perisian yang tersedia dalam pasaran mungkin tidak boleh memaparkan imej RAW yang diambil dengan kamera ini. Untuk maklumat keserasian, sila hubungi pengeluar perisian.


## MENU Menukar Nisbah Bidang Imej☆

Anda boleh menukar nisbah bidang imej. [3:2] ditetapkan secara lalai. Apabila [4:3], [16:9] atau [1:1] ditetapkan, garisan akan muncul untuk menunjukkan julat penangkapan. Ketika penangkapan Pandangan Langsung, imej muncul dan kawasan di sekitarnya dilitupi dengan warna hitam.



### 1 Pilih nisbah bidang.

- Di bawah tab [CAMERA], pilih [Aspect ratio (Nisbah bidang)], kemudian tekan <SET>.
- ▶ [Aspect ratio (Nisbah bidang)] akan muncul.



### 2 Tetapkan nisbah bidang.

- Pilih nisbah bidang, kemudian tekan <SET>.

#### ● Imej JPEG

Imej akan disimpan dengan nisbah bidang yang ditetapkan.

#### ● Imej RAW

Imej akan disimpan dengan nisbah bidang [3:2]. Maklumat nisbah bidang terpilih akan ditambah kepada fail imej RAW. Apabila anda memproses imej RAW dengan perisian EOS, ini membolehkan anda menghasilkan imej dengan nisbah bidang yang sama dengan yang telah ditetapkan untuk penangkapan. Dalam keadaan nisbah bidang [4:3], [16:9] dan [1:1], garisan yang menunjukkan nisbah bidang akan muncul ketika main balik imej, tetapi garisan tersebut sebenarnya tidak dilukis pada imej.

Jadual di bawah menunjukkan nisbah bidang dan bilangan piksel direkod untuk setiap kualiti rakaman imej.


Kualiti Imej	Nisbah Bidang dan Bilangan Piksel (anggaran)			
	3:2	4:3	16:9	1:1
<b>L</b>	6000x4000 (24.0 mega piksel)	5328x4000* (21.3 mega piksel)	6000x3368* (20.2 mega piksel)	4000x4000 (16.0 mega piksel)
<b>RAW</b>				
<b>M</b>	3984x2656 (10.6 mega piksel)	3552x2664 (9.5 mega piksel)	3984x2240* (8.9 mega piksel)	2656x2656 (7.1 mega piksel)
<b>S1</b>	2976x1984 (5.9 mega piksel)	2656x1992 (5.3 mega piksel)	2976x1680* (5.0 mega piksel)	1984x1984 (3.9 mega piksel)
<b>S2</b>	1920x1280 (2.5 mega piksel)	1696x1280* (2.2 mega piksel)	1920x1080 (2.1 mega piksel)	1280x1280 (1.6 mega piksel)
<b>S3</b>	720x480 (0.35 mega piksel)	640x480 (0.31 mega piksel)	720x408* (0.29 mega piksel)	480x480 (0.23 mega piksel)




- Tetapan kualiti rakaman imej yang ditandai dengan asterisk tidak sepadan dengan nisbah bidang masing-masing dengan tepat.
- Julat penangkapan yang dipaparkan untuk nisbah bidang yang ditandai dengan asterisk lebih besar sedikit daripada kawasan yang dirakam. Semak imej yang ditangkap pada monitor LCD apabila menangkap.
- Jika anda menggunakan kamera yang berbeza untuk mencetak terus imej yang ditangkap dengan kamera ini dalam nisbah bidang 1:1, imej mungkin tidak dicetak dengan betul.

# ISO: Menukar Kelajuan ISO untuk Sesuai dengan Cahaya ☆



Tetapkan kelajuan ISO (kepekaan pengesanan imej kepada cahaya) untuk sesuai dengan aras cahaya sekitar. Dalam mod Zon Asas, kelajuan ISO ditetapkan secara automatik (hlm.136).



1 Tekan butang <ISO> (☆6).



2 Tetapkan kelajuan ISO.

- Semasa melihat pada panel LCD atau pemidang tilik, putar dial <  > atau dial <  >.
- ▶ “A” menunjukkan ISO Auto. Kelajuan ISO akan ditetapkan secara automatik (hlm.136).

## Panduan Kelajuan ISO

Kelajuan ISO	Keadaan Penangkapan (Tiada denyar)	Julat Denyar
ISO 100 - ISO 400	Cuaca cerah di luar	Semakin tinggi kelajuan ISO, semakin jauh capaian julat denyarnya (hlm.178).
ISO 400 - ISO 1600	Langit mendung atau waktu petang	
ISO 1600 - ISO 12800, H	Dalam bangunan atau malam gelap	

\* Kelajuan ISO yang tinggi akan menghasilkan imej yang lebih berbintik-bintik.

Di bawah [4: Custom Functions (Fungsi Tersuai) (C.Fn)], jika [2: ISO expansion (Pengembangan ISO)] ditetapkan kepada [1: On (Hidup)], “H” (bersamaan dengan ISO 25600) juga boleh dipilih (hlm.363).


- Di bawah [4: Custom Functions (Fungsi Tersuai) (C.Fn)], jika [3: Highlight tone priority (Keutamaan ton sorotan)] ditetapkan kepada [1: Enable (Aktif)], ISO 100 dan “H” (bersamaan dengan ISO 25600) tidak boleh dipilih (hlm.364).
- Menangkap gambar dalam suhu tinggi boleh menghasilkan imej yang kelihatan lebih berbintik-bintik. Pendedahan panjang boleh juga menyebabkan warna tidak sekata dalam imej.



- Apabila anda menangkap pada kelajuan ISO tinggi, hingar (seperti titik cahaya dan penjaluran) mungkin menjadi ketara.
- Jika anda menggunakan kelajuan ISO tinggi dan denyar untuk menangkap gambar subjek dekat, mungkin berlaku pendedahan berlebihan.
- Apabila mengambil gambar dalam keadaan yang menghasilkan jumlah hingar yang sangat banyak, seperti gabungan kelajuan ISO tinggi, suhu tinggi dan pendedahan lama, imej mungkin tidak direkod dengan betul.
- Oleh sebab “H” (bersamaan dengan ISO 25600) ialah tetapan kelajuan ISO tambahan, hingar (seperti titik cahaya dan penjaluran) dan warna tak sekata akan lebih ketara dan resolusi akan lebih rendah daripada biasa.
- Oleh kerana kelajuan ISO maksimum yang boleh ditetapkan adalah berbeza antara penangkapan foto pegun dan rakaman filem (pendedahan manual), kelajuan ISO yang anda tetapkan mungkin berubah apabila anda bertukar daripada penangkapan foto pegun kepada rakaman filem. Walaupun jika anda menukar kembali kepada penangkapan foto pegun, kelajuan ISO tidak akan kembali ke tetapan asal. Kelajuan ISO maksimum yang boleh ditetapkan adalah berbeza bergantung pada tetapan untuk [2: ISO expansion (Pengembangan ISO)] di bawah [4: Custom Functions (Fungsi Tersuai) (C.Fn)].
  - Apabila [0: Off] ditetapkan: Jika anda menetapkan ISO 12800 ketika penangkapan foto pegun dan kemudian bertukar kepada rakaman filem, kelajuan ISO akan bertukar menjadi ISO 6400.
  - Apabila [1: On] ditetapkan: Jika anda menetapkan ISO 12800 atau “H” (bersamaan dengan ISO 25600) ketika penangkapan foto pegun dan kemudian bertukar kepada rakaman filem, kelajuan ISO akan bertukar menjadi “H” (bersamaan dengan ISO 12800).


## **MENU** Menetapkan Kelajuan ISO Maksimum bagi [AUTO]<sup>☆</sup>

Untuk ISO Auto, anda boleh menetapkan had kelajuan ISO maksimum antara ISO 400 - ISO 6400.



Di bawah tab [3], pilih [ISO Auto], kemudian tekan <SET>. Pilih kelajuan ISO, kemudian tekan <SET>.

## ISO [AUTO]



Jika kelajuan ISO ditetapkan kepada “A” (Auto), tetapan kelajuan ISO yang sebenar akan dipaparkan apabila anda menekan butang pengatup separuh ke bawah. Seperti yang ditunjukkan di bawah, kelajuan ISO akan ditetapkan secara automatik supaya sesuai dengan mod penangkapan.

Mod Penangkapan	Tetapan Kelajuan ISO		
	Tiada Denyar	Dengan Denyar	
/  /  /  /  /	ISO 100 - ISO 6400	ISO 400 <sup>*2</sup> (Kecuali dalam mod , dan .)	
	ISO 100 - ISO 1600		
SCN	/  /  /  /		ISO 100 - ISO 6400
			ISO 100 - ISO 12800
P/Tv/Av/M	ISO 100 - ISO 6400 <sup>*1</sup>		
Dengan pendedahan mentol	ISO 400		

\*1: Bergantung pada had kelajuan ISO maksimum yang ditetapkan (hlm.135).

\*2: (1) Jika denyar pemenuh mengakibatkan pendedahan berlebihan, ISO 100 atau kelajuan ISO yang lebih tinggi akan ditetapkan.

(2) Dalam mod , , , , , dan , jika anda menggunakan denyar lantun dengan Speedlite luaran, kelajuan ISO akan ditetapkan secara automatik dalam ISO 400 - ISO 1600 (atau sehingga had maksimum).

Apabila [AUTO] ditetapkan, kelajuan ISO ditunjukkan dalam kenaikan hentian penuh. Namun, kelajuan ISO sebenarnya ditetapkan dalam kenaikan yang lebih halus. Oleh itu, dalam maklumat penangkapan imej (hlm.328), anda mungkin menjumpai kelajuan ISO seperti ISO 125 atau ISO 640 dipaparkan sebagai kelajuan ISO.

## Memilih Gaya Gambar ☆


Dengan memilih Gaya Gambar, anda boleh mendapatkan ciri-ciri imej yang sepadan dengan ekspresi fotografi anda atau subjek.

Dalam mod Zon Asas, [] (Auto) ditetapkan secara automatik.





### 1 Tekan butang <▼ >.

- ▶ Skrin pemilihan Gaya Gambar akan muncul.



### 2 Pilih Gaya Gambar.


- Pilih Gaya Gambar, kemudian tekan <SET>.
- ▶ Gaya Gambar akan ditetapkan.

 Anda juga boleh memilih Gaya Gambar dengan [ 2: Picture Style (Gaya Gambar)].

## Ciri-ciri Gaya Gambar

### Auto

Ton warna akan dilaraskan secara automatik supaya sesuai dengan pemandangan. Warna akan kelihatan terang, terutamanya bagi langit biru, tumbuhan hijau dan matahari terbenam, serta dalam pemandangan semula jadi, luar dan matahari terbenam.

 Jika ton warna yang diinginkan tidak diperoleh dengan [**Auto**], guna Gaya Gambar lain.

### Standard

Imej kelihatan terang, tajam dan ketara. Ini ialah Gaya Gambar serbaguna sesuai untuk kebanyakan pemandangan.

### **Portrait (Potret)**

Untuk ton kulit yang baik. Imej kelihatan lebih lembut. Sesuai untuk potret tangkap dekat.

Dengan menukar [**Color tone (Ton Warna)**] (hlm.140), anda boleh melaraskan ton kulit.

### **Landscape (Landskap)**

Untuk warna biru dan hijau terang serta imej yang sangat tajam dan ketara. Berkesan untuk landskap mengagumkan.

### **Neutral**

Gaya Gambar ini untuk pengguna yang lebih suka memproses imej dengan komputer mereka. Untuk warna semula jadi dan imej lembut dengan kecerahan dan ketepuan warna yang sederhana.

### **Faithful (Setia)**

Gaya Gambar ini untuk pengguna yang lebih suka memproses imej dengan komputer mereka. Warna subjek yang ditangkap di bawah cahaya matahari pada suhu warna 5200K akan dilaraskan untuk sepadan dengan warna kolorimetri subjek. Untuk imej lembut dengan kecerahan dan ketepuan warna yang sederhana.

### **Monochrome (Monokrom)**

Menghasilkan imej hitam dan putih.




Imej hitam dan putih ditangkap dalam JPEG tidak boleh menjadi berwarna. Jika kemudian anda ingin menangkap gambar dalam berwarna, pastikan tetapan [**Monochrome (Monokrom)**] dibatalkan. Apabila [**Monochrome (Monokrom)**] dipilih, <B/W> akan muncul di pemedang tilik.

### **User Def. (Pilihan Pengguna) 1-3**

Anda boleh mendaftar gaya asas seperti [**Portrait (Potret)**], [**Landscape (Landskap)**], fail Gaya Gambar dll, dan melaraskannya seperti diingini (hlm.142). Mana-mana Gaya Gambar Pilihan Pengguna yang belum ditetapkan akan mempunyai tetapan lalai sama seperti Gaya Gambar [**Auto**].

## Menyesuaikan Gaya Gambar ☆

Anda boleh menyesuaikan Gaya Gambar dengan melaraskan parameter individu seperti [Sharpness (Ketajaman)] dan [Contrast (Kontras)]. Untuk melihat kesan yang dihasilkan, ambil tangkapan ujian. Untuk menyesuaikan [Monochrome (Monokrom)], lihat halaman 141.




### 1 Tekan butang <▼ >.

- ▶ Skrin pemilihan Gaya Gambar akan muncul.


### 2 Pilih Gaya Gambar.

- Pilih Gaya Gambar, kemudian tekan butang <INFO>.




### 3 Pilih parameter.

- Pilih parameter seperti [Sharpness (Ketajaman)], kemudian tekan <SET>.



### 4 Tetapkan parameter.

- Tekan kekunci <◀> <▶> untuk melaraskan parameter seperti yang diinginkan, kemudian tekan <SET>.
- Tekan butang <MENU> untuk menyimpan parameter yang telah dilaraskan. Skrin pemilihan Gaya Gambar akan muncul semula.
- ▶ Mana-mana tetapan parameter yang berbeza daripada tetapan lalai akan dipaparkan dalam warna biru.



- Dengan memilih [Default set. (Tetapan lalai)] dalam langkah 3, anda boleh tukar tetapan parameter Gaya Gambar masing-masing kepada tetapan parameter lainnya.
- Untuk menangkap dengan Gaya Gambar yang anda laraskan, ikuti langkah 2 pada halaman 137 untuk memilih Gaya Gambar yang dilaraskan, kemudian tangkap.

## Tetapan Parameter dan Kesan

### 🔍 Sharpness (Ketajaman)

#### Melaraskan ketajaman imej.

Untuk mengurangkan ketajaman imej, tetapkannya ke arah hujung **0**. Semakin dekat ia kepada **0**, imej akan kelihatan lebih lembut. Untuk menjadikannya lebih tajam, tetapkannya ke arah hujung **7**. Semakin dekat ia kepada **7**, imej akan kelihatan lebih tajam.

### 🎨 Contrast (Kontras)

#### Laraskan kontras imej dan keterangan warna.

Untuk mengurangkan kontras, tetapkannya ke arah hujung yang bertanda tolak. Semakin dekat ia kepada **-**, imej akan kelihatan lebih pudar.

Untuk meningkatkan kontras, tetapkannya ke arah hujung bertanda tambah. Semakin dekat ia kepada **+**, imej kelihatan semakin ketara.

### 🌈 Saturation (Ketepuan)

#### Melaraskan ketepuan warna dalam imej.

Untuk mengurangkan ketepuan warna, tetapkannya ke arah hujung bertanda tolak. Semakin dekat ia kepada **-**, warna akan kelihatan lebih cair.

Untuk meningkatkan ketepuan warna, tetapkannya ke arah hujung bertanda tambah. Semakin dekat ia kepada **+**, warna kelihatan semakin tebal.

### 🎨 Color tone (Ton warna)

#### Melaraskan ton warna kulit.


Untuk menjadikan warna kulit kelihatan lebih merah, tetapkannya ke arah hujung bertanda tolak. Semakin dekat ia kepada **-**, ton kulit akan kelihatan lebih merah.

Untuk mengurangkan kemerahan kulit, tetapkannya ke arah hujung bertanda tambah. Semakin dekat ia kepada **+**, ton kulit akan kelihatan lebih kuning.

## Pelarasan Monokrom


Untuk Monokrom, anda juga boleh menetapkan [**Filter effect (Kesan penuras)**] dan [**Toning effect (Kesan ton)**] selain daripada [**Sharpness (Ketajaman)**] dan [**Contrast (Kontras)**] yang diterangkan dalam halaman sebelumnya.

### Kesan Penuras




Dengan kesan penuras dikenakan pada imej monokrom, anda boleh membuat awan putih atau pokok hijau lebih menonjol.

Penuras	Kesan Sampel
N: None (Tiada)	Imej hitam dan putih biasa tanpa kesan penuras.
Ye: Yellow (Kuning)	Langit biru akan kelihatan lebih semula jadi dan awan putih kelihatan lebih ketara.
Or: Orange (Jingga)	Langit biru akan kelihatan gelap sedikit. Matahari terbenam akan kelihatan lebih marak.
R: Red (Merah)	Langit biru akan kelihatan agak gelap. Daun gugur akan kelihatan lebih ketara dan cerah.
G: Green (Hijau)	Ton kulit dan bibir akan kelihatan lembut. Daun pokok hijau akan kelihatan lebih ketara dan cerah.

 Meningkatkan [**Contrast (Kontras)**] akan membuatkan kesan penuras lebih jelas.

### Kesan Pengetonan



Dengan menggunakan kesan ton, anda boleh mencipta imej monokrom dalam warna tersebut. Ia boleh membuatkan imej kelihatan lebih mengagumkan. Yang berikut boleh dipilih: [**N:None (Tiada)**], [**S:Sepia**], [**B:Blue (Biru)**], [**P:Purple (Ungu)**] atau [**G:Green (Hijau)**].

## Mendaftarkan Gaya Gambar ☆


Anda boleh memilih Gaya Gambar asas seperti [**Portrait (Potret)**] atau [**Landscape (Landskap)**], laraskan parameternya seperti yang diinginkan dan daftarkannya di bawah [**User Def. 1 (Pilihan Pengguna 1)**], [**User Def. 2 (Pilihan Pengguna 2)**] atau [**User Def. 3 (Pilihan Pengguna 3)**].

Anda boleh mencipta pelbagai Gaya Gambar dengan tetapan berbeza untuk parameter seperti ketajaman dan kontras.

Anda juga boleh melaraskan parameter Gaya Gambar yang didaftarkan ke dalam kamera dengan EOS Utility (perisian EOS, hlm.438).


### 1 Tekan butang < >.

- ▶ Skrin pemilihan Gaya Gambar akan muncul.




### 2 Pilih [**User Def. \* (Pilihan Pengguna \*)**].

- Pilih [**User Def. \* (Pilihan Pengguna \*)**], kemudian tekan <INFO.>.
- ▶ Skrin tetapan Perincian akan muncul.





### 3 Tekan < >.

- Dengan [**Picture Style (Gaya Gambar)**] dipilih, tekan < >.



### 4 Pilih Gaya Gambar asas.

- Pilih Gaya Gambar asas, kemudian tekan < >.
- Untuk melaraskan parameter Gaya Gambar yang didaftarkan ke dalam kamera dengan EOS Utility (perisian EOS), pilih Gaya Gambar di sini.



## 5 Pilih parameter.

- Pilih parameter seperti [**Sharpness (Ketajaman)**], kemudian tekan <SET>.




## 6 Tetapkan parameter.

- Tekan kekunci <◀> <▶> untuk melaraskan parameter seperti yang diinginkan, kemudian tekan <SET>.

Untuk maklumat lanjut, lihat “Menyesuaikan Gaya Gambar” pada halaman 139-141.

- Tekan butang <MENU> untuk mendaftarkan Gaya Gambar yang diubah suai. Skrin pilihan Gaya Gambar kemudian akan muncul semula.
- Gaya Gambar asas akan ditunjukkan pada sebelah kanan [**User Def. \* (Pilihan Pengguna \*)**].




- Jika Gaya Gambar telah didaftarkan di bawah [**User Def. \* (Pilihan Pengguna \*)**], menukar Gaya Gambar asas dalam langkah 4 akan membatalkan tetapan parameter Gaya Gambar yang didaftarkan.
- Jika anda melakukan [**Clear all camera settings (Hapus semua tetapan kamera)**] (hlm.288), Gaya Gambar dan parameternya yang ditetapkan di bawah [**User Def. \* (Pilihan Pengguna \*)**] akan dikembalikan kepada tetapan lalai. Gaya Gambar yang didaftarkan melalui EOS Utility (perisian EOS) hanya akan mempunyai parameter yang diubah suai dikembalikan kepada tetapan lalai.



- Untuk menangkap dengan Gaya Gambar yang didaftarkan, ikuti langkah 2 pada halaman 137 untuk memilih [**User Def. \* (Pilihan Pengguna \*)**], kemudian tangkap.
- Berkenaan dengan prosedur untuk mendaftarkan fail Gaya Gambar ke dalam kamera, rujuk kepada Manual Arahan EOS Utility (hlm.440).


## WB: Memadankan Sumber Cahaya ☆

Fungsi yang melaraskan ton warna supaya objek putih kelihatan putih dalam gambar dipanggil white balance (WB). Biasanya, tetapan [AWB] (Auto) akan mendapatkan white balance yang betul. Jika warna yang kelihatan semula jadi tidak boleh diperolehi dengan [AWB], anda boleh memilih white balance untuk sepadan dengan sumber cahaya atau menentukannya secara manual dengan menangkap objek putih.



### 1 Tekan butang <▲ WB>.

- ▶ [White balance] akan muncul.



### 2 Pilih tetapan white balance.

- Pilih tetapan yang diinginkan, kemudian tekan <SET>.
- “Anggaran \*\*\*\*K” (K: Kelvin) yang dipaparkan untuk tetapan white balance <☀>, <🏠>, <☁>, <☀> atau <🌙> ialah suhu warna yang berkaitan.


## 📷 White Balance Tersuai

White balance tersuai membolehkan anda menetapkan white balance bagi sumber cahaya tertentu secara manual untuk ketepatan yang lebih baik. Lakukan prosedur ini di bawah sumber cahaya sebenar yang akan digunakan.



### 1 Tangkap objek putih.

- Lihat melalui pemidang tilik dan sasarkan keseluruhan kotak garisan putus-putus (ditunjukkan dalam ilustrasi) pada objek putih bersih.
- Fokus secara manual dan tangkap dengan pendedahan standard yang ditetapkan untuk objek putih.
- Anda boleh menggunakan tetapan white balance.




## 2 Pilih [Custom White Balance (White Balance Tersuai)].

- Di bawah tab [CAMERA], pilih [Custom White Balance (White Balance Tersuai)], kemudian tekan <SET>.
- ▶ Skrin pilihan white balance tersuai akan muncul.



## 3 Import data white balance.

- Pilih imej yang ditangkap dalam langkah 1, kemudian tekan <SET>.
- ▶ Pada skrin dialog yang muncul, pilih [OK] dan data akan diimport.
- Apabila menu muncul semula, tekan butang <MENU> untuk keluar daripada menu.



## 4 Pilih [WB (Custom (Tersuai))].

- Tekan butang <▲ WB>.
- Pilih [WB (Custom (Tersuai))], kemudian tekan <SET>.



- Jika pendedahan diperoleh dalam langkah 1 berbeza banyak daripada pendedahan standard, white balance yang betul mungkin tidak dapat diperoleh.
- Dalam langkah 3, imej yang berikut tidak boleh dipilih: Imej yang ditangkap semasa Gaya Gambar ditetapkan kepada [Monochrome (Monokrom)] (hlm.138), imej yang diproses dengan penuras Kreatif, imej yang dipotong dan imej yang ditangkap dengan kamera lain.




- Selain objek putih, carta kelabu atau pemantul kelabu 18% (boleh didapati secara komersil) boleh menghasilkan white balance yang lebih tepat.
- White balance yang didaftarkan dengan EOS Utility (perisian EOS, hlm.438) akan didaftarkan di bawah [CUSTOM]. Jika anda melakukan langkah 3, data untuk white balance peribadi yang didaftarkan akan dipadam.

## WB +/- Melaraskan Ton Warna bagi Sumber Cahaya ☆


Anda boleh membetulkan white balance yang ditetapkan. Pelarasan ini akan memberikan kesan yang sama seperti menggunakan penuras penukaran suhu warna atau penuras pemampasan warna yang boleh didapati secara komersil. Setiap warna boleh dibetulkan kepada satu daripada sembilan aras. Fungsi ini adalah untuk pengguna mahir yang biasa dengan penggunaan penukaran suhu warna atau penuras pemampasan warna.

### Pembetulan White Balance



#### 1 Pilih [WB Shift/Bkt. (Anjakan/Bkt. WB)].


- Di bawah tab [WB], pilih [WB Shift/Bkt. (Anjakan/Bkt. WB)], kemudian tekan <SET>.
- ▶ Skrin pembetulan WB/bracketing WB akan muncul.



#### 2 Tetapkan pembetulan white balance.

- Tekan kekunci <▲> <▼> atau <◀> <▶> untuk menggerakkan tanda "■" ke kedudukan yang sesuai.
- B adalah untuk biru, A adalah untuk ambar, M adalah untuk magenta dan G adalah untuk hijau. Imbangan warna imej akan dilaraskan ke arah warna dalam arah gerakan.
- Di sebelah kanan bahagian atas, "Shift (Anjakan)" menunjukkan arah dan jumlah pembetulan masing-masing.
- Menekan butang <Clear all> akan membatalkan semua tetapan [WB Shift/Bkt. (Anjakan/Bkt. WB)].
- Tekan <SET> untuk keluar daripada tetapan dan kembali ke menu.


Tetapan sampel: A2, G1




- Apabila white balance telah dibetulkan, <WB> akan dipaparkan dalam pemidang tilik dan pada monitor LCD.
- Satu aras daripada pembetulan biru/ambar sama dengan kurang 5 mired penuras penukaran suhu warna. (Mired: Unit pengukuran menunjukkan ketumpatan penuras penukaran suhu warna.)

## Bracketing Auto White Balance

Dengan hanya satu tangkapan, tiga imej dengan ton warna berlainan boleh direkod secara serentak. Berdasarkan suhu warna tetapan white balance semasa, imej akan ditarafkan dengan bias biru/amber atau magenta/hijau. Ini dipanggil bracketing white balance (WB Bkt.). Bracketing white balance boleh dilaraskan sehingga  $\pm 3$  aras dalam kenaikan aras tunggal.



Bias B/A  $\pm 3$  aras



### Tetapkan jumlah bracketing white balance.

- Dalam langkah 2 untuk “Pembetulan white balance”, apabila anda memutar dail  $\langle \text{WB} \rangle$ , tanda “■” pada skrin akan bertukar menjadi “■■■” (3 titik). Memutar dail ke kanan menetapkan bracketing B/A dan memutarnya ke kiri menetapkan bracketing M/G.
- ▶ Pada sebelah kanan, “**Bracket**” menunjukkan arah bracketing dan jumlah pembetulan.
- Menekan butang  $\langle \text{Trash} \rangle$  akan membatalkan semua tetapan [WB Shift/Bkt. (Anjakan/Bkt. WB)].
- Tekan  $\langle \text{SET} \rangle$  untuk keluar daripada tetapan dan kembali ke menu.

### Urutan Bracketing


Image akan dikenakan bracketing dalam urutan berikut: 1. White balance standard, 2. Bias biru (B) dan 3. Bias amber (A), atau 1. White balance standard, 2. Bias magenta (M) dan 3. Bias hijau (G).

☛ Semasa bracketing WB, bilangan tangkapan maksimum untuk penangkapan berterusan akan lebih rendah dan bilangan tangkapan yang boleh diambil juga akan berkurang sehingga kira-kira satu pertiga bilangan biasa.

- ☛ Anda juga boleh menetapkan pembetulan white balance dan AEB bersama dengan bracketing white balance. Jika anda menetapkan AEB dalam gabungan dengan bracketing white balance, sejumlah sembilan imej akan direkod untuk tangkapan tunggal.
- Oleh sebab tiga imej direkod untuk satu tangkapan, ia mengambil masa lebih lama untuk merekod imej pada kad.
- Semasa penangkapan Pandangan Langsung atau rakaman filem, ikon white balance akan berkelip.
- “**Bkt**” ialah singkatan untuk bracketing.


## MENU Pembetulan Auto Kecerahan dan Kontras ☆

Jika imej yang terhasil gelap dan kontras rendah, kecerahan dan kontras boleh dibetulkan secara automatik. Fungsi ini dipanggil Pengoptimum Pencahayaan Auto. Tetapan lalai ialah **[Standard]**. Dengan imej JPEG, pembetulan dikenakan apabila imej ditangkap. Dalam mod Zon Asas, **[Standard]** ditetapkan secara automatik.



### 1 Pilih [Auto Lighting Optimizer (Pengoptimum Pencahayaan Auto)].

- Di bawah tab [2], pilih [Auto Lighting Optimizer (Pengoptimum Pencahayaan Auto)], kemudian tekan <SET>.



### 2 Pilih tetapan.

- Pilih tetapan yang diinginkan, kemudian tekan <SET>.

### 3 Ambil gambar.

- Imej akan direkod dengan kecerahan dan kontras dibetulkan jika perlu.


- Di bawah [4: Custom Functions (Fungsi Tersuai) (C.Fn)], jika [3: Highlight tone priority (Keutamaan ton sorotan)] ditetapkan kepada [1: Enable (Aktif)], [Auto Lighting Optimizer (Pengoptimum Pencahayaan Auto)] ditetapkan secara automatik kepada [Disable (Lumpuhkan)].
- Jika tetapan selain daripada [Disable (Lumpuhkan)] ditetapkan dan anda menggunakan pampasan pendedahan atau pampasan pendedahan denyar untuk menggelapkan pendedahan, imej yang terhasil mungkin masih cerah. Jika anda ingin pendedahan yang lebih gelap, tetapkan fungsi ini ke [Disable (Lumpuhkan)].
- Bergantung pada keadaan penangkapan, hingar mungkin meningkat.

Dalam langkah 2, jika anda menekan butang <INFO.> dan buang tanda [✓] tetapan [Disable during man expo (Lumpuhkan semasa pendedahan manual)], Pengoptimum Pencahayaan Auto juga boleh ditetapkan dalam mod <M>.

## MENU Menetapkan Pengurangan Hingar ☆


### Pengurangan Hingar ISO Berkelajuan Tinggi

Fungsi ini mengurangkan hingar yang dihasilkan dalam imej. Walaupun pengurangan hingar dikenakan pada semua kelajuan ISO, ia berkesan terutamanya pada kelajuan ISO tinggi. Pada kelajuan ISO rendah, hingar dalam bahagian gelap imej (kawasan berbayang) lebih dikurangkan. Menukar tetapan untuk sepadan dengan aras hingar.



#### 1 Pilih [High ISO speed NR (Pengurangan Hingar ISO berkelajuan tinggi)].

- Di bawah tab [CAMERA], pilih [High ISO speed NR (Pengurangan Hingar ISO berkelajuan tinggi)], kemudian tekan <SET>.



#### 2 Tetapkan aras.

- Pilih aras pengurang hingar yang diinginkan, kemudian tekan <SET>.

#### • [NR]: Multi Shot Noise Reduction (Pengurangan Hingar Berbilang Tangkapan)]

Tetapan ini melaksanakan pengurangan hingar dengan kualiti imej lebih tinggi daripada [High (Tinggi)]. Untuk foto tunggal, empat tangkapan diambil berturut-turut dan disejajarkan serta digabungkan secara automatik ke dalam imej JPEG tunggal.

#### 3 Ambil gambar.

- Imej akan direkod dengan pengurangan hingar dikenakan.




Jika anda bermain balik atau mencetak imej RAW+L atau RAW secara langsung dengan kamera, kesan pengurangan hingar ISO berkelajuan tinggi mungkin kelihatan minimum. Periksa kesan pengurangan hingar atau cetak imej dikurangkan hingar dengan Digital Photo Professional (perisian EOS, hlm.438).

## Apabila [Multi Shot Noise Reduction (Pengurangan Hingar Berbilang Tangkapan)] Ditetapkan

- Jika terdapat penajaran salah yang menonjol dalam imej kerana goncangan kamera, kesan pengurangan hingar mungkin minimum.
- Jika anda memegang kamera dengan tangan, pastikan ia mantap untuk mengelakkan goncangan kamera. Menggunakan tripod adalah disarankan.
- Jika anda menangkap subjek bergerak, subjek bergerak tersebut mungkin meninggalkan imej tinggal.
- Penajaran imej mungkin tidak berfungsi betul dengan corak berulang (kekisi, jalur dll) atau imej rata dan berwarna tunggal.
- Jika kecerahan subjek bertukar ketika empat tangkapan berterusan diambil, pendedahan yang tidak teratur mungkin berlaku pada imej.
- Ia mengambil sedikit masa untuk merakam imej pada kad kerana pengurangan hingar digunakan dan imej digabungkan selepas penangkapan. Semasa memproses imej, "buSY (Sibuk)" akan dipaparkan dalam pemidang tilik dan pada panel LCD dan anda tidak boleh mengambil gambar sehingga pemrosesan lengkap.
- [RAW + L atau RAW] tidak boleh dipilih. AEB dan bracketing WB tidak dapat digunakan. [3: Long exp. noise reduction (Pengurangan hingar pendedahan lama)] tidak dapat ditetapkan. Jika mana-mana satu telah dipilih atau ditetapkan, [Multi Shot Noise Reduction (Pengurangan Hingar Berbilang Tangkapan)] tidak boleh ditetapkan.
- Tetapan [Distortion (Herotan)] akan ditetapkan secara automatik kepada [Disable (Lumpuhkan)].
- Penangkapan denyar tidak boleh dilakukan. Sinar bantu AF akan dipancarkan mengikut tetapan [4: AF-assist beam firing (Nyalaan sinar bantu AF)] bagi [4: Custom Functions (Fungsi Tersuai) (C.Fn)].
- Anda tidak boleh tetapkan [Multi Shot Noise Reduction (Pengurangan Hingar Berbilang Tangkapan)] untuk pendedahan mentol.
- Jika anda mematikan kuasa, menukar mod penangkapan kepada mod Zon Asas, menangkap pendedahan mentol atau merakam filem, tetapan akan secara automatik bertukar kepada [Standard].
- [3: Dust Delete Data (Data Penghapusan Debu)] tidak dapat ditetapkan.


## Pengurangan Hingar Pendedahan Lama

Pengurangan hingar boleh dilakukan dengan imej terdedah selama 1 saat atau lebih lama.



### 1 Pilih [Long exp. noise reduction (Pengurangan hingar pendedahan lama)].

- Di bawah tab [3], pilih [Long exp. noise reduction (Pengurangan hingar pendedahan lama)], kemudian tekan <SET>.



## 2 Tetapkan tetapan yang diinginkan.

- Pilih tetapan yang diinginkan, kemudian tekan < (SET) >.

### • [Auto]

Untuk pendedahan 1 saat atau lebih lama, pengurangan hingar dilakukan secara automatik jika hingar pendedahan panjang biasa dikesan. Tetapan **[Auto]** berkesan dalam kebanyakan keadaan.

### • [Enable (Aktif)]

Pengurangan hingar dilaksanakan untuk semua pendedahan 1 saat atau lebih lama. Tetapan **[Enable (Aktif)]** mungkin mengurangkan hingar yang tidak boleh dikesan dengan tetapan **[Auto]**.

## 3 Ambil gambar.

- Imej akan direkod dengan pengurangan hingar dikenakan.




- Dengan **[Auto]** dan **[Enable (Aktif)]**, proses pengurangan hingar selepas gambar diambil mungkin mengambil jumlah masa yang sama seperti untuk pendedahan. Anda tidak boleh mengambil gambar yang lain sehingga proses pengurangan hingar selesai.
- Imej diambil pada ISO 1600 atau lebih tinggi mungkin kelihatan lebih berbintik dengan tetapan **[Enable (Aktif)]** daripada dengan tetapan **[Disable (Lumpuhkan)]** atau **[Auto]**.
- Dengan **[Auto]** dan **[Enable (Aktif)]**, jika pendedahan lama ditangkap dengan imej Pandangan Langsung dipaparkan, "BUSY" akan dipaparkan semasa proses pengurangan hingar. Paparan Pandangan Langsung tidak akan muncul sehingga pengurangan hingar selesai. (Anda tidak boleh ambil gambar lagi.)

## MENU Pembetulan Pencahayaan Persisian Lensa dan Penyimpangan

Penurunan cahaya persisian ialah fenomena yang membuatkan sudut imej kelihatan lebih gelap kerana ciri-ciri lensa. Warna berumbai sepanjang garis bentuk subjek dipanggil penyimpangan kromatik. Dan herotan imej yang disebabkan oleh ciri-ciri lensa dipanggil herotan. Penyimpangan lensa dan penurunan cahaya tersebut boleh dibetulkan. Dengan lalai, Pencahayaan sisi dan Pembetulan penyimpangan kromatik ditetapkan pada **[Enable (Aktif)]**, dan Pembetulan herotan ditetapkan pada **[Disable (Lumpuhkan)]**. Jika **[Cannot correct - no data (Tidak boleh membetulkan- tiada data)]** dipaparkan, lihat “Data Pembetulan Lensa ” pada halaman 154.

### Pembetulan Pencahayaan Persisian



#### 1 Pilih [Lens aberration correction (Pembetulan penyimpangan lensa)].

- Di bawah tab [ 1], pilih [**Lens aberration correction (Pembetulan penyimpangan lensa)**], kemudian tekan <SET>.

#### 2 Pilih tetapan.

- Periksa [**Correction data available (Data pembetulan tersedia)**] dipaparkan untuk lensa yang dipasangkan.
- Pilih [**Peripheral illumin. (Pencahayaan sisi)**], kemudian tekan <SET>.
- Pilih [**Enable (Aktif)**], kemudian tekan <SET>.


#### 3 Ambil gambar.

- Imej akan direkod dengan pencahayaan persisian dibetulkan.

Bergantung pada keadaan penangkapan, hingar mungkin muncul pada persisian imej.

- Jumlah pembetulan yang dikenakan akan lebih rendah daripada jumlah pembetulan maksimum yang boleh ditetapkan dengan Digital Photo Professional (persisian EOS, hlm.438).
- Lebih tinggi kelajuan ISO, jumlah pembetulan akan lebih rendah.

## Pembedulan Penyimpangan Kromatik




### 1 Pilih tetapan.

- Semak bahawa [**Correction data available (Data pembedulan tersedia)**] dipaparkan untuk lensa yang dipasangkan.
- Pilih [**Chromatic aberration (Penyimpangan kromatik)**], kemudian tekan < **SET** >.
- Pilih [**Enable (Aktif)**], kemudian tekan < **SET** >.

### 2 Ambil gambar.

- Imej akan direkod dengan penyimpangan kromatik dibetulkan.

## Pembedulan Herotan





### 1 Pilih tetapan.

- Semak bahawa [**Correction data available (Data pembedulan tersedia)**] dipaparkan untuk lensa yang dipasangkan.
- Pilih [**Distortion (Herotan)**], kemudian tekan < **SET** >.
- Pilih [**Enable (Aktif)**], kemudian tekan < **SET** >.

### 2 Ambil gambar.

- Imej akan direkod dengan herotan yang dibetulkan.

- Apabila pembetulan herotan diaktifkan, kamera merekod julat imej yang lebih sempit daripada yang dilihat melalui pimidang tilik. (Persisian imej akan dipotong sedikit dan resolusi akan direndahkan sedikit.)
- Pembetulan herotan akan dipaparkan dalam imej yang ditangkap tetapi tidak dipaparkan dalam pimidang tilik atau imej Pandangan Langsung semasa penangkapan.
- Jika anda menetapkan [**Distortion (Herotan)**] kepada [**Enable (Aktif)**], kelajuan penangkapan berterusan akan berkurang.
- Pembetulan herotan tidak dapat dipaparkan dalam mod <  > atau <  >, apabila merakam filem atau apabila Pengurangan Hingar Berbilang Tangkapan ditetapkan.
- Data Penghapusan Debu (hlm.295) tidak akan ditambah pada imej yang direkod dengan pembetulan herotan diaktifkan.

## Data Pembetulan Lensa

Kamera mengandungi data untuk pembetulan pencahayaan persisian lensa, pembetulan penyimpangan kromatik dan pembetulan herotan untuk kira-kira 30 lensa. Jika anda pilih [**Enable (Aktif)**], pembetulan pencahayaan persisian, pembetulan penyimpangan kromatik dan pembetulan herotan akan diguna pakai secara automatik untuk mana-mana lensa yang data pembetulannya terdaftar dalam kamera.

Dengan EOS Utility (persisian EOS), anda boleh memeriksa lensa yang mana data pembetulannya terdaftar dalam kamera. Anda juga boleh mendaftarkan data pembetulan untuk lensa yang belum terdaftar. Untuk maklumat lanjut, rujuk kepada Manual Arahan EOS Utility (hlm.440).

Untuk lensa yang mengandungi data pembetulan, data pembetulan tidak perlu didaftarkan pada kamera.



### Peringatan untuk Pembedulan Lensa

- Pembedulan pencahayaan persisian, pembedulan penyimpangan kromatik dan pembedulan herotan tidak boleh dikenakan pada imej JPEG yang telah diambil.
- Apabila menggunakan lensa bukan pembuatan Canon, anda disarankan supaya menetapkan pembedulan kepada [**Disable (Lumpuhkan)**], walaupun [**Correction data available (Data pembedulan tersedia)**] dipaparkan.
- Jika anda menggunakan pandangan diperbesar semasa Penangkapan Pandangan Langsung, pembedulan pencahayaan persisian dan pembedulan penyimpangan kromatik tidak akan dicerminkan dalam imej yang dipaparkan pada skrin.
- Jumlah pembedulan akan kurang jika lensa yang digunakan tidak mempunyai maklumat jarak.





### Nota untuk Pembedulan Lensa

- Jika kesan pembedulan tidak kelihatan, besarkan imej selepas penangkapan dan periksa semula.
- Pembedulan boleh dikenakan walaupun apabila Penyambung atau Penukar Saiz Sebenar dipasang.

## MENU Mengurangkan Kelipan ☆

Jika anda menangkap imej dengan kelajuan pengatup yang lebih tinggi di bawah sumber cahaya seperti cahaya pendarfluor, kelipan sumber cahaya mungkin menyebabkan kelipan dan imej terdedah secara tidak rata pada hala menegak. Jika penangkapan berterusan digunakan dalam keadaan tersebut, pendedahan atau warna pada imej mungkin menjadi tidak rata. Dengan penangkapan anti kelip, kamera mengesan kekerapan kelipan sumber cahaya dan mengambil gambar apabila kesan kelipan pada pendedahan atau warna adalah minimum.



### 1 Pilih [Anti-flicker shoot. (Penangkapan anti kelip)].

- Di bawah tab [ 3 ], pilih [Anti-flicker shoot. (Penangkapan anti kelip)], kemudian tekan < >.

### 2 Pilih [Enable (Aktif)].

- Pilih [Enable (Aktif)], kemudian tekan < >.

### 3 Ambil gambar.

- Imej akan diambil dengan kurang ketidakrataan pendedahan atau warna yang disebabkan oleh kelipan.

- Apabila [Enable (Aktif)] ditetapkan dan anda menangkap di bawah sumber cahaya berkelip, jeda masa pelepasan pengatup mungkin menjadi lebih lama. Kelajuan penangkapan berterusan juga mungkin menjadi lebih perlahan dan selang penangkapan mungkin menjadi tidak tetap.
- Fungsi ini tidak berfungsi dengan penangkapan Pandangan Langsung dan rakaman filem.
- Dalam mod <P> atau <Av>, jika kelajuan pengatup bertukar semasa penangkapan berterusan atau jika anda mengambil berbilang tangkapan bagi pemandangan yang sama pada kelajuan pengatup yang berbeza, ton warna mungkin menjadi tidak konsisten. Untuk mengelakkan ton warna yang tidak konsisten, gunakan mod <Tv> atau <M> pada kelajuan pengatup yang tetap.
- Ton warna imej yang ditangkap apabila [Anti-flicker shoot. (Penangkapan anti kelip)] ditetapkan kepada [Enable (Aktif)] mungkin kelihatan berbeza berbanding dengan apabila [Disable (Lumpuhkan)] ditetapkan.
- Kelipan pada frekuensi selain 100 Hz atau 120 Hz tidak boleh dikesan.



- Di bawah [**Ƴ4: Custom Functions (Fungsi Tersuai) (C.Fn)**], jika anda menetapkan [**9: Mirror lockup (Kunci Cermin)**] kepada [**1: Enable (Aktif)**], tetapan [**Anti-flicker shoot. (Penangkapan anti kelip)**] akan bertukar secara automatik kepada [**Disable (Lumpuhkan)**].
- Jika subjek berlatarbelakangkan pemandangan gelap atau jika terdapat sumber cahaya terang dalam imej, kelipan mungkin tidak dikesan.
- Di bawah jenis pencahayaan istimewa yang tertentu, kamera mungkin tidak dapat mengurangkan kesan kelipan walaupun apabila < **Flicker!** > dipaparkan.
- Bergantung pada sumber cahaya, kelipan mungkin tidak dikesan dengan betul.
- Jika anda mengubah semula tangkapan, < **Flicker!** > mungkin muncul dan hilang sekejap-sekejap.
- Bergantung pada sumber cahaya atau keadaan penangkapan, hasil yang dijangka mungkin tidak diperoleh walaupun anda menggunakan fungsi ini.



- Mengambil tangkapan ujian adalah disarankan.
- Jika < **Flicker!** > tidak dipaparkan dalam pembedang tilik, di bawah [**Ƴ2: Viewfinder display (Paparan pembedang tilik)**], tetapkan [**Flicker detection (Pengesanan kelipan)**] kepada [**Show (Paparkan)**] (hlm.72). Apabila kamera mengurangkan kesan kelipan semasa anda menangkap, < **Flicker!** > akan menyala. Di bawah sumber cahaya yang tidak berkelip atau jika tiada kelipan dikesan, < **Flicker!** > tidak akan dipaparkan.
- Jika [**Flicker detection (Pengesanan kelipan)**] ditetapkan kepada [**Show (Paparkan)**] dan [**Anti-flicker shoot. (Penangkapan anti kelip)**] ditetapkan kepada [**Disable (Lumpuhkan)**], pemeteran di bawah sumber cahaya berkelip akan menyebabkan < **Flicker!** > berkelip dalam pembedang tilik sebagai amaran. Menetapkan [**Enable (Aktif)**] sebelum penangkapan adalah disarankan.
- Dalam mod Zon Asas, < **Flicker!** > tidak akan dipaparkan tetapi kesan kelipan akan dikurangkan apabila anda menangkap.
- Penangkapan anti kelip juga berfungsi dengan denyar. Namun, hasil yang dijangka mungkin tidak diperoleh ketika penangkapan denyar wayarles.

## MENU Menetapkan Julat Penghasilan Semula Warna ☆

Julat warna yang boleh dihasilkan semula dipanggil ruang warna. Dengan kamera ini, anda boleh menetapkan ruang warna untuk imej yang ditangkap ke sRGB atau Adobe RGB. Untuk tangkapan biasa, sRGB disarankan.


Dalam mod Zon Asas, sRGB ditetapkan secara automatik.

### 1 Pilih [Color space (Ruang warna)].

- Di bawah tab [📷2], pilih [Color space (Ruang warna)], kemudian tekan <SET>.

### 2 Tetapkan ruang warna yang diinginkan.

- Pilih [sRGB] atau [Adobe RGB], kemudian tekan <SET>.




## Adobe RGB

Ruang warna ini digunakan terutamanya untuk mencetak secara komersial dan kegunaan perindustrian lain. Tetapan ini tidak disarankan jika anda tidak biasa dengan pemprosesan imej, Adobe RGB dan peraturan Reka Bentuk untuk Sistem Fail Kamera 2.0 (Design rule for Camera File System 2.0) (Exif 2.21 atau lebih tinggi). Imej akan kelihatan lembut dalam suasana komputer sRGB dan dengan pencetak yang tidak sesuai dengan peraturan Reka Bentuk untuk Sistem Fail Kamera 2.0 (Design rule for Camera File System 2.0) (Exif 2.21 atau lebih tinggi). Oleh itu pasca pemprosesan imej dengan perisian komputer akan diperlukan.

- Jika foto pegun yang ditangkap diambil dalam ruang warna Adobe RGB, aksara pertama dalam nama fail ialah garis bawah “\_”.
- Profil ICC tidak digabungkan. Rujuk kepada penerangan mengenai profil ICC dalam Manual Arahan Photo Professional (hlm.440).

# 5

## Operasi Lanjutan



Dalam mod Zon Kreatif, anda boleh menukar pelbagai tetapan kamera mengikut keinginan anda untuk mendapatkan pelbagai jenis hasil penangkapan, dengan memilih kelajuan pengatup dan/atau apertur, melaraskan pendedahan yang diinginkan, dll.

- Ikon ☆ di sebelah kanan bahagian atas tajuk halaman menunjukkan bahawa fungsi ini tersedia hanya dalam mod Zon Kreatif.
- Selepas anda menekan butang pengatup separuh ke bawah dan melepaskannya, nilai pendedahan akan kekal dipaparkan dalam pembedang tilik dan pada panel LCD selama 4 saat (⌚4) oleh operasi pemasa pemetaran.
- Untuk fungsi yang boleh ditetapkan dalam setiap mod penangkapan, lihat halaman 384.



Tetapkan suis <LOCK> ke kiri.

## P: AE Program

Kamera menetapkan kelajuan pengatup dan apertur secara automatik supaya sesuai dengan kecerahan subjek. Ini dikenali sebagai AE Program.

\* <P> ialah singkatan untuk Program.

\* AE ialah singkatan untuk Auto Exposure (Pendedahan Auto).



### 1 Tetapkan Dail Mod kepada <P>.




### 2 Fokus pada subjek.

- Lihat melalui pemidang tilik dan sasarkan titik AF pada subjek. Kemudian tekan butang pengatup separuh ke bawah.
- ▶ Apabila fokus dicapai, penunjuk fokus <●> pada sebelah kanan bahagian bawah pemidang tilik akan menyala (apabila dalam mod AF Tangkapan Tunggal).
- ▶ Kelajuan pengatup dan apertur akan ditetapkan secara automatik dan dipaparkan dalam pemidang tilik dan pada panel LCD.



### 3 Periksa paparan.

- Pendedahan standard akan diperoleh selagi paparan kelajuan pengatup dan apertur tidak berkelip.




### 4 Ambil gambar.

- Gubah dan tekan butang pengatup sepenuhnya.

## Tip Penangkapan

- Tukarkan kelajuan ISO. Gunakan denyar terbina dalam.**  
 Untuk memadamkan aras cahaya sekitar dan subjek, anda boleh menukarkan kelajuan ISO (hlm.134) atau menggunakan denyar terbina dalam (hlm.178). Dalam mod <math>\langle P \rangle</math>, denyar terbina dalam tidak akan menyala secara automatik. Oleh sebab itu, tekan butang <math>\langle \text{⚡} \rangle</math> (denyar) untuk menaikkan denyar terbina dalam apabila berada di dalam bangunan atau menangkap dalam cahaya malap.
- Tukarkan program dengan menggunakan anjakan Program.**  
 Selepas menekan butang pengatup separuh ke bawah, putar dial <math>\langle \text{⚙} \rangle</math> untuk menukarkan gabungan tetapan apertur dan kelajuan pengatup (program). Anjakan program dibatalkan secara automatik selepas gambar diambil. Anjakan program tidak boleh dilakukan dengan denyar.



- Jika kelajuan pengatup "30" dan f/nombor paling rendah berkelip, ia menunjukkan kurang pendedahan. Naikkan kelajuan ISO atau gunakan denyar.
- Jika kelajuan pengatup "4000" dan f/nombor paling tinggi berkelip, ia menunjukkan pendedahan berlebihan. Kurangkan kelajuan ISO.



### Perbezaan Antara <math>\langle P \rangle</math> dan <math>\langle \text{A}^+ \rangle</math> (Latar Auto Pintar)

Dalam mod <math>\langle \text{A}^+ \rangle</math>, banyak fungsi, seperti operasi AF dan mod pemeteran, ditetapkan secara automatik untuk menghalang tangkapan rosak. Fungsi yang anda boleh tetapkan terhad. Dengan mod <math>\langle P \rangle</math>, hanya kelajuan pengatup dan apertur ditetapkan secara automatik. Anda boleh menetapkan operasi AF, mod pemeteran dan fungsi lain secara bebas (hlm.382).

## Tv : Menggambarkan Pergerakan Subjek

Anda boleh menjadikan aksi kelihatan kaku atau menghasilkan kekaburan gerakan dengan mod <Tv> (AE keutamaan pengatup) pada Dail Mod.

\* <Tv> ialah singkatan untuk Time value (Nilai masa).



Pergerakan kabur

(Kelajuan pengatup perlahan: 1/30 saat)




Tindakan kaku



(Kelajuan pengatup laju: 1/2000 saat)



### 1 Tetapkan Dail Mod kepada <Tv>.



### 2 Tetapkan kelajuan pengatup diingini.

- Semasa melihat panel LCD atau pemidang tilik, putar dail <  >.
- Lihat "Tip Penangkapan" di halaman seterusnya untuk nasihat mengenai tetapan kelajuan pengatup.
- Memutar dail <  > ke kanan akan menetapkan kelajuan pengatup yang lebih laju dan memutarnya ke kiri akan menetapkan kelajuan pengatup yang lebih perlahan.



### 3 Ambil gambar.

- Apabila anda fokus dan menekan butang pengatup sepenuhnya, gambar akan diambil pada kelajuan pengatup yang dipilih.





#### Paparan Kelajuan Pengatup

Monitor LCD memaparkan kelajuan pengatup dalam bentuk pecahan. Walau bagaimanapun, panel LCD dan pemidang tilik hanya memaparkan penyebut. "0"5" menunjukkan 0.5 saat dan "15" ialah 15 saat.

## Tip Penangkapan

- **Untuk menjadikan pergerakan subjek yang bergerak laju kelihatan kaku**  
Gunakan kelajuan pengatup yang laju seperti 1/4000 saat sehingga 1/500 saat.
- **Untuk mengaburkan haiwan atau kanak-kanak yang berlari dan memberi gambaran pergerakan**  
Gunakan kelajuan pengatup sederhana seperti 1/250 saat sehingga 1/30 saat. Ikuti subjek yang bergerak melalui pemidang tilik dan tekan butang pengatup untuk mengambil gambar. Jika anda menggunakan lensa telefoto, pegangnya dengan mantap untuk mengelakkan goncangan kamera.
- **Untuk mengaburkan air pancut atau sungai yang mengalir**  
Gunakan kelajuan pengatup perlahan seperti 1/30 saat atau yang lebih perlahan. Gunakan tripod untuk mengelakkan goncangan kamera tangan.
- **Tetapkan kelajuan pengatup agar paparan apertur tidak berkelip.**

Jika anda menekan butang pengatup separuh ke bawah dan menukar kelajuan pengatup sambil apertur dipaparkan, paparan apertur juga akan bertukar untuk mengekalkan pendedahan yang sama (jumlah cahaya yang mencapai pengesan imej). Jika anda melebihi julat apertur yang boleh dilaraskan, paparan apertur akan berkelip untuk menunjukkan bahawa pendedahan standard tidak boleh dicapai. Jika pendedahan menjadi terlalu gelap, apertur maksimum (f/nombor paling rendah) akan berkelip. Jika ini berlaku, putar dail  ke kiri untuk menetapkan kelajuan pengatup yang lebih perlahan atau meningkatkan kelajuan ISO.

Jika pendedahan menjadi terlalu terang, apertur minimum (f/nombor paling tinggi) akan berkelip. Jika ini berlaku, putar dail  ke kanan untuk menetapkan kelajuan pengatup yang lebih laju atau mengurangkan kelajuan ISO.



## Menggunakan Denyar Terbina Dalam

Untuk mendapatkan pendedahan denyar yang betul, output denyar akan ditetapkan secara automatik (pendedahan denyar auto) untuk sepadan dengan apertur yang ditetapkan secara automatik. Kelajuan pengatup boleh ditetapkan daripada 1/200 saat sehingga 30 saat.

## Av: Menukar Kedalaman Medan

Untuk mengaburkan latar belakang atau menjadikan semua yang berada dekat dan jauh kelihatan tajam, tetapkan Dail Mod kepada <Av> (AE keutamaan apertur) untuk melaraskan kedalaman medan (julat fokus yang boleh diterima).

\* <Av> ialah singkatan untuk Aperture value (Nilai apertur), yang merupakan saiz lubang diafragma di dalam lensa.




Latar belakang kabur  
(Dengan f/nombor apertur rendah: f/5.6)



Latar depan dan latar belakang tajam  
(Dengan f/nombor apertur tinggi: f/32)



### 1 Tetapkan Dail Mod kepada <Av>.



### 2 Tetapkan apertur yang diinginkan.

- Semasa melihat panel LCD atau pemidang tilik, putar dail <☀>.
- Lebih tinggi nilai f/nombor, lebih luas kedalaman medan di mana fokus yang lebih tajam dicapai di latar depan dan latar belakang.
- Memutar dail <☀> ke kanan akan menetapkan nilai f/nombor yang lebih tinggi (bukan apertur yang lebih kecil) dan memutar dail itu ke kiri akan menetapkan nilai f/nombor yang lebih rendah (bukan apertur yang lebih besar).



### 3 Ambil gambar.

- Fokus dan tekan butang pengatup sepenuhnya. Gambar akan diambil dengan apertur yang dipilih.

**Paparan Apertur**  
Semakin tinggi f/nombor, semakin kecil bukaan apertur. f/nombor yang dipaparkan akan berbeza bergantung pada lensa. Jika tiada lensa dipasangkan pada kamera, "00" akan dipaparkan untuk apertur.

## Tip Penangkapan

- **Apabila menggunakan apertur dengan f/nombor yang tinggi atau melakukan penangkapan dalam pemandangan cahaya malap, ambil perhatian bahawa goncangan kamera boleh berlaku.**

f/nombor apertur yang lebih tinggi akan memperlahankan kelajuan pengatup. Di bawah cahaya malap, kelajuan pengatup boleh mencapai sehingga 30 saat. Dalam kes sebegini, tingkatkan kelajuan ISO dan pegang kamera dengan mantap atau gunakan tripod.


- **Kedalaman medan bukan sahaja bergantung pada apertur, malah juga pada lensa dan jarak subjek.**


Memandangkan lensa sudut lebar mempunyai kedalaman medan yang luas (julat fokus yang boleh diterima di hadapan dan di belakang titik fokus), anda tidak perlu menetapkan f/nombor apertur yang tinggi untuk mendapatkan gambar yang tajam dari latar depan hingga latar belakang. Sebaliknya, lensa telefoto mempunyai kedalaman medan yang sempit. Semakin dekat jarak subjek, semakin sempit kedalaman medan. Subjek yang lebih jauh akan mempunyai kedalaman medan yang lebih luas.

- **Tetapkan apertur supaya paparan kelajuan pengatup tidak berkelip.**

Jika anda menekan butang pengatup separuh ke bawah dan menukar apertur semasa kelajuan pengatup dipaparkan, paparan kelajuan pengatup juga akan bertukar untuk mengekalkan pendedahan yang sama (jumlah cahaya yang mencapai pengesan imej). Jika anda melebihi julat kelajuan pengatup yang boleh dilaraskan, paparan kelajuan pengatup akan berkelip untuk menunjukkan pendedahan standard tidak dapat diperolehi.



Jika gambar akan menjadi terlalu gelap, paparan kelajuan pengatup “30” (30 saat) akan berkelip. Jika ini berlaku, putar dail  ke kiri untuk menetapkan nilai f/nombor yang lebih rendah atau meningkatkan kelajuan ISO.

Jika gambar akan menjadi terlalu terang, paparan kelajuan pengatup “4000” (1/4000 saat) akan berkelip. Jika ini berlaku, putar dail  ke kanan untuk menetapkan nilai f/nombor yang lebih tinggi atau mengurangkan kelajuan ISO.

## ⚡ Menggunakan Denyar Terbina Dalam


Untuk mendapatkan pendedahan denyar yang betul, output denyar akan ditetapkan secara automatik supaya sepadan dengan apertur yang ditetapkan (pendedahan denyar auto). Kelajuan pengatup akan ditetapkan secara automatik antara 1/200 saat - 30 saat supaya sesuai dengan kecerahan pemandangan.

Dalam cahaya malam, subjek utama didedahkan dengan pemeteran denyar auto dan latar belakang didedahkan dengan kelajuan pengatup perlahan yang ditetapkan secara automatik. Kedua-dua subjek dan latar belakang kelihatan terdedah dengan sempurna dengan sedikit suasana istimewa (penyegerakan denyar kelajuan perlahan automatik). Jika anda memegang kamera dengan tangan, pastikan ia mantap untuk mengelakkan goncangan kamera. Menggunakan tripod adalah disarankan.

Untuk mengelakkan kelajuan pengatup yang perlahan, di bawah [📷1: Flash control (Kawalan denyar)], tetapkan [Flash sync. speed in Av mode (Kelajuan penyegerakan denyar dalam mod Av)] kepada [1/200-1/60sec. auto (auto 1/200-1/60saat)] atau [1/200 sec. (fixed) (1/200 saat (tetap))] (hlm.186).

## Pratonton Kedalaman Medan ☆

Bukaan apertur (diafragma) bertukar hanya pada detik apabila gambar diambil. Jika tidak, apertur kekal terbuka penuh. Oleh itu, apabila anda melihat pada pemandangan melalui pemidang tilik atau pada monitor LCD, kedalaman medan akan kelihatan sempit.



Tekan butang pratonton kedalaman medan untuk mengecilkan bukaan lensa kepada tetapan apertur semasa dan periksa kedalaman medan (julat fokus boleh diterima).

📷 Semasa melihat imej Pandangan Langsung (hlm.208) dan menahan butang pratonton kedalaman medan, anda boleh melihat cara perubahan julat yang boleh diterima sambil anda melaraskan apertur.

# M: Pendedahan Manual

Anda boleh menetapkan kelajuan pengatup dan apertur secara manual seperti yang diinginkan. Sambil merujuk kepada penunjuk aras pendedahan dalam pemidang tilik, anda boleh menetapkan pendedahan seperti yang diinginkan. Kaedah ini dipanggil sebagai pendedahan manual.

\* <M> ialah singkatan untuk Manual.



## 1 Tetapkan Dail Mod kepada <M>.

## 2 Tetapkan kelajuan ISO (hlm.134).

## 3 Tetapkan kelajuan pengatup dan apertur.

- Untuk menetapkan kelajuan pengatup, putar dail <⌚>.
- Untuk menetapkan apertur, putar dail <⊙>.
- Jika ia tidak boleh ditetapkan, tetapkan suis <LOCK▶> ke kiri, kemudian putar dail <⌚> atau dail <⊙>.



Indeks pendedahan standard



Tanda aras pendedahan

## 4 Fokus pada subjek.

- Tekan butang pengatup separuh ke bawah.
- ▶ Tetapan pendedahan akan dipaparkan dalam pemidang tilik dan pada panel LCD.
- Tanda aras pendedahan <⬅> menunjukkan setakat mana aras pendedahan semasa daripada aras pendedahan standard.

## 5 Tetapkan pendedahan dan ambil gambar.

- Periksa penunjuk aras pendedahan dan tetapkan kelajuan pengatup dan apertur yang diinginkan.
- Jika aras pendedahan melebihi  $\pm 2$  hentian daripada pendedahan standard, hujung penunjuk aras pendedahan akan memaparkan <⬅> atau <➡> dalam pemidang tilik dan panel LCD. (Pada monitor LCD, jika aras pendedahan melebihi  $\pm 3$  hentian, <⬅> atau <➡> akan dipaparkan.)




Jika ISO Auto ditetapkan, tetapan kelajuan ISO akan bertukar supaya sepadan dengan kelajuan pengatup dan apertur untuk mendapatkan pendedahan standard. Oleh itu, anda mungkin tidak mendapatkan kesan pendedahan yang diinginkan.

- Di bawah [**☑2: Auto Lighting Optimizer (Pengoptimum Pencahayaan Auto)**], jika tanda semak <✓> untuk [**Disable during man expo (Lumpuhkan ketika pendedahan manual)**] dibuang, Pengoptimum Pencahayaan Auto boleh ditetapkan walaupun dalam mod <M> (hlm.148).
- Apabila ISO Auto ditetapkan, anda boleh menekan butang <✱> untuk mengunci kelajuan ISO.
- Jika anda menekan butang <✱> dan mengubah semula tangkapan, anda boleh melihat perbezaan aras pendedahan pada penunjuk aras pendedahan berbanding dengan apabila butang <✱> ditekan.

## ⚡ Menggunakan Denyar Terbina Dalam

Untuk mendapatkan pendedahan denyar yang betul, output denyar akan ditetapkan secara automatik (pendedahan denyar auto) supaya sepadan dengan apertur yang ditetapkan secara manual. Kelajuan pengatup boleh ditetapkan daripada 1/200 saat sehingga 30 saat atau mentol.

## BULB: Pendedahan Mentol



Masa pendedahan berlalu


Pendedahan mentol memastikan pengatup kekal terbuka selagi anda menahan butang pengatup. Ia boleh digunakan untuk menangkap bunga api dan objek lain yang memerlukan pendedahan lama.

Dalam langkah 3 pada halaman sebelumnya, putarkan dail <☀> ke kiri untuk menetapkan <BULB>. Masa pendedahan berlalu akan dipaparkan pada panel LCD.



- Jangan halakan kamera ke arah sumber cahaya yang terang, seperti matahari atau sumber cahaya buatan yang terang. Perbuatan sebegini boleh menyebabkan pengesan imej atau komponen dalaman kamera.
  - Memandangkan pendedahan mentol menghasilkan lebih banyak hingar daripada biasa, imej mungkin kelihatan berbintik sedikit.
  - Anda boleh mengurangkan hingar akibat pendedahan lama dengan menetapkan [**☑3: Long exp. noise reduction (Pengurangan hingar pendedahan lama)**] kepada [Auto] atau [Enable (Aktif)] (hlm.150).
- Untuk pendedahan mentol, disarankan menggunakan tripod dan suis remote (dijual berasingan, hlm.379).
  - Anda juga boleh menggunakan alat kawalan jauh (dijual berasingan, hlm.378) untuk pendedahan mentol. Apabila anda menekan butang pemancar kawalan jauh, pendedahan mentol akan bermula serta-merta atau 2 saat kemudian. Tekan butang sekali lagi untuk menghentikan pendedahan mentol.


## Mengubah Mod Pemeteran ☆

Empat kaedah (mod pemeteran) untuk mengukur kecerahan subjek disediakan. Biasanya, pemeteran penilaian adalah disarankan. Dalam mod Zon Asas, mod pemeteran ditetapkan secara automatik.





### 1 Pilih [Metering mode (Mod pemeteran)].

- Di bawah tab [2], pilih [Metering mode (Mod pemeteran)], kemudian tekan <  >.




### 2 Tetapkan mod pemeteran.

- Pilih mod pemeteran yang diinginkan, kemudian tekan <  >.




#### Pemeteran penilaian

Mod pemeteran serba guna sesuai walaupun untuk subjek bercahaya belakang. Kamera menetapkan pendedahan secara automatik untuk sesuai dengan pemandangan.



#### Pemeteran separa

Berkesan apabila terdapat cahaya yang lebih cerah di sekeliling subjek disebabkan oleh pencahayaan belakang, dll. Kawasan kelabu dalam gambar rajah di sebelah kiri ialah kawasan kecerahan bermeter untuk mendapatkan pendedahan standard.








#### Pemeteran titik

Berkesan apabila mengukur bahagian tertentu subjek atau pemandangan. Kawasan kelabu dalam gambar rajah di sebelah kiri ialah kawasan kecerahan bermeter untuk mendapatkan pendedahan standard. Mod pemeteran ini adalah untuk pengguna mahir.



### **Pemeteran purata wajaran pusat**

Kecerahan dimeterkan di pusat imej dan kemudian dijadikan purata bagi seluruh pemandangan. Mod pemetaran ini adalah untuk pengguna mahir.

 Dengan  (Pemeteran penilaian), tetapan pendedahan akan dikunci apabila anda menekan butang pengatup separuh ke bawah dan fokus dicapai. Dalam mod  (Pemeteran separa),  (Pemeteran titik) dan  (Pemeteran purata wajaran pusat), pendedahan ditetapkan ketika gambar diambil. (Menekan butang pengatup separuh ke bawah tidak mengunci pendedahan.)

# Menetapkan Pampasan Pendedahan ☆

Tetapkan pampasan pendedahan jika pendedahan (tanpa denyar) tidak terhasil seperti yang diinginkan. Ciri ini boleh digunakan dalam mod Zon Kreatif (kecuali <M>). Anda boleh menetapkan pampasan pendedahan sehingga  $\pm 5$  hentian dalam kenaikan 1/3 hentian.

## 1 Periksa penunjuk aras pendedahan.

- Tekan butang pengatup separuh ke bawah (ⓘ) dan periksa penunjuk aras pendedahan.

Pendedahan yang ditingkatkan untuk imej yang lebih cerah



## 2 Tetapkan jumlah pampasan.

- Semasa melihat pada pemidang tilik atau panel LCD, putar dail <⊙>.
- Jika ia tidak boleh ditetapkan, tetapkan suis <LOCK▶> ke kiri, kemudian putar dail <⊙>.

Pendedahan yang dikurangkan untuk imej yang lebih gelap



## 3 Ambil gambar.

- Untuk membatalkan pampasan pendedahan, tetapkan jumlah pampasan pendedahan kembali kepada <⊖>.



Jika [☑2: Auto Lighting Optimizer (Pengoptimum Pencahayaan Auto)] (hlm.148) ditetapkan kepada sebarang tetapan selain daripada [Disable (Lumpuhkan)], imej mungkin masih kelihatan cerah walaupun pampasan pendedahan yang dikurangkan untuk imej yang lebih gelap telah ditetapkan.



- Jumlah pampasan pendedahan akan kekal berkesan walaupun selepas anda menetapkan suis kuasa kepada <OFF>.
- Selepas menetapkan jumlah pampasan pendedahan, anda boleh menghalang jumlah pampasan pendedahan daripada berubah secara tidak sengaja dengan menetapkan suis <LOCK▶> ke kanan.
- Jumlah pampasan pendedahan yang dipaparkan dalam pemidang tilik dan panel LCD hanya meningkat sehingga  $\pm 2$  hentian. Jika jumlah pampasan pendedahan melebihi  $\pm 2$  hentian, hujung penunjuk aras pendedahan akan memaparkan <◀> atau <▶>.
- Jika anda ingin menetapkan pampasan pendedahan melebihi  $\pm 2$  hentian, anda disarankan untuk menentukannya dengan [☑2: Expo.comp./AEB (Pampasan pendedahan/AEB)] (hlm.172) atau dengan skrin Kawalan Cepat (hlm.57).

## MENU Bracketing Pendedahan Auto ☆

Ciri ini meningkatkan lagi pampasan pendedahan dengan mempelbagaikan pendedahan secara automatik (sehingga  $\pm 2$  hentian dalam kenaikan 1/3 hentian) dengan tiga tangkapan seperti yang ditunjukkan di bawah. Kemudian, anda boleh memilih pendedahan yang terbaik. Ini dipanggil AEB (Bracketing Pendedahan Auto).




Pendedahan standard



Pendedahan yang lebih gelap (Pendedahan dikurangkan)




Pendedahan yang lebih cerah (Pendedahan ditingkatkan)



### 1 Pilih [Expo.comp./AEB (Pampasan pendedahan/AEB)].


- Di bawah tab [📷2], pilih [Expo.comp./AEB (Pampasan pendedahan/AEB)], kemudian tekan <SET>.



Julat AEB

### 2 Tetapkan julat AEB.

- Putar dail <🔧> untuk menetapkan julat AEB.
- Tekan kekunci <◀> <▶> untuk menetapkan jumlah pampasan pendedahan. Jika AEB digabungkan dengan pampasan pendedahan, AEB akan dikenakan berdasarkan aras pampasan pendedahan.
- Tekan <SET> untuk menentukannya.
- Apabila anda menekan butang <MENU> untuk keluar dari menu, julat AEB akan dipaparkan pada panel LCD.



### 3 Ambil gambar.

- Fokus dan tekan butang pengatup sepenuhnya. Tiga tangkapan bracket akan diambil dalam urutan ini: pendedahan standard, pendedahan yang dikurangkan dan pendedahan yang ditingkatkan.

## Membatalkan AEB

- Ikuti langkah 1 dan 2 untuk mematikan paparan julat AEB (tetapkan kepada 0).
- Tetapan AEB juga akan dibatalkan secara automatik jika suis kuasa ditetapkan kepada <OFF>, denyar diulang cas dilengkapkan dll.

## Tip Penangkapan

- **Menggunakan AEB dengan penangkapan berterusan**  
Jika mod pemacu ditetapkan kepada <□□> atau <□□S> (hlm.124) dan anda menekan butang pengatup sepenuhnya, tiga tangkapan bracket akan diambil secara berterusan dalam urutan ini: pendedahan standard, pendedahan yang dikurangkan dan pendedahan yang ditingkatkan. Penangkapan akan berhenti secara automatik.
- **Menggunakan AEB dengan penangkapan tunggal (□/□S)**  
Tekan butang pengatup sebanyak tiga kali untuk mengambil tiga tangkapan bracket. Tiga tangkapan bracket itu akan diambil dalam urutan berikut: pendedahan standard, pendedahan yang dikurangkan dan pendedahan yang ditingkatkan.
- **Menggunakan AEB dengan pemasa sendiri atau alat kawalan jauh (dijual berasingan)**  
Dengan penangkapan pemasa sendiri atau kawalan jauh (<ⓘⓈ> atau <Ⓢ2>), anda boleh mengambil tiga tangkapan berterusan selepas penungguhan selama 10 saat atau 2 saat. Dengan <ⓈC> (hlm.126) ditetapkan, bilangan tangkapan berterusan akan menjadi tiga kali ganda bilangan yang ditetapkan.




- Ketika AEB, <✱> dalam pemidang tilik dan julat AEB akan berkelip.
- AEB tidak boleh digunakan dengan denyar, **[Multi Shot Noise Reduction (Pengurangan Hingar Berbilang Tangkapan)]**, penuras Kreatif atau pendedahan mentol.
- Jika **[☑2: Auto Lighting Optimizer (Pengoptimum Pencahayaannya)]** (hlm.148) ditetapkan kepada sebarang tetapan selain **[Disable (Lumpuhkan)]**, kesan AEB mungkin akan berkurang.

## \* Mengunci Pendedahan ☆

Anda boleh mengunci pendedahan apabila kawasan fokus adalah berbeza daripada kawasan pemeteran pendedahan atau apabila anda ingin mengambil berbilang tangkapan pada tetapan pendedahan yang sama. Tekan butang < \* > untuk mengunci pendedahan, kemudian gubah semula dan ambil gambar. Ini dipanggil kunci AE. Ia berkesan untuk subjek bercahaya belakang dll.

### 1 Fokus pada subjek.

- Tekan butang pengatup separuh ke bawah.
- ▶ Tetapan pendedahan akan dipaparkan.



### 2 Tekan butang < \* >. (Ⓞ4)

- ▶ Ikon < \* > menyala dalam pemidang tilik untuk menunjukkan tetapan pendedahan dikunci (kunci AE).
- Setiap kali anda menekan butang < \* >, tetapan pendedahan auto semasa dikunci.



### 3 Gubah semula dan ambil gambar.

- Jika anda ingin mengekalkan kunci AE sambil mengambil lebih banyak tangkapan, tahan butang < \* > ke bawah dan tekan butang pengatup untuk mengambil tangkapan lain.

## Kesan Kunci AE

Mod Pemeteran (hlm.169)	Kaedah Pemilihan Titik AF (hlm.118)	
	Pemilihan Automatik	Pemilihan Manual
*	Kunci AE dikenakan pada titik AF yang mencapai fokus.	Kunci AE dikenakan pada titik AF terpilih.
	Kunci AE dikenakan pada titik AF pusat.	

\* Apabila suis mod fokus lensa ditetapkan kepada < MF >, kunci AE dikenakan pada titik AF pusat.

Kunci AE tidak boleh dilakukan dengan pendedahan mentol.

# Kunci Cermin untuk Mengurangkan Goncangan Kamera ☆

Getaran kamera yang disebabkan oleh tindakan refleks cermin dipanggil “kejutan cermin”. Kunci cermin boleh mengurangkan kabur yang disebabkan oleh getaran kamera.

Ini berkesan terutamanya apabila anda menggunakan lensa telefoto super atau menangkap dari jarak dekat (fotografi makro).

**Kunci cermin diaktifkan dengan menetapkan [9: Mirror lockup (Kunci cermin)] kepada [1: Enable (Aktif)] dalam [4: Custom Functions (Fungsi Tersuai)(C.Fn)] (hlm.368).**

## 1 Fokus pada subjek, kemudian tekan butang pengatup sepenuhnya.

- ▶ Cermin akan mengayun ke atas.

## 2 Tekan butang pengatup sepenuhnya sekali lagi.

- ▶ Gambar akan diambil dan cermin menurun semula.
- Selepas mengambil gambar, tetapkan [9: Mirror lockup (Kunci cermin)] kepada [0: Disable (Lumpuhkan)].



### Tip Penangkapan

- **Menggunakan pemasa sendiri <1/2>, <1/2> dengan kunci cermin**  
Apabila anda menekan butang pengatup sepenuhnya, cermin akan terkunci. Gambar akan diambil selepas 10 saat atau 2 saat.
- **Penangkapan kawalan jauh**  
Oleh kerana anda tidak menyentuh kamera apabila gambar diambil, penangkapan kawalan jauh dan kunci cermin akan membantu untuk mengurangkan lagi goncangan kamera (hlm.378). Dengan Alat Kawalan Jauh RC-6 (dijual berasingan) ditetapkan kepada penangguhan 2 saat, tekan butang penghantaran untuk mengunci cermin dan gambar akan diambil 2 saat selepas cermin terkunci.

- Jangan halakan kamera ke arah sumber cahaya yang terang, seperti matahari atau sumber cahaya buatan yang terang. Perbuatan sebegitu boleh merosakkan pengesanan imej atau komponen dalaman kamera.
- Dalam cahaya yang sangat terang, seperti di pantai atau di lereng luncur salji pada hari yang cerah, ambil gambar serta-merta selepas kunci cermin distabilkan.
- Jika anda menggunakan pemasa sendiri dan pendedahan mentol bersama dengan kunci cermin, kekal menekan butang pengatup sepenuhnya (masa lewat pemasa sendiri + masa pendedahan mentol). Jika anda melepaskan butang pengatup semasa perhitungan pemasa sendiri, akan terdapat bunyi pengatup lepas, tetapi tiada gambar akan diambil.
- Semasa kunci cermin, tetapan fungsi penangkapan dan operasi menu, dll akan dilumpuhkan.
- Jika anda menggunakan denyar, lampu pengurangan mata merah tidak akan menyala (hlm.179).

- Walaupun jika anda menetapkan mod pemacu kepada <img alt="Shutter icon" data-bbox="455 455 475 475"/>, <img alt="Shutter icon with S" data-bbox="485 455 505 475"/> atau <img alt="Shutter icon with c" data-bbox="515 455 535 475"/>, kamera masih akan menangkap dalam penangkapan tunggal.
- Apabila [**3: High ISO speed NR (Pengurangan Hingar ISO berkelajuan tinggi)**] ditetapkan kepada [**Multi Shot Noise Reduction (Pengurangan Hingar Berbilang Tangkapan)**], empat tangkapan berterusan akan diambil untuk gambar tunggal tanpa mengambil kira tetapan [**9: Mirror lockup (Kunci cermin)**].
- Jika 30 saat berlalu selepas cermin telah dikunci, ia akan menurun secara automatik. Menekan butang pengatup sepenuhnya semula akan mengunci cermin semula.

# 6

## Fotografi Denyar


Bab ini menerangkan cara menggunakan denyar terbina dalam dan Speedlite luaran (siri EX, dijual berasingan), cara menetapkan tetapan denyar dengan skrin menu kamera dan cara menggunakan denyar terbina dalam untuk penangkapan denyar wayarles.



- Denyar tidak boleh digunakan dengan rakaman filem. Ia tidak akan menyala.
- AEB tidak boleh digunakan dengan denyar.

## ⚡ Menggunakan Denyar Terbina Dalam

Di dalam bangunan, bawah cahaya malam atau dalam keadaan cahaya belakang siang, hanya naikan denyar terbina dalam dan tekan butang pengatup untuk mengambil gambar denyar. Dalam mod <P>, kelajuan pengatup (1/60 saat - 1/200 saat) akan ditetapkan secara automatik untuk mengelakkan goncangan kamera.




### 1 Tekan butang <⚡>.

- Dalam mod Zon Kreatif, anda boleh menekan butang <⚡> pada bila-bila masa untuk mengambil gambar denyar.
- Sementara denyar diulang cas, "buSY" dipaparkan dalam pemidang tilik dan pada panel LCD.



### 2 Tekan butang pengatup separuh ke bawah.

- Dalam bahagian bawah sebelah kiri pemidang tilik, periksa bahawa ikon <⚡> dinyalakan.



### 3 Ambil gambar.

- Apabila fokus dicapai dan anda menekan butang pengatup sepenuhnya, denyar akan bernyala untuk gambar itu.

**Julat Berkesan Denyar Terbina dalam** (Anggaran dalam meter/kaki)

Kelajuan ISO (hlm.134)	EF-S18-135mm f/3.5-5.6 IS STM, EF-S18-55mm f/3.5-5.6 IS STM, EF-S55-250mm f/4-5.6 IS STM, EF-S18-200mm f/3.5-5.6 IS		
	Sudut Lebar		Telefoto
	f/3.5	f/4	f/5.6
ISO 100	1 - 3.4 / 3.3 - 11.2	1 - 3 / 3.3 - 9.8	1 - 2.1 / 3.3 - 6.9
ISO 400	1 - 6.9 / 3.3 - 22.6	1 - 6 / 3.3 - 19.7	1 - 4.3 / 3.3 - 14.1
ISO 1600	1.7 - 13.7 / 5.6 - 44.9	1.5 - 12 / 4.9 - 39.4	1.1 - 8.6 / 3.6 - 28.2
ISO 6400	3.4 - 27.4 / 11.2 - 89.9	3 - 24 / 9.8 - 78.7	2.1 - 17.1 / 6.9 - 56.1

\* Apabila kelajuan ISO yang tinggi ditetapkan dan jarak pemfokusan adalah jauh, pendedahan yang sesuai mungkin tidak dapat diperolehi bergantung pada keadaan subjek, dll.


## 💡 Tip Penangkapan

- **Dalam cahaya terang, kurangkan kelajuan ISO.**  
Jika tetapan pendedahan dalam pemidang tilik berkelip, kurangkan kelajuan ISO.
- **Tanggalkan tudung lensa. Jangan terlalu mendekati subjek.**  
Jika lensa dipasangkan dengan tudung atau anda berada terlalu dekat dengan subjek, bahagian bawah gambar mungkin kelihatan gelap akibat denyar yang terhalang. Untuk tangkapan penting, periksa imej pada monitor LCD untuk memastikan pendedahan denyar kelihatan semula jadi (tidak gelap di bahagian bawah).

## MENU Pengurangan Mata Merah

Menggunakan lampu pengurangan mata merah sebelum mengambil gambar denyar boleh mengurangkan mata merah.

Pengurangan mata merah akan berfungsi dalam sebarang mod penangkapan kecuali <📷>, <🏔️>, <🏠>, <🏠> atau <🌟>.



- Di bawah tab [📷], pilih [Red-eye reduc. (Pengurangan mata merah)], kemudian tekan <Ⓢ>.
- Pilih [Enable (Aktif)], kemudian tekan <Ⓢ>.
- Untuk fotografi denyar, apabila anda menekan butang pengatup separuh ke bawah, lampu pengurangan mata merah akan menyala. Kemudian apabila anda menekan butang pengatup sepenuhnya, gambar akan diambil.




- Ciri-ciri pengurangan mata merah adalah lebih berkesan apabila subjek melihat ke arah lampu pengurangan mata merah, apabila bilik diterangi secukupnya atau apabila anda berada dekat dengan subjek.
- Apabila anda menekan butang pengatup separuh ke bawah, paparan skala di bahagian bawah pemidang tilik akan mengecut dan padam. Untuk hasil terbaik, ambil gambar selepas paparan skala tersebut padam.
- Keberkesanan pengurangan mata merah berbeza bergantung pada subjek.



## 🔧 Pampasan Pendedahan Denyar ☆

Tetapkan pampasan pendedahan denyar jika pendedahan denyar subjek tidak terhasil seperti yang diinginkan. Anda boleh menetapkan pampasan pendedahan sehingga  $\pm 2$  hentian dalam kenaikan  $1/3$  hentian.




### 1 Tekan butang <Q> (⌚10).

- ▶ Skrin Kawalan Cepat akan muncul (hlm.57).



### 2 Pilih [⚡±0].

- Tekan kekunci <▲> <▼> atau <◀> <▶> untuk memilih [⚡\*].
- ▶ [Flash exposure comp. (Pampasan pendedahan denyar)] akan dipaparkan di bahagian bawah.



### 3 Tetapkan jumlah pampasan pendedahan.

- Jika pendedahan adalah terlalu gelap, putar dail <⌚> ke kanan (untuk pendedahan yang ditingkatkan). Jika pendedahan adalah terlalu cerah, putar dail <⌚> ke kiri (untuk pendedahan yang dikurangkan).

- ▶ Apabila anda menekan butang pengatup separuh ke bawah, ikon <⚡> akan muncul dalam pembedang tilik.
- Selepas mengambil gambar, batalkan pampasan pendedahan denyar dengan menentukannya kembali kepada 0.

- Jika [📷2: Auto Lighting Optimizer (Pengoptimum Pencahayaann Auto)] (hlm.148) ditetapkan kepada sebarang tetapan selain daripada [Disable (Lumpuhkan)], imej mungkin masih kelihatan cerah walaupun pampasan pendedahan denyar yang dikurangkan telah ditetapkan.
- Jika pampasan pendedahan denyar ditetapkan dengan Speedlite luaran (dijual berasingan, hlm.183), anda tidak boleh menetapkan pampasan pendedahan denyar dengan kamera (tetapan fungsi Kawalan Cepat atau Denyar luaran). Jika ia ditetapkan dengan kamera dan Speedlite, tetapan Speedlite mengatasi tetapan kamera.




- Jumlah pampasan pendedahan akan kekal berkesan walaupun selepas anda menetapkan suis kuasa kepada <OFF>.
- Anda juga boleh tetapkan pampasan pendedahan denyar dengan [**Built-in flash settings (Tetapan denyar terbina dalam)**] dalam [**☑ 1: Flash control (Kawalan Denyar)**] (hlm.188).

## ✳ Mengunci Pendedahan Denyar (Kunci FE) ☆

Jika subjek berada di sisi bingkai dan anda menggunakan denyar, subjek mungkin menjadi terlalu cerah atau gelap bergantung pada latar belakang, dll. Dalam keadaan ini, gunakan kunci FE. Selepas anda menetapkan pendedahan denyar yang sepatutnya untuk subjek, anda boleh menggubah semula (letakkan subjek ke tepi) dan tangkap. Ciri ini juga boleh digunakan dengan Speedlite siri EX Canon.

\* FE ialah singkatan untuk Flash Exposure (Pendedahan Denyar).




### 1 Tekan butang <⚡>.

- ▶ Denyar terbina dalam akan dinaikkan.
- Tekan butang pengatup separuh ke bawah dan lihat dalam pemidang tilik untuk memeriksa bahawa ikon <⚡> bernyala.



### 2 Fokus pada subjek.



### 3 Tekan butang <✳>. (☉16)

- Sasarkan pusat pemidang tilik pada subjek yang anda ingin mengunci pendedahan denyar, kemudian tekan butang <✳>.
- ▶ Denyar akan menyalakan pradenyar dan output denyar yang diperlukan dikira dan disimpan dalam memori.
- ▶ Dalam pemidang tilik, "FEL" dipaparkan untuk seketika dan <⚡✳> akan menyala.



- Setiap kali anda menekan butang <✳>, satu pra denyar dinyalakan dan output denyar yang diperlukan dikira dan disimpan dalam memori.



#### 4 Ambil gambar.

- Gubah dan tekan butang pengatup sepenuhnya.
- ▶ Denyar dinyalakan dan gambar diambil.

- Jika subjek terlalu jauh dan di luar julat berkesan denyar, ikon <⚡> akan berkelip. Bergerak lebih dekat kepada subjek dan ulangi langkah 2 hingga 4.
- Kunci FE tidak boleh dikenakan semasa penangkapan Pandangan Langsung.

## ⚡ Menggunakan Speedlite Luaran



### Speedlite Siri EX yang Khusus Untuk EOS

Secara asasnya beroperasi seperti denyar terbina dalam untuk operasi mudah.

Apabila Speedlite Siri EX (dijual berasingan) dipasang pada kamera, hampir semua kawalan denyar auto dilakukan oleh kamera. Dalam erti kata lain, ia seperti denyar output tinggi yang dipasang secara luaran untuk menggantikan denyar terbina dalam.

**Untuk arahan terperinci, rujuk kepada manual arahan Speedlite siri EX.** Kamera ini ialah kamera jenis A yang boleh menggunakan semua ciri Speedlite siri EX.



- Dengan Speedlite Siri EX yang tidak serasi dengan tetapan fungsi denyar (hlm.185), hanya [**Flash exp. comp (Pampasan Pendedahan Denyar)**] dan [**E-TTL II meter. (Pemeteran E-TTL II)**] boleh ditetapkan untuk [**External flash func. setting (Tetapan fungsi denyar luaran)**]. ([**Shutter sync. (Penyegerakan pengatup)**] juga boleh ditetapkan dengan Speedlite Siri EX tertentu.)
- Jika pampasan pendedahan denyar ditetapkan dengan Speedlite luaran, ikon pampasan pendedahan denyar yang dipaparkan pada monitor LCD kamera akan berubah daripada  kepada .

## Speedlite Canon Selain Daripada Siri EX

- Dengan Speedlite siri EZ/E/EG/ML/TL ditetapkan kepada mod denyar auto A-TTL atau TTL, denyar akan dinyalakan pada output penuh sahaja. Tetapkan mod penangkapan kamera kepada <M> (pendedahan manual) atau <Av> (AE keutamaan apertur) dan laraskan tetapan apertur sebelum penangkapan.
- Apabila menggunakan Speedlite yang mempunyai mod denyar manual, tangkap dalam mod denyar manual.

## Menggunakan Unit Denyar Bukan Canon

### Kelajuan Penyegerakan

Kamera boleh menyegerakan dengan unit denyar padat, bukan Canon pada kelajuan pengatup 1/200 saat atau lebih perlahan. Gunakan kelajuan penyegerakan yang lebih perlahan daripada 1/200 saat. Pastikan untuk menguji unit denyar terlebih dahulu untuk memastikan ia menyegerakan secara betul dengan kamera.

### Peringatan untuk Penangkapan Pandangan Langsung


Denyar bukan Canon tidak akan menyala semasa penangkapan Pandangan Langsung.

- Jika kamera ini digunakan dengan unit denyar atau aksesori denyar yang dikhususkan untuk jenama kamera lain, kamera mungkin tidak beroperasi dengan betul dan mungkin menyebabkan kepincangan.
- Jangan pasang unit denyar voltan tinggi pada hot shoe kamera. Ia mungkin tidak menyala.

## MENU Menetapkan Denyar ☆

Dengan denyar terbina dalam atau Speedlite luaran siri EX yang serasi dengan tetapan fungsi denyar, anda boleh menggunakan menu kamera untuk menetapkan fungsi denyar dan Fungsi Tersuai Speedlite luaran.


**Jika anda menggunakan Speedlite luaran, pasang Speedlite pada kamera dan hidupkan Speedlite sebelum menetapkan fungsi denyar.** Untuk maklumat lanjut mengenai fungsi denyar Speedlite luaran, rujuk kepada manual arahan Speedlite.



### Pilih [Flash control (Kawalan denyar)].


- Di bawah tab [📷1], pilih [Flash control (Kawalan denyar)], kemudian tekan <SET>.
- ▶ Skrin Kawalan denyar akan muncul.

### [Flash firing (Nyalaan denyar)]



- Biasanya, tetapkan ini kepada [Enable (Aktif)].
- Jika [Disable (Lumpuhkan)] ditetapkan, denyar terbina dalam dan Speedlite luaran tidak akan bernyala. Ini berguna apabila anda hanya ingin menggunakan sinar bantu AF denyar.


### [E-TTL II meter. (Pemeteran E-TTL II)]



- Bagi pendedahan denyar normal, tetapkan ini kepada [Evaluative (Penilaian)].
- [Average (Purata)] adalah untuk pengguna mahir. Dengan Speedlite luaran, kawasan pemeteran dipuratakan. Pampasan pendedahan denyar mungkin diperlukan.

Walaupun jika [Flash firing (Nyalaan denyar)] ditetapkan kepada [Disable (Lumpuhkan)], jika fokus terlalu sukar untuk dicapai dalam cahaya malap, denyar mungkin menyala untuk beberapa kali (sinar bantu AF, hlm.115).

## [Flash sync. speed in Av mode (Kelajuan penyegerakan denyar dalam mod Av)]



Anda boleh menetapkan kelajuan penyegerakan denyar untuk fotografi denyar dalam mod AE keutamaan apertur (**Av**).

- **AUTO: Auto**

Kelajuan penyegerakan denyar ditetapkan secara automatik dalam julat 1/200 saat sehingga 30 saat supaya sepadan dengan kecerahan pemandangan. Penyegerakan berkelajuan tinggi juga boleh dilakukan.

- <sup>1/200</sup>/<sub>-1/60</sub> **A: 1/200-1/60 sec. auto (1/200-1/60 saat auto)**


Mengelakkan kelajuan pengatup perlahan daripada ditetapkan dalam keadaan cahaya malam. Ia berkesan untuk menghalang kekaburan subjek dan goncangan kamera. Walau bagaimanapun, apabila subjek didedahkan betul dengan denyar, latar belakang yang terhasil mungkin menjadi gelap.

- **1/200: 1/200 sec. (fixed) (1/200 saat (tetap))**

Kelajuan penyegerakan denyar adalah tetap pada 1/200 saat. Ini lebih berkesan untuk menghalang kekaburan subjek dan goncangan kamera berbanding dengan [**1/200-1/60sec. auto (1/200-1/60saat auto)**]. Walau bagaimanapun, dalam cahaya malam, latar belakang subjek akan terhasil lebih gelap berbanding dengan [**1/200-1/60sec. auto (1/200-1/60saat auto)**].

ⓘ Jika [**1/200-1/60sec. auto (1/200-1/60saat auto)**] atau [**1/200 sec. (fixed) (1/200 saat (tetap))**] ditetapkan, penyegerakan berkelajuan tinggi tidak boleh dilakukan dalam mod <**Av**> dengan Speedlite luaran.

## Memaparkan Skrin Tetapan Fungsi Denyar Secara Langsung



Apabila anda menggunakan denyar terbina dalam atau Speedlite luaran siri EX yang serasi dengan tetapan fungsi denyar, anda boleh menekan butang <Fn> untuk memaparkan skrin [Built-in flash settings (Tetapan denyar terbina dalam)] atau [External flash func. setting (Tetapan fungsi denyar luaran)] secara langsung tanpa memaparkan skrin menu terlebih dahulu.

### • Dengan denyar terbina dalam

Built-in flash settings	
Built-in flash	NormalFiring
Flash mode	E-TTL II
Shutter sync.	1st curtain
exp. comp.	2..1..@..1..72

Tekan butang <Fn> sebanyak dua kali.

- Denyar terbina dalam akan dinaikkan.
- Tekan butang sekali lagi untuk memaparkan skrin [Built-in flash settings (Tetapan denyar terbina dalam)].

### • Dengan Speedlite luaran

External flash func. setting		
ETTL	WIRELESS OFF	Zoom AUTO
▶▶	±0	FEB ±0
↶	E-TTL II flash metering	

Tekan butang <Fn>.


- Dengan Speedlite luaran yang telah dihidupkan, tekan butang <Fn> untuk memaparkan skrin [External flash func. setting (Tetapan fungsi denyar luaran)].



- Apabila anda menekan butang <Fn> untuk memaparkan skrin tetapan fungsi denyar luaran, anda tidak boleh menetapkan [Flash firing (Nyalaa denyar)], [E-TTL II meter. (Pemeteran E-TTL II)], [Flash sync. speed in Av mode (Kelajuan penyegerakan denyar dalam mod Av)] atau [External flash C.Fn setting (Tetapan Fungsi Tersuai denyar luaran)]. Sebaliknya, tetapkan fungsi ini dengan [ⓘ1: Flash control (Kawalan denyar)].
- Jika [Flash firing (Nyalaa denyar)] ditetapkan kepada [Disable (Lumpuhkan)] dan anda menekan butang <Fn>, skrin [ⓘ1: Flash control (Kawalan denyar)] akan muncul.


## [Built-in flash settings (Tetapan denyar terbina dalam)] dan [External flash func. setting (Tetapan fungsi denyar luaran)]

Anda boleh menetapkan fungsi dalam jadual di bawah. Fungsi yang dipaparkan di bawah [External flash func. setting (Tetapan fungsi denyar luaran)] berbeza bergantung pada model Speedlite.




- Pilih [Built-in flash settings (Tetapan denyar terbina dalam)] atau [External flash func. setting (Tetapan fungsi denyar luaran)].
- ▶ Skrin tetapan fungsi denyar akan dipaparkan. Dengan [Built-in flash settings (Tetapan denyar terbina dalam)], hanya fungsi yang diserlahkan dapat dipilih dan ditetapkan.

### Skrin sampel



[Built-in flash settings (Tetapan denyar terbina dalam)]



[External flash func. setting (Tetapan fungsi denyar luaran)]

- Fungsi wayarles
- Zum denyar (Liputan denyar)
- FEB
- Pampasan pendedahan denyar
- Penyegerakan pengatup


Fungsi Utama untuk [Built-in flash settings (Tetapan denyar terbina dalam)] dan [External flash func. settings (Tetapan fungsi denyar luaran)]

Fungsi	[Built-in flash settings (Tetapan denyar terbina dalam)]			[External flash func. setting (Tetapan fungsi denyar luaran)]	Halaman
	Normal Firing (Nyalaan Normal)	Easy Wireless (Wayarles Mudah) (hlm.196)	Custom Wireless (Wayarles Tersuai) (hlm.200)		
Flash mode (Mod denyar)			○	○	190
Shutter synchronization (Penyegerakan pengatup)	○			○	190
FEB*				○	
Wireless functions (Fungsi wayarles)			○	○	190
Flash exposure compensation (Pampasan pendedahan denyar)	○	○	○	○	180
Flash ratio control (Kawalan nisbah denyar)			○		
Master flash firing (Nyalaan denyar induk)				○	
Flash zoom* (Zum denyar*)				○	

\* Untuk [FEB] (Bracketing pendedahan denyar) dan [Flash zoom (Zum denyar)], rujuk kepada manual arahan Speedlite yang serasi dengan fungsi tersebut.

● **Flash mode (Mod denyar)**

Apabila anda menggunakan Speedlite luaran, anda boleh memilih mod denyar untuk sepadan dengan penangkapan denyar yang anda kehendaki.



- **[E-TTL II]** ialah mod standard Speedlite siri EX untuk penangkapan denyar automatik.
- **[Manual flash (Denyar manual)]** adalah untuk pengguna mahir yang ingin menetapkan **[Flash output (Output denyar)]** (1/1 hingga 1/128) dengan diri sendiri.
- Berkenaan mod denyar yang lain, rujuk kepada manual arahan Speedlite yang serasi dengan fungsi-fungsi tersebut.

● **Shutter synchronization (Penyegerakan pengatup)**

Biasanya, tetapkan ini kepada **[1st curtain (Tirai pertama)]** supaya denyar beryala sejurus selepas pendedahan bermula.

Jika **[2nd curtain (Tirai kedua)]** ditetapkan, denyar akan menyala sejurus sebelum pengatup tertutup. Apabila ini digabungkan dengan kelajuan pengatup yang perlahan, anda boleh mencipta jejak cahaya seperti dari lampu depan kereta pada malam dengan kesan yang lebih semula jadi. Dengan E-TTL II (pendedahan denyar auto), dua denyar akan beryala: sekali apabila anda menekan butang pengatup sepenuhnya dan sekali sejurus sebelum pendedahan berakhir. Juga, jika kelajuan pengatup adalah 1/30 saat atau lebih cepat, penyegerakan tirai pertama akan digunakan secara automatik.

Jika Speedlite luaran dipasangkan, anda juga boleh memilih **[High-speed synchronization (Penyegerakan berkelajuan tinggi)]** (H). Untuk maklumat lanjut, rujuk kepada manual arahan Speedlite.

● **Wireless functions (Fungsi wayarles)**


Apabila melakukan penangkapan denyar wayarles penghantaran optik menggunakan fungsi induk denyar terbina dalam, lihat “Menggunakan Denyar Wayarles” pada halaman 192. Apabila melakukan penangkapan denyar wayarles dengan penghantaran optik atau radio menggunakan fungsi induk Speedlite luaran, rujuk kepada manual arahan Speedlite tersebut.

● **Flash exposure compensation (Pampasan pendedahan denyar)**

Lihat “Pampasan Pendedahan Denyar” pada halaman 180.

## Menetapkan Fungsi Tersuai Speedlite Luaran

Fungsi Tersuai yang dipaparkan di bawah [**External flash C.Fn setting (Tetapan Fungsi Tersuai denyar luaran)**] adalah berbeza bergantung pada model Speedlite.



### 1 Paparkan Fungsi Tersuai.


- Dengan kamera yang bersedia untuk menangkap menggunakan Speedlite luaran, pilih [**External flash C.Fn setting (Tetapan Fungsi Tersuai denyar luaran)**], kemudian tekan <SET>.

### 2 Tetapkan Fungsi Tersuai.

- Tekan kekunci <◀> <▶> untuk memilih nombor fungsi, kemudian tetapkan fungsi. Prosedurnya adalah sama seperti menetapkan Fungsi Tersuai kamera (hlm.360).

⚠ Dengan Speedlite siri EX, jika Fungsi Tersuai [**Flash metering mode (Mod pemeteran denyar)**] ditetapkan kepada [**TTL flash metering (Pemeteran denyar TTL)**] (denyar auto), Speedlite akan sentiasa menyala pada output penuh.

## Menghapuskan Tetapan



### 1 Pilih [Clear settings (Hapus tetapan)].

- Di bawah tab [📷1: Flash control (Kawalan denyar)], pilih [**Clear settings (Hapus tetapan)**], kemudian tekan <SET>.

### 2 Pilih tetapan untuk dipadamkan.

- Pilih [**Clear built-in flash set. (Hapus tetapan denyar terbina dalam)**], [**Clear external flash set. (Hapus tetapan denyar luaran)**] atau [**Clear ext. denyar C.Fn set. (Hapus tetapan Fungsi Tersuai denyar luaran)**], kemudian tekan <SET>.
- Apabila anda memilih [**OK**], tetapan denyar masing-masing akan dipadamkan.

📄 Fungsi Peribadi (P.Fn) Speedlite tidak boleh ditetapkan atau dibatalkan dengan skrin [**Flash control (Kawalan denyar)**] kamera. Tetapkannya dengan Speedlite.

# Menggunakan Denyar Wayarles ☆

Denyar terbina dalam kamera boleh berfungsi sebagai unit induk untuk Speedlite luaran Canon siri EX yang mempunyai ciri bantu wayarles. Ia boleh mencetuskan Speedlite secara wayarles untuk menyala melalui penghantaran optik.


Pastikan untuk membaca arahan dan peringatan tentang fotografi denyar wayarles (penghantaran optik) dalam manual arahan Speedlite.

## Tetapan dan Posisi Unit Bantu

Tentang (unit bantu) Speedlite anda, rujuk kepada manual arahnya dan tetapkannya seperti berikut. Tetapan selain yang ditunjukkan di bawah untuk unit bantu ini semuanya ditetapkan dengan kamera. Jenis unit bantu Speedlite yang berbeza boleh digunakan dan dikawal bersama-sama.

- (1) Tetapkan Speedlite luaran sebagai satu unit bantu.
- (2) Tetapkan saluran penghantaran Speedlite kepada saluran yang sama dengan yang ditetapkan pada kamera.<sup>\*1</sup>
- (3) Untuk kawalan nisbah denyar (hlm.202), tetapkan kumpulan nyalaan unit bantu.
- (4) Posisikan kamera ini dan unit bantu dalam julat yang ditunjukkan di bawah.
- (5) Halakan pengesan wayarles unit bantu ke arah kamera.<sup>\*2</sup>

Contoh Persediaan Denyar Wayarles



- \*1: Jika Speedlite tidak mempunyai fungsi tetapan saluran penghantaran, Speedlite akan beroperasi tanpa mengambil kira saluran yang ditetapkan pada kamera.
- \*2: Dalam bilik kecil, unit bantu mungkin berfungsi walaupun pengesan wayarles tidak menghadap kamera. Isyarat wayarles kamera boleh melantun dari dinding dan diterima oleh unit bantu. Apabila menggunakan Speedlite siri EX dengan unit pemancar cahaya tetap (kepala denyar) dan pengesan wayarles, pastikan supaya ia boleh beryala semasa gambar diambil.

- **Membatalkan kuasa terpadam secara auto bagi unit bantu**

Untuk membatalkan kuasa terpadam secara auto unit bantu, tekan butang <✱> kamera. Jika anda menggunakan nyalaan denyar secara manual, tekan butang nyalaan uji unit bantu (PILOT) untuk membatalkan kuasa terpadam secara auto.
















Fungsi induk kamera tidak boleh digunakan untuk penangkapan denyar wayarles dengan penghantaran radio.

## Konfigurasi Penangkapan Denyar Wayarles

Jadual di bawah menunjukkan konfigurasi yang boleh dilakukan untuk penangkapan denyar wayarles. Pilih konfigurasi yang sesuai dengan subjek, keadaan penangkapan, bilangan Speedlite luaran yang anda gunakan dll.

	Speedlite Luaran		Densar Terbina Dalam	Hala man	Tetapan		
	Kuantiti	Nisbah Denyar A:B			Fungsi Wayarles	Kumpulan Nyalaan	
Sepenuh Automatik (E-TTL II denyar auto)	Tunggal	-	-	hlm. 196		Semua	
	Tunggal	-	Digunakan	hlm. 200	+	-	
	Berbilang	-	-	hlm. 198		Semua	
	Berbilang	Tetapkan	-	hlm. 202		(A:B)	
	Berbilang	-	Digunakan	hlm. 203	+	Semua  dan	
	Berbilang	Tetapkan	Digunakan		+	(A:B)	
	• Pampasan pendedahan denyar				hlm. 204		
	• Kunci FE						


	Speedlite Luaran		Densar Terbina Dalam	Hala man	Tetapan	
	Kuantiti	Nisbah Densar A:B			Fungsi Wayarles	Kumpulan Nyalaan
Densar Manual	Tunggal/ Berbilang	-	-	hlm.2 05		Semua 
	Berbilang	Tetapkan	-			 (A:B)
	Tunggal/ Berbilang	-	Diguna kan		 + 	Semua  dan 
	Berbilang	Tetapkan	Diguna kan		 + 	 (A:B) 

 Walaupun jika anda melumpuhkan densar terbina dalam daripada menyala, ia masih akan menyala untuk mengawal unit bantu melalui penghantaran optik. Maka, densar yang dinyalakan untuk mengawal unit bantu mungkin muncul dalam gambar bergantung pada keadaan penangkapan.


# Penangkapan Denyar Wayarles Mudah ☆

Asas penangkapan denyar wayarles yang lengkap dan mudah diterangkan di bawah.

## Penangkapan Sepenuh Automatik dengan Satu Speedlite Luaran




Langkah-langkah 1 hingga 4 dan 6 boleh digunakan untuk semua penangkapan denyar wayarles. Justeru itu, langkah tersebut tidak dimasukkan dalam persediaan denyar wayarles lain yang diterangkan dalam halaman selepas ini.




### 1 Tekan butang <⚡> untuk menaikkan denyar terbina dalam.

- Untuk penangkapan denyar wayarles, pastikan untuk menaikkan denyar terbina dalam.




### 2 Pilih [Flash control (Kawalan denyar)].

- Di bawah tab [📷1], pilih [Flash control (Kawalan denyar)], kemudian tekan <SET>.




### 3 Pilih [Evaluative (Penilaian)].

- Untuk [E-TTL II meter. (Pemeteran E-TTL II)], pilih [Evaluative (Penilaian)], kemudian tekan <SET>.




#### 4 Pilih [**Built-in flash settings (Tetapan denyar terbina dalam)**].

- Pilih [**Built-in flash settings (Tetapan denyar terbina dalam)**], kemudian tekan <SET>.



#### 5 Pilih [**EasyWireless (Wayarles Mudah)**].

- Untuk [**Built-in flash (Denyar terbina dalam)**], pilih [**EasyWireless (Wayarles Mudah)**], kemudian tekan <SET>.




#### 6 Tetapkan [**Channel (Saluran)**].

- Tetapkan saluran penghantaran (1-4) sama dengan unit bantu.

#### 7 Ambil gambar.

- Tetapkan kamera dan ambil gambar dengan cara yang sama seperti penangkapan normal.



#### 8 Keluar dari penangkapan denyar wayarles.



- Untuk [**Built-in flash (Denyar terbina dalam)**], pilih [**NormalFiring (Nyalaan Biasa)**].



- Menetapkan [**E-TTL II meter. (Pemeteran E-TTL II)**] kepada [**Evaluative (Penilaian)**] adalah disarankan.
- Walaupun nyalaan denyar terbina dalam dilumpuhkan apabila [**EasyWireless (Wayarles Mudah)**] ditetapkan, ia masih akan menyalakan sedikit denyar untuk mengawal unit bantu. Bergantung pada keadaan penangkapan, denyar yang dinyalakan untuk mengawal unit bantu mungkin akan kelihatan dalam gambar.
- Menyalakan denyar uji tidak boleh dilakukan dengan unit bantu.

## Penangkapan Sepenuh Automatik dengan Berbilang Speedlite Luaran

Beberapa unit bantu boleh dinyalakan seolah-olah seperti sebuah Speedlite tunggal. Ini memudahkan apabila anda memerlukan output denyar yang besar.



### Tetapan asas:

**Flash mode (Mod denyar): E-TTL II**  
**E-TTL II meter. (Pemeteran E-TTL II):**  
**Evaluative (Penilaian)**

**Built-in flash (Denyar terbina dalam):**  
**EasyWireless (Wayarles Mudah)**


**Channel (Saluran):** (Sama dengan unit bantu)

Semua unit bantu akan menyala pada output yang sama dan boleh dikawal untuk mendapatkan pendedahan yang standard.

Tidak kira mana satu kumpulan nyalaan (A, B atau C) unit bantu tersebut, semua unit bantu akan menyala sebagai satu kumpulan.

## Pampasan Pendedahan Denyar


Jika pendedahan denyar kelihatan terlalu gelap atau terlalu terang, anda boleh menetapkan pampasan pendedahan denyar untuk melaraskan output denyar unit bantu.



- Pilih [**exp. comp. (Pampasan pendedahan)**], kemudian tekan **<SET>**.
- Jika pendedahan denyar adalah terlalu gelap, tekan kekunci **<▶>** untuk meningkatkan pendedahan denyar dan menjadikannya lebih terang. Jika pendedahan denyar adalah terlalu terang, tekan kekunci **<◀>** untuk merendahkan pendedahan denyar dan menjadikannya lebih gelap.





# Penangkapan Denyar Wayarles Tersuai <sup>☆</sup>


## Penangkapan Sepenuh Automatik dengan Satu Speedlite Luaran dan Denyar Terbina Dalam



Ini merupakan penangkapan denyar wayarles automatik sepenuhnya dengan satu Speedlite luaran dan denyar terbina dalam.


Anda boleh menukar nisbah denyar antara Speedlite luaran dengan denyar terbina dalam untuk melaraskan bagaimana bayangan kelihatan pada subjek.

Pada skrin menu, ikon  dan  menunjukkan Speedlite luaran, dan ikon  dan  menunjukkan denyar terbina dalam.







### 1 Pilih [CustWireless (Wayarles Tersuai)].

- Ikut langkah 5 pada halaman 197 untuk memilih [CustWireless (Wayarles Tersuai)], kemudian tekan .






### 2 Pilih [Wireless func. (Fungsi wayarles)].

- Untuk [Wireless func. (Fungsi wayarles)], pilih  , kemudian tekan .




### 3 Tetapkan nisbah denyar yang diinginkan dan ambil gambar.

- Pilih   dan tetapkan nisbah denyar dalam 8:1 sehingga 1:1. Menetapkan nisbah denyar ke kanan 1:1 tidak boleh dilakukan.
- Jika output denyar terbina dalam tidak mencukupi, tetapkan kelajuan ISO yang lebih tinggi (hlm.134).

 Nisbah denyar 8:1 sehingga 1:1 adalah bersamaan dengan 3:1 sehingga 1:1 hentian (kenaikan 1/2 hentian).

## Penangkapan Sepenuh Automatik dengan Berbilang Speedlite Luaran


Berbilang unit bantu Speedlite boleh dinyalakan sebagai satu unit denyar atau diasingkan kepada kumpulan bantu untuk menangkap dengan kawalan nisbah denyar. Tetapan asas dinyatakan di bawah. Dengan menukar tetapan **[Firing group (Kumpulan nyalaan)]**, anda boleh menangkap dengan pelbagai persediaan denyar wayarles dengan berbilang Speedlite.




### Tetapan asas:

**Flash mode (Mod denyar): E-TTL II**  
**E-TTL II meter. (Pemeteran E-TTL II): Evaluative (Penilaian)**  
**Wireless func. (Fungsi wayarles): [Wireless icon]**  
**Channel (Saluran): (Sama dengan unit bantu)**

### [All (Semua)] Menyalakan berbilang bantu Speedlite sebagai satu unit denyar




Memudahkan apabila anda memerlukan output denyar yang besar. Semua unit bantu akan menyala pada output yang sama dan boleh dikawal untuk mendapatkan pendedahan yang standard. Tidak kira mana satu kumpulan nyalaan (A, B atau C) unit bantu tersebut, semua unit bantu akan menyala sebagai satu kumpulan.




Tetapkan **[Firing group (Kumpulan nyalaan)]** kepada **[All (Semua)]**, kemudian ambil gambar.

## [ (A:B)] Menyalakan berbilang unit bantu dalam berbilang kumpulan





Anda boleh membahagikan unit-unit bantu kepada kumpulan A dan B dan menukar nisbah denyar untuk mendapatkan kesan pencahayaan yang diinginkan.

Rujuk kepada manual arahan Speedlite dan tetapkan satu unit bantu kepada kumpulan nyalaan A dan yang lain kepada kumpulan nyalaan B. Posisikan Speedlite seperti yang ditunjukkan dalam ilustrasi.




### 1 Pilih [**Wireless func. (Fungsi wayarles)**].

- Ikut langkah 2 pada halaman 200 untuk memilih [, kemudian tekan <SET>.




### 2 Tetapkan [**Firing group (Kumpulan nyalaan)**] kepada [ (A:B)].



### 3 Tetapkan nisbah denyar A:B dan tangkap.

- Pilih [**A:B fire ratio (Nisbah nyalaan A:B)**] dan tetapkan nisbah denyar.


 Jika [**Firing group (Kumpulan nyalaan)**] ditetapkan kepada [ (A:B)], kumpulan C tidak akan menyala.

 Nisbah denyar 8:1 sehingga 1:1 sehingga 1:8 adalah bersamaan dengan 3:1 sehingga 1:1 sehingga 1:3 hentian (kenaikan 1/2 hentian).

## Penangkapan Sepenuh Automatik dengan Denyar Terbina Dalam dan Berbilang Speedlite Luar

Denyar terbina dalam boleh juga ditambah ke penangkapan denyar wayarles seperti yang diterangkan pada halaman 201-202.

Tetapan asas dinyatakan di bawah. Dengan menukar tetapan [**Firing group (Kumpulan nyalaan)**], anda boleh menangkap dengan pelbagai persediaan denyar wayarles dengan berbilang Speedlite yang dilengkapi dengan denyar terbina dalam.




1

### Tetapan asas:

**Flash mode (Mod denyar): E-TTL II**  
**E-TTL II meter. (Pemeteran E-TTL II):**  
**Evaluative (Penilaian)**

**Wireless func. (Fungsi wayarles):** [Wireless icon]


**Channel (Saluran):** (Sama dengan unit bantu)




2

### Pilih [**Firing group (Kumpulan nyalaan)**].

- Pilih kumpulan nyalaan, kemudian tetapkan nisbah denyar, pampasan pendedahan denyar dan tetapan lain yang diperlukan sebelum mula menangkap.




[All and] (Semua dan)



[A:B]

## Pampasan Pendedahan Denyar

Apabila [**Flash mode (Mod denyar)**] ditetapkan kepada [**E-TTL II**], pampasan pendedahan denyar boleh ditetapkan. Tetapan pampasan pendedahan denyar (lihat di bawah) yang boleh ditetapkan adalah berbeza bergantung pada tetapan [**Wireless func. (Fungsi wayarles)**] dan [**Firing group (Kumpulan nyalaan)**].



### [Flash exp. comp. (Pampasan pendedahan denyar)]

- Jumlah pampasan pendedahan denyar yang ditetapkan akan digunakan pada denyar terbina dalam dan semua Speedlite luaran.


### [ exp. comp. (Pampasan pendedahan )]

- Pampasan pendedahan denyar digunakan hanya pada denyar terbina dalam.

### [ exp. comp. (Pampasan pendedahan )]


- Jumlah pampasan pendedahan denyar yang ditetapkan akan digunakan pada semua Speedlite luaran.

## Kunci FE

Jika [**Flash mode (Mod denyar)**] ditetapkan kepada [**E-TTL II**], anda boleh menekan butang < > untuk melaksanakan kunci FE.

## Menetapkan Output Denyar Secara Manual untuk Tangkapan Denyar Wayarles

Apabila [Flash mode (Mod denyar)] ditetapkan kepada [Manual flash (Denyar manual)], pendedahan denyar boleh ditetapkan secara manual. Tetapan output denyar yang boleh ditetapkan ([Flash output (Output denyar)], [Group A output (Output kumpulan A)], dll) berbeza bergantung pada tetapan [Wireless func. (Fungsi wayarles)] (lihat di bawah).



### [Wireless func. (Fungsi wayarles) All]

- [Firing group: All (Kumpulan nyalaan: Semua)]:  
Tetapan output denyar secara manual akan digunakan untuk semua Speedlite luaran.
- [Firing group (Kumpulan nyalaan): (A:B)]:  
Anda boleh menetapkan output denyar secara berasingan untuk kumpulan bantu A dan B.

### [Wireless func. (Fungsi wayarles) All + (Kumpulan nyalaan: Semua dan )]

- [Firing group: All and (Kumpulan nyalaan: Semua dan )]:  
Output denyar boleh ditetapkan secara berasingan untuk Speedlite luaran dan denyar terbina dalam.
- [Firing group (Kumpulan nyalaan): (A:B) ]]:  
Anda boleh menetapkan output denyar secara berasingan untuk kumpulan bantu A dan B. Anda juga boleh menetapkan output denyar untuk denyar terbina dalam.



# 7

## Menangkap dengan Monitor LCD (Penangkapan Pandangan Langsung)

Anda boleh menangkap sambil melihat gambar pada monitor LCD kamera. Ini dipanggil sebagai “penangkapan Pandangan Langsung”.


- Jika anda memegang kamera dengan tangan dan menangkap sambil melihat monitor LCD, guncangan kamera boleh menyebabkan imej kabur. Menggunakan tripod adalah disarankan.





### **Penangkapan Pandangan Langsung secara Jauh**

Dengan EOS Utility (perisian EOS, hlm.438) dipasang dalam komputer anda, anda boleh menyambungkan kamera ke komputer dan tangkap secara jauh sambil melihat skrin komputer. Untuk maklumat lanjut, rujuk kepada Manual Arahan EOS Utility (hlm.440).

## Menangkap dengan Monitor LCD



### 1 Paparkan imej Pandangan Langsung.

- Tekan butang .
- ▶ Imej Pandangan Langsung akan muncul pada monitor LCD. Dalam mod , ikon pemandangan untuk pemandangan yang dikesan oleh kamera dipaparkan pada sebelah kiri bahagian atas (hlm.212).
- Dalam tetapan lalai, AF Berterusan (hlm.220) akan berfungsi.
- Imej Pandangan Langsung akan mencerminkan dengan teliti aras kecerahan imej sebenar yang anda tangkap.






### 2 Fokus pada subjek.

- Apabila anda menekan butang pengatup separuh ke bawah, kamera akan memfokus dengan kaedah AF semasa (hlm.224).




### 3 Ambil gambar.

- Tekan butang pengatup sepenuhnya.
- ▶ Gambar akan diambil dan imej yang ditangkap dipaparkan pada monitor LCD.
- ▶ Apabila paparan main balik berakhir, kamera akan kembali ke penangkapan Pandangan Langsung secara automatik.
- Tekan butang  untuk keluar dari penangkapan Pandangan Langsung.

-  ● Medan pandangan imej adalah kira-kira 100% (dengan kualiti rakaman imej ditetapkan kepada JPEG ) .
- Dalam mod Zon Kreatif, anda boleh menyemak kedalaman medan dengan menekan butang pratonton kedalaman medan.
- Anda juga boleh mengetik subjek pada monitor LCD untuk fokus (hlm.224-231) dan tangkap (hlm.232).
- Anda juga boleh menggunakan alat kawalan jauh (dijual berasingan, hlm.378) untuk penangkapan Pandangan Langsung.

## Mengaktifkan Penangkapan Pandangan Langsung



Tetapkan [ : Live View shoot. (Penangkapan Pandangan Langsung)] kepada [Enable (Aktif)].

### Bilangan Tangkapan yang Boleh Diambil dengan Penangkapan Pandangan Langsung (Anggaran bilangan tangkapan)

Suhu	Suhu Bilik (23°C / 73°F)	Suhu Rendah (0°C / 32°F)
Tiada Denyar	200	170
50% Menggunakan Denyar	180	150

- Angka di atas berdasarkan Pek Bateri LP-E17 yang dicas sepenuhnya dan standard pengujian CIPA (Camera & Imaging Products Association).
- Dengan Pek Bateri LP-E17 yang dicas sepenuhnya, penangkapan Pandangan Langsung berterusan boleh dilakukan untuk kira-kira 1 jam 30 minit pada suhu bilik (23°C / 73°F).




- Dalam mod <img alt="camera icon"/>, penangkapan Pandangan Langsung tidak boleh dilakukan.
- Dalam mod <img alt="camera icon"/> dan <img alt="camera icon"/>, julat penangkapan akan menjadi lebih kecil.
- Apabila denyar diulang cas, “BUSY” dipaparkan pada monitor LCD dan anda tidak dapat melihat subjek.
- Jangan halakan kamera ke arah sumber cahaya yang terang, seperti matahari atau sumber cahaya buatan yang terang. Perbuatan sebegini boleh merosakkan pengesanan imej atau komponen dalaman kamera.
- **Peringatan Am Penangkapan Pandangan Langsung terdapat pada halaman 236-237.**



- Apabila denyar digunakan, akan ada dua bunyi pengatup, tetapi hanya satu tangkapan akan diambil. Selain itu, masa yang diambil untuk menangkap imej selepas anda menekan butang pengatup sepenuhnya akan menjadi lebih lama sedikit berbanding dengan penangkapan pemidang tilik.
- Jika kamera tidak dikendalikan untuk tempoh yang lama, kuasanya akan terpadam secara automatik selepas masa yang ditetapkan dalam [2: Auto power off (Kuasa terpadam secara auto)] (hlm.279). Jika [2: Auto power off (Kuasa terpadam secara auto)] ditetapkan kepada [2: Auto power off (Kuasa terpadam secara auto)] (Disable (Lumpuhkan)), penangkapan Pandangan Langsung secara automatik akan berakhir selepas 30 minit (kuasa kamera masih hidup).
- Dengan kabel HDMI HTC-100 (dijual berasingan) atau kabel stereo AV AVC-DC400ST (dijual berasingan), anda boleh memaparkan imej Pandangan Langsung pada set TV (hlm.320, 323).

## Paparan Maklumat

- Setiap kali anda menekan butang <INFO.>, paparan maklumat akan bertukar.



\* Nombor akan dipaparkan apabila bilangan tangkapan maksimum berkurang kepada sembilan atau lebih rendah.



- Anda boleh memaparkan aras elektronik dengan menekan butang <INFO.> (hlm.70). Ambil perhatian bahawa jika kaedah AF ditetapkan kepada [**L**+Tracking (**L**+ Pengesanan)] atau kamera disambungkan ke set TV dengan kabel HDMI, aras elektronik tidak boleh dipaparkan.
- Anda boleh memaparkan histogram dengan menekan butang <INFO.>. Walau bagaimanapun, histogram tidak dipaparkan ketika butang pengatup ditekan sepenuhnya.
- Apabila <Exp.SIM> dipaparkan dalam warna putih, ia menunjukkan bahawa kecerahan imej Pandangan Langsung akan kelihatan hampir seperti imej yang ditangkap.
- Jika <Exp.SIM> berkelip, ia menunjukkan bahawa imej Pandangan Langsung dipaparkan pada kecerahan yang berbeza daripada hasil rakaman yang sebenar kerana keadaan cahaya malap atau cerah. Walau bagaimanapun, imej sebenar yang direkod akan mencerminkan tetapan pendedahan. Ambil perhatian bahawa hingar boleh menjadi lebih ketara daripada imej sebenar yang direkod.
- Jika mod penangkapan <P> atau <A>, Pengurangan Hingar Berbilang Tangkapan, denyar atau pendedahan mentol digunakan, ikon <Exp.SIM> dan histogram akan menjadi kelabu (untuk rujukan anda). Histogram mungkin tidak dipaparkan dengan betul dalam keadaan cahaya malap atau cerah.



**Jangan pegang kamera dalam posisi yang sama untuk jangka masa yang lama.** Walaupun kamera tidak terasa terlalu panas, sentuhan yang berpanjangan dengan bahagian badan yang sama boleh menyebabkan kemerahan kulit, melepuh atau lecuran suhu rendah. Menggunakan tripod adalah disarankan bagi mereka yang mempunyai masalah dengan peredaran darah atau kulit yang sangat sensitif, atau apabila menggunakan kamera di tempat yang sangat panas.

## Ikon Pemandangan

Dalam mod penangkapan <A+>, kamera akan mengesan jenis pemandangan dan menetapkan segala-galanya secara automatik untuk sesuai dengan pemandangan. Jenis pemandangan yang dikesan ditunjukkan pada sebelah kiri bahagian atas skrin. Untuk pemandangan atau keadaan penangkapan tertentu, ikon yang dipaparkan mungkin tidak sepadan dengan pemandangan sebenar.

Subjek Latar belakang	Potret <sup>*1</sup>		Bukan Potret			Warna Latar belakang
		Pergerakan	Pemandangan Semula jadi dan Luaran	Pergerakan	Dekat <sup>*2</sup>	
Cerah						Kelabu
Cahaya belakang						
Termasuk Langit Biru						Biru cerah
Cahaya belakang						
Matahari terbenam	*3			*3		Jingga
Lampu sorot						Biru gelap
Gelap						
Dengan Tripod	*4*5	*3	*4*5	*3		

\*1: Dipaparkan hanya apabila kaedah AF ditetapkan kepada [ +Tracking ( +Pengesanan)]. Jika kaedah AF lain ditetapkan, ikon "Bukan potret" akan dipaparkan walaupun seseorang dikesan.

\*2: Dipaparkan apabila lensa yang dipasang mempunyai maklumat jarak. Dengan Tiub Sambungan atau Lensa Tangkap Dekat, ikon yang dipaparkan mungkin tidak sepadan dengan pemandangan sebenar.

\*3: Ikon sepadan dengan pemandangan yang dikesan akan dipaparkan.

\*4: Dipaparkan apabila semua keadaan yang berikut terpakai:

Pemandangan penangkapan gelap, ia merupakan pemandangan malam dan kamera dipasang pada tripod.

\*5: Dipaparkan dengan mana-mana lensa di bawah:

- EF-S18-55mm f/3.5-5.6 IS II
- EF-S55-250mm f/4-5.6 IS II
- EF300mm f/2.8L IS II USM
- EF400mm f/2.8L IS II USM
- Lensa Penstabil imej dipasangkan pada 2012 atau kemudian.

\*4+\*5: Jika syarat pada kedua-dua \*4 dan \*5 dipenuhi, kelajuan pengatup akan menjadi perlahan.

## Simulasi Imej Akhir

Simulasi imej akhir mencerminkan tetapan Gaya Gambar, white balance dan fungsi lain dalam imej Pandangan Langsung supaya anda boleh melihat hasil imej yang ditangkap.

Ketika menangkap, imej Penangkapan Langsung akan menunjukkan tetapan fungsi yang disenaraikan di bawah secara automatik.

### Simulasi Imej Akhir Semasa Penangkapan Pandangan Langsung

- Gaya Gambar
  - \* Semua tetapan seperti ketajaman, kontras, ketepuan warna, dan ton warna akan dapat dilihat.
- White balance
- Pembetulan white balance
- Tangkapan berdasarkan kecerahan/pemandangan
- Latar belakang kabur (dalam mod  $\langle \text{CA} \rangle$ )
  - \* Anda boleh memeriksa kesan tersebut hanya semasa prosedur tetapan (apabila [**Simulating blur (Simulasi kabur)**] dipaparkan).
- Ton warna
- Mod pemeteran
- Pendedahan
- Kedalaman medan (dengan butang pratonton kedalaman medan ON)
- Pengoptimum Pencahayaan Auto
- Pembetulan pencahayaan persisian
- Pembetulan penyimpangan kromatik
- Keutamaan ton sorotan
- Nisbah bidang (pengesahan julat penangkapan)

# Tetapan Fungsi Penangkapan

Tetapan fungsi tertentu untuk penangkapan Pandangan Langsung dijelaskan di sini.

## Q Kawalan Cepat

Jika anda menekan butang <Q> apabila imej dipaparkan pada monitor LCD dalam mod Zon Kreatif, anda boleh menetapkan yang berikut:

**Kaedah AF**, Operasi AF, **Mod pemacu**, Mod pemeteran, **Kualiti rakaman imej**, White balance, Gaya Gambar, Pengoptimum Pencahaya Auto dan **Penuras Kreatif**.

Dalam mod Zon Asas, anda boleh menetapkan fungsi yang ditunjukkan dalam jadual di halaman 99 (kecuali latar belakang kabur) dan juga fungsi yang ditekankan di atas.



### 1 Tekan butang <Q> (10).

- ▶ Fungsi yang boleh ditetapkan akan dipaparkan.

### 2 Pilih fungsi dan tetapkannya.

- Tekan kekunci <▲> <▼> untuk memilih fungsi.
- ▶ Tetapan fungsi dan Panduan Ciri (hlm.73) akan muncul.
- Tekan kekunci <◀> <▶> untuk menetapkan fungsi.
- Dalam mod <SCN>, pilih kotak mod penangkapan di sebelah kiri bahagian atas skrin, kemudian tekan <SET> untuk memilih mod penangkapan.
- Untuk menetapkan tetapan <SC> mod pemacu, pembetulan WB/ bracketing WB, parameter Gaya Gambar atau kesan penuras Kreatif, tekan butang <INFO.>.

### 3 Keluar dari tetapan.

- Tekan <SET> memuktamadkan tetapan dan kembali ke penangkapan Pandangan Langsung.
- Anda juga boleh memilih [↶] untuk kembali ke penangkapan Pandangan Langsung.






- Dalam mod Zon Kreatif, anda boleh menetapkan kelajuan ISO dengan menekan butang <ISO>.
- Dengan penangkapan Pandangan Langsung, anda tidak boleh menetapkan <□S> atau <☰S> untuk mod pemacu.
- Apabila anda menetapkan (Pemeteran separa) atau (Pemeteran titik), bulatan yang menunjukkan kawasan pemeteran akan dipaparkan di pusat skrin.

## Menggunakan Penuras Kreatif

Semasa melihat imej Pandangan Langsung, anda boleh menggunakan kesan penuras (Hitam/Putih berbintik, Fokus lembut, kesan Mata ikan, kesan Seni tebal, kesan Lukisan air, kesan Kamera mainan, kesan Miniatur) untuk penangkapan. Ini dipanggil penuras Kreatif.




Apabila anda mengambil gambar, kamera hanya menyimpan imej yang menggunakan penuras Kreatif. Jika anda juga ingin menyimpan imej tanpa menggunakan penuras Kreatif, ambil gambar tanpa penuras Kreatif. Kemudian gunakan kesan penuras Kreatif dan simpan sebagai imej baharu (hlm.334).

**1** Tetapkan apa-apa mod penangkapan kecuali ,  atau .

**2** Tekan butang  (10).



▶ Skrin Kawalan Cepat akan muncul.

**3** Pilih [Off].

- Tekan kekunci  <  untuk memilih [Off] (Penuras Kreatif) di bahagian kanan skrin.



**4** Pilih penuras.

- Tekan kekunci  <  untuk memilih penuras (hlm.218).
- ▶ Imej akan dipaparkan dengan kesan penuras yang dikenakan.





## 5 Laraskan kesan penuras.

- Tekan butang <INFO.> (kecuali untuk kesan Miniatur).
- Tekan kekunci <◀> <▶> untuk melaraskan kesan penuras, kemudian tekan <SET>.
- Untuk Kesan miniatur, tekan <SET>, kemudian tekan kekunci <▲> <▼> untuk menggerakkan bingkai putih ke kawasan yang anda ingin imej kelihatan tajam.

## 6 Ambil gambar.

- ▶ Imej ditangkap dengan menggunakan penuras.









Walaupun jika anda menetapkan mod pemacu kepada <□> atau <☺>, kamera masih akan menangkap dalam mod penangkapan tunggal.



- Anda tidak boleh menangkap dengan penuras Kreatif jika kualiti rakaman adalah **RAW+L** atau **RAW**, atau jika anda telah menetapkan AEB, bracketing white balance atau Pengurangan Hingar Berbilang Tangkapan.
- Histogram tidak dipaparkan apabila anda menangkap dengan penuras Kreatif.
- Dengan Hitam/Putih berbintik, kesan berbintik dipaparkan pada monitor LCD akan kelihatan berbeza daripada kesan berbintik yang direkodkan dalam gambar.
- Dengan Fokus lembut dan Kesan miniatur, kesan kabur yang dipaparkan pada monitor LCD akan kelihatan berbeza daripada kesan kabur yang direkodkan dalam gambar. Dalam mod Zon Kreatif, anda boleh menyemak kesan kabur gambar dengan menekan butang pratonton kedalaman medan.
- Data Penghapusan Debu (hlm.295) tidak akan ditambah pada imej yang ditangkap dengan kesan Mata ikan.


## Ciri-ciri Penuras Kreatif

-  **Grainy B/W (Hitam/Putih Berbintik)**  
Mencipta foto hitam dan putih yang berbintik. Anda boleh menukar kesan hitam dan putih dengan melaraskan kontras.
-  **Soft focus (Fokus lembut)**  
Memberikan imej rupa yang lembut. Anda boleh menukar aras kelembutan dengan melaraskan kekaburan.
-  **Fish-eye effect (Kesan Mata ikan)**  
Memberikan kesan lensa mata ikan. Imej akan mempunyai herotan jenis cerompong.  
Bergantung pada aras kesan penuras ini, kawasan yang dipangkas sepanjang sisi imej akan bertukar. Selain itu, kerana penuras ini mengembangkan bahagian tengah imej, resolusi di bahagian tengah mungkin berkurangan bergantung pada bilangan piksel yang direkod. Periksa imej pada skrin semasa menetapkan penuras ini. Kaedah AF adalah FlexiZone - Tunggal (tetap di bahagian tengah).
-  **Art bold effect (Kesan Seni tebal)**  
Membuat foto terlihat seperti lukisan minyak dan menjadikan subjek kelihatan lebih tiga dimensi. Anda boleh melaraskan kontras dan ketepuan. Ambil perhatian bahawa langit, dinding putih dan subjek yang sama, mungkin tidak boleh disediakan dengan peringkatan lancar dan mungkin kelihatan tidak sekata atau mempunyai hingar yang ketara.
-  **Water painting effect (Kesan Lukisan air)**  
Membuat gambar kelihatan seperti lukisan cat air dengan warna lembut. Anda boleh mengawal ketumpatan warna dengan melaraskan kesan penuras. Ambil perhatian bahawa pemandangan malam atau pemandangan gelap mungkin tidak boleh disediakan dengan peringkatan lancar dan mungkin kelihatan tidak sekata atau mempunyai hingar yang ketara.


-  **Toy camera effect (Kesan Kamera mainan)**

Menggelapkan sudut foto dan menggunakan ton warna yang menjadikan ia kelihatan seolah-olah ia ditangkap oleh kamera mainan. Anda boleh menukar kas warna dengan melaraskan ton warna.

-  **Miniature effect (Kesan Miniatur)**

Mencipta kesan diorama. Anda boleh menukar bahagian imej yang kelihatan tajam. Dalam langkah 5 di halaman 217, jika anda menekan butang <math>\langle \text{Q} \rangle</math> (atau mengetik [] di sebelah kanan bahagian bawah skrin), anda boleh menukar antara orientasi bingkai putih yang menegak dan mendatar. Kaedah AF akan menjadi FlexiZone - Tunggal untuk fokus di tengah-tengah bingkai putih.

## MENU Tetapan Fungsi Menu



Live View shoot.	Enable
AF method	┌+Tracking
Continuous AF	Enable
Touch Shutter	Disable
Grid display	Off
Metering timer	8 sec.

Pilihan menu dipaparkan seperti berikut. **Fungsi yang boleh ditetapkan pada skrin menu ini hanya terpakai untuk penangkapan Pandangan Langsung. Ia tidak berfungsi dengan penangkapan pemedang tilik (tetapan dilumpuhkan).**

- **Live View shooting (Penangkapan Pandangan Langsung)**

Anda boleh menetapkan penangkapan Pandangan Langsung kepada [**Enable (Aktif)**] atau [**Disable (Lumpuhkan)**].

- **AF method (Kaedah AF)**

Anda boleh memilih [**┌+Tracking (┌+Pengesanan)**], [**FlexiZone - Multi (FlexiZone - Berbilang)**] atau [**FlexiZone - Single (FlexiZone - Tunggal)**]. Lihat halaman 224-231 untuk maklumat lanjut tentang kaedah AF.

- **Continuous AF (AF Berterusan)**

Tetapan lalai adalah [**Enable (Aktif)**].

Kamera akan fokus secara berterusan pada subjek untuk mencapai fokus kasar. Ini menjadikannya lebih cepat untuk mencapai fokus apabila anda menekan butang pengatup separuh ke bawah. Jika [**Enable (Aktif)**] ditetapkan, lensa akan beroperasi secara berterusan dan menggunakan kuasa bateri yang lebih. Ini akan mengurangkan bilangan tangkapan yang boleh diambil disebabkan oleh hayat bateri yang lebih pendek.

Jika anda ingin menetapkan suis mod fokus lensa kepada <MF> semasa AF Berterusan, mula-mula hentikan Penangkapan Pandangan Langsung.

- **Touch Shutter (Pengatup Sentuh)**

Hanya dengan mengetik pada skrin monitor LCD, anda boleh fokus dan mengambil gambar secara automatik. Untuk butiran, lihat halaman 232.

- **Grid display (Papan grid)**

Dengan [**Grid 1**  $\text{++}$ ] atau [**Grid 2**  $\text{###}$ ], anda boleh memaparkan garisan grid. Anda boleh menyemak kecondongan secara mendatar atau menegak ketika penangkapan.

- **Metering timer (Pemasa pemeteran) \***

Anda boleh menukar masa tetapan pendedahan dipaparkan (masa kunci AE). Dalam mod Zon Asas, pemasa pemeteran ditetapkan kepada 8 saat.



Memilih mana-mana operasi yang berikut akan menghentikan penangkapan Pandangan Langsung. Untuk memulakan penangkapan Pandangan Langsung semula, tekan butang <📷>.

- [**📷3: Dust Delete Data (Data Penghapusan Debu)**], [**🔧3: Sensor cleaning (Pembersihan pengesan)**], [**🔧4: Clear settings (Hapus tetapan)**] atau [**🔧4: 📷 firmware ver. (versi perisian tegar)**]

# Menukar Operasi Autofokus ☆

Anda boleh memilih ciri-ciri operasi AF (autofokus) supaya sesuai dengan keadaan penangkapan atau subjek. Dalam mod Zon Asas, operasi AF optimum ditetapkan untuk mod penangkapan masing-masing.

## 1 Tekan butang <Q>.

- ▶ Skrin Kawalan Cepat akan muncul.



## 2 Pilih [ONE SHOT].


- Tekan kekunci <▲> <▼> untuk memilih [ONE SHOT] (operasi AF) di sebelah kiri skrin.

## 3 Pilih operasi AF.

- Tekan kekunci <◀> <▶> untuk memilih operasi AF yang diinginkan, kemudian tekan <SET>.

## 4 Fokus pada subjek

- Halakan titik AF pada subjek dan tekan butang pengatup separuh ke bawah. Kemudian, kamera akan autofokus dalam operasi AF yang dipilih.

 Jika fokus tidak dapat dicapai, titik AF akan bertukar jingga. Jika ini berlaku, gambar tidak boleh diambil walaupun jika butang pengatup ditekan sepenuhnya. Gubah semula tangkapan tersebut dan cuba untuk fokus sekali lagi. Atau lihat “Keadaan Penangkapan yang Menyukarkan Pemfokusan” (hlm.230).

## AF Tangkapan Tunggal untuk Subjek Pegun

Sesuai untuk subjek pegun. Apabila anda menekan butang pengatup separuh ke bawah, kamera akan fokus hanya sekali.

- Apabila fokus dicapai, titik AF akan bertukar hijau dan beeper akan berbunyi.
- Semasa anda menahan butang pengatup separuh ke bawah, fokus akan dikunci. Anda kemudian boleh mengubah semula tangkapan jika diingini.



- Jika [**1: Beep (Bip)**] ditetapkan kepada [**Disable (Lumpuhkan)**], beeper tidak akan berbunyi apabila fokus dicapai.
- Semasa penangkapan berterusan, pendedahan yang ditetapkan untuk tangkapan pertama juga akan digunakan untuk tangkapan berikutnya.

## AF Servo untuk Subjek Bergerak

Operasi AF ini sesuai untuk subjek yang bergerak. Sementara anda menahan butang pengatup separuh ke bawah, kamera akan terus memfokus pada subjek secara berterusan.

- Pendedahan ditetapkan pada masa gambar diambil.
- Penangkapan berterusan menjadi lebih perlahan kerana kamera terus memfokus dan menangkap secara berterusan.
- Menetapkan [**AF method (Kaedah AF)**] kepada [**FlexiZone - Single (FlexiZone - Tunggal)**] adalah disarankan.
- Bergantung pada keadaan penangkapan, ia mungkin mengambil sedikit masa sehingga pengatup dilepaskan.
- Bergantung pada lensa yang digunakan, jarak ke subjek dan kelajuan subjek, kamera mungkin tidak dapat mencapai fokus yang betul.
- Jika anda mengendalikan zum semasa penangkapan berterusan, fokus mungkin akan hilang. Tangkap selepas menggunakan zum untuk mendapatkan gubahan yang diingini.
- Apabila fokus dicapai, titik AF akan bertukar biru.




Dengan AF Servo, beeper tidak akan berbunyi walaupun ketika fokus dicapai.

# Menggunakan AF untuk Fokus (Kaedah AF)

## Memilih Kaedah AF

Anda boleh memilih kaedah AF untuk memenuhi keadaan penangkapan dan subjek anda. Kaedah AF berikut disediakan: [**Ⓜ**(face)+Tracking (**Ⓜ**(wajah)+Pengesanan)], [**FlexiZone - Multi (FlexiZone - Berbilang)**] (hlm.226) dan [**FlexiZone - Single (FlexiZone - Tunggal)**] (hlm.228). Jika anda ingin mencapai fokus yang tepat, tetapkan lensa suis mod fokus kepada <MF>, besarkan imej dan fokus secara manual (hlm.234).



## Pilih Kaedah AF.

- Di bawah tab [**Ⓜ**], pilih [**AF method (Kaedah AF)**].
- Pilih kaedah AF yang diinginkan, kemudian tekan <SET>.
- Ketika imej Pandangan Langsung dipaparkan, anda juga boleh menekan butang <Q> untuk memilih kaedah AF pada skrin Kawalan Cepat (hlm.214).



- Jika [**AF operation (Operasi AF)**] ditetapkan kepada [**Servo AF (AF Servo)**], titik AF akan bertukar biru apabila fokus dicapai (hlm.222). Beeper tidak akan berbunyi dalam keadaan ini.
- Dalam mod <Ⓜ> dan <Ⓜ>, AF Servo ditetapkan secara automatik dan apabila fokus dicapai, titik AF akan bertukar biru dan beeper akan berbunyi.

## Ⓜ (wajah)+Pengesanan: AF Ⓜ

Kamera mengesan dan memfokus wajah manusia. Jika wajah bergerak, titik AF <Ⓜ> juga bergerak untuk mengesan wajah.




## 1 Paparkan imej Pandangan Langsung.

- Tekan butang <Ⓜ>.
- ▶ Imej Pandangan Langsung akan muncul pada monitor LCD.

## 2 Pilih titik AF.

- Apabila wajah dikesan, titik AF <Ⓜ> akan muncul pada wajah yang akan difokus.

- Jika beberapa wajah dikesan, <[ ]> akan dipaparkan. Gunakan kekunci <[ ]> <[ ]> untuk menggerakkan bingkai <[ ]> pada wajah yang anda hendak fokuskan.
- Anda juga boleh mengetik pada skrin monitor LCD untuk memilih wajah atau subjek. Jika subjek itu bukan wajah, <[ ]> akan dipaparkan.
- Jika tiada wajah dapat dikesan, atau jika anda mengetik pada monitor LCD tetapi tidak memilih mana-mana wajah atau subjek, kamera akan bertukar ke [FlexiZone - Multi (FlexiZone - Berbilang)] dengan pemilihan automatik (hlm.226).



### 3 Fokus pada subjek.

- Tekan butang pengatup separuh ke bawah untuk memfokus.
- ▶ Apabila fokus dicapai, titik AF akan bertukar hijau dan beeper akan berbunyi.
- ▶ Jika fokus tidak dicapai, titik AF akan bertukar jingga.



### 4 Ambil gambar.

- Semak fokus dan pendedahan, kemudian tekan butang pengatup sepenuhnya untuk mengambil gambar (hlm.208).



- Jika wajah subjek keluar dari fokus dengan ketara, pengesanan wajah tidak boleh dilakukan. Dalam keadaan seperti itu, tetapkan suis mod fokus lensa kepada <MF> dan fokus secara manual.
- Objek selain daripada wajah manusia mungkin dikesan sebagai wajah.
- Pengesanan wajah tidak akan berfungsi jika wajah adalah sangat kecil atau besar dalam gambar, terlalu terang atau terlalu gelap, atau tersembunyi sebahagiannya.
- <[ ]> mungkin hanya meliputi sebahagian wajah.

- Jika anda menekan butang <SET> atau <⏏>, titik AF <AF> akan muncul di tengah dan anda boleh menggunakan kekunci <▲> <▼> atau <◀> <▶> untuk menggerakkan titik AF.
- Memandangkan AF tidak boleh dilakukan dengan wajah yang dikesan berhampiran pinggir gambar, <AF> akan menjadi kelabu. Jika anda menekan butang pengatup separuh ke bawah, subjek akan difokuskan, dalam kaedah FlexiZone - Berbilang dengan pemilihan automatik.

### FlexiZone - Berbilang: AF ( )

Anda boleh menggunakan sehingga 49 titik AF untuk pemfokusan kawasan lebar (pemilihan automatik). Kawasan yang luas ini juga boleh dibahagikan kepada 9 zon untuk pemfokusan (pemilihan zon).



Kawasan


#### 1 Paparkan imej Pandangan Langsung.

- Tekan butang <CAM>.
- ▶ Imej Pandangan Langsung akan muncul pada monitor LCD.



#### 2 Pilih titik AF. ☆

- Menekan butang <SET> atau <⏏> akan bertukar-tukar antara pemilihan automatik dan pemilihan zon. Dalam mod Zon Asas, pemilihan automatik ditetapkan secara automatik.
- Gunakan kekunci <▲> <▼> atau <◀> <▶> untuk memilih zon. Untuk kembali ke zon tengah, tekan butang <SET> atau <⏏> semula.
- Anda juga boleh mengetik pada skrin monitor LCD untuk memilih zon. Apabila zon dipilih, ketik [ ] pada skrin untuk bertukar kepada pemilihan automatik.



### 3 Fokus pada subjek.

- Halakan titik AF pada subjek dan tekan butang pengatup separuh ke bawah.
- ▶ Apabila fokus dicapai, titik AF akan bertukar hijau dan beeper akan berbunyi.
- ▶ Jika fokus tidak dicapai, bingkai kawasan itu akan bertukar jingga.



### 4 Ambil gambar.

- Semak fokus dan pendedahan, kemudian tekan butang pengatup sepenuhnya untuk mengambil gambar (hlm.208).



- Jika kamera tidak memfokus sasaran subjek yang diingini dengan pemilihan titik AF automatik, pilih zon atau tukar kaedah AF kepada **[FlexiZone - Single (FlexiZone - Tunggal)]** dan fokus semula.
- Bilangan titik AF berbeza bergantung pada tetapan **[3: Aspect ratio (Nisbah bidang)]**. Pada **[3:2]**, **[4:3]** dan **[16:9]**, terdapat 49 titik AF. Pada **[1:1]**, 35 titik AF.



Jika **[AF operation (Operasi AF)]** ditetapkan kepada **[Servo AF (AF Servo)]**, titik AF akan mengesan subjek apabila menekan butang pengatup separuh ke bawah. Paparan titik AF akan menjadi **[< >]** apabila wajah manusia dikesan dan **[< >]** apabila subjek selain daripada wajah dikesan.

## FlexiZone - Tunggal: AF □

Kamera memfokus dengan titik AF tunggal. Ini berkesan apabila anda ingin memfokus pada subjek tertentu.



Titik AF


### 1 Paparkan imej Pandangan Langsung.

- Tekan butang <📷>.
- ▶ Imej Pandangan Langsung akan muncul pada monitor LCD.
- ▶ Titik AF <□> akan muncul.
- Semasa rakaman filem, jika [Movie Servo AF (AF Servo Filem)] ditetapkan kepada [Enable (Aktif)], titik AF akan dipaparkan dalam saiz yang lebih besar.



### 2 Gerakkan Titik AF.

- Tekan kekunci <▲> <▼> atau <◀> <▶> untuk menggerakkan titik AF ke tempat yang anda ingin fokus. (Ia tidak boleh digerakkan ke tepi skrin.)
- Menekan butang <SET> atau <🗑️> akan mengembalikan titik AF ke pusat skrin.
- Anda juga boleh mengetik pada skrin monitor LCD untuk menggerakkan titik AF.



### 3 Fokus pada subjek.

- Halakan titik AF pada subjek dan tekan butang pengatup separuh ke bawah.
- ▶ Apabila fokus dicapai, titik AF akan bertukar hijau dan beeper akan berbunyi.
- ▶ Jika fokus tidak dicapai, titik AF akan bertukar jingga.



### 4 Ambil gambar.

- Semak fokus dan pendedahan, kemudian tekan butang pengatup sepenuhnya untuk mengambil gambar (hlm.208).

## Nota untuk AF

### Operasi AF

- Walaupun fokus telah dicapai, menekan butang pengatup separuh ke bawah akan memfokus semula.
- Kecerahan imej mungkin bertukar semasa dan selepas operasi AF.
- Bergantung pada subjek atau keadaan penangkapan, dll, pemfokusan mungkin mengambil masa yang lebih lama atau kelajuan penangkapan berterusan mungkin menjadi lebih perlahan.
- Jika sumber cahaya bertukar semasa imej Pandangan Langsung dipaparkan, skrin mungkin berkelip dan memfokus mungkin sukar. Jika ini berlaku, keluar dari penangkapan Pandangan Langsung dan laksanakan AF di bawah sumber cahaya yang sebenar.
- Jika [**Tracking (Pengesanan)**] ditetapkan, pandangan yang dibesarkan tidak boleh dilakukan.
- Apabila [**FlexiZone - Multi (FlexiZone - Berbilang)**] ditetapkan dan anda menekan butang <Q> (atau mengetik <Q> pada skrin), pusat zon yang dipilih (atau pusat imej dengan pemilihan automatik) akan diperbesar. Jika anda menekan butang pengatup separuh ke bawah, paparan akan kembali ke biasa dan kamera akan memfokus.
- Apabila [**FlexiZone - Single (FlexiZone - Tunggal)**] ditetapkan dan anda menekan butang <Q> (atau mengetik <Q> pada skrin), kawasan yang diliputi oleh titik AF akan diperbesar. Tekan butang pengatup separuh ke bawah untuk memfokus dalam pandangan yang diperbesar. Ini berkesan apabila kamera dipasang pada tripod dan anda perlu mencapai fokus yang sangat tepat. Jika pemfokusan adalah sukar dalam pandangan yang dibesarkan, kembali ke paparan biasa dan gunakan AF. Ambil perhatian bahawa kelajuan AF mungkin berbeza antara pandangan normal dan yang dibesarkan.
- Jika anda membesarkan pandangan selepas memfokus dengan [**FlexiZone - Multi (FlexiZone - Berbilang)**] atau [**FlexiZone - Single (FlexiZone - Tunggal)**] dalam pandangan normal, fokus yang tepat mungkin tidak boleh dicapai.



Apabila dalam pandangan yang diperbesar, AF Berterusan (hlm.220) atau AF Servo (hlm.223) tidak akan dilaksanakan.

## **Kedadaan Penangkapan yang Menyukarkan Pemfokusan**

- Subjek berkontras rendah seperti langit biru, permukaan rata warna terang atau apabila sorotan atau butiran bayangan hilang.
- Subjek dalam cahaya malap.
- Jalur dan corak lain di mana kontras hanya terdapat dalam arah mendatar.
- Subjek dengan corak berulang (Contoh: Tingkap pencakar langit, papan kekunci komputer, dll).
- Garis-garis halus dan garisan bentuk subjek.
- Di bawah sumber kecerahan yang terang, warna atau corak sentiasa bertukar.
- Pemandangan malam atau titik cahaya.
- Imej berkelip di bawah pencahayaan pendarfluor atau LED.
- Subjek yang sangat kecil.
- Subjek berada di tepi gambar.
- Subjek bercahaya belakang yang terlalu terang atau memantul (Contoh: Kereta dengan badan yang sangat memantul, dll).
- Titik AF meliputi kedua-dua subjek dekat dan jauh (Contoh: Haiwan di dalam sangkar, dll).
- Subjek yang terus bergerak dalam titik AF dan tidak boleh kekal pegun kerana goncangan kamera atau kekaburan subjek.
- Subjek menghampiri atau bergerak menjauhi kamera.
- Autofokus ketika subjek terlalu jauh daripada jarak fokus.
- Kesan fokus lembut digunakan dengan lensa fokus lembut.
- Penuras kesan khas digunakan.
- Hingar (tompok, jaluran, dll) muncul di skrin semasa AF.



- Jika fokus tidak dicapai dengan keadaan penangkapan pada halaman sebelumnya, tetapkan suis mod fokus kepada <MF> dan fokus secara manual.
- Jika anda menggunakan AF dengan mana-mana lensa yang berikut, pemfokusan mungkin mengambil masa yang lebih lama atau fokus yang betul mungkin tidak dapat dicapai.

EF50mm f/1.4 USM, EF50mm f/1.8 II, EF50mm f/2.5 Compact Macro,  
EF75-300mm f/4-5.6 III, EF75-300mm f/4-5.6 III USM


Untuk maklumat lanjut mengenai lensa yang dihentikan pengeluarannya, rujuk kepada laman Web Canon.




- Jika anda menangkap subjek persisian dan subjek terkeluar daripada fokus, sasarkan titik atau zon AF pusat pada subjek yang ingin difokus, fokus sekali lagi dan kemudian ambil gambar.
- Sinar bantu AF tidak akan dipancarkan. Walau bagaimanapun, jika Speedlite siri EX (dijual berasingan) yang dilengkapi dengan lampu LED digunakan, lampu LED akan menyala untuk bantuan AF apabila diperlukan.
- Dalam pandangan yang diperbesar, pemfokusan mungkin sukar disebabkan oleh goncangan kamera. Menggunakan tripod adalah disarankan.

## Menangkap dengan Pengatup Sentuh

Hanya dengan mengetik pada skrin monitor LCD, anda boleh fokus dan mengambil gambar secara automatik. Ini berfungsi dalam semua mod penangkapan.








### 1 Paparkan imej Pandangan Langsung.

- Tekan butang <  >.
- ▶ Imej Pandangan Langsung akan muncul pada monitor LCD.



### 2 Aktifkan pengatup sentuh.

- Ketik [] di bahagian bawah sebelah kiri skrin. Setiap kali anda mengetik ikon, ia akan menukar antara [] dan [].
- [] (Pengatup sentuh: Aktifkan) Anda boleh mengetik pada titik untuk memfokus dan menangkap.
- [] (Pengatup sentuh: Lumpuhkan) Anda boleh mengetik pada titik untuk memilih tempat anda ingin fokus. Tekan butang pengatup sepenuhnya untuk mengambil gambar.



### 3 Ketik pada skrin untuk menangkap.

- Ketik pada wajah atau subjek pada skrin.
- ▶ Pada titik yang anda ketik, kamera akan memfokus dengan kaedah AF yang telah ditetapkan (hlm.224-228). Apabila [**FlexiZone - Multi (FlexiZone - Berbilang)**] ditetapkan, ia akan bertukar kepada [**FlexiZone - Single (FlexiZone - Tunggal)**].
- ▶ Apabila fokus dicapai, titik AF bertukar hijau dan gambar itu diambil secara automatik.
- Jika fokus tidak dicapai, titik AF akan bertukar jingga dan gambar tidak dapat ditangkap. Ketik pada wajah atau subjek pada skrin sekali lagi.




- Walaupun jika anda menetapkan mod pemacu kepada <img alt="Camera icon" data-bbox="450 103 475 120"/>, kamera masih akan menangkap dalam mod penangkapan tunggal.
- Walaupun [**AF operation (Operasi AF)**] ditetapkan kepada [**Servo AF (AF Servo)**], [**One-Shot AF (AF Tangkapan Tunggal)**] akan berkesan apabila pengatup sentuh digunakan.
- Pengatup sentuh tidak berfungsi dengan pandangan diperbesar.
- Jika penuras Kreatif kesan Mata ikan ditetapkan, kamera akan memfokus menggunakan titik AF pada pusat skrin tanpa mengambil kira titik yang anda ketik.
- Jika penuras Kreatif kesan Miniatur ditetapkan, pengatup sentuh tidak berfungsi.
- Apabila [**10: Shutter/AE lock button (Butang kunci AE/Pengatup)**] ditetapkan kepada [**1: AE lock/AF (Kunci AE/AF)**] atau [**3: AE/AF, no AE lock (AE/AF, tiada kunci AE)**] di bawah [**4: Custom Functions (Fungsi Tersuai) (C.Fn)**], autofokus tidak akan berkesan.



- Anda juga boleh menetapkan pengatup sentuh dengan [**Touch shutter (Pengatup sentuh)**].
- Untuk menangkap dengan pendedahan mentol, ketik pada skrin dua kali. Ketik pertama pada skrin akan memulakan pendedahan mentol. Mengetik sekali lagi akan menghentikan pendedahan. Berhati-hati supaya tidak menggoncangkan kamera apabila mengetik pada skrin.


## MF: Memfokus secara Manual

Anda boleh membesarkan imej dan fokus dengan tepat menggunakan fokus manual.



### 1 Tetapkan suis mod fokus lensa kepada <MF>.

- Putar gelang fokus lensa untuk memfokus secara kasar.



### 2 Paparkan bingkai pembesaran.


- Tekan butang <Q>.
- ▶ Bingkai pembesaran akan muncul.
- Anda juga boleh mengetik [Q] pada skrin untuk membesarkan imej.



### 3 Gerakkan bingkai pembesaran.

- Tekan kekunci <▲> <▼> atau <◀> <▶> untuk menggerakkan bingkai pembesaran ke posisi yang anda ingin fokus.
- Untuk kembali ke pusat skrin, tekan <SET> atau butang <⏏>.

Bingkai pembesaran



Kunci AE

Posisi kawasan dibesarkan

Pembesaran

### 4 Besarkan imej.

- Setiap kali anda menekan butang <Q>, pembesaran imej akan berubah dalam urutan yang berikut:

→ 1x → 5x → 10x → Pandangan normal

## 5 Fokus secara manual.

- Sambil melihat imej yang dibesarkan, putar gelang fokus lensa untuk memfokus.
- Selepas mencapai fokus, tekan butang <Q> untuk kembali ke paparan normal.

## 6 Ambil gambar.

- Semak fokus dan pendedahan, kemudian tekan butang pengatup untuk mengambil gambar (hlm.208).



## Peringatan Am Penangkapan Pandangan Langsung

### Kualiti Imej

- Apabila anda menangkap pada kelajuan ISO tinggi, hingar (seperti titik cahaya dan penjaluran) mungkin menjadi ketara.
- Menangkap dalam suhu yang tinggi boleh menyebabkan hingar dan warna yang tidak sekata dalam gambar.
- Jika penangkapan Pandangan Langsung digunakan secara berterusan untuk tempoh yang lama, suhu dalaman kamera boleh meningkat dan kualiti imej mungkin merosot. Sentiasa keluar dari penangkapan Pandangan Langsung apabila anda tidak menangkap.
- Jika anda menangkap pendedahan lama semasa suhu dalaman kamera tinggi, kualiti imej mungkin merosot. Keluar dari penangkapan Pandangan Langsung dan tunggu beberapa minit sebelum menangkap lagi.

### Ikun Amaran Suhu Dalaman <🔥> Putih dan <🔥> Merah

- Jika suhu dalaman kamera meningkat disebabkan penangkapan Pandangan Langsung berpanjangan atau di bawah suhu persekitaran yang tinggi, ikon <🔥> putih atau <🔥> merah akan muncul.
- Ikon <🔥> putih menunjukkan bahawa kualiti imej gambar pegun akan merosot. Anda disarankan supaya keluar dari penangkapan Pandangan Langsung untuk sementara waktu dan membiarkan kamera sejuk sebelum mengambil gambar semula.
- Ikon <🔥> merah menunjukkan bahawa penangkapan Pandangan Langsung akan berhenti secara automatik. Jika ini berlaku, anda tidak dapat menangkap lagi sehingga suhu dalaman kamera menurun. Keluar dari penangkapan Pandangan Langsung atau matikan kuasa dan biarkan kamera berehat untuk seketika.
- Menggunakan penangkapan Pandangan Langsung pada suhu yang tinggi untuk tempoh yang lama akan menyebabkan ikon <🔥> atau <🔥> muncul lebih awal. Apabila anda tidak menangkap gambar, sentiasa matikan kamera.
- Jika suhu dalaman kamera adalah tinggi, kualiti imej yang ditangkap dengan ISO berkelajuan tinggi atau pendedahan panjang mungkin merosot walaupun sebelum ikon <🔥> putih dipaparkan.

### Hasil Penangkapan

- Jika anda mengambil gambar dalam pandangan yang dibesarkan, pendedahan mungkin tidak terhasil seperti yang diinginkan. Kembali ke paparan normal sebelum mengambil gambar. Dalam pandangan diperbesar, kelajuan pengatup dan apertur akan dipaparkan dalam jingga. Walaupun jika anda mengambil gambar dalam pandangan yang dibesarkan, imej akan ditangkap dalam lingkungan pandangan biasa.
- Jika [📷2: Auto Lighting Optimizer (Pengoptimum Pencahaya Auto)] (hlm.148) ditetapkan kepada sebarang tetapan selain [Disable (Lumpuhkan)], imej mungkin kelihatan cerah walaupun jika pampasan pendedahan yang dikurangkan atau pampasan pendedahan denyar yang dikurangkan telah ditetapkan.
- Jika anda menggunakan lensa TS-E (kecuali TS-E17mm f/4L atau TS-E24mm f/3.5L II) dan menganjak atau mencondongkan lensa atau menggunakan Tiub Sambungan, pendedahan standard mungkin tidak dapat dicapai atau pendedahan yang tidak teratur mungkin dihasilkan.



## Peringatan Am Penangkapan Pandangan Langsung

### Imej Pandangan Langsung

- Dalam keadaan cahaya malap atau cerah, imej Pandangan Langsung mungkin tidak menggambarkan kecerahan imej yang ditangkap.
- Walaupun kelajuan ISO yang rendah ditetapkan, hingar mungkin ketara dalam imej Pandangan Langsung yang dipaparkan dalam cahaya malap. Walau bagaimanapun, apabila anda menangkap, imej yang direkod mempunyai hingar yang minimum. (Kualiti imej bagi imej Pandangan Langsung adalah berbeza daripada imej yang direkod.)
- Jika sumber cahaya (pencahayaan) dalam imej bertukar, skrin boleh berkelip. Jika ini berlaku, keluar dari Penangkapan Pandangan Langsung dan sambung penangkapan di bawah sumber cahaya sebenar.
- Jika anda menghalakan kamera ke arah yang berbeza, ia boleh mengganggu kecerahan imej Pandangan Langsung yang betul untuk seketika. Tunggu sehingga aras kecerahan stabil sebelum menangkap.
- Jika terdapat sumber cahaya yang sangat terang dalam imej, kawasan yang cerah mungkin kelihatan hitam pada monitor LCD. Walau bagaimanapun, imej sebenar yang ditangkap akan menunjukkan kawasan yang cerah dengan betul.
- Dalam cahaya malap, jika anda menetapkan [**⚡2: LCD brightness (Kecerahan LCD)**] kepada tetapan terang, hingar atau warna yang tidak sekata mungkin muncul dalam imej Pandangan Langsung. Walau bagaimanapun, hingar atau warna yang tidak sekata tidak akan direkod dalam imej yang ditangkap.
- Apabila anda membesarkan imej, ketajaman imej mungkin kelihatan lebih ketara berbanding dengan imej sebenar.
- Jika kelajuan pengatup adalah 1 saat atau lebih perlahan, "**BUSY**" akan dipaparkan pada monitor LCD dan paparan Pandangan Langsung tidak akan muncul sehingga pendedahan selesai.

### Fungsi Tersuai

- Semasa penangkapan Pandangan Langsung, beberapa tetapan Fungsi Tersuai tidak akan berkesan (hlm.361).


### Lensa dan Denyar

- Fungsi pratetap fokus boleh dilakukan untuk penangkapan Pandangan Langsung hanya apabila menggunakan lensa telefoto (super) yang dilengkapi dengan mod fokus ditetapkan, tersedia sejak separuh kedua 2011.
- Kunci FE tidak akan berfungsi jika denyar terbina dalam digunakan. Kunci FE dan denyar pemodelan tidak akan berfungsi jika Speedlite luaran digunakan.



# 8

## Merakam Filem



Rakaman filem diaktifkan dengan menetapkan suis kuasa kepada <video>. Format rakaman filem adalah MP4.

- Untuk kad yang boleh merakam filem, lihat halaman 5.
- Jika anda memegang kamera dengan tangan dan merakam filem, goncangan kamera boleh menyebabkan filem kabur. Menggunakan tripod adalah disarankan.
- Untuk menangkap sambil memegang kamera, lihat halaman 80.



### Full HD 1080

Full HD 1080 menunjukkan keserasian dengan Definisi Tinggi bercirikan 1080 piksel menegak (garis imbasan).




## Merakam Filem

Menyambungkan kamera dengan set TV disarankan untuk main balik filem yang dirakam (hlm.320-323).

### Rakaman Pendedahan auto


Apabila mod rakaman ditetapkan kepada apa-apa mod selain daripada <M>, kawalan pendedahan auto akan berfungsi untuk sesuai dengan kecerahan pemandangan semasa.



#### 1 Tetapkan suis kuasa kepada <🔌>.

- ▶ Cermin refleks akan berbunyi, kemudian imej akan muncul pada monitor LCD.

#### 2 Tetapkan apa-apa mod rakaman kecuali <M>.



#### 3 Fokus pada subjek.

- Sebelum merakam filem, fokus dengan AF atau fokus manual (hlm.224-231, 234).
- Dalam tetapan lalai, [**Movie Servo AF: Enable (AF Servo Filem: Aktif)**] ditetapkan supaya kamera akan sentiasa memfokus. Untuk menghentikan AF Servo Filem, lihat halaman 269.



Merakam filem

#### 4 Rakam filem.

- Tekan butang <📷> untuk mula merakam filem. Untuk menghentikan rakaman filem, tekan butang <📷> sekali lagi.
- ▶ Apabila filem sedang dirakam, tanda “●” akan dipaparkan di sebelah kanan bahagian atas skrin.
- ▶ Bunyi akan dirakam oleh mikrofon terbina dalam.



Mikrofon terbina dalam



- Peringatan Am Rakaman Filem terdapat pada halaman 274-275.
- Jika perlu, baca juga Peringatan Am Penangkapan Pandangan Langsung pada halaman 236-237.



- Dalam mod Zon Asas, hasil rakaman akan sama seperti dalam mod <A+>. Selain itu, ikon pemandangan untuk pemandangan yang dikesan dengan kamera dipaparkan di sebelah kiri bahagian atas (hlm.242).
- Dalam mod rakaman <Av> dan <Tv>, filem akan dirakam dengan tetapan yang sama seperti dalam mod <P>.
- Fungsi menu yang boleh ditetapkan berbeza antara mod Zon Asas dan mod Zon Kreatif (hlm.386).
- Kelajuan pengatup dan apertur ditetapkan secara automatik.
- Dalam mod Zon Kreatif, anda boleh menekan butang <M> (hlm.174) untuk mengunci pendedahan (kunci AE). Tetapan pendedahan akan dipaparkan untuk bilangan saat yang ditetapkan dengan [C/Fn 1: Metering timer (Pemasa pemeteran)]. Selepas menggunakan kunci AE semasa rakaman filem, anda boleh membatalkannya dengan menekan butang <AE>. (Tetapan kunci AE dikekalkan sehingga anda menekan butang <AE>)
- Dalam mod Zon Kreatif, anda boleh menetapkan suis <LOCK> ke kiri dan memutar dail <DIAL> untuk menetapkan pampasan pendedahan.
- Menekan butang pengatup separuh ke bawah memaparkan kelajuan pengatup dan kelajuan ISO pada bahagian bawah skrin. Ini adalah tetapan pendedahan untuk mengambil foto pegun (hlm.245). Tetapan pendedahan untuk rakaman filem tidak dipaparkan. Ambil perhatian bahawa tetapan pendedahan untuk rakaman filem mungkin berbeza daripada penangkapan foto pegun.
- Jika anda merakam filem dengan pendedahan auto, kelajuan pengatup dan apertur tidak akan direkod dalam maklumat imej (Exif).

## Kelajuan ISO dalam Mod Zon Asas




















- Kelajuan ISO akan ditetapkan secara automatik antara ISO 100 - ISO 6400.



## Kelajuan ISO dalam Mod <P>, <Tv> dan <Av>

- Kelajuan ISO akan ditetapkan secara automatik antara ISO 100 - ISO 6400.
- Di bawah [F4: Custom Functions (Fungsi Tersuai) (C.Fn)], jika [2: ISO expansion (Pengembangan ISO)] ditetapkan kepada [1: On (Hidup)], kelajuan maksimum akan dikembangkan kepada H (bersamaan dengan ISO 12800).
- Di bawah [F4: Custom Functions (Fungsi Tersuai) (C.Fn)], jika [3: Highlight tone priority (Keutamaan ton sorotan)] ditetapkan kepada [1: Enable (Aktif)], kelajuan ISO adalah ISO 200 - ISO 6400.

## Ikon Pemandangan

Semasa rakaman filem dalam mod Zon Asas, ikon mewakili pemandangan yang dikesan oleh kamera akan dipaparkan dan rakaman akan disesuaikan dengan pemandangan tersebut. Untuk pemandangan atau keadaan penangkapan tertentu, ikon yang dipaparkan mungkin tidak sepadan dengan pemandangan sebenar.

Latar belakang \ Subjek	Potret <sup>*1</sup>	Bukan Potret		Warna Latar belakang
		Pemandangan Semula jadi dan Luaran	Dekat <sup>*2</sup>	
Cerah				Kelabu
Cahaya belakang				
Termasuk Langit Biru				Biru cerah
Cahaya belakang				
Matahari terbenam	*3		*3	Jingga
Lampu sorot				Biru gelap
Gelap				

\*1: Dipaparkan hanya apabila kaedah AF ditetapkan kepada [+Tracking (+Pengesanan)]. Jika kaedah AF lain ditetapkan, ikon "Bukan potret" akan dipaparkan walaupun seseorang dikesan.

\*2: Dipaparkan apabila lensa yang dipasang mempunyai maklumat jarak. Dengan Tiub Sambungan atau Lensa Tangkap Dekat, ikon yang dipaparkan mungkin tidak sepadan dengan pemandangan sebenar.


\*3: Ikon sepadan dengan pemandangan yang dikesan akan dipaparkan.

## Menggunakan Speedlite siri EX (Dijual Berasingan) yang Dilengkapi dengan Lampu LED

Dengan rakaman filem pendedahan auto (mod selain daripada **M**), kamera akan menghidupkan cahaya LED Speedlite secara automatik di dalam keadaan cahaya malap. **Untuk butiran, rujuk kepada manual arahan Speedlite.**

## Rakaman Pendedahan Manual

Dalam mod <M>, anda boleh menetapkan kelajuan pengatup, apertur dan kelajuan ISO secara bebas untuk rakaman filem. Menggunakan pendedahan manual untuk merakam filem adalah untuk pengguna mahir.




### 1 Tetapkan suis kuasa kepada <[Power Icon]>.

- ▶ Cermin refleks akan berbunyi, kemudian imej akan muncul pada monitor LCD.




### 2 Tetapkan Dial Mod kepada <M>.




### 3 Tetapkan kelajuan ISO.

- Tekan butang <ISO> dan putar dail <[ISO Dial Icon]> atau <[ISO Dial Icon]> untuk memilih kelajuan ISO.
- Untuk butiran mengenai kelajuan ISO, lihat halaman seterusnya.



### 4 Tetapkan kelajuan pengatup dan apertur.



- Untuk menetapkan kelajuan pengatup, putar dail <[Shutter Speed Dial Icon]>. Kelajuan pengatup yang boleh ditetapkan berbeza bergantung pada kadar bingkai <[FPS Icon]>.
  - **29.97P 25.00P 23.98P** : 1/4000 saat - 1/30 saat
  - **59.94P 50.00P** : 1/4000 saat - 1/60 saat
- Untuk menetapkan apertur, putar dail <[Aperture Dial Icon]>.
- Jika ia tidak boleh ditetapkan, tetapkan suis <LOCK> ke kiri, kemudian putar dail <[Shutter Speed Dial Icon]> atau dail <[Aperture Dial Icon]>.

## 5 Fokus dan rakam filem.

- Prosedur adalah sama seperti langkah 3 dan 4 untuk “Rakaman Pendedahan auto” (hlm.240).

### Kelajuan ISO Ketika Rakaman Pendedahan Manual


- Dengan **[AUTO] (A)**, kelajuan ISO akan ditetapkan secara automatik antara ISO 100 - ISO 6400.
- Anda boleh menetapkan kelajuan ISO secara manual dalam ISO 100 - ISO 6400 dalam kenaikan hentian penuh. Di bawah **[F4: Custom Functions (Fungsi Tersuai) (C.Fn)]**, jika **[2: ISO expansion (Pengembangan ISO)]** ditetapkan kepada **[1: On (Hidup)]**, julat tetapan manual akan dikembangkan supaya anda juga boleh memilih H (bersamaan dengan ISO 12800).
- Di bawah **[F4: Custom Functions (Fungsi Tersuai) (C.Fn)]**, jika **[3: Highlight tone priority (Keutamaan ton sorotan)]** ditetapkan kepada **[1: Enable (Aktif)]**, kelajuan ISO adalah ISO 200 - ISO 6400.

- Memandangkan merakam filem pada ISO 12800 mungkin menghasilkan banyak hingar, ia dikhususkan sebagai kelajuan ISO yang dikembangkan (dipaparkan sebagai “H”).
- Jika kelajuan ISO ditetapkan kepada H (ISO 25600) apabila **[2: ISO expansion (Pengembangan ISO)]** ditetapkan kepada **[1: On (Hidup)]** di bawah **[F4: Custom Functions (Fungsi Tersuai) (C.Fn)]** dan anda menukar dari menangkap foto pegun kepada rakaman filem, kelajuan ISO akan menjadi H (bersamaan dengan ISO 12800). Jika anda menukar kembali kepada penangkapan foto pegun, kelajuan ISO akan menjadi ISO 12800.
- Pampasan pendedahan tidak dapat ditetapkan.
- Menukar kelajuan pengatup atau apertur semasa rakaman filem tidak disarankan memandangkan pertukaran di dalam pendedahan akan dirakam.
- Jika anda menukar kelajuan pengatup semasa merakam di bawah pencahayaan pendarflour atau LED, kelipan imej mungkin akan dirakam.

- Apabila ISO Auto ditetapkan, anda boleh menekan butang **< \* >** untuk mengunci kelajuan ISO.
- Jika anda menekan butang **< \* >** dan menggubah semula tangkapan, anda boleh lihat perbezaan aras pendedahan pada penunjuk aras pendedahan (hlm.245) berbanding dengan apabila butang **< \* >** ditekan.
- Dengan menekan butang **< INFO >**, anda boleh memaparkan histogram.
- Apabila merakam filem untuk subjek yang bergerak, kelajuan pengatup 1/30 saat sehingga 1/125 saat adalah disarankan. Semakin laju kelajuan pengatup, pergerakan subjek akan kelihatan semakin kurang lancar.

## Paparan Maklumat

- Setiap kali anda menekan butang <INFO.>, paparan maklumat akan bertukar.



\* Digunakan pada klip filem tunggal.



- Anda boleh memaparkan aras elektronik dengan menekan butang <INFO.> (hlm.70). Ambil perhatian bahawa jika kaedah AF ditetapkan kepada [**Tracking** (**Pengesanan**)] atau kamera disambungkan ke set TV dengan kabel, aras elektronik tidak boleh dipaparkan.
- Aras elektronik, garisan grid atau histogram tidak boleh dipaparkan semasa rakaman filem. (Paparannya akan hilang apabila anda mula merakam filem.)
- Apabila rakaman filem bermula, baki masa rakaman filem akan bertukar kepada masa berlalu.



### Peringatan untuk Rakaman Filem

- Jangan halakan kamera ke arah sumber cahaya yang terang, seperti matahari atau sumber cahaya buatan yang terang. Perbuatan sebegini boleh merosakkan pengesanan imej atau komponen dalaman kamera.
- Jika <AWB> ditetapkan dan kelajuan ISO atau apertur bertukar semasa rakaman filem, white balance mungkin bertukar juga.
- Jika anda merakam filem di bawah pencahayaan pendarfluor atau LED, filem mungkin berkelip.
- Mengezum lensa semasa rakaman filem adalah tidak disarankan. Mengezum lensa boleh menyebabkan perubahan dalam pendedahan tanpa mengira sama ada apertur maksimum lensa berubah atau tidak. Akibatnya, pertukaran pendedahan mungkin dirakamkan.
- Anda tidak dapat membesarkan imej semasa rakaman filem.
- Berhati-hati supaya tidak menutup mikrofon terbina dalam (hlm.240) dengan jari anda, dll.
- **Peringatan Am Rakaman Filem terdapat pada halaman 274-275.**
- **Jika perlu, baca juga Peringatan Am Penangkapan Pandangan Langsung pada halaman 236-237.**



### Jangan pegang kamera dalam posisi yang sama untuk jangka masa yang lama.

Walaupun kamera tidak terasa terlalu panas, sentuhan yang berpanjangan dengan bahagian badan yang sama boleh menyebabkan kemerahan kulit, melepuh atau lecuran suhu rendah. Menggunakan tripod adalah disarankan bagi mereka yang mempunyai masalah dengan peredaran darah atau kulit yang sangat sensitif, atau apabila menggunakan kamera di tempat yang sangat panas.



- Tetap berkaitan filem terdapat pada tab [G<sub>1</sub>] dan [G<sub>2</sub>] (hlm.269).
- Fail filem dirakamkan setiap kali anda merakam filem. Jika saiz fail melebihi 4 GB, fail baru akan dicipta untuk setiap 4 GB yang berikutnya.
- Medan pandangan imej filem adalah kira-kira 100% (dengan saiz rakaman filem ditetapkan kepada [F1920]).
- Bunyi stereo dirakam oleh mikrofon terbina dalam kamera (hlm.240).
- Kebanyakan mikrofon luaran (boleh didapati secara komersil) yang dilengkapi dengan palam mini berdiameter 3.5 mm boleh digunakan.
- Anda boleh menggunakan Alat Kawalan Jauh RC-6 (dijual berasingan, hlm.378) untuk memulakan dan menghentikan rakaman filem jika mod pemacu adalah <F>. Tetapkan suis pemasaan rakaman kepada <2> (lewat 2 saat), kemudian tekan butang penghantaran. Jika suis ditetapkan kepada <●> (rakaman segera), penangkapan foto pegun akan berfungsi.
- Dengan Pek Bateri LP-E17 yang dicas sepenuhnya, jumlah masa rakaman filem adalah seperti berikut: kira-kira 1 jam 20 minit pada suhu bilik (23°C/73°F) dan kira-kira 1 jam pada suhu rendah (0°C/32°F).
- Fungsi pratetap fokus adalah mungkin untuk rakaman filem apabila menggunakan lensa telefoto (super) yang dilengkapi dengan mod pratetap fokus, tersedia sejak separuh tahun terakhir 2011.

## Simulasi Imej Akhir


Simulasi imej akhir menunjukkan hasil tetapan semasa untuk Gaya Gambar, white balance, dll, pada imej.

Semasa rakaman filem, imej yang dipaparkan akan menunjukkan secara automatik kesan-kesan tetapan yang tersenarai di bawah.

### Simulasi Imej Terakhir untuk Rakaman Filem

- Gaya Gambar
  - \* Semua tetapan seperti ketajaman, kontras, ketepuan warna, dan ton warna akan dapat dilihat.
- White balance
- Pembetulan white balance
- Pendedahan
- Kedalaman medan
- Pengoptimum Pencahayaan Auto
- Pembetulan pencahayaan persisian
- Pembetulan penyimpangan kromatik
- Keutamaan ton sorotan
- Filem HDR
- Filem kesan Miniatur

## Menangkap Foto Pegun



Apabila merakam filem, anda juga boleh menangkap foto pegun dengan menekan butang pengatup sepenuhnya.

### Menangkap foto pegun semasa Rakaman Filem

- Jika anda mengambil foto pegun semasa rakaman filem, filem akan merakamkan foto pegun selama kira-kira 1 saat.
- Foto pegun yang ditangkap akan dirakam kepada kad, rakaman filem akan disambung secara automatik apabila imej Pandangan Langsung dipaparkan.
- Filem dan foto pegun akan direkod sebagai fail berasingan pada kad.
- Fungsi berkaitan dengan penangkapan foto pegun ditunjukkan di bawah. Fungsi lain adalah sama untuk rakaman filem.

Fungsi	Tetapan
<b>Kualiti Rakaman Imej</b>	Seperti ditetapkan dalam [📷 1: Image quality (Kualiti imej)]. Apabila saiz rakaman filem adalah [1920x1080] atau [1280x720], nisbah bidang akan menjadi 16:9. Apabila saiz adalah [640x480], nisbah bidang akan menjadi 4:3.
<b>Kelajuan ISO*</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Dengan rakaman pendedahan auto: Ditetapkan secara automatik antara ISO 100 - ISO 6400.</li> <li>• Dengan rakaman pendedahan manual: Lihat "Kelajuan ISO Semasa Rakaman Pendedahan Manual" pada halaman 244.</li> </ul>
<b>Tetapan Pendedahan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Dengan rakaman pendedahan auto: Kelajuan pengatup dan aperture ditetapkan secara automatik (dipaparkan apabila menekan butang pengatup separuh ke bawah).</li> <li>• Dengan rakaman pendedahan manual: Kelajuan pengatup dan aperture ditetapkan secara manual.</li> </ul>
<b>AEB</b>	Dibatalkan
<b>Denyar</b>	Denyar mati

\* Jika keutamaan ton sorotan ditetapkan, julat kelajuan ISO akan bermula dari ISO 200.

- Tanpa mengira tetapan mod pemacu, penangkapan tunggal akan digunakan untuk penangkapan foto pegun semasa rakaman filem.
- Pemasa sendiri boleh ditetapkan sebelum anda mula merakam filem. Semasa rakaman filem, kamera akan bertukar kepada penangkapan tunggal.



Apabila anda menekan butang pengatup separuh ke bawah untuk autofokus semasa rakaman filem, fenomena berikut mungkin terjadi.

- Fokus mungkin menjadi jauh seketika.
- Kecerahan filem yang dirakam mungkin berubah.
- Filem yang dirakam mungkin menjadi pegun seketika.
- Filem mungkin merakamkan bunyi operasi lensa.
- Anda tidak boleh menangkap foto pegun apabila fokus tidak dicapai, seperti apabila subjek sedang bergerak.

# Tetapan Fungsi Penangkapan

Tetapan fungsi yang tertentu untuk rakaman filem diterangkan di sini.

## Q Kawalan Cepat

Jika anda menekan butang <Q> semasa imej dipaparkan pada monitor LCD, anda boleh menetapkan mana-mana yang berikut: **Kaedah AF, Mod pemacu, Saiz rakaman filem, Zum digital, Snapshot video, White balance, Gaya Gambar, Pengoptimum Pencahayaan Auto dan Filem kesan Miniatur.**

Di dalam mod Zon Asas, hanya fungsi dalam fon tebal boleh ditetapkan.



### 1 Tekan butang <Q> (10).

- ▶ Fungsi yang boleh ditetapkan akan dipaparkan.
- [HDR Movie Shooting (Rakaman Filem HDR)] hanya boleh ditetapkan dalam mod Zon Asas (hlm.255).

### 2 Pilih fungsi dan tetapkannya.

- Tekan kekunci <▲> <▼> untuk memilih fungsi.
- ▶ Fungsi yang dipilih dan Panduan Ciri (hlm.73) akan muncul.
- Tekan kekunci <◀> <▶> untuk menetapkan fungsi.
- Untuk menetapkan <☉c>, Pembetulan WB/Bracketing WB atau parameter Gaya Gambar bagi mod pemacu, tekan butang <INFO.>.

### 3 Keluar dari tetapan.

- Tekan <SET> untuk memuktamadkan tetapan dan kembali kepada rakaman filem.
- Anda juga boleh memilih <↶> untuk kembali ke rakaman filem.

## MENU Menetapkan Saiz Rakaman Filem



Dengan [ **2: Movie rec. size (Saiz rakaman filem)** ], anda boleh menetapkan saiz rakaman filem (saiz imej, kadar bingkai dan kaedah mampatan) dan fungsi lain.

### ● Saiz Imej

#### **FHD 1920x1080**

Kualiti rakaman Definisi Tinggi Penuh (Full HD). Nisbah bidang ialah 16:9.

#### **HD 1280x720**

Kualiti rakaman Definisi Tinggi (HD). Nisbah bidang ialah 16:9.

#### **VGA 640x480**

Kualiti rakaman definisi standard. Nisbah bidang ialah 4:3.

### ● Kadar Bingkai (fps: bingkai bagi setiap saat)

#### **29.97P 29.97 fps / 59.94P 59.94 fps**

Untuk kawasan di mana format TV adalah NTSC (Amerika Utara, Jepun, Korea Selatan, Mexico, dll).

#### **25.00P 25.00 fps / 50.00P 50.00 fps**

Untuk kawasan di mana format TV adalah PAL (Eropah, Rusia, China, Australia, dll).

#### **23.98P 23.98 fps**

Terutamanya untuk wayang gambar.



Kadar bingkai yang dipaparkan pada skrin saiz rakaman filem berubah bergantung pada sama ada [ **3: Video system (Sistem video)** ] ditetapkan kepada [ **NTSC** ] atau [ **PAL** ].

**23.98P** (23.98 fps) hanya boleh dipilih apabila [ **NTSC** ] ditetapkan.

- **Kaedah Mampatan**

**Standard**

















Mampatkan beberapa bingkai pada satu masa secara berkesan untuk rakaman.

**Light (Ringan) (📶)**

Filem dirakam pada kadar bit yang rendah untuk main balik pada pelbagai peranti, yang menghasilkan saiz fail yang lebih kecil berbanding dengan filem yang dirakam dengan **[Standard]**. Oleh itu, anda boleh merakam lebih lama berbanding dengan **[Standard]**.

 Jika anda menukar tetapan [**3: Video system (Sistem video)**], tetapkan saiz rakaman filem sekali lagi.

## Jumlah Masa Rakaman Filem dan Saiz Fail Setiap Minit (Anggaran)

Saiz Rakaman Filem			Jumlah Masa Rakaman pada Kad			Saiz Fail
			4 GB	8 GB	16 GB	
 <b>[1920x1080]</b>	  	Standard	17 minit	35 minit	1 jam 10 minit	216 MB/minit
	 	Ringan	43 minit	1 jam 26 minit	2 jam 53 minit	87 MB/minit
 <b>[1280x720]</b>	 	Standard	20 minit	40 minit	1 jam 21 minit	187 MB/minit
	 	Ringan	2 jam 5 minit	4 jam 10 minit	8 jam 20 minit	30 MB/minit
 <b>[640x480]</b>	 	Standard	57 minit	1 jam 55 minit	3 jam 50 minit	66 MB/minit
	 	Ringan	2 jam 43 minit	5 jam 26 minit	10 jam 53 minit	23 MB/minit
Rakaman Filem HDR [1280x720]			40 minit	1 jam 20 minit	2 jam 40 minit	94 MB/minit

### ● Fail Filem Melebihi 4 GB

Walaupun jika anda merakam filem melebihi 4 GB, anda boleh terus merakam tanpa gangguan.

Semasa rakaman filem, kira-kira 30 saat sebelum filem mencapai saiz fail 4 GB, masa rakaman yang telah berlalu yang dipaparkan pada skrin rakaman filem akan mula berkelip. Jika anda terus merakam sehingga saiz fail filem melebihi 4 GB, fail filem yang baru akan dicipta secara automatik dan masa rakaman berlalu atau kod waktu akan henti berkelip. Apabila anda memainkan balik filem, anda perlu memainkan setiap fail filem secara individu. Fail filem tidak boleh dimainkan balik secara automatik dalam susunan berturutan. Selepas main balik filem tamat, pilih filem seterusnya untuk dimainkan balik.

### ● Had Masa Rakaman Filem


Masa rakaman maksimum untuk sebuah klip filem adalah 29 minit 59 saat. Jika masa rakaman filem mencapai 29 minit 59 saat, rakaman filem akan berhenti secara automatik. Anda boleh mula merakam filem semula dengan menekan butang <img alt="stop button icon" data-bbox="245 820 275 840"/>. (Fail filem yang baru mula dirakam.)



Peningkatan suhu dalaman kamera mungkin menyebabkan rakaman filem berhenti sebelum masa rakaman maksimum yang ditunjukkan dalam jadual di atas (hlm.274).


## MENU Menggunakan Zum Digital Filem

Apabila saiz filem adalah [1920x1080] (Full HD), anda boleh merakam dengan zum digital kira-kira 3x hingga 10x.



### 1 Pilih [Digital zoom (Zum digital)].

- Di bawah tab [2], pilih [Digital zoom (Zum digital)], kemudian tekan <SET>.



### 2 Pilih [Approx. 3-10x zoom (Kira-kira 3-10x zum)].

- Pilih [Approx. 3-10x zoom (Kira-kira 3-10x zum)], kemudian tekan <SET>.
- Tekan butang <MENU> untuk keluar dari menu dan kembali ke rakaman filem.



### 3 Guna zum digital.

- Tekan kekunci <▲> <▼>.
- Bar zum digital akan muncul.
- Tekan kekunci <▲> untuk zum masuk atau tekan kekunci <▼> untuk zum keluar.
- Apabila anda menekan butang pengatup separuh ke bawah, kamera akan memfokus dengan [FlexiZone - Single (FlexiZone - Tunggal)] (ditetapkan di tengah).
- Untuk membatalkan zum digital, tetapkan [Disable (Lumpuhkan)] di dalam langkah 2.

- Gunakan tripod untuk mengelakkan goncangan kamera.
- Apabila zum digital filem ditetapkan, kelajuan ISO maksimum akan menjadi ISO 6400 (ia tidak boleh dikembangkan kepada H: bersamaan dengan ISO 12800). Pandangan diperbesar juga tidak boleh dilakukan.
- Memandangkan zum digital filem memproses imej secara digital, imej akan kelihatan lebih kasar pada pembesaran yang lebih tinggi. Hingar, tompokan cahaya, dll juga boleh menjadi ketara.
- Apabila zum digital filem ditetapkan, ikon pemandangan tidak akan dipaparkan.
- Lihat juga "Keadaan Penangkapan yang Menyukarkan Pemfokusan" pada halaman 230.
- Tangkapan foto pegun tidak boleh dilakukan.

# Merakam Filem HDR

Anda boleh merakam filem dengan mengurangkan perincian sorotan klip pada kawasan cerah walaupun dalam pemandangan kontras tinggi. Fungsi ini boleh ditetapkan dalam mod Zon Asas.

## 1 Tetapkan Dail Mod kepada mod Zon Asas.



## 2 Tekan butang <Q> (<math>\odot</math>10).

- ▶ Skrin Kawalan Cepat akan muncul.



## 3 Pilih [HDR OFF].

- Tekan kekunci <▲> <▼> untuk memilih [HDR OFF] (Rakaman Filem HDR) di sebelah kanan skrin.



## 4 Pilih [Enable (Aktif)].

- Tekan kekunci <◀> <▶> untuk memilih [Enable (Aktif)], kemudian tekan <SET>.
- Untuk masa rakaman dan saiz fail, lihat jadual pada halaman 253.



- Saiz rakaman adalah tetap pada **[1280x720 29.97fps (Standard)]** (saiz rakaman akan tetap pada **[1280x720 25.00fps (Standard)]** jika [**3: Video system (Sistem video)**] ditetapkan kepada [**PAL**]). Jika [**HDR Movie Shooting: Disable (Rakaman Filem HDR: Lumpuhkan)**] ditetapkan, saiz rakaman akan kembali kepada tetapan asal.
- Oleh kerana berbilang bingkai digabungkan untuk mencipta filem HDR, sebahagian daripada filem mungkin menjadi herot. Semasa rakaman ketika memegang kamera, herotan yang berlaku disebabkan oleh goncangan kamera mungkin akan dapat dilihat. Menggunakan tripod adalah disarankan.  
Sila ambil perhatian bahawa walaupun tripod digunakan untuk rakaman, imej tinggal mungkin boleh dilihat atau hingar mungkin kelihatan seperti bertambah semasa filem HDR dimainkan balik bingkai demi bingkai atau dalam pergerakan perlahan berbanding dengan apabila filem HDR dimainkan balik secara biasa.
- Rakaman Filem HDR tidak boleh ditetapkan jika zum digital filem, snapshot video atau filem kesan Miniatur ditetapkan.
- Tangkapan foto pegun tidak boleh dilakukan.

# Merakam Filem Kesan Miniatur

Anda boleh merakam filem dengan kesan Miniatur (diorama). Pilih kelajuan main balik dan rakam.



## 1 Tekan butang <[Q]>.

- ▶ Skrin Kawalan Cepat akan muncul.



## 2 Pilih [OFF].

- Tekan kekunci <▲> <▼> untuk memilih [OFF] (Filem kesan Miniatur) di sebelah kanan skrin.



## 3 Pilih kelajuan main balik.

- Tekan kekunci <◀> <▶> untuk memilih [5x], [10x] atau [20x], kemudian tekan <[SET]>.






## 4 Tempatkan bingkai putih pada bahagian yang anda ingin kelihatan tajam.


- Tekan kekunci <▲> <▼> untuk menggerakkan bingkai putih ke bahagian yang anda ingin kelihatan tajam.
- Untuk menukar orientasi bingkai putih yang menegak/mendatar, tekan butang <[Q]> (atau ketik [Q] di sebelah kanan bahagian bawah skrin).

## 5 Rakam filem.

- Kaedah AF adalah FlexiZone - Tunggal untuk memfokus pada bahagian tengah bingkai putih.
- Bingkai putih tidak dipaparkan semasa anda merakam.

### Kelajuan dan Panjang Main Balik (untuk filem 1 minit)

Kelajuan	Panjang Main Balik
 5x (5x)	Kira-kira 12 saat
 10x (10x)	Kira-kira 6 saat
 20x (20x)	Kira-kira 3 saat


- Bunyi tidak akan dirakam.
- Dengan filem kesan Miniatur, AF Servo Filem tidak akan berfungsi.
- Filem kesan Miniatur tidak boleh ditetapkan jika zum digital filem, snapshot video, rakaman filem HDR, **RAW** + , **RAW** atau bracketing white balance ditetapkan.
- Anda tidak boleh menangkap foto pegun semasa merakam filem kesan Miniatur.
- Filem kesan Miniatur dengan masa main balik kurang dari 1 saat tidak boleh disunting (hlm.314).

## MENU Merakam Snapshot Video


Anda boleh merakam siri petikan filem pendek selama kira-kira 2 saat, 4 saat atau 8 saat yang dipanggil snapshot video. Snapshot video boleh disambungkan bersama menjadi filem tunggal yang dipanggil album snapshot video. Anda kemudian boleh menunjukkan sorotan cepat sesuatu perjalanan atau acara.

Album snapshot video boleh juga dimainkan balik bersama dengan muzik latar belakang (hlm.266, 319).

### Konsep Album Snapshot Video




## Menetapkan Tempoh Rakaman Snapshot Video




### 1 Pilih [Video snapshot (Snapshot video)].

- Di bawah tab [2], pilih [Video snapshot (Snapshot video)], kemudian tekan <SET>.




### 2 Pilih [Enable (Aktif)].

- Pilih [Enable (Aktif)], kemudian tekan <SET>.




### 3 Pilih [Album settings (Tetapan album)].

- Pilih [Album settings (Tetapan album)], kemudian tekan <SET>.



### 4 Pilih [Create a new album (Cipta album baharu)].

- Pilih [Create a new album (Cipta album baharu)], kemudian tekan <SET>.



### 5 Pilih panjang snapshot video.

- Tekan <SET> dan gunakan kekunci <▲> <▼> untuk memilih panjang snapshot video, kemudian tekan <SET>.



Tempoh rakaman

### 6 Pilih [OK].

- Pilih [OK], kemudian tekan <SET>.
- Tekan butang <MENU> untuk keluar dari menu.
- ▶ Bar biru akan muncul untuk menunjukkan panjang snapshot video.
- Pergi ke "Mencipta Album Snapshot Video" (hlm.261).

## Mencipta Album Snapshot Video



### 7 Rakam snapshot video pertama.

- Tekan butang <[RECORD]>, kemudian rakam.
- ▶ Bar biru menunjukkan tempoh rakaman akan menurun secara beransur-ansur. Selepas tempoh rakaman yang ditetapkan berlalu, rakaman berhenti secara automatik.
- ▶ Skrin pengesahan akan muncul (hlm.262-263).




### 8 Simpan sebagai album snapshot video.

- Pilih [Save as album (Simpan sebagai album)], kemudian tekan <[SET]>.
- ▶ Klip filem akan disimpan sebagai snapshot video pertama untuk album snapshot video.



### 9 Teruskan merakam lebih banyak snapshot video.

- Ulangi langkah 7 untuk merakam snapshot video yang seterusnya.
- Pilih [Add to album (Tambah ke album)], kemudian tekan <[SET]>.
- Untuk mencipta album snapshot video lain, pilih [Save as a new album (Simpan sebagai album baharu)].
- Ulangi langkah 9 seperti yang diperlukan.




### 10 Keluar daripada rakaman snapshot video.

- Tetapkan [Video snapshot (Snapshot video)] kepada [Disable (Lumpuhkan)]. Untuk kembali kepada rakaman filem normal, pastikan untuk menetapkan [Disable (Lumpuhkan)].
- Tekan butang <MENU> untuk keluar dari menu, dan kembali kepada rakaman filem normal.

## Pilihan di dalam langkah 8 dan 9










Fungsi	Penerangan
 <b>Save as album (Simpan sebagai album)</b> (Langkah 8)	Klip filem akan disimpan sebagai snapshot video pertama untuk album snapshot video.
 <b>Add to album (Tambah ke album)</b> (Langkah 9)	Snapshot video yang baru dirakam akan ditambah ke dalam album yang baru sahaja dirakam sebelumnya.
 <b>Save as a new album (Simpan sebagai album baru)</b> (Langkah 9)	Album snapshot video yang baru dicipta dan klip filem disimpan sebagai snapshot video yang pertama. Album yang baru akan menjadi fail yang berbeza daripada album yang dirakam sebelumnya.
 <b>Playback video snapshot (Main balik snapshot video)</b> (Langkah 8 dan 9)	Snapshot video yang baru dirakam akan dimain balik. Untuk operasi main balik, lihat jadual pada halaman seterusnya.
 <b>Do not save to album (Jangan simpan kepada album)</b> (Langkah 8)  <b>Delete without saving to album (Padam tanpa simpan ke album)</b> (Langkah 9)	Snapshot video yang baru dirakam akan dipadamkan bukannya disimpan kepada album. Pilih <b>[OK]</b> pada dialog pengesahan.



Video snapshot	
Video snapshot	Enable
Album settings	
Show confirm msg	Disable
Snapshot length	4 sec. movie
Album	New
<b>MENU</b> 	


Jika anda ingin merakam snapshot video lain sejeurus selepas merakam sebuah snapshot video, tetapkan **[Show confirm msg (Tunjuk mesej pengesahan)]** kepada **[Disable (Lumpuhkan)]**. Tetapan ini akan membenarkan anda terus merakam snapshot video seterusnya tanpa kemunculan skrin pengesahan setiap kali selepas anda merakam.

## Operasi [Playback video snapshot (Main balik snapshot video)] dalam langkah 8 dan 9

Fungsi	Penerangan Main Balik
 <b>Play (Main)</b>	Dengan menekan <ⓈET>, anda boleh bermain balik atau menjeda snapshot video yang baru sahaja dirakam.
 <b>First frame (Bingkai pertama)</b>	Memaparkan babak pertama snapshot video pertama album.
 <b>Skip backward (Lompat undur)*</b>	Setiap kali anda menekan <ⓈET>, snapshot video melompat undur untuk beberapa saat.
 <b>Previous frame (Bingkai sebelumnya)</b>	Setiap kali anda menekan <ⓈET>, bingkai sebelumnya dipaparkan. Jika anda menahan <ⓈET>, ia akan memutar kembali filem.
 <b>Next frame (Bingkai berikutnya)</b>	Setiap kali anda menekan <ⓈET>, filem akan memainkan bingkai demi bingkai. Jika anda menahan <ⓈET>, ia akan memaju cepat filem.
 <b>Skip forward (Lompat ke depan)*</b>	Setiap kali anda menekan <ⓈET>, snapshot video melompat ke depan untuk beberapa saat.
 <b>Last frame (Bingkai terakhir)</b>	Memaparkan babak terakhir snapshot video terakhir album.
	Kedudukan main balik
mm' ss''	Masa main balik (minit:saat)
 <b>Volume (Kelantangan)</b>	Anda boleh melaraskan kelantangan pembesar terbina dalam (hlm.312) dengan memutar dail <ⓈET>.
 <b>MENU</b> ↶	Menekan butang <MENU> mengembalikan kepada skrin sebelumnya.

\* Dengan [**Skip backward (Lompat undur)**] dan [**Skip forward (Lompat ke depan)**], panjang lompatan berpadanan dengan bilangan saat yang ditetapkan di bawah [**Video snapshot (Snapshot video)**] (kira-kira 2 saat, 4 saat atau 8 saat).

## Menambah ke Album Sedia ada



### 1 Pilih [Add to existing album (Tambah ke album sedia ada)].

- Ikut langkah 4 pada halaman 260 untuk memilih [Add to existing album (Tambah ke album sedia ada)], kemudian tekan <SET>.



### 2 Pilih album sedia ada.

- Putar dail <⊙> untuk memilih album sedia ada, kemudian tekan <SET>.
- Pilih [OK], kemudian tekan <SET>.
- Tetapan snapshot video tertentu akan bertukar supaya sepadan dengan tetapan album sedia ada.
- Tekan butang <MENU> untuk keluar dari menu.
- Skrin rakaman snapshot video akan muncul.

### 3 Rakam snapshot video.

- Lihat “Mencipta Album Snapshot Video” (hlm.261) untuk merakam snapshot video.

ⓘ Anda tidak boleh memilih album yang ditangkap dengan kamera lain.



### Peringatan untuk Merakam Snapshot Video

- Anda hanya boleh menambah snapshot video dengan tempoh yang sama ke dalam album (kira-kira 2 saat, 4 saat atau 8 saat setiap satu).
- Ambil perhatian jika anda melakukan salah satu daripada berikut semasa merakam snapshot video, album baru akan dicipta untuk snapshot video yang berikutnya.
  - Menukar [**Movie rec. size (Saiz rakaman filem)**].
  - Menukar tetapan [**Sound rec. (Rakaman bunyi)**] daripada [**Auto**]/ [**Manual**] kepada [**Disable (Lumpuhkan)**] atau daripada [**Disable (Lumpuhkan)**] kepada [**Auto**]/ [**Manual**].
  - Mengemas kini perisian tegar.
- Anda tidak boleh menangkap foto pegun semasa merakam snapshot video.
- Tempoh rakaman snapshot video adalah anggaran sahaja. Bergantung pada kadar bingkai, tempoh rakaman yang dipaparkan semasa main balik mungkin tidak tepat.

## Memain balik Album

Anda boleh memain balik album snapshot video dengan cara yang sama dengan filem normal (hlm.312).



### 1 Mainkan balik filem.

- Tekan butang <▶> untuk memaparkan imej.



### 2 Pilih album.

- Dalam paparan imej tunggal, ikon [SET] yang dipaparkan di sebelah kiri bahagian atas skrin menunjukkan album snapshot video.
- Putar dail <⦿> untuk memilih album.



### 3 Mainkan balik album.

- Tekan <ⓈET>.
- Pada panel main balik filem yang dipaparkan, pilih [▶] (Main), kemudian tekan <ⓈET>.



## Muzik latar belakang

- Anda boleh mainkan muzik latar belakang apabila anda main balik album, filem normal dan tayangan slaid pada kamera (hlm.313, 316). Untuk memainkan muzik latar belakang, anda mesti menyalin terlebih dahulu muzik latar belakang kepada kad menggunakan EOS Utility (perisian EOS). Untuk penerangan tentang cara menyalin muzik latar belakang, rujuk kepada Manual Arahan EOS Utility (hlm.440).
- Muzik yang direkod pada kad memori mesti digunakan hanya untuk hiburan persendirian. Jangan melanggar hak pemegang hak cipta.

## Menyunting Album

Selepas rakaman, anda boleh menyusun, menghapus atau mainkan balik petikan filem dalam album.



### 1 Pilih [X].

- Pada panel main balik filem yang dipaparkan, pilih [X] (Sunting), kemudian tekan <SET>.
- ▶ Skrin suntingan akan dipaparkan.




### 2 Pilih operasi suntingan.

- Pilih operasi suntingan, kemudian tekan <SET>.

Fungsi	Penerangan
↔ Move snapshot (Gerakkan snapshot)	Tekan kekunci <◀> <▶> untuk memilih snapshot video yang anda ingin alihkan, kemudian tekan <SET>. Tekan kekunci <◀> <▶> untuk mengalihkan petikan tersebut, kemudian tekan <SET>.
🗑 Delete snapshot (Padam snapshot)	Tekan kekunci <◀> <▶> untuk memilih snapshot video yang anda ingin padamkan, kemudian tekan <SET>. Ikon [🗑] akan dipaparkan pada snapshot video yang dipilih. Menekan <SET> semula akan membatalkan pilihan dan [🗑] akan hilang.
▶ Play snapshot (Mainkan snapshot)	Tekan kekunci <◀> <▶> untuk memilih snapshot video yang anda ingin mainkan, kemudian tekan <SET>.




### 3 Simpan album yang disunting.




- Tekan butang <MENU> untuk kembali kepada panel Suntingan di bahagian bawah skrin.
- Pilih [] (Simpan), kemudian tekan <SET>.
- ▶ Skrin simpan akan muncul.
- Untuk menyimpan album tersebut sebagai album baru, pilih [**New file (Fail baharu)**]. Untuk menyimpan dan menulis ganti album asal, pilih [**Overwrite (Tulis ganti)**], kemudian tekan <SET>.

- Jika kad tidak mempunyai ruang kosong yang cukup, [**New file (Fail baharu)**] tidak akan tersedia.
- Apabila aras bateri adalah rendah, suntingan album tidak boleh dilakukan. Gunakan bateri yang dicas sepenuhnya.



## MENU Tetapan Fungsi Menu

### 1



Apabila anda menetapkan suis kuasa kepada <>, tab [ 1] dan [ 2] akan menunjukkan fungsi yang dihaskan untuk rakaman video.

#### ● **AF method (Kaedah AF)**


Kaedah AF adalah sama seperti yang diterangkan pada halaman 224-231. Anda boleh memilih [+Tracking (+Pengesanan)], [**FlexiZone - Multi (FlexiZone - Berbilang)**] atau [**FlexiZone - Single (FlexiZone - Tunggal)**].

#### ● **Movie Servo AF (AF Servo Filem)**

Semasa rakaman filem, kamera memfokus subjek secara berterusan. Tetapan lalai adalah [**Enable (Aktif)**].

**Apabila [**Enable (Aktif)**] ditetapkan:**

- Kamera akan memfokus subjek secara berterusan walaupun apabila anda tidak menekan butang pengatup separuh ke bawah.
- Memandangkan ini akan memacu lensa secara berterusan, ia akan menggunakan kuasa bateri dan memendekkan masa keseluruhan rakaman filem yang mungkin (hlm.253).
- Dengan lensa tertentu, bunyi operasi lensa semasa memfokus mungkin dirakam. Jika ini berlaku, gunakan mikrofon luaran (boleh didapati secara komersil) untuk mengurangkan bunyi operasi lensa dalam filem. Selain itu, menggunakan lensa STM (contohnya, EF-S18-135mm f/3.5-5.6 IS STM) yang tertentu akan mengurangkan bunyi operasi lensa.
- Jika anda ingin menetapkan suis mod fokus lensa kepada <**MF**> semasa AF Servo Filem, tetapkan suis kuasa kepada <**ON**> terlebih dahulu.

- Jika anda ingin mengekalkan fokus pada titik tertentu, atau anda tidak mahu bunyi operasi lensa dirakamkan, anda boleh menghentikan AF Servo Filem buat sementara waktu seperti yang berikut. Apabila menghentikan AF Servo Filem, titik AF akan bertukar menjadi kelabu. Apabila anda melakukan langkah yang sama seperti di bawah, AF Servo Filem akan disambung.
  - Tekan butang <⚡>.
  - Ketik ikon [  ] pada sebelah kiri bahagian bawah skrin.
  - Jika [10: Shutter/AE lock button (Butang pengatup/kunci AE)] ditetapkan kepada [2: AF/AF lock, no AE lock (AF/Kunci AF, tiada kunci AE)] dalam [4: Custom Functions (Fungsi Tersuai) (C.Fn)], anda boleh menjeda AF Servo Filem semasa menahan butang <★>. Apabila anda melepaskan butang <★>, AF Servo Filem akan bersambung.
- Apabila AF Servo Filem dijeda, jika anda kembali ke rakaman filem selepas menekan butang <MENU> atau <▶>, AF Servo Filem akan bersambung.

#### Apabila [Disable (Lumpuhkan)] ditetapkan:

- Tekan butang pengatup separuh ke bawah untuk memfokus.

#### Peringatan Apabila [Movie Servo AF (AF Servo Filem)] Ditetapkan kepada [Enable (Aktif)]

- **Keadaan Penangkapan yang Menyukarkan Pemfokusan**
  - Subjek yang bergerak laju mendekati atau bergerak menjauhi kamera.
  - Subjek yang bergerak pada jarak dekat di depan kamera.
  - Lihat juga “Keadaan Penangkapan yang Menyukarkan Pemfokusan” pada halaman 230.
- AF Servo Filem akan terjeda semasa mengezum atau dalam pandangan yang dibesarkan.
- Semasa rakaman filem, jika subjek menghampiri atau bergerak menjauhi atau jika kamera digerakkan secara menegak atau mendatar (pendar), imej filem yang dirakam mungkin mengembang atau mengecut (pertukaran dalam pembesaran imej).

- **AF with shutter button during movie recording (AF dengan butang pengatup semasa rakaman filem)**

Apabila merakam filem, anda juga boleh menangkap foto pegun dengan menekan butang pengatup sepenuhnya. Dalam tetapan lalai, operasi AF ditetapkan kepada [One-Shot AF (AF Tangkapan Tunggal)].

**Apabila [One-Shot AF (AF Tangkapan Tunggal)] ditetapkan:**

- Anda boleh fokus semula dan menangkap gambar pegun dengan menekan butang pengatup separuh ke bawah semasa merakam filem.
- Apabila menangkap subjek pegun, anda boleh melaksanakan penangkapan dengan fokus yang tepat.

**Apabila [Disable (Lumpuhkan)] ditetapkan:**

- Anda boleh mula menangkap foto pegun dengan serta-merta dengan menekan butang pengatup, walaupun fokus tidak dicapai. Ini berkesan apabila anda ingin memberi keutamaan kepada peluang penangkapan dan bukannya untuk memfokus.

- **Grid display (Papar grid)**

Dengan [Grid 1  $\equiv$ ] atau [Grid 2  $\equiv$ ], anda boleh memaparkan garisan grid. Anda boleh menyemak kecondongan secara mendatar atau menegak ketika penangkapan.

- **Metering timer (Pemasa pemeteran)\***

Anda boleh menukar masa tetapan pendedahan dipaparkan (masa kunci AE).

## 2




- **Movie recording size (Saiz rakaman filem)**

Anda boleh menetapkan saiz rakaman filem (saiz imej, kadar bingkai dan kaedah mampatan). Untuk butiran, lihat halaman 251-253.

- **Digital zoom (Zum digital)**

Anda boleh menggunakan zum digital untuk rakaman telefoto. Untuk butiran, lihat halaman 254.

## ● Sound recording (Rakaman suara) ☆



Meter aras

Biasanya, mikrofon terbina dalam akan merakamkan bunyi stereo. Jika mikrofon stereo luaran yang boleh didapati secara komersil dan dilengkapi dengan palam mini (diameter 3.5 mm) disambungkan ke terminal IN mikrofon luaran kamera (hlm.26), mikrofon stereo luaran ini akan diutamakan.

### Pilihan [**Sound rec./Rec. level (Rakaman suara/Aras rakaman)**]

**[Auto]** : Aras rakaman suara dilaraskan secara automatik. Kawalan aras auto akan beroperasi secara automatik sebagai respons kepada aras suara.

**[Manual]** : Untuk pengguna mahir. Anda boleh melaraskan aras rakaman suara kepada salah satu daripada 64 aras. Pilih [**Rec. level (Aras rakaman)**] dan lihat meter aras sambil menekan kekunci <◀> <▶> untuk melaraskan aras rakaman suara. Lihat penunjuk tahan puncak (kira-kira 3 saat) dan laraskan supaya meter aras kadangkala menyala di sebelah kanan tanda "12" (-12 dB) untuk bunyi yang terkuat. Jika ia melebihi "0", suara akan terganggu.

**[Disable (Lumpuhkan)]**: Suara tidak akan dirakamkan.

### [**Wind filter (Penuras angin)**]

Apabila ditetapkan kepada [**Auto**], ia mengurangkan bunyi angin apabila angin bertiup di luar bangunan. Ciri ini berfungsi hanya dengan mikrofon terbina dalam. Apabila fungsi penuras angin berkesan, bunyi bass yang rendah juga akan dikurangkan.

### [**Attenuator (Pelemah)**]

Walaupun anda menetapkan [**Sound recording (Rakaman suara)**] kepada [**Auto**] atau [**Manual**] sebelum merakam, gangguan bunyi mungkin masih terjadi jika terdapat bunyi yang sangat kuat. Dalam keadaan ini, menetapkannya kepada [**Enable (Aktif)**] adalah disarankan.



- Dalam mod Zon Asas, tetapan yang tersedia untuk **[Sound recording (Rakaman suara)]** adalah **[On (Hidup)]** atau **[Off (Mati)]**. Jika **[On (Hidup)]** ditetapkan, aras rakaman bunyi akan dilaraskan secara automatik (sama dengan **[Auto]**), dan fungsi penuras angin akan berkesan.
- Keseimbangan kelantangan suara antara L (kiri) dengan R (kanan) tidak boleh dilaraskan.
- Kedua-dua L dan R merakam audio pada kadar pensampelan 48 kHz/16-bit.

- **Video snapshots (Snapshot video)**

Anda boleh merakam snapshot video. Untuk butiran, lihat halaman 259.

## Peringatan Am Rakaman Filem

### Ikons Amaran Suhu Dalaman <M> Putih dan <M> Merah

- Jika suhu dalaman kamera meningkat disebabkan oleh rakaman filem yang berpanjangan atau di bawah suhu suasana yang tinggi, ikon <M> putih atau <M> merah akan muncul.
- Ikon <M> putih menunjukkan bahawa kualiti imej gambar pegun akan merosot. Anda disarankan supaya menghentikan penangkapan foto pegun buat seketika dan membiarkan kamera menjadi sejuk. Memandangkan kualiti imej filem sukar dipengaruhi, anda masih boleh merakam filem.
- Ikon <M> merah menunjukkan rakaman filem akan dihentikan secara automatik tidak lama kemudian. Jika ini berlaku, anda tidak dapat menangkap lagi sehingga suhu dalaman kamera menurun. Matikan kuasa dan biarkan kamera berehat untuk seketika.
- Merakam filem pada suhu tinggi untuk tempoh yang berpanjangan akan menyebabkan ikon <M> atau <M> muncul lebih awal. Apabila anda tidak menangkap gambar, sentiasa matikan kamera.


### Merakam dan Kualiti Imej

- Jika lensa yang dipasangkan mempunyai Penstabil Imej dan anda menetapkan suis Penstabil Imej (IS) kepada <ON>, Penstabil Imej akan beroperasi pada setiap masa walaupun anda tidak menekan butang pengatup separuh ke bawah. Penstabil Imej menggunakan kuasa bateri dengan lebih cepat dan mungkin memendekkan masa keseluruhan rakaman filem atau mengurangkan bilangan tangkapan yang boleh diambil. Jika anda menggunakan tripod atau jika Penstabil Imej tidak diperlukan, anda disarankan supaya menetapkan suis IS kepada <OFF>.
- Mikrofon terbina dalam kamera juga akan merakam bunyi operasi kamera. Gunakan mikrofon luaran (boleh didapati secara komersil) untuk mengurangkan bunyi operasi kamera dalam filem.
- Jangan sambungkan apa-apa selain daripada mikrofon luaran dengan terminal IN mikrofon luaran kamera.
- Jika kecerahan bertukar semasa rakaman filem pendedahan auto, filem mungkin akan kelihatan pegun untuk seketika. Dalam keadaan ini, rakam filem dengan pendedahan manual.
- Jika terdapat sumber cahaya yang sangat terang dalam imej, kawasan yang cerah mungkin kelihatan hitam pada monitor LCD. Filem akan dirakam dengan hampir sama seperti yang kelihatan pada monitor LCD.
- Dalam cahaya malap, hingar atau warna yang tidak teratur mungkin muncul dalam imej. Filem akan dirakam dengan hampir sama seperti yang kelihatan pada monitor LCD.
- Jika anda memainkan balik filem menggunakan peranti lain, kualiti imej atau bunyi mungkin merosot atau main balik mungkin tidak dapat dilakukan (walaupun jika peranti tersebut menyokong format MP4).

## Peringatan Am Rakaman Filem

### Merakam dan Kualiti Imej

- Jika anda menggunakan kad dengan kelajuan menulis yang perlahan, penunjuk yang mempunyai lima aras mungkin muncul di sebelah kanan bahagian atas skrin semasa rakaman filem. Ia menunjukkan berapa banyak data yang belum ditulis kepada kad (baki kapasiti memori penimbal dalaman). Semakin perlahan kad, semakin cepat penunjuk akan meningkat ke atas. Jika penunjuk menjadi penuh, rakaman filem akan berhenti secara automatik.



Penunjuk

Jika kad mempunyai kelajuan menulis yang laju, penunjuk sama ada tidak akan muncul atau arasnya (jika dipaparkan) akan hampir tidak meningkat ke atas. Mula-mula, rakam beberapa filem ujian untuk melihat jika kad boleh menulis dengan cepat.

### Penangkapan Foto Pegun Semasa Rakaman Filem

- Berkenaan dengan kualiti imej foto pegun, lihat “Kualiti Imej” pada halaman 236.

### Main Balik dan Sambungan TV

- Jika anda menyambungkan kamera dengan set TV (hlm.320-323) dan merakam filem, set TV tidak akan menghasilkan sebarang bunyi semasa rakaman. Walau bagaimanapun, bunyi akan dirakam dengan baik.

## Had bagi Filem Format MP4

Ambil perhatian bahawa biasanya had yang berikut dikenakan pada filem format MP4.

- Bunyi tidak akan dirakam dalam kira-kira dua bingkai yang terakhir.
- Apabila anda bermain balik filem pada Windows, imej dan bunyi mungkin akan sedikit tidak tersegerak.



# 9


## Ciri-ciri Berguna



- Melumpuhkan Beeper (hlm.278)
- Peringatan Kad (hlm.278)
- Menetapkan Masa Semak Imej (hlm.279)
- Menetapkan Masa Kuasa Terpadam secara Auto (hlm.279)
- Melaraskan Kecerahan Monitor LCD (hlm.280)
- Mencipta dan Memilih Folder (hlm.281)
- Kaedah Penomboran Fail (hlm.283)
- Menetapkan Maklumat Hak Cipta (hlm.285)
- Putaran Auto Imej Menegak (hlm.287)
- Mengembalikan Kamera kepada Tetapan Lalai (hlm.288)
- Mengelakkan Monitor LCD daripada Terpadam secara Automatik (hlm.293)
- Menukar Warna Skrin Tetapan Penangkapan (hlm.293)
- Pembersihan Pengesan Automatik (hlm.294)
- Menambah Data Penghapusan Debu (hlm.295)
- Pembersihan Pengesan Manual (hlm.297)

## Ciri-ciri Berguna

### **MENU** Melumpuhkan Beeper


Anda boleh mengelakkan beeper daripada berbunyi apabila fokus dapat dicapai semasa penangkapan pemasa sendiri dan operasi skrin sentuh.



Di bawah tab [**1**], pilih [**Beep (Bip)**], kemudian tekan <SET>. Pilih [**Disable (Lumpuhkan)**], kemudian tekan <SET>. Untuk menjadikan beeper senyap hanya semasa operasi skrin sentuh, pilih [**Touch to  (Sentuh untuk **)].

### **MENU** Peringatan Kad

Tetapan ini mengelakkan penangkapan jika tiada kad di dalam kamera.




Di bawah tab [**1**], pilih [**Release shutter without card (Lepaskan pengatup tanpa kad)**], kemudian tekan <SET>. Pilih [**Disable (Lumpuhkan)**], kemudian tekan <SET>.

Jika tiada kad dimasukkan ke dalam kamera dan anda menekan butang pengatup, “**Card**” akan dipaparkan dalam pemedang tilik dan pada panel LCD, dan anda tidak dapat melepaskan pengatup.

## MENU Menetapkan Masa Semak Imej

Anda boleh menetapkan masa yang imej dipaparkan pada monitor LCD sejeurus selepas penangkapan. Jika [**Off (Mati)**] ditetapkan, imej tidak akan dipaparkan sejeurus selepas penangkapan. Jika [**Hold (Bertahan)**] ditetapkan, semak imej akan dipaparkan sehingga masa [**Auto power off (Kuasa terpadam secara auto)**] telah berlalu.

Semasa semak imej, jika anda mengendalikan sebarang kawalan kamera seperti menekan butang pengatup separuh ke bawah, semak imej akan berhenti.




Di bawah tab [**1**], pilih [**Image review (Semak imej)**], kemudian tekan <SET>. Pilih tetapan yang diinginkan, kemudian tekan <SET>.

## MENU Menetapkan Masa Kuasa Terpadam secara Auto

Untuk menyimpan kuasa bateri, kamera dimatikan secara automatik selepas masa tetapan operasi melahu berlalu. Anda boleh menetapkan masa kuasa dimatikan secara auto tersebut. Apabila kamera terpadam disebabkan oleh kuasa terpadam secara auto, anda boleh menghidupkannya semula dengan menekan butang pengatup, dll.

Jika [**Disable (Lumpuhkan)**] ditetapkan, matikan kamera atau tekan butang <INFO.> untuk mematikan monitor LCD bagi menyimpan kuasa bateri.



Walaupun apabila [**Disable (Lumpuhkan)**] ditetapkan, jika kamera tidak digunakan untuk 30 minit, monitor LCD akan dimatikan secara automatik. Untuk menghidupkan semula monitor LCD, tekan butang <INFO.>.



Di bawah tab [**2**], pilih [**Auto power off (Kuasa terpadam secara auto)**], kemudian tekan <SET>. Pilih tetapan yang diinginkan, kemudian tekan <SET>.

## **MENU** Melaraskan Kecerahan Monitor LCD

Anda boleh melaraskan kecerahan monitor LCD untuk membuatkan ia lebih mudah untuk dibaca.



Di bawah tab [F2], pilih [**LCD brightness (Kecerahan LCD)**], kemudian tekan < (SET) >. Tekan kekunci < ◀ > ▶ > untuk melaraskan kecerahan pada skrin pelarasan, kemudian tekan < (SET) >.


Apabila memeriksa pendedahan imej, tetapkan kecerahan monitor LCD pada 4 dan elakkan cahaya sekiranya daripada memberi kesan terhadap imej tersebut.

## MENU Mencipta dan Memilih Folder

Anda boleh cipta dan pilih dengan bebas di mana imej yang ditangkap ingin disimpan.


Operasi ini tidak diwajibkan kerana folder akan dicipta secara automatik untuk menyimpan imej yang ditangkap.

### Mencipta Folder




#### 1 Pilih [Select folder (Pilih folder)].

- Di bawah tab [1], pilih [Select folder (Pilih folder)], kemudian tekan <SET>.



#### 2 Pilih [Create folder (Mencipta folder)].

- Pilih [Create folder (Mencipta folder)], kemudian tekan <SET>.




#### 3 Cipta folder baharu.

- Pilih [OK], kemudian tekan <SET>.
- ▶ Satu folder baharu dengan nombor folder meningkat dengan satu dicipta.

## Memilih Folder

Nombor fail yang paling rendah

Bilangan imej dalam folder



Nama folder

Nombor fail yang paling tinggi

- Dengan skrin pilihan folder dipaparkan, pilih satu folder dan tekan <SET>.
- ▶ Folder di mana imej ditangkap akan disimpan dipilih.
- Imej yang ditangkap selepas itu akan direkod dalam folder yang dipilih.



## Folder

Ambil **"100CANON"** sebagai contoh, nama folder bermula dengan tiga digit (nombor folder) diikuti dengan lima aksara abjad angka. Satu folder boleh mengandungi sehingga 9999 imej (nombor fail 0001 - 9999). Apabila satu folder menjadi penuh, folder baharu dengan nombor folder meningkat dengan satu dicipta secara automatik. Juga, jika penetapan semula secara manual (hlm.284) dilaksanakan, folder baharu akan dicipta secara automatik. Folder bernombor dari 100 hingga 999 boleh dicipta.


### Mencipta Folder dengan Komputer

Dengan kad terbuka pada skrin, cipta folder baharu dengan nama **"DCIM"**. Buka folder DCIM dan cipta sebanyak mana folder yang diperlukan untuk menyimpan dan menyusun imej anda. Nama folder hendaklah mengikut format **"100ABC\_D"**. Tiga digit pertama ialah nombor folder dari 100 hingga 999. Lima aksara terakhir boleh menjadi sebarang gabungan huruf besar dan huruf kecil dari A hingga Z, angka dan garis bawah **"\_"**. Ruang tidak boleh digunakan. Juga ambil perhatian bahawa dua nama folder tidak boleh berkongsi nombor folder tiga digit yang sama (misalnya, **"100ABC\_D"** dan **"100W\_XYZ"**), walaupun jika lima aksara terakhir dalam setiap nama adalah berbeza.

## MENU Kaedah Penomboran Fail

Fail imej akan dinomborkan dari 0001 hingga 9999 dalam susunan imej diambil, kemudian disimpan dalam folder. Anda boleh menukar bagaimana nombor fail ditetapkan.


Nombor fail akan muncul pada komputer anda dalam format ini:  
**IMG\_0001.JPG.**




Di bawah tab [🔍1], pilih [**File numbering (Penomboran fail)**], kemudian tekan <ⓈET>. Tetapan yang tersedia diterangkan di bawah. Pilih pilihan, kemudian tekan <ⓈET>.

- [**Continuous (Berterusan)**]: Penomboran fail berterusan dalam urutan ini walaupun selepas anda menggantikan kad atau mencipta folder.


Walaupun selepas anda mengganti kad atau mencipta folder baharu, penomboran fail berterusan dalam urutan sehingga 9999. Ini mudah apabila anda ingin menyimpan imej yang dinomborkan di mana-mana antara 0001 hingga 9999 pada berbilang kad atau dalam berbilang folder kepada satu folder dalam komputer anda. Jika kad penggantian atau folder semasa telah mengandungi imej yang direkod sebelum ini, penomboran fail imej baharu mungkin disambung dari penomboran fail imej sedia ada pada kad atau dalam folder tersebut. Jika anda ingin menggunakan penomboran fail berturut-turut, anda disarankan supaya menggunakan kad yang baru diformat setiap kali.




- [Auto reset (Tetap semula auto)]: Penomboran fail bermula daripada 0001 setiap kali kad digantikan atau folder baharu dicipta.** Apabila anda mengganti kad atau mencipta folder, penomboran fail bermula semula dari 0001 untuk imej baharu disimpan. Ini mudah jika anda ingin menyusun imej mengikut kad atau folder. Jika kad penggantian atau folder semasa telah mengandungi imej yang direkod sebelum ini, penomboran fail imej baharu mungkin disambung dari penomboran fail imej sedia ada pada kad atau dalam folder tersebut. Jika anda ingin menyimpan imej dengan penomboran fail bermula dari 0001, gunakan kad yang baru di format setiap kali.




- [Manual reset (Tetap semula manual)]: Untuk menetapkan semula penomboran fail kepada 0001 secara manual atau untuk bermula daripada nombor fail 0001 dalam folder baharu.** Apabila anda menetapkan semula penomboran fail secara manual, folder baharu dicipta secara automatik dan penomboran fail imej yang disimpan pada folder baharu itu bermula dari 0001. Misalnya jika anda ingin menggunakan folder yang berlainan untuk imej yang diambil semalam dan imej yang diambil hari ini, cara ini amat mudah. Selepas menetapkan semula secara manual, penomboran fail kembali ke berterusan atau tetap semula auto. (Tidak akan terdapat dialog pengesahan bagi tetap semula manual.)

 Jika nombor fail dalam folder 999 mencapai 9999, penangkapan tidak boleh dilakukan walaupun kad masih ada kapasiti simpanan. Monitor LCD akan memaparkan pesanan memberitahu anda untuk menggantikan kad. Gantikan ia dengan kad baharu.

 Untuk kedua-dua imej JPEG dan RAW, nama fail akan bermula dengan "IMG\_". Nama fail filem akan bermula dengan "MVI\_". Sambungan adalah ".JPG" untuk imej JPEG, ".CR2" untuk imej RAW dan ".MP4" untuk filem.

## MENU Menetapkan Maklumat Hak cipta ☆

Apabila anda menetapkan maklumat hak cipta, ia akan ditambah pada imej sebagai maklumat Exif.




### 1 Pilih [Copyright information (Maklumat hak cipta)].

- Di bawah tab [4], pilih [Copyright information (Maklumat hak cipta)], kemudian tekan <SET>.



### 2 Pilih pilihan untuk ditetapkan.

- Pilih [Enter author's name (Masukkan nama pengarang)] atau [Enter copyright details (Masukkan butiran hak cipta)], kemudian tekan <SET>.
- ▶ Skrin pemasukan teks akan muncul.
- Pilih [Display copyright info. (Paparkan maklumat hak cipta)] untuk memeriksa maklumat hak cipta semasa yang ditetapkan.
- Pilih [Delete copyright information (Padam maklumat hak cipta)] untuk memadam maklumat hak cipta semasa yang ditetapkan.




### 3 Masukkan teks.

- Lihat "Prosedur Pemasukan Teks" pada halaman seterusnya dan masukkan maklumat hak cipta.
- Masukkan sehingga 63 aksara dan simbol.


### 4 Keluar dari tetapan.

- Selepas memasukkan teks, tekan butang <MENU> untuk keluar.
- Pada dialog pengesahan, pilih [OK], kemudian tekan <SET>.

## Prosedur Pemasukan Teks




- **Menukar Kawasan Pemasukan:**  
Tekan butang <Q> untuk menukar antara kawasan pemasukan atas dan bawah.
- **Menggerakkan Kursor:**  
Tekan kekunci <◀> <▶> di bahagian atas untuk menggerakkan kursor.
- **Memasukkan Teks:**  
Di kawasan bawah, tekan kekunci <▲> <▼> atau <◀> <▶> untuk memilih aksara, kemudian tekan <SET> untuk memasukkannya.
- **Menukar Mod Pemasukan:\***  
Pilih [Aa=1@] di sebelah kanan bahagian bawah kawasan pemasukan. Setiap kali anda menekan <SET>, mod pemasukan akan bertukar seperti berikut: Huruf kecil → Angka / Simbol 1 → Angka / Simbol 2 → Huruf besar.  
\* Apabila [Touch control: Disable (Kawalan sentuh: Lumpuhkan)] ditetapkan, anda boleh memasukkan semua aksara pada satu skrin.
- **Memadamkan Aksara:**  
Tekan butang <⏏> untuk memadamkan satu aksara.
- **Menamatkan Pemasukan Teks:**  
Tekan butang <MENU>, semak teks, pilih [OK], kemudian tekan <SET>. Skrin dalam langkah 2 akan muncul semula.
- **Membatalkan Pemasukan Teks:**  
Tekan butang <INFO.>, semak teks, pilih [OK], kemudian tekan <SET>. Skrin dalam langkah 2 akan muncul semula.

 Anda juga boleh menetapkan atau memeriksa maklumat hak cipta dengan EOS Utility (perisian EOS, hlm.438).







## MENU Putaran Auto Imej Menegak








Imej menegak tidak diputarkan secara automatik supaya ia dipaparkan secara menegak dan bukannya secara mendatar pada monitor LCD kamera dan pada komputer. Anda boleh menukar tetapan untuk ciri ini.



Di bawah tab [F1], pilih [**Auto rotate (Putaran auto)**], kemudian tekan <SET>. Tetapan yang tersedia diterangkan di bawah. Pilih pilihan, kemudian tekan <SET>.


- [**On**   (**Hidup**  )]: I  
meja menegak diputarkan secara automatik semasa main balik pada monitor LCD kamera dan pada komputer.
- [**On**  (**Hidup** )]: I  
meja menegak hanya diputarkan secara automatik pada komputer.
- [**Off (Mati)**]: I  
meja menegak tidak diputarkan secara automatik.

## ? SOALAN-SOALAN LAZIM

- **Imej menegak tidak diputarkan semasa semak imej sejurus selepas penangkapan.**  
Tekan butang <▶> dan main balik imej memaparkan imej yang diputarkan.
- **[On (Hidup)  ] telah ditetapkan, tetapi imej tidak diputarkan semasa main balik.**  
Putaran auto tidak akan berfungsi dengan imej menegak yang ditangkap apabila [**Auto rotate (Putaran auto)**] ditetapkan kepada [**Off (Mati)**]. Jika imej menegak ditangkap semasa kamera dihalakan ke atas atau ke bawah, imej mungkin tidak akan diputarkan secara automatik untuk main balik. Dalam kes sedemikian, lihat “Memutar Imej” pada halaman 305.
- **Pada monitor LCD kamera, saya ingin memutar imej yang ditangkap apabila [On (Hidup) ] telah ditetapkan.**  
Tetapkan [**On (Hidup)  **], kemudian main balik imej. Ia akan diputarkan.
- **Imej menegak tidak berputar pada skrin komputer.**  
Perisian yang digunakan tidak serasi dengan putaran imej. Sebaliknya, gunakan perisian EOS.


## MENU Mengembalikan Kamera ke Tetapan Lalai ☆

Tetapan fungsi penangkapan dan tetapan menu kamera boleh dikembalikan ke lalai. Pilihan ini tersedia dalam mod Zon Kreatif.




### 1 Pilih [Clear settings (Hapus tetapan)].

- Di bawah tab [F4], pilih [Clear settings (Hapus tetapan)], kemudian tekan <SET>.



### 2 Pilih [Clear all camera settings (Hapus semua tetapan kamera)].

- Pilih [Clear all camera settings (Hapus semua tetapan kamera)], kemudian tekan <SET>.







### 3 Pilih [OK].

- Pilih [OK], kemudian tekan <SET>.
- ▶ Menetapkan [Clear all camera settings (Hapus semua tetapan kamera)] akan menetapkan semula kamera kepada tetapan lalai seperti yang ditunjukkan pada halaman 289-291.











## ? SOALAN-SOALAN LAZIM

### ● Menghapuskan semua tetapan kamera

Selepas prosedur di atas, pilih [Clear all Custom Func. (C.Fn) (Hapus semua Fungsi Tersuai (C. Fn.))] dalam [F4: Clear settings (Hapus tetapan)] untuk menghapuskan semua tetapan Fungsi Tersuai (hlm.360).


EN		MY	
<b>Shooting Function Settings</b>		<b>Tetapan Fungsi Penangkapan</b>	
<SCN> mode	 (Kids)	Mod <SCN>	 (Kanak-kanak)
AF operation	One-Shot AF	Operasi AF	AF Tangkapan Tunggal
AF area selection mode	Auto selection: 19 pt AF	Mod pemilihan kawasan AF	Auto pilihan:AF 19 titik
Drive mode	<input type="checkbox"/> (Single shooting)	Mod pemacu	<input type="checkbox"/> (Penangkapan tunggal)
Metering mode	 (Evaluative metering)	Mod pemeteran	 (Pemeteran penilaian)
ISO speed	AUTO (Auto)	Kelajuan ISO	AUTO (Auto)
ISO Auto	Maximum 6400	ISO Auto	Maksimum 6400
Exposure compensation / AEB	Canceled	Pampasan pendedahan / AEB	Dibatalkan
Flash exposure compensation	0 (Zero)	Pampasan pendedahan denyar	0 (Sifar)
Red-eye reduction	Disable	Pengurangan mata merah	Lumpuhkan
Anti-flicker shooting	Disable	Penangkapan anti kelip	Lumpuhkan
Aspect ratio	3 : 2	Nisbah bidang	3 : 2
Viewfinder display	Display only flicker detection	Paparan pemedang tilik	Paparkan hanya pengesanan kelipan
Custom Functions	Unchanged	Fungsi Tersuai	Tidak bertukar
<b>Flash control</b>		<b>Kawalan denyar</b>	
Flash firing	Enable	Nyalaan denyar	Aktif
E-TTL II flash metering	Evaluative flash metering	Pemeteran denyar E-TTL II	Pemeteran denyar penilaian
Flash sync. speed in Av mode	Auto	Kelajuan penyegerakan denyar dalam mod Av	Auto

EN		MY	
Image Recording Settings		Tetapan Rakaman Imej	
Image quality	L	Kualiti imej	L
Picture Style	Auto	Gaya Gambar	Auto
Auto Lighting Optimizer	Standard	Pengoptimum Pencahayaan Auto	Standard
Peripheral illumination correction	Enable / Correction data retained	Pembetulan pencahayaan persisian	Aktif / Data pembetulan disimpan
Chromatic aberration correction	Enable / Correction data retained	Pembetulan penyimpangan kromatik	Aktif / Data pembetulan disimpan
Distortion correction	Disable / Correction data retained	Pembetulan herotan	Lumpuhkan / Data pembetulan disimpan
Color space	sRGB	Ruang warna	sRGB
White balance	(Auto)	White balance	(Auto)
Custom White Balance	Canceled	White Balance Tersuai	Dibatalkan
White balance correction	Canceled	Pembetulan white balance	Dibatalkan
White balance bracketing	Canceled	Bracketing white balance	Dibatalkan
Long exposure noise reduction	Disable	Pengurangan hingar pendedahan lama	Lumpuhkan
High ISO speed noise reduction	Standard	Pengurangan hingar ISO berkelajuan tinggi	Standard
File numbering	Continuous	Penomboran fail	Berterusan
Auto cleaning	Enable	Pembersihan auto	Aktif
Dust Delete Data	Erase	Data Penghapusan Debu	Padam

EN		MY	
Camera Settings		Tetapan Kamera	
Auto power off	30 sec.	Kuasa terpadam secara auto	30 saat
Beep	Enable	Bip	Aktif
Release shutter without card	Enable	Lepaskan pengatup tanpa kad	Aktif
Image review	2 sec.	Semakan imej	2 saat
AF point display	Disable	Paparan titik AF	Lumpuhkan
Histogram display	Brightness	Paparan histogram	Kecerahan
Image jump with 	 (10 images)	Lompat imej dengan 	 (10 imej)
Auto rotate	On  	Putaran auto	Hidup  
LCD brightness		Kecerahan LCD	
LCD auto off	Enable	LCD terpadam auto	Aktif
Date/Time/Zone	Unchanged	Tarikh/Masa/Zon	Tidak bertukar
Language	Unchanged	Bahasa	Tidak bertukar
Video system	Unchanged	Sistem video	Tidak bertukar
INFO. button display options	All items selected	Pilihan paparan butang INFO.	Semua item dipilih
Screen color	1	Warna skrin	1
Feature guide	Enable	Panduan Ciri	Aktif
Touch control	Standard	Kawalan sentuh	Standard
Copyright information	Unchanged	Maklumat hak cipta	Tidak bertukar
Control over HDMI	Disable	Kawalan melalui HDMI	Lumpuhkan
Eye-Fi transmission	Disable	Penghantaran Eye-Fi	Lumpuhkan
My Menu settings	Unchanged	Tetapan Menu Saya	Tidak bertukar
Display from My Menu	Disable	Paparkan dari Menu Saya	Lumpuhkan
Wi-Fi/NFC	Disable	Wi-Fi/NFC	Lumpuhkan
Wi-Fi function	Unchanged	Fungsi Wi-Fi	Tidak bertukar


EN		MY	
<b>Live View Shooting Settings</b>		<b>Tetapan Penangkapan Pandangan Langsung</b>	
<b>Live View shooting</b>	Enable	<b>Penangkapan Pandangan Langsung</b>	Aktif
<b>AF method</b>	☺+Tracking	<b>Kaedah AF</b>	☺+Pengesanan
<b>Continuous AF</b>	Enable	<b>AF Berterusan</b>	Aktif
<b>Touch Shutter</b>	Disable	<b>Pengatup Sentuh</b>	Lumpuhkan
<b>Grid display</b>	Off	<b>Paparan grid</b>	Mati
<b>Metering timer</b>	8 sec.	<b>Pemasa pemeteran</b>	8 saat

Movie Shooting Settings		Tetapan Rakaman Filem	
<b>AF method</b>	☺+Tracking	<b>Kaedah AF</b>	☺+Pengesanan
<b>Movie Servo AF</b>	Enable	<b>AF Servo Filem</b>	Aktif
<b>AF with shutter button during movie recording</b>	One-Shot AF	<b>AF dengan butang pengatup semasa rakaman filem</b>	AF Tangkapan Tunggal
<b>Grid display</b>	Off	<b>Paparan grid</b>	Mati
<b>Metering timer</b>	8 sec.	<b>Pemasa pemeteran</b>	8 saat
<b>Movie recording size</b>	NTSC: FHD 29.97P (Standard) PAL: FHD 25.00P (Standard)	<b>Saiz rakaman filem</b>	NTSC: FHD 29.97P (Standard) PAL: FHD 25.00P (Standard)
<b>Digital zoom</b>	Disable	<b>Zum digital</b>	Lumpuhkan
<b>Sound recording</b>	Auto	<b>Rakaman suara</b>	Auto
<b>Video snapshot</b>	Disable	<b>Snapshot video</b>	Lumpuhkan

 Untuk tetapan Wi-Fi/NFC, rujuk kepada Manual Arahan Fungsi Wi-Fi/NFC.

## MENU Mengelakkan Monitor LCD daripada Terpadam secara Automatik

Anda boleh menghalang pengesanan paparan terpadam daripada mematikan monitor LCD apabila mata anda menghampiri pemidang tilik.




Di bawah tab [ **2** ], pilih [ **LCD auto off (LCD terpadam auto)** ], kemudian tekan < **SET** >. Pilih [ **Disable (Lumpuhkan)** ], kemudian tekan < **SET** >.



Apabila Angle Finder C (dijual berasingan) dipasang pada pemidang tilik, tetapkannya kepada [ **Disable (Lumpuhkan)** ]. Jika [ **Enable (Aktif)** ] ditetapkan, monitor LCD mungkin kekal mati.

## MENU Menukar Warna Skrin Tetapan Penangkapan

Anda boleh menukar warna latar belakang skrin tetapan penangkapan.



Di bawah tab [ **3** ], pilih [ **Screen color (Warna skrin)** ], kemudian tekan < **SET** >. Pilih warna yang diinginkan, kemudian tekan < **SET** >.


Apabila anda keluar dari menu, skrin tetapan penangkapan yang berdasarkan warna yang dipilih akan dipaparkan.




## Pembersihan Pengesan Automatik


Apabila anda menetapkan suis kuasa kepada <ON> atau <OFF>, Unit Pengesan Pembersihan Kendiri beroperasi untuk mengibaskan debu pada bahagian hadapan pengesan secara automatik. Biasanya, anda tidak perlu memberi perhatian terhadap operasi ini. Walau bagaimanapun, anda boleh memilih melakukan pembersihan pengesan secara manual atau melumpuhkannya.

### Membersihkan Pengesan Sekarang







#### 1 Pilih [Sensor cleaning (Pembersihan pengesan)].

- Di bawah tab [, 3], pilih [Sensor cleaning (Pembersihan pengesan)], kemudian tekan <SET>.





#### 2 Pilih [Clean now ] (Bersihkan sekarang )].

- Pilih [Clean now ] (Bersihkan sekarang )], kemudian tekan <SET>.
- Pilih [OK], kemudian tekan <SET>.
- ▶ Skrin akan menunjukkan pengesan sedang dibersihkan. (Bunyi perlahan boleh didengar.) Meskipun akan terdengar bunyi pengatup, tiada gambar diambil.

- Untuk hasil yang terbaik, lakukan pembersihan pengesan dengan kamera diletakkan menghadap ke atas dan berkedudukan stabil di atas meja atau permukaan rata yang lain.
- Walaupun anda mengulangi pembersihan pengesan, hasilnya tidak akan diperbaiki secara ketara. Sejurus selepas pembersihan pengesan selesai, pilihan [Clean now ] (Bersihkan sekarang )] akan masih dilumpuhkan buat sementara waktu.

### Melumpuhkan Pembersihan Pengesan Automatik

- Dalam langkah 2, pilih [Auto cleaning ] (Pembersihan auto) ] dan tetapkannya kepada [Disable (Lumpuhkan)].
- ▶ Pembersihan pengesan tidak akan dijalankan lagi apabila anda menetapkan suis kuasa kepada <ON> atau <OFF>.


## MENU Menambah Data Penghapusan Debu ☆

Biasanya, Unit Pegasan Pembersihan Kendiri akan melenyapkan kebanyakan debu yang mungkin kelihatan pada imej yang ditangkap. Namun, jika debu yang kelihatan masih ada, anda boleh menambahkan Data Penghapusan Debu kepada imej untuk memadamkan titik debu kemudian. Data Penghapusan Debu digunakan oleh Digital Photo Professional (perisian EOS, hlm.438) untuk memadam titik debu secara automatik.

### Persediaan


- Sediakan objek putih seperti sehelai kertas.
- Tetapkan panjang fokus lensa menjadi 50 mm atau lebih.
- Tetapkan suis mod fokus lensa pada <MF> dan tetapkan fokus kepada infiniti ( $\infty$ ). Jika lensa anda tidak mempunyai skala jarak, pusingkan kamera supaya menghadap anda dan putarkan gelang fokus mengikut arah jam sehingga habis.

### Mendapatkan Data Penghapusan Debu





#### 1 Pilih [Dust Delete Data (Data Penghapusan Debu)].

- Di bawah tab [Q3], pilih [Dust Delete Data (Data Penghapusan Debu)], kemudian tekan <SET>.



#### 2 Pilih [OK].


- Pilih [OK] dan tekan <SET>. Selepas pembersihan kendiri automatik pegasan dilakukan, satu mesej akan muncul. Walaupun terdengar bunyi pengatup semasa pembersihan, tiada gambar diambil.





### 3 Tangkap objek putih.

- Pada jarak 20 cm - 30 cm (0.7 kaki - 1.0 kaki), penuhi pemidang tilik dengan objek putih yang tidak bercorak dan ambil gambar.
- ▶ Gambar itu akan diambil dalam mod AE keutamaan apertur pada apertur f/22.
- Memandangkan imej tidak akan disimpan, data masih boleh didapatkan walaupun tiada kad dalam kamera ini.
- ▶ Semasa gambar diambil, kamera ini akan mula mengumpulkan Data Penghapusan Debu. Apabila Data Penghapusan Debu diperolehi, satu mesej akan muncul. Pilih **[OK]** dan menu akan muncul semula.
- Jika data tidak berjaya diperolehi, satu mesej ralat akan muncul. Ikuti prosedur "Persediaan" pada halaman sebelumnya, kemudian pilih **[OK]**. Ambil gambar sekali lagi.




## Data Penghapusan Debu

Selepas Data Penghapusan Debu diperolehi, ia ditambah pada semua imej JPEG dan RAW yang kemudian ditangkap. Sebelum satu rakaman yang penting, anda disarankan supaya memperbaharui Data Penghapusan Debu dengan memperolehnya sekali lagi.

Untuk butiran mengenai penggunaan Digital Photo Professional (perisian EOS) untuk memadamkan titik debu, rujuk kepada Manual Arahan Digital Photo Professional (hlm.440).


Data Penghapusan Debu yang ditambah pada gambar adalah sangat kecil sehingga ia tidak memberi kesan yang ketara terhadap saiz fail imej.

 Pastikan anda menggunakan objek putih seperti sehelai kertas putih yang baharu. Jika objek mempunyai sebarang corak atau rekaan, ia mungkin dikenali pasti sebagai data debu dan menjejaskan ketepatan penghapusan debu dengan perisian EOS.

## MENU Pembersihan Pengesan Manual ☆


Debu yang tidak boleh ditanggalkan dengan pembersihan pengesan automatik boleh ditanggalkan secara manual dengan peniup yang terdapat secara komersil, dll. Sebelum membersihkan pengesan, keluarkan lensa daripada kamera.

**Pengesan imej adalah sangat sensitif. Jika pengesan perlu dibersihkan secara terus, anda disarankan supaya membawanya ke Canon Service Center.**



### 1 Pilih [Sensor cleaning (Pembersihan pengesan)].

- Di bawah tab [3], pilih [Sensor cleaning (Pembersihan pengesan)], kemudian tekan <SET>.



### 2 Pilih [Clean manually (Bersihkan secara manual)].

- Pilih [Clean manually (Bersihkan secara manual)], kemudian tekan <SET>.



### 3 Pilih [OK].

- Pilih [OK], kemudian tekan <SET>.
- ▶ Dalam seketika, cermin refleks akan segera terkunci dan pengatup akan terbuka.
- "CLn" akan berkelip pada panel LCD.

### 4 Bersihkan pengesan.

### 5 Tamatkan pembersihan.

- Tetapkan suis kuasa kepada <OFF>.



Jika anda menggunakan bateri, pastikan ia dicas sepenuhnya.



Untuk sumber kuasa, menggunakan Kit Penyesuai AC ACK-E18 (dijual berasingan) adalah disarankan.

- **Semasa membersihkan pengesan, jangan sesekali lakukan perkara-perkara berikut. Jika kuasa terpadam, pengatup akan tutup dan tirai pengatup dan pengesan imej mungkin akan mengalami kerosakan.**
  - **Menetapkan suis kuasa kepada <OFF>.**
  - **Mengeluarkan atau memasang bateri.**
- Permukaan pengesan imej adalah sangat sensitif. Bersihkan pengesan dengan berhati-hati.
- Gunakan peniup biasa tanpa dipasangkan dengan sebarang berus. Berus boleh mencalarkan pengesan.
- Jangan masukkan hujung peniup ke dalam kamera melebihi cagak lensa. Jika kuasa terpadam, pengatup akan tutup dan tirai pengatup atau cermin refleks mungkin akan mengalami kerosakan.
- Jangan sesekali menggunakan udara atau gas yang dimampatkan untuk membersihkan pengesan. Daya tiupan boleh merosakkan pengesan atau gas penyembur boleh membeku pada pengesan dan mencalarkannya.
- Jika aras bateri menjadi rendah semasa membersihkan pengesan, beeper akan berbunyi sebagai amaran. Hentikan pembersihan pengesan.
- Jika ada kotoran yang tidak dapat dihilangkan dengan peniup, anda disarankan supaya pembersihan pengesan yang dilakukan oleh Canon Service Center.

# 10

## Main Balik Imej

Bab ini menerangkan fungsi yang berkaitan dengan melihat foto dan filem, dengan kegunaan yang lebih lanjut berbanding dengan dalam Bab 2 "Penangkapan dan Main Balik Gambar Asas". Di sini, anda akan menemui penjelasan tentang cara untuk main balik dan memadam foto dan filem dengan kamera dan melihatnya pada set TV.

**Imej ditangkap dan disimpan menggunakan peranti lain**

Kamera mungkin tidak boleh memaparkan imej yang ditangkap menggunakan kamera yang berbeza, diedit dengan komputer atau telah ditukar nama failnya dengan betul.

## ▶ Mencari Imej dengan Cepat

### 🗖 Memaparkan Berbilang Imej pada Satu Skrin (Paparans Indeks)

Cari imej dengan cepat menggunakan paparan indeks yang menunjukkan 4, 9, 36 atau 100 imej pada satu skrin.




#### 1 Main balik imej.

- Apabila anda menekan butang <▶>, imej terakhir yang ditangkap akan dipaparkan.



#### 2 Tukar kepada paparan indeks.

- Tekan butang <🗖>.
- ▶ Paparan indeks 4 imej akan muncul. Imej yang dipilih ditonjolkan dengan bingkai jingga.
- Menekan butang <🗖> akan menukar paparan seperti berikut:  
9 imej → 36 imej → 100 imej.
- Menekan butang <🗖> akan menukar paparan seperti berikut: 100 imej → 36 imej → 9 imej → 4 imej → 1 imej.




#### 3 Pilih imej.

- Putar dail <🌀> untuk menggerakkan bingkai jingga dan pilih imej. Anda juga boleh menekan kekunci <▲> <▼> atau <◀> <▶> untuk memilih imej.
- Putar dail <🔧> akan memaparkan imej pada skrin seterusnya atau yang sebelumnya.
- Tekan <SET> dalam paparan indeks untuk memaparkan imej yang dipilih pada paparan imej tunggal.


## 📷 Memintas Imej (Paparan Pintasan)

Pada paparan imej tunggal, anda boleh memutar dail <⚙️> untuk memintas imej ke depan atau ke belakang mengikut kaedah pintasan yang ditetapkan.



### 1 Pilih [Image jump w/⚙️ (Lompat imej dengan ⚙️)].

- Di bawah tab [▶️2], pilih [Image jump w/⚙️ (Lompat imej dengan ⚙️)], kemudian tekan <ⓈET>.



### 2 Pilih kaedah pintasan.

- Putar dail <⚙️> untuk memilih kaedah pintasan, kemudian tekan <ⓈET>.

📷: Paparkan imej satu demi satu

🕒: Lompat 10 imej

🕒: Lompat 100 imej

🕒: Paparkan mengikut tarikh

📁: Paparkan mengikut folder

🎬: Hanya paparkan filem

📷: Hanya paparkan imej pegun

★: Paparkan dengan penarafan imej (hlm.306)

Putar dail <⚙️> untuk memilih.



Kaedah pintasan

Kedudukan main balik

### 3 Semak lalu dengan memintas.


- Tekan butang <▶️> untuk bermain balik imej.
- Dalam paparan imej tunggal, putarkan dail <⚙️>.
- ▶️ Anda boleh menyemak lalu imej dengan kaedah yang telah ditetapkan.



- Untuk mencari imej mengikut tarikh penangkapan, pilih [Date (Tarikh)].
- Untuk mencari imej mengikut folder, pilih [Folder].
- Jika kad mengandungi filem dan foto pegun, pilih [Movies (Filem)] atau [Stills (Imej pegun)] untuk memaparkan hanya satu atau yang lain.
- Jika tiada imej yang sepadan dengan pilihan [Rating (Penarafan)], anda tidak boleh menyemak lalu imej dengan dail <⚙️>.

## Pandangan Diperbesar

Anda boleh membesarkan imej yang ditangkap sebanyak kira-kira 1.5x hingga 10x pada monitor LCD.




### 1 Besarkan imej.

- Tekan butang <🔍> semasa main balik imej.
- ▶ Imej akan dibesarkan.
- Jika anda menahan butang <🔍>, imej akan dibesarkan sehingga ia mencapai pembesaran maksimum.
- Tekan butang <🔍> untuk mengurangkan pembesaran. Jika anda menahan butang tersebut, pembesaran akan dikurangkan kepada paparan imej tunggal.



Posisi kawasan dibesarkan



### 2 Menatal di sekitar imej.

- Tekan kekunci <▲> <▼> atau <◀> <▶> untuk menatal imej yang dibesarkan mengikut arah yang ditekan.
- Untuk keluar dari pandangan diperbesar, tekan butang <▶> dan paparan imej tunggal akan muncul semula.



- Dalam pandangan diperbesar, anda boleh memutar dial <🌀> untuk melihat imej yang lain pada pembesaran yang sama.
- Imej tidak boleh diperbesar semasa semak imej sejurus selepas menangkap.
- Filem tidak boleh diperbesar.

## **Memain Balik dengan Skrin Sentuh**

Monitor LCD adalah panel sensitif sentuhan yang anda boleh sentuh dengan jari anda untuk pelbagai pengendalian main balik. **Mula-mula, tekan butang <▶> untuk memainkan balik imej.**

### Menyemak imej





### Leretkan dengan satu jari.

- Dengan paparan imej tunggal, sentuh monitor LCD dengan **satu jari**. Anda boleh menyemak imej seterusnya atau sebelumnya dengan meleretkan jari anda ke kiri atau kanan. Leret ke kiri untuk melihat imej seterusnya (lebih baharu) atau leret ke kanan untuk melihat imej sebelumnya (lebih lama).
- Dengan paparan indeks, sentuh juga monitor LCD dengan **satu jari**. Anda boleh melihat skrin seterusnya atau sebelumnya dengan meleretkan jari anda ke atas atau ke bawah. Leretkan ke atas untuk melihat imej seterusnya (terbaharu) atau leretkan ke bawah untuk melihat imej sebelumnya (terdahulu). Apabila anda memilih imej, bingkai jingga akan muncul. Ketik pada imej sekali lagi untuk memaparkannya sebagai imej tunggal.

### Memintas Imej (Paparan Pintasan)



### Leretkan dengan dua jari.

Sentuh monitor LCD dengan **dua jari**. Apabila anda meleretkan dua jari ke kiri atau kanan, anda boleh memintas imej dengan kaedah yang ditetapkan dalam **[Image jump w/  (Lompat imej dengan )]** di bawah tab [**▶2**].

## Mengurangkan Imej (Paparans Indeks)



### Dekatkan dua jari.

Sentuh skrin dengan dua jari yang berjauhan dan dekatkan jari anda pada skrin.

- Setiap kali anda mendekatkan jari, paparan imej tunggal akan berubah kepada paparan indeks.
- Apabila anda memilih imej, bingkai jingga akan muncul. Ketik pada imej sekali lagi untuk memaparkannya sebagai imej tunggal.

## Membesarkan Imej



### Jauhkan dua jari.


Sentuh skrin dengan dua jari berada berdekatan, kemudian jauhkan jari anda pada skrin.

- Apabila anda menjauhkan jari anda, imej akan dibesarkan.
- Imej boleh dibesarkan sehingga kira-kira 10x.
- Anda boleh menatal di sekitar imej dengan menarik jari anda.
- Untuk mengurangkan imej, dekatkan bersama jari anda pada skrin.
- Mengetik ikon [↶] akan mengembalikan ke paparan imej tunggal.



📄 Operasi skrin sentuh pada monitor LCD kamera juga boleh dilakukan semasa bermain balik imej pada set TV yang bersambung dengan kamera anda (hlm.320- 323).

## Memutarakan Imej

Anda boleh memutarakan imej yang dipaparkan kepada orientasi yang diinginkan.




### 1 Pilih [Rotate image (Putar imej)].

- Di bawah tab [ 1], pilih [Rotate image (Putar imej)], kemudian tekan < >.




### 2 Pilih imej.













- Putar dail < > untuk memilih imej yang akan diputar.
- Anda juga boleh memilih imej di dalam paparan indeks (hlm.300).



### 3 Putar imej.


- Setiap kali anda menekan < >, imej akan berputar mengikut arah jam seperti yang berikut: 90° → 270° → 0°.
- Untuk memutar imej lain, ulangi langkah 2 dan 3.
- Untuk keluar dan kembali ke menu, tekan butang, <MENU>.



- Jika anda menetapkan [ 1: Auto rotate (Putaran auto)] kepada [  ] (Hidup  ]) (hlm.287) sebelum mengambil tangkapan menegak, anda tidak perlu memutar imej seperti yang diterangkan di atas.
- Jika imej yang diputar tidak dipaparkan mengikut orientasi yang diputar semasa main balik imej, tetapkan [ 1: Auto rotate (Putaran auto)] kepada [  ] (Hidup  ]).
- Filem tidak boleh diputar.

## MENU Menetapkan Penarafan

Anda boleh menarafkan imej (foto pegun dan filem) dengan salah satu daripada lima tanda penarafan: [\*]/[\*]/[\*]/[\*]/[\*]. Fungsi ini dipanggil penarafan.



### 1 Pilih [Rating (Penarafan)].

- Di bawah tab [▶2], pilih [Rating (Penarafan)], kemudian tekan <SET>.



### 2 Pilih imej.

- Putar dail <⌚> untuk memilih imej atau filem yang ingin ditaraf, kemudian tekan <SET>.
- Dengan menekan butang <☑-Q>, anda boleh memilih imej dari paparan tiga imej. Untuk kembali ke paparan imej tunggal, tekan butang <+>.





### 3 Tarafkan imej.

- Tekan kekunci <▲> <▼> untuk memilih penarafan.
- ▶ Apabila anda memilih penarafan untuk imej, nombor di sebelah penarafan yang ditetapkan akan bertambah satu.
- Untuk menaraf imej lain, ulangi langkah 2 dan 3.
- Untuk kembali ke menu, tekan butang <MENU>.
















Sehingga 999 imej bagi setiap penarafan boleh dipaparkan. Jika terdapat lebih daripada 999 imej bagi setiap penarafan, [###] akan dipaparkan.

### **Memanfaatkan Penarafan**

- Dengan [▶2: **Image jump w/**  (**Lompat imej dengan** )], anda boleh memaparkan hanya imej yang mempunyai penarafan yang ditentukan.
- Dengan [▶2: **Slide show (Tayangan slaid)**], anda boleh bermain balik hanya imej yang mempunyai penarafan yang ditentukan.
- Dengan Digital Photo Professional (perisian EOS, hlm.438), anda boleh memilih imej dengan taraf tertentu sahaja (foto pegun sahaja).
- Dengan Windows 8.1, Windows 8, Windows 7, dll, anda boleh melihat penarafan setiap fail sebagai sebahagian dari paparan maklumat fail atau dalam alat lihat imej yang disediakan (foto pegun sahaja).


## Kawalan Cepat untuk Main Balik

Semasa main balik, anda boleh menekan butang <> untuk menetapkan yang berikut: [: **Protect images (Lindungi imej)**], []: Rotate image (Putar imej), []: **Rating (Penarafan)**, []: Creative filters (Penuras Kreatif), []: Resize (Tukar saiz) (Imej JPEG sahaja), []: Cropping (Pemotongan), []: **AF point display (Paparant titik AF)**, []: **Image jump w/  (Lompat imej dengan )**, []: **Wi-Fi function\* (Fungsi Wi-Fi\*)**]. Untuk filem, hanya fungsi dalam fon tebal di atas boleh ditetapkan.

\* Tidak boleh dipilih jika [: **Wi-Fi/NFC**] ditetapkan kepada [**Disable (Lumpuhkan)**].









### 1 Tekan butang <>.

- Semasa main balik imej, tekan butang <>.
- ▶ Pilihan Kawalan Cepat akan muncul.













### 2 Pilih fungsi dan tetapkannya.

- Tekan kekunci <> <> untuk memilih fungsi.
- ▶ Nama dan tetapan semasa bagi fungsi yang dipilih dipaparkan di bahagian bawah skrin.
- Tetapkannya dengan menekan kekunci <> <>.
- Apabila menetapkan penuras Kreatif (hlm.334), Tukar saiz (hlm.337), Pemotongan (hlm.339) atau Fungsi Wi-Fi, tekan juga <> untuk memuktamadkan tetapan.
- Lompat imej dengan : Tetapkan penarafan (hlm.306) dengan menekan butang <**INFO.**>.
- Untuk membatalkan, tekan butang <MENU>.

### 3 Keluar dari tetapan.

- Tekan butang <> untuk keluar dari skrin Kawalan Cepat.

 Untuk memutar imej, tetapkan [**ƒ1: Auto rotate (Putaran auto)**] kepada [**On   (Hidup  **)]. Jika [**ƒ1: Auto rotate (Putaran auto)**] ditetapkan kepada [**On (Hidup) **] atau [**Off (Mati)**], tetapan [** Rotate image (Putar imej)**] akan direkod pada imej, tetapi kamera tidak akan memutar imej untuk paparan.

-  • Menekan butang < > semasa paparan indeks akan menukarkan kepada paparan imej tunggal dan skrin Kawalan Cepat akan muncul. Menekan butang < > semula akan mengembalikan kepada paparan indeks.
- Untuk imej yang diambil dengan kamera lain, pilihan yang boleh anda pilih mungkin terhad.

## Menikmati Filem

Anda boleh memainkan balik filem melalui tiga cara berikut:

### **Main Balik pada Set TV** (hlm.320-323)



Guna kabel HDMI HTC-100 (dijual berasingan) atau kabel AV stereo AVC-DC400ST (dijual berasingan) untuk menyambungkan kamera kepada set TV. Kemudian anda boleh memainkan balik filem dan imej pegun yang ditangkap pada set TV.

Jika anda mempunyai set TV Definisi Tinggi dan menyambungkan kamera anda menggunakan kabel HDMI, anda boleh menonton filem Definisi Tinggi Penuh (Full HD: 1920x1080) dan Definisi Tinggi (HD: 1280x720) dengan kualiti imej yang lebih tinggi.

- Disebabkan perakam cakera keras tidak mempunyai terminal HDMI IN, kamera tidak boleh disambungkan kepada perakam cakera keras dengan kabel HDMI.
- Walaupun jika kamera disambungkan ke perakam cakera keras dengan kabel USB, filem dan foto pegun tidak boleh dimainkan atau disimpan.
- Jika peranti main balik tidak serasi dengan fail MP4, filem tidak boleh dimainkan balik.

### **Main Balik pada Monitor LCD Kamera** (hlm.312-319)



Anda boleh memainkan balik filem pada monitor LCD kamera. Anda juga boleh mengedit keluar babak awal dan akhir filem dan main balik foto pegun serta filem pada kad dalam tayangan slaid automatik.

- Filem yang disunting dengan komputer tidak boleh ditulis balik pada kad atau dimainkan balik dengan kamera.

## Main Balik dan Mengedit dengan Komputer



Untuk main balik atau menyunting filem, gunakan perisian yang telah dipasang atau untuk kegunaan am dan sesuai dengan format rakaman filem.



Jika anda ingin main balik atau menyunting filem dengan perisian yang boleh didapati secara komersil, gunakan perisian yang sesuai dengan filem berformat MP4. Untuk butiran mengenai perisian yang tersedia secara komersil, hubungi pengeluar perisian.

## Memain Balik Filem



### 1 Main balik imej.

- Tekan butang <▶> untuk memaparkan imej.

### 2 Pilih filem.

- Putar dail <⦿> untuk memilih filem yang akan dimain balik.
- Dalam paparan imej tunggal, ikon <SET ▶> yang dipaparkan di sebelah kiri bahagian atas skrin menunjukkan filem. Jika filem tersebut adalah snapshot video, <SET ▶> akan dipaparkan.
- Dalam paparan indeks, tebukani di tepi kiri lakaran menandakan filem.

**Sebab filem tidak boleh dimain balik daripada paparan indeks, tekan <SET> untuk menukar kepada paparan imej tunggal.**

### 3 Di paparan imej tunggal, tekan <SET>.


- ▶ Panel main balik filem akan muncul di bahagian bawah skrin.


### 4 Mainkan balik filem.

- Pilih [▶] (Mainkan), kemudian tekan <SET>.
- ▶ Filem akan mula dimainkan balik.
- Anda boleh menjeda main balik filem dengan menekan <SET>.
- Anda boleh melaraskan kelantangan suara dengan memutar dail <⦿> walaupun semasa main balik filem.
- Untuk maklumat lanjut mengenai prosedur main balik, lihat halaman seterusnya.



Pembesar suara



 Kamera mungkin tidak boleh main balik filem yang dirakam dengan kamera lain.

## Panel Main Balik Filem

Operasi	Penerangan Main Balik
 <b>Play (Main)</b>	Menekan <ⓈET> akan menukar antara main dan berhenti.
 <b>Slow motion (Gerakan perlahan)</b>	Laraskan kelajuan gerakan perlahan dengan menekan kekunci <◀> <▶>. Kelajuan gerakan perlahan ditunjukkan di sebelah kanan bahagian atas skrin.
 <b>First frame (Bingkai pertama)</b>	Memainkan bingkai pertama filem.
 <b>Previous frame (Bingkai sebelumnya)</b>	Setiap kali anda menekan <ⓈET>, bingkai sebelumnya dipaparkan. Jika anda menahan <ⓈET>, ia akan memutar kembali filem.
 <b>Next frame (Bingkai berikutnya)</b>	Setiap kali anda menekan <ⓈET>, filem akan memainkan bingkai demi bingkai. Jika anda menahan <ⓈET>, ia akan memaju cepat filem.
 <b>Last frame (Bingkai terakhir)</b>	Memainkan bingkai terakhir filem.
 <b>Background music (Muzik latar belakang)*</b>	Main balik filem dengan muzik latar belakang yang dipilih (hlm.319).
 <b>Edit</b>	Paparkan skrin mengedit (hlm.314).
	Kedudukan main balik
<b>mm' ss"</b>	Masa main balik (minit:saat)
 <b>Volume (Kelantangan)</b>	Putar dail <🔊> untuk melaraskan kelantangan pembesar suara terbina dalam (hlm.312).
 <b>MENU</b> 	Tekan butang <MENU> untuk kembali ke paparan imej tunggal.

\* Apabila muzik latar belakang ditetapkan, bunyi filem tidak akan dimainkan balik.



- Dengan Pek Bateri LP-E17 yang dicas penuh, masa main balik yang berterusan pada suhu bilik (23°C / 73°F) adalah selama kira-kira 2 jam 20 minit.
- Jika anda menyambungkan kamera dengan set TV untuk memainkan balik filem (hlm.320, 323), laraskan kelantangan suara dengan set TV. (Memutar dail <🔊> tidak akan mengubah kelantangan suara.)
- Jika anda menangkap foto pegun semasa anda merakam filem, foto pegun akan dipaparkan selama kira-kira 1 saat semasa main balik filem.

## Main Balik menggunakan Skrin Sentuh



Ketik [▶] pada pusat skrin.

- ▶ Filem akan mula dimainkan balik.
- Untuk memaparkan panel main balik filem, ketik <SET [▶]> di sebelah kiri bahagian atas skrin.
- Untuk menjeda filem semasa ia dimain balik, ketik pada skrin. Panel main balik filem akan muncul juga.

## ⌘ Mengedit Babak Pertama dan Terakhir Filem

Anda boleh mengedit keluar babak pertama dan terakhir dalam filem dalam kenaikan kira-kira 1 saat.



1 Pada skrin main balik filem, pilih [⌘].

- ▶ Panel penyuntingan filem akan dipaparkan di bahagian bawah skrin.



2 Tentukan bahagian yang akan disunting keluar.

- Pilih sama ada [⌘] (Potong awal) atau [⌘] (Potong akhir), kemudian tekan <SET>.
- Tekan kekunci <◀> <▶> untuk melihat bingkai sebelum atau seterusnya. Menahan kekunci akan memaju cepat atau memutar kembali bingkai. Putar dail <⌚> untuk main balik bingkai demi bingkai.
- Selepas menentukan bahagian yang akan disunting keluar, tekan <SET>. Bahagian yang disorotkan dengan warna kelabu di bahagian atas skrin akan kekal.





### 3 Periksa filem yang disunting.

- Pilih [▶] dan tekan <SET> untuk bermain balik filem yang disunting.
- Untuk menukar suntingan, kembali ke langkah 2.
- Untuk membatalkan suntingan, tekan butang <MENU>, kemudian pilih [OK] pada dialog pengesahan.



### 4 Simpan filem yang telah disunting.


- Pilih [📄], kemudian tekan <SET>.
- ▶ Skrin simpan akan muncul.
- Untuk menyimpannya sebagai filem yang baru, pilih [**New file (Fail baharu)**]. Untuk menyimpannya dan menulis ganti fail asal, pilih [**Overwrite (Tulis ganti)**], kemudian tekan <SET>.
- Pada dialog pengesahan, pilih [OK], kemudian tekan <SET> untuk menyimpan filem yang disunting dan kembali ke skrin main balik filem.




- Sebab suntingan dilakukan dalam kenaikan kira-kira 1 saat (kedudukan ditunjukkan dengan [✂] pada bahagian atas skrin), kedudukan sebenar di mana filem disunting mungkin berbeza daripada kedudukan yang anda tentukan.
- Jika kad tidak mempunyai ruang kosong yang cukup, [**New file (Fail baharu)**] tidak akan tersedia.
- Apabila aras bateri adalah rendah, pengeditan filem tidak boleh dilakukan. Gunakan bateri yang dicas sepenuhnya.

## MENU Tayangan Slaid (Main Balik Auto)

Anda boleh memainkan balik imej pada kad sebagai tayangan slaid automatik.



Bilangan imej  
untuk dimainkan balik



### 1 Pilih [Slide show (Tayangan slaid)].

- Di bawah tab [▶2], pilih [Slide show (Tayangan slaid)], kemudian tekan <SET>.

### 2 Pilih imej untuk dimainkan balik.

- Tekan kekunci <▲> <▼> untuk memilih pilihan yang diinginkan, kemudian tekan <SET>.


### All images (Semua imej)/ Movies (Filem)/ Stills (Imej pegun)

- Tekan kekunci <▲> <▼> untuk memilih salah satu daripada yang berikut: [📁 All images (Semua imej)] [🎞 Movies (Filem)] [📷 Stills (Foto pegun)]. Kemudian tekan <SET>.

### Date (Tarikh)/Folder/Rating (Penarafan)

- Tekan kekunci <▲> <▼> untuk memilih salah satu daripada yang berikut: [📅 Date (Tarikh)] [📁 Folder] [★ Rating (Penarafan)].
- Apabila <INFO> [✓] disorotkan, tekan butang <INFO>.
- Tekan kekunci <▲> <▼> untuk memilih pilihan, kemudian tekan <SET>.

[Date (Tarikh)]










[Folder]



[Rating (Penarafan)]




Item	Penerangan Main Balik
 <b>All images (Semua imej)</b>	Semua foto pegun dan filem pada kad akan dimainkan balik.
 <b>Date (Tarikh)</b>	Foto pegun dan filem yang diambil pada tarikh penangkapan yang dipilih akan dimainkan balik.
 <b>Folder</b>	Foto pegun dan filem dalam folder yang dipilih akan dimainkan semula.
 <b>Movies (Filem)</b>	Hanya filem pada kad akan dimainkan balik.
 <b>Stills (Imej pegun)</b>	Hanya foto pegun pada kad akan dimainkan balik.
 <b>Rating (Penarafan)</b>	Hanya foto pegun dan filem dengan penarafan yang dipilih akan dimainkan balik.




### 3 Konfigurasikan [Set up (Persediaan)] seperti yang diinginkan.

- Tekan kekunci <▲> <▼> untuk memilih [Set up (Persediaan)], kemudian tekan <SET>.
- Tetapkan [Display time (Waktu paparan)], [Repeat (Ulang)] (main balik ulangan), [Transition effect (Kesan Transisi)] (kesan apabila menukar imej), dan [Background music (Muzik latar belakang)] untuk foto pegun.
- Prosedur muzik latar belakang pilihan diterangkan di halaman 319.
- Selepas memilih tetapan, tekan butang <MENU>.


#### [Display time (Waktu paparan)]





#### [Repeat (Ulang)]



[Transition effect  
(Kesan Transisi)]



[Background music  
(Muzik latar belakang)]



#### 4 Mulakan tayangan slaid.

- Tekan kekunci <▲><▼> untuk memilih [**Start (Mula)**], kemudian tekan <SET>.
- ▶ Selepas [**Loading image...(Memuat imej)**] dipaparkan, tayangan slaid akan dimulakan.

#### 5 Keluar dari tayangan slaid.

- Untuk keluar dari tayangan slaid dan kembali ke skrin tetapan, tekan butang <MENU>.

- Untuk menjeda tayangan slaid, tekan <SET>. Semasa jeda, [III] akan dipaparkan di sebelah kiri bahagian atas imej. Tekan <SET> semula untuk menyambung tayangan slaid. Anda juga boleh menjeda tayangan slaid dengan menyentuh skrin.
- Semasa main balik auto, anda boleh menekan butang <INFO.> untuk menukar format paparan foto pegun (hlm.108).
- Semasa main balik filem, anda boleh melaraskan kelantangan suara dengan memutar dail <🔊>.
- Semasa main balik auto atau jeda, anda boleh memutar dail <🕒> untuk melihat imej lain.
- Semasa main balik auto, kuasa terpadam secara auto tidak akan berfungsi.
- Masa paparan mungkin berbeza bergantung pada imej.
- Untuk melihat tayangan slaid pada set TV, lihat halaman 320.

## Memilih Muzik Latar Belakang

Selepas anda menggunakan EOS Utility (perisian EOS) untuk menyalin muzik latar belakang kepada kad, anda boleh memainkan muzik latar belakang bersama tayangan slaid.



### 1 Pilih [Background music (Muzik latar belakang)].

- Tetapkan [**Background music (Muzik latar belakang)**] kepada [**On (Hidup)**], kemudian tekan <SET>.
- Jika kad tersebut tidak mempunyai muzik latar belakang, anda tidak boleh melakukan langkah 2.

### 2 Pilih muzik latar belakang.

- Tekan kekunci <▲> <▼> untuk memilih muzik latar belakang yang diinginkan, kemudian tekan <SET>. Anda juga boleh memilih beberapa trek muzik latar belakang.

### 3 Mainkan muzik latar belakang.

- Untuk mendengar sampel muzik latar belakang, tekan butang <INFO.>.
- Tekan kekunci <▲> <▼> untuk memainkan trek muzik latar belakang lain. Untuk berhenti mendengar muzik latar belakang, tekan butang <INFO.> semula.
- Laraskan kelantangan suara dengan memutar dail <BUNGA>.
- Untuk memadam trek muzik latar belakang, tekan kekunci <▲> <▼> dan pilih trek tersebut, kemudian tekan butang <TRASH>.



Pada masa pembelian, kamera tidak mempunyai muzik latar belakang. Prosedur untuk menyalin muzik latar belakang kepada kad diterangkan dalam Manual Arahan EOS Utility (hlm.440).


# Melihat Imej pada Set TV

Anda boleh melihat foto pegun dan filem pada set TV.

- Jika format sistem video tidak sepadan dengan TV, filem tidak akan dimainkan dengan baik. Jika ini berlaku, tukar kepada format sistem video yang sesuai dengan [**Ƴ3: Video system (Sistem video)**].
- Jika [**Ƴ1: Wi-Fi/NFC**] ditetapkan kepada [**Enable (Aktif)**], kamera tidak boleh disambungkan ke set TV. Tetapkan [**Wi-Fi/NFC**] kepada [**Disable (Lumpuhkan)**], kemudian sambungkan semula kamera ke set TV dengan kabel HDMI atau kabel stereo AV.


## Melihat pada Set TV Definisi Tinggi (HD) (Bersambung dengan HDMI)

Kabel HTC-100 HDMI (dijual berasingan) diperlukan.



### 1 Sambungkan kabel HDMI ke kamera.

- Dengan logo palam <▲HDMI MINI> menghadap ke bahagian depan kamera, masukkan ke dalam terminal <HDMI OUT>.




### 2 Sambungkan kabel HDMI kepada set TV.

- Sambungkan kabel HDMI kepada port IN HDMI set TV.

### 3 Hidupkan set TV dan tukar input video set TV untuk memilih port yang disambungkan.

### 4 Tetapkan suis kuasa kamera kepada <ON>.

- Laraskan kelantangan suara filem dengan set TV. kelantangan suara tidak boleh dilaraskan dengan kamera.
- Sebelum menyambung atau mencabut kabel antara kamera dan set TV, matikan kamera dan set TV.
- Bergantung pada set TV, sesetengah bahagian imej yang dipaparkan mungkin dipotong.



## 5 Tekan butang <▶>.

- ▶ Imej akan muncul di skrin TV. (Tiada apa-apa yang akan dipaparkan pada monitor LCD kamera.)
- Imej akan dipaparkan secara automatik pada resolusi optimum set TV.
- Dengan menekan butang <INFO.>, anda boleh menukar format paparan.
- Untuk main balik filem, lihat halaman 312.



Imej tidak boleh menjadi output pada masa yang sama daripada kedua-dua terminal <HDMI OUT> dan <A/V OUT>.




- Jangan sambungkan sebarang output peranti dengan terminal <HDMI OUT> kamera. Berbuat demikian mungkin menyebabkan kepincangan.
- Sesetengah set TV mungkin tidak boleh memaparkan filem yang diambil. Dalam keadaan ini, gunakan kabel AV stereo AVC-DC400ST (dijual berasingan) untuk bersambung dengan set TV.

## Menggunakan Set TV HDMI CEC

Jika set TV yang disambungkan ke kamera dengan kabel HDMI serasi dengan HDMI CEC\*, anda boleh menggunakan kawalan jauh set TV untuk pengendalian main balik.

\* Fungsi standard HDMI membolehkan peranti HDMI untuk mengawal satu sama lain supaya anda dapat mengawal mereka dengan satu unit kawalan jauh.



## 1 Tetapkan [Ctrl over HDMI (Mengawal melalui HDMI)] kepada [Enable (Aktif)].

- Di bawah tab [▶2], pilih [Ctrl over HDMI (Mengawal melalui HDMI)], kemudian tekan <SET>.
- Pilih [Enable (Aktif)], kemudian tekan <SET>.

## 2 Sambungkan kamera ke set TV.

- Gunakan kabel HDMI untuk menyambungkan kamera ke set TV.
- ▶ Input set TV akan bertukar secara automatik kepada port HDMI yang disambungkan ke kamera. Jika input set TV tidak bertukar secara automatik, gunakan alat kawalan jauh set TV untuk memilih port HDMI IN yang bersambung dengan kamera.

## 3 Tekan butang <▶> kamera.

- ▶ Imej akan muncul pada skrin TV dan anda boleh menggunakan alat kawalan jauh TV untuk main balik imej.

## 4 Pilih imej.

- Halakan alat kawalan jauh ke arah set TV dan tekan butang ←/→ untuk memilih imej.

### Menu main balik foto pegun



### Menu main balik filem



- ↶ : Kembali
- ☐☐☐ : Indeks 9 imej
- 🎥 : Mainkan filem
- ▶ : Tayangan slaid
- INFO. : Memaparkan maklumat penangkapan
- 📷 : Putar


## 5 Tekan butang Enter alat kawalan jauh.

- ▶ Menu muncul dan anda boleh menjalankan operasi main balik yang ditunjukkan di sebelah kiri.
- Tekan butang ←/→ untuk memilih pilihan yang diingini, kemudian tekan butang Enter. Untuk tayangan slaid, tekan butang ↑/↓ alat kawalan jauh untuk memilih pilihan, kemudian tekan butang Enter.
- Jika anda memilih [**Return (Kembali)**] dan menekan butang Enter, menu akan hilang dan anda boleh menggunakan butang ←/→ untuk memilih imej.

- 📷 ● Sesetengah set TV memerlukan anda untuk membolehkan dahulu sambungan HDMI CEC. Untuk butiran, rujuk kepada manual arahan set TV.
- Set TV tertentu walaupun serasi dengan HDMI CEC, mungkin tidak beroperasi dengan baik. Dalam keadaan ini, tetapkan [**▶2: Ctrl over HDMI (Mengawal melalui HDMI)**] kepada [**Disable (Lumpuhkan)**], dan gunakan kamera untuk mengawal operasi main balik.


## Melihat pada Set TV Bukan Definisi Tinggi (Disambungkan dengan kabel AV)

Kabel AV stereo AVC-DC400ST (dijual berasingan) diperlukan.



### 1 Sambungkan kabel AV ke kamera.

- Dengan logo plag <Canon> menghadap ke bahagian belakang kamera, masukkan ke dalam terminal <A/V OUT>.



### 2 Sambungkan kabel AV ke set TV.


- Sambungkan kabel AV ke terminal IN video set TV dan terminal IN audio.

### 3 Hidupkan set TV dan tukar input video set TV untuk memilih port yang disambungkan.

### 4 Tetapkan suis kuasa kamera kepada <ON>.

### 5 Tekan butang <▶>.

- ▶ Imej akan muncul di skrin TV. (Tiada apa-apa yang akan dipaparkan pada monitor LCD kamera.)
- Untuk main balik filem, lihat halaman 312.




⚠ Jangan gunakan sebarang kabel AV selain daripada Kabel AV stereo AVC-DC400ST (dijual berasingan). Filem mungkin tidak boleh dimainkan jika anda menggunakan kabel berlainan.



## Melindungi Imej


Anda boleh menetapkan perlindungan untuk mengelakkan imej yang berharga daripada dipadamkan secara tidak sengaja.

### **MENU** Melindungi Imej Tunggal



#### 1 Pilih [**Protect images (Lindungi imej)**].

- Di bawah tab [ 1], pilih [**Protect images (Lindungi imej)**], kemudian tekan < >.








#### 2 Pilih [**Select images (Pilih imej)**].

- Pilih [**Select images (Pilih imej)**], kemudian tekan < >.
- ▶ Imej akan dipaparkan.

Ikun melindungi imej




#### 3 Lindungi imej.

- Putar dail < > untuk memilih imej yang akan dilindungi, kemudian tekan < >.
- ▶ Imej akan dilindungi, dan ikon < > akan muncul di bahagian atas skrin.
- Untuk membatalkan perlindungan imej, tekan < > semula. Ikon < > akan hilang.
- Untuk melindungi imej lain, ulangi langkah 3.
- Untuk kembali ke menu, tekan butang <MENU>.

## MENU Melindungi Semua Imej dalam Folder atau pada Kad

Anda boleh melindungi semua imej dalam folder atau pada kad secara serentak.



Apabila anda memilih [**All images in folder (Semua imej dalam folder)**] atau [**All images on card (Semua imej dalam kad)**] di dalam [**1: Protect images (Lindungi imej)**], semua imej dalam folder atau pada kad akan dilindungi. Untuk membatalkan perlindungan imej, pilih [**Unprotect all images in folder (Nyahlindung semua imej dalam folder)**] atau [**Unprotect all images on card (Nyahlindung semua imej dalam kad)**].

**!** Jika anda memformat kad (hlm.65), imej yang dilindungi juga akan dipadamkan.



- Filem juga boleh dilindungi.
- Sebaik sahaja imej dilindungi, ia tidak boleh dipadamkan oleh fungsi padam kamera. Untuk memadamkan imej yang dilindungi, anda mesti membatalkan perlindungan tersebut terlebih dahulu.
- Jika anda memadamkan semua imej (hlm.327), hanya imej yang dilindungi akan kekal. Ini lebih mudah apabila anda ingin memadamkan imej yang tidak perlu sekali gus.

## Memadamkan Imej

Anda boleh sama ada memilih dan memadamkan imej yang tidak perlu satu demi satu atau memadamkannya dalam satu kelompok. Imej yang dilindungi (hlm.324) tidak akan dipadamkan.

- 1 **Apabila imej telah dipadamkan, ia tidak boleh dikembalikan semula. Pastikan anda tidak memerlukan lagi imej tersebut sebelum memadamkannya. Untuk mengelakkan imej daripada terpadam secara tidak sengaja, lindunginya. Memadamkan imej RAW+JPEG akan memadamkan kedua-dua imej RAW dan JPEG.**

### Memadamkan Imej Tunggal




1 Main balik imej untuk dipadamkan.

2 Tekan butang .

- ▶ Menu Padam akan muncul.




3 Padam imej.



- Pilih [Erase (Padam)], kemudian tekan . Imej yang dipaparkan akan dipadamkan.


### **MENU** Tanda semak <✓> Imej untuk Dipadamkan dalam satu Kelompok

Dengan menambahkan tanda semak <✓> pada imej yang akan dipadamkan, anda boleh memadam beberapa imej secara serentak.



1 Pilih [Erase images (Padam imej)].

- Di bawah tab [ 1], pilih [Erase images (Padam imej)], kemudian tekan .




## 2 Pilih [Select and erase images (Pilih dan padam imej)].

- Pilih [Select and erase images (Pilih dan padam imej)], kemudian tekan <SET>.
- ▶ Imej akan dipaparkan.



## 3 Pilih imej yang akan dipadamkan.

- Putar dial <DIAL> untuk memilih imej untuk dipadamkan, kemudian tekan <SET>.
- ▶ Tanda semak <✓> akan dipaparkan di sebelah kiri bahagian atas skrin.
- Dengan menekan butang <Q>, anda boleh memilih imej dari paparan tiga imej. Untuk kembali ke paparan imej tunggal, tekan butang <Q>.
- Untuk memilih imej lain untuk dipadamkan, ulangi langkah 3.



## 4 Padam imej.

- Tekan butang <Erase>.
- Pilih [OK], kemudian tekan <SET>.
- ▶ Imej yang dipilih akan dipadamkan.

### **MENU** Memadamkan Semua Imej dalam Folder atau pada Kad

Anda boleh memadamkan semua imej dalam folder atau pada kad secara serentak. Apabila [1: Erase images (Padam imej)] ditetapkan kepada [All images in folder (Semua imej dalam folder)] atau [All images on card (Semua imej dalam kad)], semua imej dalam folder atau pada kad akan dipadamkan.


Untuk memadamkan semua imej termasuk imej yang dilindungi, formatkan kad (hlm.65).

# INFO.: Paparan Maklumat Penangkapan

Maklumat yang dipaparkan berbeza bergantung pada mod dan tetapan penangkapan.

## Contoh Maklumat untuk Gambar Pegun

### ● Paparan maklumat asas



- **Paparan maklumat penangkapan**


- **Maklumat terperinci**



- \* Apabila anda menangkap dalam kualiti imej [RAW + ], saiz fail RAW akan dipaparkan.
- \* Semasa fotografi denyar tanpa pampasan pendedahan denyar, < > akan dipaparkan.
- \* < > akan dipaparkan untuk imej yang ditangkap dengan Pengurangan Hingar Berbilang Tangkapan.
- \* Untuk foto pegun yang diambil semasa rakaman filem, < > akan dipaparkan.
- \* Jika penuras Kreatif atau penukaran saiz digunakan pada imej dan kemudian disimpan, < > akan dipaparkan.
- \* Untuk imej yang dipotong, < > dan < > akan dipaparkan.

Jika imej diambil menggunakan kamera lain, sesetengah maklumat penangkapan mungkin tidak akan dipaparkan.

• **Maklumat lensa/histogram**



• **Maklumat white balance**



• **Maklumat Gaya Gambar**



• **Maklumat ruang warna/ pengurangan hingar**



• **Maklumat pembetulan penyimpangan lensa**




• **Maklumat GPS**



UTC (Waktu Seragam Sejagat)

📶 Jika maklumat GPS tidak direkodkan untuk imej tersebut, skrin maklumat GPS tidak akan dipaparkan.

## Contoh Paparan Maklumat Filem



- \* Jika pendedahan manual digunakan, kelajuan pengatup, apertur dan kelajuan ISO (apabila ditetapkan secara manual) akan dipaparkan.
- \* Ikon <[Snapshot Icon]> akan dipaparkan untuk snapshot video.
- \* Ikon <[H.264 Icon]> akan dipaparkan untuk filem HDR.
- \* Ikon <[Miniature Icon]> akan dipaparkan untuk filem kesan Miniatur.

### ● AF Point Display (Paparan Titik AF)

Apabila [▶2: AF point disp. (Paparan titik AF)] ditetapkan kepada [Enable (Aktif)], titik AF yang mencapai fokus akan dipaparkan dengan warna merah. Jika pemilihan titik AF automatik ditetapkan, titik AF berbilang mungkin akan dipaparkan.

- **Highlight Alert (Isyarat Sorotan)**

Apabila maklumat penangkapan dipaparkan, mana-mana kawasan pendedahan berlebihan pada imej akan berkelip. Untuk mendapatkan lebih banyak butiran imej dalam kawasan terlalu didedahkan yang berkelip tersebut, tetapkan pampasan pendedahan kepada jumlah negatif dan tangkap semula.

- **Histogram**

Kecerahan histogram menunjukkan pengagihan aras pendedahan dan kecerahan keseluruhan. Histogram RGB adalah untuk memeriksa ketepatan dan peringkatan warna. Paparan boleh ditukarkan dengan [▶2: **Histogram disp (Paparan histogram)**].

### Paparan [Brightness (Kecerahan)]

Histogram ialah graf yang menunjukkan pengagihan aras kecerahan imej. Paksi mendatar menunjukkan aras kecerahan (lebih gelap di sebelah kiri dan lebih cerah di sebelah kanan), sementara paksi menegak menunjukkan berapa banyak piksel yang wujud untuk setiap aras kecerahan. Lebih banyak piksel terdapat ke arah kiri, lebih gelap imej tersebut. Lebih banyak piksel terdapat ke arah kanan, lebih cerah imej tersebut. Jika terdapat terlalu banyak piksel di sebelah kiri, maklumat bayangan akan hilang. Jika terdapat terlalu banyak piksel di sebelah kanan, maklumat sorotan akan hilang. Peringkatan di tengah akan dihasilkan semula. Dengan memeriksa imej dan histogram kecerahannya, anda dapat melihat kecenderungan aras pendedahan dan keseluruhan peringkatan.

#### Sampel Histogram



Imej gelap



Kecerahan normal



Imej cerah

### Paparan [RGB]

Histogram ialah graf yang menunjukkan pengagihan aras setiap kecerahan warna primer dalam imej (RGB atau merah, hijau dan biru). Paksi mendatar menunjukkan aras kecerahan warna (lebih gelap di sebelah kiri dan lebih cerah di sebelah kanan), sementara paksi menegak menunjukkan berapa banyak piksel yang wujud untuk setiap aras kecerahan. Lebih banyak piksel terdapat ke arah kiri, lebih gelap dan kurang utama warnanya. Lebih banyak piksel terdapat ke arah kanan, lebih cerah dan lebih pekat warnanya. Jika terdapat terlalu banyak warna di sebelah kiri, maklumat warna tersebut akan berkurangan. Jika terdapat terlalu banyak warna di sebelah kanan, warna akan menjadi terlalu pekat tanpa peringkatan. Dengan memeriksa histogram RGB imej, anda dapat melihat keadaan ketepatan dan peringkatan warna, begitu juga dengan kecenderungan white balance.

# 11


## Imej Pasca Pemprosesan

Selepas mengambil gambar, anda boleh mengenakan penuras Kreatif, menukar saiz imej JPEG (mengurangkan bilangan piksel) atau memotong imej tersebut.

- Kamera mungkin tidak boleh memproses imej yang diambil dengan kamera lain.
- Imej pasca pemprosesan seperti yang diterangkan dalam bab ini tidak boleh dilakukan semasa kamera telah bersambung ke komputer melalui terminal <DIGITAL>.

# Menggunakan Penuras Kreatif

Anda boleh mengenakan penuras Kreatif berikut pada imej dan menyimpannya sebagai imej baharu: Hitam/Putih berbintik, Fokus lembut, kesan Mata ikan, kesan Seni tebal, kesan Lukisan air, kesan Kamera mainan dan kesan Miniatur.



## 1 Pilih [Creative filters (Penuras Kreatif)].

- Di bawah tab [1], pilih [Creative filters (Penuras Kreatif)], kemudian tekan <SET>.
- ▶ Imej akan dipaparkan.



## 2 Pilih imej.

- Pilih imej yang anda ingin mengenakan penuras.
- Dengan menekan butang <Q>, anda boleh bertukar ke paparan indeks dan memilih imej.



## 3 Pilih penuras.

- Apabila menekan <SET>, jenis penuras Kreatif akan dipaparkan (hlm.335).
- Tekan kekunci <◀> <▶> untuk memilih penuras, kemudian tekan <SET>.
- ▶ Imej akan dipaparkan dengan kesan penuras yang dikenakan.



## 4 Laraskan kesan penuras.

- Tekan kekunci <◀> <▶> untuk melaraskan kesan penuras, kemudian tekan <SET>.
- Untuk kesan Miniatur, tekan kekunci <▲> <▼> dan pilih kawasan imej (dalam bingkai putih) yang anda ingin imej kelihatan tajam, kemudian tekan <SET>.



## 5 Simpan Imej.

- Pilih [OK] untuk menyimpan imej.
- Periksa folder destinasi dan nombor fail imej, kemudian pilih [OK].
- Untuk mengenakan penuras pada imej lain, ulangi langkah 2 hingga 5.
- Untuk kembali ke menu, tekan butang <MENU>.



- Apabila menangkap imej **RAW**+**L** atau **RAW**, kesan penuras akan dikenakan pada imej **RAW** dan imej akan disimpan sebagai imej JPEG.
- Jika nisbah bidang telah ditetapkan untuk imej **RAW** dan kesan penuras dikenakan padanya, imej akan disimpan dalam nisbah bidang yang ditetapkan.
- Data Penghapusan Debu (hlm.296) tidak akan ditambah pada imej yang menggunakan kesan Mata ikan.

## Ciri-ciri Penuras Kreatif

- **Grainy B/W (Hitam/Putih Berbintik)**  
Mencipta foto hitam dan putih yang berbintik. Anda boleh menukar kesan hitam dan putih dengan melaraskan kontras.
- **Soft focus (Fokus lembut)**  
Memberikan imej rupa yang lembut. Anda boleh menukar aras kelembutan dengan melaraskan kekaburan.

-  **Fish-eye effect (Kesan Mata ikan)**

Memberikan kesan lensa mata ikan. Imej akan mempunyai herotan jenis cerompong.


Bergantung pada aras kesan penuras ini, kawasan yang dipangkas sepanjang sisi imej akan bertukar. Juga, oleh kerana kesan penuras akan membesarkan bahagian tengah imej, resolusi jelas pada bahagian tengah mungkin menurun bergantung pada bilangan piksel direkod. Tetapkan kesan penuras dalam langkah 4 semasa memeriksa imej yang terhasil.

-  **Art bold effect (Kesan Seni tebal)**

Membuat foto kelihatan seperti lukisan minyak dan subjek kelihatan lebih tiga dimensi. Anda boleh melaraskan kontras dan ketepuan. Ambil perhatian bahawa langit, dinding putih dan subjek yang sama, mungkin tidak boleh disediakan dengan peringkatan lancar dan mungkin kelihatan tidak sekata atau mempunyai hingar yang ketara.


-  **Water painting effect (Kesan Lukisan air)**

Membuat gambar kelihatan seperti lukisan cat air dengan warna lembut. Anda boleh mengawal ketumpatan warna dengan melaraskan kesan penuras. Ambil perhatian bahawa pemandangan malam atau pemandangan gelap mungkin tidak boleh disediakan dengan peringkatan lancar dan mungkin kelihatan tidak sekata atau mempunyai hingar yang ketara.

-  **Toy camera effect (Kesan Kamera mainan)**


Menggelapkan sudut foto dan menggunakan ton warna yang menjadikan ia kelihatan seolah-olah ia ditangkap oleh kamera mainan. Anda boleh menukar kas warna dengan melaraskan ton warna.

-  **Miniature effect (Kesan Miniatur)**



Mencipta kesan diorama. Anda boleh menukar bahagian imej yang kelihatan tajam. Dalam langkah 4, jika anda menekan butang <INFO.> (atau mengetik pada ) di bahagian bawah skrin), anda boleh menukar antara orientasi bingkai putih yang menegak dan mendatar.

## Menukar saiz Imej JPEG

Anda boleh menukar saiz imej JPEG untuk membuatkan bilangan piksel menjadi lebih rendah dan menyimpannya sebagai imej baharu. Menukar saiz imej hanya boleh dilakukan dengan imej JPEG **L/M/S1/S2**. Imej JPEG **S3** dan **RAW** tidak boleh ditukar saiz.





### 1 Pilih [Resize (Tukar saiz)].

- Di bawah tab [1], pilih [**Resize (Tukar saiz)**], kemudian tekan <SET>.
- ▶ Imej akan dipaparkan.





### 2 Pilih imej.

- Pilih imej yang anda ingin tukar saiz.
- Dengan menekan butang <••>, anda boleh bertukar ke paparan indeks dan memilih imej.



### 3 Pilih saiz imej yang diinginkan.

- Tekan <SET> untuk memaparkan saiz imej.
- Tekan kekunci <◀> <▶> untuk memilih saiz imej yang diinginkan, kemudian tekan <SET>.



### 4 Simpan Imej.

- Pilih [**OK**] untuk menyimpan imej yang telah ditukar saiz.
- Periksa folder destinasi dan nombor fail imej, kemudian pilih [**OK**].
- Untuk menukar saiz imej lain, ulangi langkah 2 hingga 4.
- Untuk kembali ke menu, tekan butang <MENU>.

## Pilihan Tukar saiz Mengikut Saiz Imej Asal

Saiz Imej Asal	Tetapan Tukar saiz Tersedia			
	M	S1	S2	S3
L	○	○	○	○
M		○	○	○
S1			○	○
S2				○

## Saiz Imej


Saiz imej yang dipaparkan dalam langkah 3 di halaman sebelumnya, seperti [\*\*\*M\*\*\*x\*\*\*\*], mempunyai nisbah bidang 3:2. Saiz imej mengikut nisbah bidang ditunjukkan dalam jadual di bawah.

Angka kualiti rakaman imej yang ditandai dengan asterisk tidak sepadan dengan nisbah bidang dengan tepat. Imej akan dipotong sedikit.

Kualiti Imej	Nisbah Bidang dan Bilangan Pikel (Anggaran)			
	3:2	4:3	16:9	1:1
M	3984x2656 (10.6 mega piksel)	3552x2664 (9.5 mega piksel)	3984x2240* (8.9 mega piksel)	2656x2656 (7.1 mega piksel)
S1	2976x1984 (5.9 mega piksel)	2656x1992 (5.3 mega piksel)	2976x1680* (5.0 mega piksel)	1984x1984 (3.9 mega piksel)
S2	1920x1280 (2.5 mega piksel)	1696x1280* (2.2 mega piksel)	1920x1080 (2.1 mega piksel)	1280x1280 (1.6 mega piksel)
S3	720x480 (0.35 mega piksel)	640x480 (0.31 mega piksel)	720x408* (0.29 mega piksel)	480x480 (0.23 mega piksel)

## ☒ Memotong Imej JPEG

Anda boleh memotong imej seperti yang diinginkan dan simpannya sebagai imej baharu. **Imej JPEG S3 dan RAW tidak boleh dipotong.** Imej JPEG bagi imej **RAW** + **L** boleh dipotong.



### 1 Pilih [Cropping (Pemotongan)].

- Di bawah tab [**2**], pilih [**Cropping (Pemotongan)**], kemudian tekan <Ⓢ>.
- ▶ Imej akan dipaparkan.



### 2 Pilih imej.

- Pilih imej yang anda ingin potong.
- Dengan menekan butang <Ⓢ·Q>, anda boleh bertukar ke paparan indeks dan memilih imej.



### 3 Tetapkan saiz, nisbah bidang, kedudukan dan orientasi bingkai pemotongan.

- Tekan <Ⓢ> untuk memaparkan bingkai pemotongan.
- ▶ Kawasan imej dalam bingkai pemotongan akan dipotong.

#### Menentukan Saiz Bingkai Pemotongan

- Tekan butang <Q> atau <Ⓢ·Q>.
- ▶ Saiz bingkai pemotongan akan berubah. Semakin kecil bingkai pemotongan, semakin besar pembesaran imej.

#### Menukar Nisbah Bidang Bingkai Pemotongan

- Putar dail <Ⓢ>.
- ▶ Nisbah bidang bingkai pemotongan akan berubah menjadi [3:2], [16:9], [4:3] atau [1:1].

## Menggerakkan Bingkai Pemotongan

- Tekan kekunci <▲> <▼> atau <◀> <▶>.
- ▶ Bingkai pemotongan akan bergerak ke atas, ke bawah, ke kiri atau ke kanan.
- Anda juga boleh menyentuh bingkai pemotongan dan menyeretkannya ke kedudukan yang diingini.

## Memutar Orientasi Bingkai Pemotongan

- Tekan butang <INFO.>.
- ▶ Bingkai pemotongan akan bertukar antara orientasi menegak dan mendatar. Ini membolehkan anda mencipta imej menegak daripada imej yang mendatar, dan sebaliknya.



## 4 Paparkan imej yang telah dipotong dalam paparan penuh.

- Tekan butang <[Q]>.
- ▶ Anda boleh melihat imej yang dipotong.
- Untuk kembali ke paparan asal, tekan butang <[Q]> sekali lagi.



## 5 Simpan Imej.

- Tekan <[SET]> dan pilih [OK] untuk menyimpan imej yang dipotong.
- Periksa folder destinasi dan nombor fail imej, kemudian pilih [OK].
- Untuk memotong imej lain, ulangi langkah 2 hingga 5.
- Untuk kembali ke menu, tekan butang <MENU>.

- Anda tidak boleh memotong imej yang telah dipotong.
- Anda tidak boleh menukar saiz atau mengenakan penuras Kreatif pada imej yang telah dipotong.

# 12


## Mencetak Imej

- **Mencetak** (hlm.342)  
Anda boleh menyambungkan kamera secara langsung ke pencetak dan mencetak imej yang terdapat pada kad. Kamera ini serasi dengan “PictBridge”, iaitu standard bagi pencetakan langsung.  
Anda juga boleh menggunakan LAN wayarles untuk menghantar imej ke pencetak PictBridge (LAN Wayarles) dan mencetak imej tersebut. Untuk maklumat lanjut, rujuk kepada Manual Arahan Fungsi Wi-Fi/NFC.
- **Format Pesanan Cetakan Digital (DPOF)** (hlm.352)  
DPOF (Format Pesanan Cetakan Digital) membolehkan anda mencetak imej yang direkod pada kad mengikut arahan pencetakan anda seperti pemilihan imej, kuantiti untuk dicetak, dll. Anda boleh mencetak berbilang imej dalam satu kelompok atau memberi pesanan cetakan kepada penyudah gambar.
- **Menentukan Imej untuk Buku foto** (hlm.356)  
Anda boleh menentukan imej pada kad tersebut untuk pencetakan dalam buku foto.

## Bersedia untuk Mencetak

Prosedur pencetakan langsung boleh dilakukan sepenuhnya dengan kamera ini semasa melihat skrin tetapan pada monitor LCD kamera.


### Menyambungkan Kamera ke Pencetak



**1** Tetapkan suis kuasa kamera kepada <OFF>.


**2** Sediakan pencetak.

- Untuk butiran, rujuk kepada manual arahan pencetak.




**3** Sambungkan kamera ke pencetak.

- Gunakan kabel antara muka yang disediakan dengan kamera.
- Sambungkan kabel ke terminal <DIGITAL> kamera dengan ikon <↔> palam kabel menghadap bahagian hadapan kamera.
- Untuk menyambungkan ke pencetak, rujuk kepada manual arahan pencetak.



**4** Hidupkan pencetak.



**5** Tetapkan suis kuasa kamera kepada <ON>.

- ▶ Sesetengah pencetak mungkin menghasilkan bunyi bip.



## 6 Main balik imej.

- Tekan butang <▶>.
- ▶ Imej tersebut akan muncul dengan ikon <PictBridge> pada sebelah kiri bahagian atas skrin untuk menunjukkan bahawa kamera disambungkan ke pencetak.



- Sebelum menggunakan pencetak, pastikan pencetak mempunyai port sambungan PictBridge.
- Filem tidak boleh dicetak.
- Kamera tidak boleh digunakan dengan pencetak yang hanya serasi dengan CP Direct atau Bubble Jet Direct.
- Jangan gunakan sebarang kabel antara muka selain daripada yang disediakan.
- Jika terdapat bunyi bip yang lama dalam langkah 5, ia menandakan masalah dengan pencetak. Selesaikan masalah yang dipaparkan dalam pesanan ralat itu (hlm.351).
- Jika mana-mana mod atau fungsi penangkapan berikut ditetapkan, kamera tidak boleh disambungkan ke pencetak. Batalkan semua tetapan yang berkaitan, kemudian sambungkan semula kamera ke pencetak dengan kabel antara muka.
  - <PictBridge> atau <PictBridge> dalam mod <SCN>
  - Pengurangan Hingar Berbilang Tangkapan
  - [📶1: Wi-Fi/NFC] ditetapkan kepada [Enable (Aktif)]



- Anda juga boleh mencetak imej RAW yang diambil dengan kamera ini.
- Apabila anda menggunakan bateri untuk membekalkan kuasa kepada kamera, pastikan bateri dicas sepenuhnya. Dengan pek bateri yang dicas sepenuhnya, anda boleh mencetak untuk lebih kurang 2 jam.
- Sebelum menanggalkan kabel, matikan kamera dan pencetak terlebih dahulu. Pegang palam (bukan kord) untuk menarik keluar kabel.
- Untuk pencetakan langsung, menggunakan Kit Penyesuai AC ACK-E18 (dijual berasingan) untuk menguasai kamera adalah disarankan.

# Mencetak

Paparan skrin dan pilihan tetapan akan berbeza bergantung pada pencetak. Sesetengah tetapan mungkin tidak tersedia. Untuk butiran, rujuk kepada manual arahan pencetak.

Ikon pencetak disambung




## 1 Pilih imej untuk dicetak.

- Periksa bahawa ikon <img alt="Printer icon" data-bbox="210 210 230 230"/> > dipaparkan pada sebelah kiri bahagian atas monitor LCD.
- Putar dial <img alt="Dial icon" data-bbox="280 280 300 300"/> untuk memilih imej untuk dicetak.

## 2 Tekan <img alt="SET button" data-bbox="520 345 540 365"/>.

- ▶ Skrin tetapan cetak akan muncul.


### Skrin tetapan cetak



- Menetapkan kesan cetakan (hlm.346).
- Menetapkan pencetakan tarikh atau nombor fail kepada hidup atau mati.
- Menetapkan kuantiti untuk dicetak.
- Menetapkan kawasan cetakan (hlm.350).
- Menetapkan saiz, jenis, dan tataletak kertas.
- Kembali ke skrin dalam langkah 1.
- Memulakan cetakan.

Saiz, jenis, dan tataletak kertas yang anda telah tetapkan dipaparkan.


\* Bergantung pada pencetak, tetapan tertentu seperti pencetakan tarikh dan penomboran fail serta pemotongan mungkin tidak boleh dipilih.



## 3 Pilih [Paper settings (Tetapan kertas)].


- Pilih [Paper settings (Tetapan kertas)], kemudian tekan <img alt="SET button" data-bbox="795 795 815 815"/>.
- ▶ Skrin tetapan kertas akan muncul.

## Menetapkan Saiz Kertas



- Pilih saiz kertas yang dimasukkan ke dalam pencetak, kemudian tekan <SET>.
- ▶ Skrin jenis kertas akan muncul.

## Menetapkan Jenis Kertas







- Pilih jenis kertas yang dimasukkan ke dalam pencetak, kemudian tekan <SET>.
- ▶ Skrin tataletak halaman akan muncul.

## Menetapkan Tataletak Halaman



- Pilih tataletak halaman, kemudian tekan <SET>.
- ▶ Skrin tetapan cetak akan muncul semula.


<b>Bordered (Berbingkai)</b>	Mencetak dengan bingkai putih di sepanjang pinggiran.
<b>Borderless (Tanpa bingkai)</b>	Mencetak tanpa bingkai. Jika pencetak anda tidak boleh mencetak cetakan tanpa bingkai, cetakan itu akan berbingkai.
<b>Bordered (Berbingkai) </b>	Mencetak maklumat penangkapan*1 pada bingkai untuk cetakan 9x13 cm atau yang lebih besar.
<b>xx-up (xx-imej)</b>	Pilihan untuk mencetak 2, 4, 8, 9, 16 atau 20 imej pada sekeping kertas.
<b>20-up (20-imej) </b> <b>35-up (35-imej) </b>	Mencetak 20 atau 35 imej sebagai lakaran kenit pada kertas bersaiz A4 atau Surat*2. • Mencetak maklumat penangkapan*1 dengan <b>[20-up (20 imej) </b> ].
<b>Default (Lalai)</b>	Tataletak halaman berbeza bergantung pada model pencetak atau tetapannya.

\*1: Daripada data Exif, nama kamera, nama lensa, mod penangkapan, kelajuan pengatup, aperture, jumlah pampasan pendedahan, kelajuan ISO, white balance, dll akan dicetak.

\*2: Selepas memesan cetakan dengan "Format Pesanan Cetakan Digital (DPOF)" (hlm.352), pencetakan mengikut "Pencetakan Langsung Imej Dipesan Cetak" (hlm.355) adalah disarankan.



Jika nisbah bidang imej adalah berbeza daripada nisbah bidang kertas cetakan, imej mungkin dipotong dengan ketara apabila anda mencetak imej itu sebagai cetakan tanpa bingkai. Jika imej dipotong, cetakan mungkin kelihatan lebih berbintik disebabkan oleh bilangan piksel yang kurang.




#### 4 Tetapkan kesan pencetakan (pengoptimuman imej).

- Tetapkan kesan cetakan jika perlu. Jika anda tidak perlu menetapkan sebarang kesan cetakan, terus ke langkah 5.
- **Kandungan yang dipaparkan pada skrin berbeza bergantung pada pencetak.**
- Pilih pilihan, kemudian tekan < **SET** >.
- Pilih kesan cetakan yang diinginkan kemudian tekan < **SET** >.
- Jika ikon < **INFO** > dipaparkan dengan terang, anda juga boleh melaraskan kesan cetakan (hlm.349).

Kesan Cetakan	Penerangan
<b>On (Hidup)</b>	Mencetak dengan warna standard pencetak. Data Exif imej digunakan untuk melakukan pembetulan automatik.
<b>Off (Mati)</b>	Tiada pembetulan automatik digunakan.
<b>Vivid (Terang)</b>	Mencetak imej dengan ketepuan yang lebih tinggi untuk menghasilkan warna biru dan hijau yang lebih terang.
<b>NR (Pengurangan Hingar)</b>	Hingar imej dikurangkan sebelum pencetakan.
<b>B/W B/W (Hitam/Putih)</b>	Cetakan dalam hitam dan putih dengan hitam sebenar.
<b>B/W Cool tone (Ton sejuk)</b>	Mencetak dalam warna hitam dan putih, dengan hitam sejuk dan kebiruan.
<b>B/W Warm tone (Ton panas)</b>	Mencetak dalam warna hitam dan putih dengan hitam yang panas dan kekuningan.
<b>Natural (Semula jadi)</b>	Mencetak imej dalam warna dan kontras yang sebenar. Tiada penyelarasan warna automatik digunakan.
<b>Natural M (Semula jadi M)</b>	Ciri-ciri pencetakan adalah sama seperti tetapan "Natural". Bagaimanapun, tetapan ini membolehkan pelarasan pencetakan yang lebih halus berbanding dengan "Semula Jadi".
<b>Default (Lalai)</b>	Pencetakan berbeza bergantung pada pencetak. Untuk butiran, rujuk kepada manual arahan pencetak.

- \* Apabila anda menukarkan kesan cetakan, penukaran digambarkan dalam imej yang dipaparkan pada sebelah kiri bahagian atas skrin. Sila ambil perhatian bahawa imej yang dicetak mungkin kelihatan berbeza sedikit berbanding dengan imej yang dipaparkan kerana ia hanya suatu anggaran. Penganggaran ini juga digunakan pada [Brightness (Kecerahan)] dan [Adjust levels (Laraskan aras)] pada halaman 349.

- ⓘ Jika anda mencetak maklumat penangkapan pada imej yang ditangkap pada kelajuan ISO yang dikembangkan (**H**), kelajuan ISO yang betul mungkin tidak akan dicetak.




## 5 Tetapkan cetakan tarikh dan nombor fail.

- Tetapkan jika perlu.
- Pilih <📅>, kemudian tekan <SET>.
- Tetapkan tetapan cetakan seperti yang diingini, kemudian tekan <SET>.



## 6 Tetapkan bilangan salinan.

- Tetapkan jika perlu.
- Pilih <📄>, kemudian tekan <SET>.
- Tetapkan bilangan salinan, kemudian tekan <SET>.





## 7 Mula mencetak.

- Pilih [**Print (Cetak)**], kemudian tekan <SET>.



- Tetapan [**Default (Lalai)**] bagi kesan cetakan dan pilihan lain adalah tetapan lajai pencetak sendiri seperti yang ditetapkan oleh pengeluar pencetak. Rujuk kepada manual arahan pencetak itu untuk mengetahui apa tetapan [**Default (Lalai)**] pencetak itu.
- Bergantung pada saiz fail imej dan kualiti rakaman imej, pencetakan mungkin mengambil sedikit masa selepas anda memilih [**Print (Cetak)**].
- Jika pembetulan condong imej (hlm.350) digunakan, pencetakan imej mungkin mengambil masa yang lebih lama.
- Untuk menghentikan pencetakan, tekan <SET> semasa [**Stop (Hentikan)**] dipaparkan, kemudian pilih [**OK**].
- Jika anda melaksanakan [**4: Clear all camera settings (Hapus semua tetapan kamera)**] (hlm.288), semua tetapan akan kembali kepada lajai.

## Melaraskan Kesan Cetakan



Dalam langkah 4 pada halaman 346, pilih kesan cetakan. Apabila ikon <INFO> <INFO> <INFO> dipaparkan dengan terang, anda boleh menekan butang <INFO>. Anda kemudian boleh melaraskan kesan cetakan. Kesan yang boleh dilaraskan atau kesan yang dipaparkan akan bergantung pada pilihan yang dibuat dalam langkah 4.

- **Brightness (Kecerahan)**

Kecerahan imej boleh dilaraskan.

- **Adjust levels (Laraskan aras)**

Apabila anda memilih [Manual], anda boleh menukarkan agihan histogram dan melaraskan kecerahan serta kontras imej. Dengan skrin Laraskan aras dipaparkan, tekan butang <INFO> untuk menukarkan kedudukan <↑>. Tekan kekunci <◀> <▶> untuk melaraskan aras bayang (0-127) atau aras sorotan (128-255) dengan bebas.



- **Brightener (Pencerah)**

Berkesan dalam keadaan bercahaya belakang yang boleh membuatkan muka subjek kelihatan gelap. Apabila [On (Hidup)] ditetapkan, muka akan diterangkan untuk cetakan.

- **Red-eye corr. (Pembetulan mata merah)**

Berkesan dalam imej denyar apabila subjek mempunyai mata merah. Apabila [On (Hidup)] ditetapkan, mata merah akan dibetulkan untuk cetakan.



- Kesan [Brightener (Pencerah)] dan [Red-eye corr. (Pembetulan mata merah)] tidak akan ditunjukkan pada skrin.
- Apabila [Detail set. (Tetapan perincian)] dipilih, anda boleh melaraskan [Contrast (Kontras)], [Saturation (Ketepuan)], [Color tone (Ton warna)] dan [Color balance (Imbangan warna)]. Untuk melaraskan [Color balance (Imbangan warna)], tekan kekunci <▲> <▼> atau <◀> <▶>. B adalah untuk biru, A adalah untuk ambar, M adalah untuk magenta, G adalah untuk hijau. Imbangan warna imej akan dilaraskan ke arah warna mengikut arah pergerakan.
- Jika anda memilih [Clear all (Hapus semua)], semua tetapan kesan cetakan akan dikembalikan kepada tetapan lalai.

## Memotong Imej

Pembetulan condong



Anda boleh memotong imej dan hanya mencetak versi yang dibesarkan bagi bahagian yang dipotong, seolah-olah seperti imej tersebut telah digubah semula. **Tetapkan pemotongan sebelum pencetakan.** Jika anda menukarkan tetapan cetak selepas menetapkan pemotongan, anda mungkin terpaksa menetapkan pemotongan sekali lagi sebelum pencetakan.

**1 Pada skrin tetapan cetak, pilih [Cropping (Pemotongan)].**

**2 Tetapkan saiz, kedudukan dan nisbah bidang bingkai pemotongan.**

- Kawasan imej dalam bingkai pemotongan akan dicetak. Nisbah bidang bingkai pemotongan boleh ditukarkan dengan [Paper settings (Tetapan kertas)].

### Menentukan Saiz Bingkai Pemotongan

Tekan butang <Q> atau <Q> untuk menukar saiz bingkai pemotongan. Lebih kecil bingkai pemotongan, lebih besar pembesaran imej untuk pencetakan.

### Menggerakkan Bingkai Pemotongan

Tekan kekunci <▲> <▼> atau <◀> <▶> untuk menggerakkan bingkai di atas imej secara menegak atau mendatar. Gerakkan bingkai pemotongan sehingga bingkai itu meliputi kawasan imej yang diingini.

### Menukar Orientasi Bingkai Pemotongan

Menekan butang <INFO.> akan menukar bingkai pemotongan antara orientasi menegak dan mendatar. Ini membolehkan anda mencipta cetakan berorientasi menegak daripada imej yang mendatar.

### Pembetulan Condong Imej

Dengan memutar dial <Tilt>, anda boleh melaraskan sudut kecondongan imej sehingga  $\pm 10$  darjah dalam kenaikan 0.5 darjah. Apabila anda melaraskan kecondongan imej, ikon <Tilt> pada skrin akan bertukar menjadi warna biru.

**3 Tekan <SET> untuk keluar dari pemotongan.**

- ▶ Skrin tetapan cetak akan muncul semula.
- Anda boleh memeriksa kawasan imej yang dipotong pada sebelah kiri bahagian atas skrin tetapan cetak.



- Bergantung pada pencetak, kawasan imej yang dipotong mungkin tidak dicetak seperti yang anda tentukan.
- Lebih kecil bingkai pemotongan anda lakukan, lebih berbintik gambar akan kelihatan dalam cetakan.
- Semak monitor LCD kamera semasa memotong imej. Jika anda melihat imej pada skrin TV, bingkai pemotongan mungkin tidak dipaparkan dengan tepat.



## Menangani Ralat Pencetak

Jika pencetakan tidak disambung semula selepas anda menyelesaikan ralat pencetak (tiada dakwat, tiada kertas, dll) dan memilih **[Continue (Teruskan)]**, kendalikan butang pada pencetak untuk menyambung semula pencetakan. Untuk butiran tentang menyambung semula pencetakan, rujuk kepada manual arahan pencetak.

### Mesej Ralat

Jika masalah berlaku semasa pencetakan, mesej ralat akan muncul pada monitor LCD kamera. Tekan <SET> untuk menghentikan pencetakan. Selepas menyelesaikan masalah itu, sambung semula pencetakan. Untuk butiran tentang cara menyelesaikan masalah pencetak, rujuk kepada manual arahan pencetak itu.

### Paper Error (Ralat Kertas)

Periksa sama ada kertas dimasukkan dengan betul ke dalam pencetak.

### Ink Error (Ralat Dakwat)

Periksa aras dakwat pencetak dan tangki dakwat sisa.

### Hardware Error (Ralat Perisian tegar)

Periksa untuk sebarang masalah pencetak selain masalah kertas dan dakwat.


### File Error (Ralat Fail)

Imej yang dipilih tidak boleh dicetak melalui PictBridge. Imej yang diambil dengan kamera yang lain atau imej yang disunting dengan komputer mungkin tidak boleh dicetak.

# Format Pesanan Cetakan Digital (DPOF)


Anda boleh menetapkan jenis cetakan, pencetakan tarikh dan pencetakan nombor fail. Tetapan cetakan akan digunakan untuk semua imej dipesan cetak. (Tetapan tersebut tidak boleh ditetapkan secara individu untuk setiap imej.)

## Menetapkan Pilihan Pencetakan



### 1 Pilih [Print order (Pesanan cetakan)].

- Di bawah tab [▶ 1], pilih [Print order (Pesanan cetakan)], kemudian tekan <SET>.




### 2 Pilih [Set up (Persediaan)].

- Pilih [Set up (Persediaan)], kemudian tekan <SET>.


### 3 Tetapkan pilihan seperti yang diingini.

- Tetapkan [Print type (Jenis cetakan)], [Date (Tarikh)] dan [File No. (Nombor Fail)].
- Pilih pilihan untuk ditetapkan, kemudian tekan <SET>. Pilih tetapan yang diingini, kemudian tekan <SET>.


#### [Print type (Jenis cetakan)]







#### [Date (Tarikh)]





#### [File No. (Nombor Fail)]



Print type (Jenis cetakan)		Standard	Mencetak satu imej pada sehelai kertas.
		Index (Indeks)	Berbilang imej lakaran kenit dicetak pada sehelai kertas.
	 	Both (Kedua-dua)	Mencetak kedua-dua cetakan standard dan cetakan indeks.
Date (Tarikh)	On (Aktif)	[On (Aktif)] mencetak tarikh yang direkod pada cetakan.	
	Off (Padam)		
File number (Nombor fail)	On (Aktif)	[On (Aktif)] mencetak nombor fail pada cetakan.	
	Off (Padam)		

## 4 Keluar dari tetapan.


- Tekan butang <MENU>.
- ▶ Skrin pesanan cetakan akan muncul semula.
- Seterusnya, pilih [Sel.Image (Pilih Imej)], [By  (Mengikut )] atau [All image (Semua imej)] untuk menyusun imej yang akan dicetak.



- Imej RAW dan filem tidak boleh dipesan cetak. Anda boleh mencetak imej RAW dengan PictBridge (hlm.342).
- Walaupun jika [Date (Tarikh)] dan [File No. (Nombor Fail)] ditetapkan pada [On (Hidup)], tarikh atau nombor fail mungkin tidak dicetak bergantung pada tetapan jenis cetakan dan model pencetak.
- Dengan cetakan [Index (Indeks)], [Date (Tarikh)] dan [File No. (Nombor Fail)] tidak boleh kedua-duanya ditetapkan kepada [On (Hidup)] pada masa yang sama.
- Apabila mencetak dengan DPOF, gunakan kad yang telah ditetapkan spesifikasi pesanan cetakan. Imej tidak dapat dicetak dengan pesanan cetakan yang ditentukan jika anda hanya mengeluarkan imej daripada kad dan cuba mencetaknya.
- Pencetak serasi DPOF dan penyudah gambar tertentu mungkin tidak boleh mencetak imej seperti yang telah anda tentukan. Rujuk kepada manual arahan pencetak sebelum mencetak, atau periksa dengan penyudah gambar anda tentang keserasian apabila memesan cetakan.
- Jangan masukkan kad yang mempunyai pesanan cetakan yang ditetapkan oleh kamera lain ke dalam kamera dan kemudian cuba untuk menentukan pesanan cetakan. Pesanan cetakan mungkin ditulis ganti. Selain itu, pesanan cetakan mungkin tidak dapat dilakukan, bergantung pada jenis imej.

## Memesan Cetakan

### ● Sel.Image (Pilih Imej)



Kuantiti

Jumlah imej yang dipilih



Tanda semak

Ikon indeks

Pilih dan pesankan imej satu demi satu. Dengan menekan butang <[Grid Icon]>, anda boleh memilih imej dari paparan tiga imej. Untuk kembali ke paparan imej tunggal, tekan butang <[Grid Icon]>. Tekan butang <[MENU]> untuk menyimpan pesanan cetakan pada kad.

### [Standard] [Both (Kedua-dua)]

Tekan kekunci <[Up Arrow]> <[Down Arrow]> untuk menetapkan jumlah salinan yang dicetak bagi imej yang dipaparkan.

### [Index (Indeks)]

Tekan <[SET]> untuk menambah satu tanda semak kepada kotak <[Checkmark]>. Imej akan disertakan dalam cetakan indeks.

### ● By [Folder Icon] (Mengikut [Folder Icon])


Pilih **[Mark all in folder (Tandakan semua dalam folder)]** dan pilih folder. Pesanan cetakan untuk satu salinan bagi semua imej dalam folder akan ditentukan. Jika anda memilih **[Clear all in folder (Hapus semua dalam folder)]** dan pilih folder, semua pesanan cetakan untuk folder tersebut akan dibatalkan.

### ● All images (Semua imej)

Jika anda memilih **[Mark all on card (Tandakan semua dalam kad)]**, satu salinan semua imej pada kad itu akan ditetapkan untuk pencetakan. Jika anda memilih **[Clear all on card (Hapus semua dalam kad)]**, pesanan cetakan akan dipadamkan untuk semua imej pada kad itu.

- Ambil perhatian bahawa imej RAW dan filem tidak akan disertakan dalam pesanan cetakan walaupun jika anda menetapkan **[By [Folder Icon] (Mengikut [Folder Icon])]** atau **[All image (Semua imej)]**.
- Apabila anda menggunakan pencetak PictBridge, jangan cetak melebihi 400 imej untuk satu pesanan cetakan. Jika anda menentukan lebih daripada itu, semua imej mungkin tidak akan dicetak.

# Pencetakan Langsung Imej Dipesan Cetak



Dengan pencetak PictBridge, anda boleh mencetak imej dengan mudah menggunakan DPOF.

## 1 Bersedia untuk mencetak.

- Lihat halaman 342.  
Ikuti prosedur "Menyambungkan Kamera ke Pencetak" sehingga langkah 5.

## 2 Di bawah tab [▶ 1], pilih [Print order (Pesanan cetakan)].

## 3 Pilih [Print (Cetak)].

- [Print (Cetak)] akan dipaparkan hanya jika kamera disambungkan ke pencetak dan pencetakan boleh dilakukan.

## 4 Tetapkan [Paper settings (Tetapan kertas)] (hlm.344).

- Tetapkan kesan cetakan (hlm.346) jika perlu.

## 5 Pilih [OK].


- Sebelum mencetak, pastikan untuk menetapkan saiz kertas.
- Pencetak tertentu tidak boleh mencetak nombor fail.
- Jika [Bordered (Berbingkai)] ditetapkan, pencetak tertentu mungkin mencetak tarikh pada bingkai itu.
- Bergantung pada pencetak itu, tarikh mungkin kelihatan kabur jika tarikh itu dicetak pada latar belakang yang cerah atau pada bingkai.
- Di bawah [Adjust levels (Laraskan aras)], [Manual] tidak boleh dipilih.

- Jika anda menghentikan pencetakan dan ingin menyambung semula mencetak imej yang tertinggal, pilih [Resume (Teruskan)]. Ambil perhatian bahawa pencetakan tidak akan bersambung semula jika perkara berikut berlaku.
  - Anda telah mengubah pesanan cetakan atau memadamkan mana-mana imej pesanan cetakan sebelum menyambung semula pencetakan.
  - Apabila indeks ditetapkan, anda mengubah tetapan kertas sebelum menyambung semula pencetakan.
  - Baki kapasiti kad adalah rendah ketika anda menjeda pencetakan.

## Menentukan Imej untuk Buku foto


Anda boleh menentukan sehingga 998 imej untuk dicetak dalam buku foto. Apabila anda menggunakan EOS Utility (perisian EOS) untuk memindahkan imej ke komputer, imej yang ditentukan akan disalin ke folder khusus. Fungsi ini berguna untuk memesan buku foto dalam talian.

### Menentukan Satu Imej pada Satu Masa



#### 1 Pilih [Photobook Set-up (Persediaan Buku foto)].

- Di bawah tab [1], pilih [Photobook Set-up (Persediaan Buku Foto)], kemudian tekan <SET>.



#### 2 Pilih [Select images (Pilih imej)].

- Pilih [Select images (Pilih imej)], kemudian tekan <SET>.
- ▶ Imej akan dipaparkan.





#### 3 Pilih imej untuk ditentukan.

- Putar dial <DISP> untuk memilih imej untuk ditentukan, kemudian tekan <SET>.
- Dengan menekan butang <DISP-Q>, anda boleh memilih imej dari paparan tiga imej. Untuk kembali ke paparan imej tunggal, tekan butang <DISP>.
- Ulangi langkah ini untuk memilih imej yang lain. Bilangan imej yang telah ditentukan akan dipaparkan pada sebelah kiri atas skrin.
- Untuk membatalkan tentuan imej, tekan <SET> sekali lagi.
- Untuk kembali ke menu, tekan butang <MENU>.

## Menentukan Semua Imej dalam Folder atau pada Kad

Anda boleh menentukan semua imej dalam folder atau pada kad secara serentak.



Apabila [  1: **Photobook Set-up (Persediaan Buku foto)** ] ditetapkan kepada [ **All images in folder (Semua imej dalam folder)** ] atau [ **All images on card (Semua imej dalam kad)** ], semua imej dalam folder atau pada kad akan ditentukan.

Untuk membatalkan tentuan imej, pilih [ **Clear all in folder (Hapus semua dalam folder)** ] atau [ **Clear all on card (Hapus semua dalam kad)** ].




- Imej RAW dan filem tidak boleh ditentukan.
- Jangan tentukan imej yang telah ditentukan untuk buku foto dalam kamera lain untuk buku foto lain dengan kamera ini. Tetapan buku foto mungkin ditulis ganti.




# 13

## Menyesuaikan Kamera

Anda boleh menyesuaikan pelbagai fungsi kamera untuk sesuai dengan cara menangkap gambar kesukaan anda dengan Fungsi Tersuai. Fungsi Tersuai hanya boleh ditetapkan dan digunakan dalam mod Zon Kreatif.




## MENU Menetapkan Fungsi Tersuai ☆



### 1 Pilih [Custom Functions (Fungsi Tersuai) (C.Fn)].


- Di bawah tab [F4], pilih [Custom Functions (Fungsi Tersuai) (C.Fn)], kemudian tekan <SET>.

Nombor Fungsi Tersuai



### 2 Pilih nombor Fungsi Tersuai.

- Tekan kekunci <◀> <▶> untuk memilih nombor Fungsi Tersuai, kemudian tekan <SET>.



### 3 Tukar tetapan seperti yang diinginkan.

- Tekan kekunci <▲> <▼> untuk memilih tetapan yang diinginkan (nombor), kemudian tekan <SET>.
- Ulangi langkah 2 dan 3 jika anda ingin menetapkan Fungsi Tersuai lain.
- Di bahagian bawah skrin, tetapan Fungsi Tersuai semasa ditunjukkan di bawah nombor fungsi masing-masing.

### 4 Keluar dari tetapan.



- Tekan butang <MENU>.
- ▶ Skrin untuk langkah 1 akan muncul semula.

## Menghapuskan Semua Fungsi Tersuai

Di bawah [F4: Clear settings (Hapus tetapan)], pilih [Clear all Custom Func. (Hapus semua Fungsi Tersuai) (C. Fn.)] untuk menghapuskan semua tetapan Fungsi Tersuai (hlm.288).

## Fungsi Tersuai

### C.Fn I: Pendedahan

			 LV Shooting (Penangkapan Pandangan Langsung)	 Movie Shooting (Rakaman Filem)
1	Exposure level increments (Kenaikan aras pendedahan)	hlm. 363	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>
2	ISO expansion (Pengembangan ISO)		<input type="radio"/>	Dalam <b>M</b>

### C.Fn II: Imej

3	Highlight tone priority (Keutamaan ton sorotan)	hlm. 364	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>
---	---	----------	-----------------------	-----------------------

### C.Fn III: Autofokus/Pemacu

4	AF-assist beam firing (Nyalaan sinar bantu AF)	hlm. 365	<input type="radio"/> *	
5	AF area selection method (Kaedah pemilihan kawasan AF)			
6	Auto AF point selection: Color Tracking (Pemilihan titik AF auto: Pengesanan Warna)	hlm. 366		
7	AF point display during focus (Paparatan titik AF semasa fokus)			
8	VF display illumination (Pencahayaapan paparan Pemidang Tilik)	hlm. 368		
9	Mirror lockup (Kunci cermin)			


\* Apabila Speedlite siri EX (dijual berasingan) yang dilengkapi dengan lampu LED digunakan.

### C.Fn IV: Operasi/Lain-lain

10	Shutter/AE lock button (Butang kunci AE/Pengatup)	hlm. 369	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>
11	Assign SET button (Memperuntukkan butang TETAPAN)	hlm. 370	<input type="radio"/> (Kecuali 3)	<input type="radio"/> (Kecuali 2, 3, 6)*
12	LCD display when power ON (Paparasi LCD apabila kuasa HIDUP)			
13	Multi function lock (Kunci berbilang fungsi)	hlm. 371	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>
14	Retract lens on power off (Menarik balik lensa apabila kuasa terpadam)		<input type="radio"/>	<input type="radio"/>

\* Tetapan 1 dan 4 tidak berfungsi semasa rakaman filem.

\* [5: ISO speed (Kelajuan ISO)] hanya boleh ditetapkan untuk penangkapan pendedahan manual.

 Fungsi Tersuai yang dimalapkan tidak berfungsi semasa penangkapan Pandangan Langsung (LV) atau rakaman filem. (Tetapan dilumpuhkan.)

## MENU Tetapan Fungsi Tersuai ☆

Fungsi Tersuai disusun ke dalam empat kumpulan berdasarkan jenis fungsi: C.Fn I: Pendedahan, C.Fn II: Imej, C.Fn III: Autofokus/Pemacu, C.Fn IV: Operasi/Lain-lain.

### C.Fn I: Pendedahan

#### C.Fn-1 Exposure level increments (Kenaikan aras pendedahan)

0: 1/3-stop (1/3 hentian)

1: 1/2-stop (1/2 hentian)

Tetapkan kenaikan 1/2 hentian untuk kelajuan pengatup, apertur, pampasan pendedahan, AEB, pampasan pendedahan denyar, dll. Ini berkesan apabila anda lebih suka mengawal pendedahan dalam kenaikan kurang daripada kenaikan 1/3 hentian.



Dengan tetapan 1, aras pendedahan akan dipaparkan seperti yang ditunjukkan di bawah.



#### C.Fn-2 ISO expansion (Pengembangan ISO)

0: Off (Mati)

1: On (Hidup)

Apabila anda menetapkan kelajuan ISO, anda boleh menetapkan "H" (bersamaan dengan ISO 25600) bagi foto pegun dan "H" (bersamaan dengan ISO 12800) bagi film. Ambil perhatian bahawa jika [C.Fn-3: Highlight tone priority (Keutamaan ton sorotan)] ditetapkan kepada [1: Enable (Aktif)], "H" tidak boleh ditetapkan.

## C.Fn II: Imej


### C.Fn-3 Highlight tone priority (Keutamaan ton sorotan)

**0: Disable (Lumpuhkan)**

**1: Enable (Aktif)**

Memperbaiki perincian sorotan. Julat dinamik dikembangkan daripada standard kelabu 18% kepada sorotan cerah. Peringkatan antara kelabu dan sorotan menjadi lebih licin.

- Dengan tetapan 1, Pengoptimum Pencahayaan Auto (hlm.148) ditetapkan secara automatik kepada **[Disable (Lumpuhkan)]** dan tetapan tidak boleh ditukar.
- Dengan tetapan 1, hingar (imej berbintik, penjaluran, dll) mungkin menjadi lebih ketara sedikit berbanding dengan tetapan 0.

 Dengan tetapan 1, julat yang boleh ditetapkan ialah ISO 200 - ISO 12800 (sehingga ISO 6400 untuk filem).  
Ikon <D+> juga akan dipaparkan dalam pemedang tilik dan pada panel LCD untuk menunjukkan bahawa keutamaan ton sorotan diaktifkan.

## C.Fn III: Autofokus/Pemacu

### C.Fn-4 AF-assist beam firing (Nyalaan sinar bantu AF)

Mengaktifkan atau melumpuhkan sinar bantu AF denyar terbina dalam atau sinar bantu AF Speedlite luaran khusus EOS.

**0: Enable (Aktif)**

Sinar bantu AF akan dipancarkan apabila perlu.

**1: Disable (Lumpuhkan)**

Sinar bantu AF tidak akan dipancarkan. Ini menghalang sinar bantu AF daripada mengganggu orang lain.

**2: Enable external flash only (Aktifkan denyar luaran sahaja)**

Jika Speedlite luaran dipasangkan, ia akan memancarkan sinar bantu AF apabila perlu. Denyar terbina dalam kamera tidak akan menyalakan sinar bantu AF.

**3: IR AF assist beam only (Lampu bantuan AF IR sahaja)**


Apabila Speedlite luaran dipasang, hanya lampu bantuan AF inframerah akan dipancarkan. Tetapkan ini apabila anda tidak mahu kamera itu menyalakan lampu bantuan AF sebagai berbilang nyalaan denyar kecil. Dengan Speedlite siri EX yang dilengkapi dengan lampu LED, lampu LED tidak akan menyala secara automatik untuk bantuan AF.






Jika Fungsi Tersuai [AF-assist beam firing (Nyalaan sinar bantu AF)] Speedlite luaran ditetapkan kepada [Disable (Lumpuhkan)], tetapan fungsi ini akan diatasi dan sinar bantu AF tidak akan dipancarkan.




### C.Fn-5 AF area selection method (Kaedah pemilihan kawasan AF)

Anda boleh menetapkan kaedah untuk menukar mod pemilihan kawasan AF.

**0:  → AF area selection button (Butang pemilihan kawasan AF)**

Selepas anda menekan butang < > atau < >, setiap kali anda menekan butang < >, mod pemilihan kawasan AF bertukar.

**1:  → Main Dial (Dail Utama)**

Selepas anda menekan butang < > atau < >, memutar dail < > menukar mod pemilihan kawasan AF.



- Dengan tetapan 1, tekan kekunci << > <> > untuk menggerakkan titik AF secara mendatar.
- Apabila Cengkaman Bateri BG-E18 (dijual berasingan) digunakan dan 1 ditetapkan, anda boleh menukar mod pemilihan kawasan AF dengan mengendalikan cengkaman bateri tersebut.

## C.Fn-6 Auto AF point selection: Color Tracking (Pemilihan titik AF auto: Pengesanan Warna)

Gunakan fungsi ini untuk melakukan autofokus dengan mengenal pasti warna bersamaan warna kulit. Fungsi ini berguna dalam mod AF Tangkapan Tunggal apabila mod pemilihan kawasan AF ditetapkan kepada AF Zon (pemilihan zon secara manual) atau pemilihan auto 19 titik AF.

### 0: **One-Shot AF only (AF Tangkapan Tunggal sahaja)**

Dalam mod AF Tangkapan Tunggal, kamera memilih titik AF secara automatik berdasarkan maklumat AF dan maklumat berkenaan warna yang bersamaan warna kulit. Ini menjadikan pemfokusan pada orang lebih mudah, supaya anda boleh mengutamakan pengubahan dalam penangkapan.

### 1: **Disable (Lumpuhkan)**

Titik AF dipilih secara automatik hanya berdasarkan pada maklumat AF. Secara umumnya, subjek yang terdekat akan difokus.



- Dengan tetapan 0, pemfokusan akan mengambil masa yang lebih lama berbanding dengan tetapan 1.
- Walaupun dengan tetapan 0, hasil yang diharapkan mungkin tidak diperoleh bergantung pada keadaan penangkapan dan subjek.
- Di bawah cahaya yang sangat malap sehingga denyar memancarkan sinar bantu AF secara automatik, titik AF dipilih secara automatik hanya berdasarkan maklumat AF. (AF tidak akan menggunakan maklumat berkenaan warna yang bersamaan dengan warna kulit).

## C.Fn-7 AF point display during focus (Paparannya titik AF semasa fokus)

Anda boleh menetapkan sama ada titik AF dipaparkan atau tidak dalam keadaan berikut: 1. apabila memilih titik AF, 2. apabila kamera bersedia untuk menangkap (sebelum operasi AF), 3. semasa operasi AF, dan 4. apabila fokus dicapai.

**0: Selected (constant) (Dipilih (berterusan))**

Titik AF yang dipilih sentiasa dipaparkan.

**1: All (constant) (Semua (berterusan))**

Semua 19 titik AF sentiasa dipaparkan.

**2: Selected (pre-AF, focused) (Dipilih (pra-AF, difokus))**

Titik AF yang dipilih dipaparkan untuk 1, 2 dan 4.

**3: Selected (focused) (Dipilih (difokus))**

Titik AF yang dipilih dipaparkan untuk 1 dan 4.

**4: Disable display (Lumpuhkan paparan)**

Bagi 2, 3 dan 4, titik AF yang dipilih tidak akan dipaparkan.



Dengan tetapan 2 atau 3, titik AF tidak akan dipaparkan walaupun apabila fokus dicapai dengan AF Servo AI.

## C.Fn-8 VF display illumination (Pencahayaapan paparan Pemandang Tilik)

Anda boleh menetapkan sama ada titik AF dalam pemandang tilik akan beryala merah atau tidak apabila fokus dicapai.

### 0: Auto


Titik AF menyala merah secara automatik dalam keadaan cahaya malap.


### 1: Enable (Aktif)

Titik AF menyala merah tanpa mengambil kira aras cahaya di sekeliling.

### 2: Disable (Lumpuhkan)

Titik AF tidak menyala merah.

 Apabila AF Servo AI ditetapkan, tiada pencahayaan berwarna merah walaupun fokus dicapai.

-  • Apabila anda menekan butang <math>\langle \text{AF-ON} \rangle</math> atau <math>\langle \text{AF-ON} \rangle</math>, titik AF akan diterangi dengan warna merah tanpa mengambil kira tetapan ini.
- Garisan nisbah bidang (hlm.132) dan aras elektronik, grid serta tetapan pengesanan kelipan dengan [**2:Viewfinder display (Paparapan pemandang tilik)**] juga akan menyala merah.

## C.Fn-9 Mirror lockup (Kunci cermin)

### 0: Disable (Lumpuhkan)

### 1: Enable (Aktif)

Menghalang goncangan kamera akibat getaran kamera di dalam kamera yang disebabkan oleh tindakan cermin refleks (kejutan cermin), apabila menangkap dengan lensa telefoto super atau jarak dekat (fotografi makro). Lihat halaman 175 bagi prosedur kunci cermin.

## C.Fn IV: Operasi/Lain-lain

### C.Fn-10 Shutter/AE lock button (Butang pengatup/kunci AE)

#### 0: AF/AE lock (AF/kunci AE)

#### 1: AE lock/AF (Kunci AE/AF)

Ini sesuai apabila anda ingin melakukan fokus dan pengukuran meter secara berasingan. Tekan butang <✳> untuk autofokus dan tekan butang pengatup separuh ke bawah untuk mengenakan kunci AE.

#### 2: AF/AF lock, no AE lock (AF/kunci AF, tiada kunci AE)

Semasa AF Servo AI (atau AF Servo untuk penangkapan Pandangan Langsung), anda boleh menekan butang <✳> untuk menjeda operasi AF buat seketika. Ini mengelakkan AF daripada diganggu oleh sebarang halangan yang muncul antara kamera dan subjek. Pendedahan ditetapkan pada masa gambar diambil.

#### 3: AE/AF, no AE lock (AE/AF, tiada kunci AE)

Ini berguna untuk subjek yang terus bergerak dan berhenti berulang kali. Semasa AF Servo AI (atau AF Servo untuk penangkapan Pandangan Langsung), anda boleh menekan butang <✳> untuk memulakan atau menghentikan operasi AF Servo AI. Pendedahan ditetapkan pada masa gambar diambil. Oleh itu, anda boleh menetapkan kamera anda, supaya pemfokusan dan pendedahan optimum boleh dicapai dan menunggu hingga masa muktamad.



#### Semasa penangkapan Pandangan Langsung

- Apabila pengatup sentuh ditetapkan dan dengan tetapan 1 atau 3, AF tidak akan berkesan untuk penangkapan.

#### Semasa rakaman filem

- Dengan tetapan 1 atau 3, tekan butang <✳> untuk AF Tangkapan Tunggal.
- Dengan tetapan 2, tekan butang pengatup separuh ke bawah untuk AF Tangkapan Tunggal.

## C.Fn-11 Assign SET button (Memperuntukkan butang TETAPAN)

Anda boleh memperuntukkan fungsi yang sering digunakan pada <SET>. Apabila kamera sedia untuk menangkap, menekan butang <SET> akan memaparkan skrin tetapan fungsi yang sepatutnya.

**0: Normal (disabled (lumpuhkan))**

**1: Image quality (Kualiti imej)**

Skrin tetapan kualiti imej akan muncul.

**2: Flash exposure compensation (Pampasan pendedahan denyar)**

Skrin tetapan pampasan pendedahan denyar akan muncul.

**3: LCD monitor On/Off (Monitor LCD Hidup/Mati)**

Anda boleh menghidupkan atau mematikan monitor LCD.

**4: Menu display (Paparan menu)**

Skrin menu akan muncul.

**5: ISO speed (Kelajuan ISO)**

Skrin tetapan kelajuan ISO akan muncul.

**6: Flash function settings (Tetapan fungsi denyar)**

Skrin tetapan fungsi denyar terbina dalam atau denyar luaran akan muncul.

## C.Fn-12 LCD display when power ON (Paparan LCD apabila kuasa HIDUP)




**0: Display on (Paparan hidup)**

Apabila suis kuasa dihidupkan, tetapan penangkapan akan dipaparkan (hlm.67).

**1: Previous display status (Status paparan sebelumnya)**

Apabila kuasa dihidupkan, kamera akan bermula dengan status paparan monitor LCD sejeurus sebelum kali terakhir kuasa dimatikan. Oleh itu, jika anda mematikan kamera semasa monitor LCD mati atau semasa tetapan kamera (hlm.374) dipaparkan, tiada apa-apa akan dipaparkan apabila anda menghidupkan kamera sekali lagi. Ini membantu anda menjimatkan kuasa bateri. Operasi menu dan main balik imej akan tersedia seperti biasa.


### C.Fn-13 Multi function lock (Kunci berbilang fungsi)

Apabila suis <LOCK▶> ditetapkan ke kanan, ia boleh menghalang dail <▶> dan <▶> daripada menukar tetapan dengan tidak sengaja. Pilih kawalan kamera yang ingin anda kunci, kemudian tekan <▶> untuk menambah tanda semak <✓> dan pilih [OK].

 : Dail Utama

 : Dail Kawalan Cepat



- Jika suis <LOCK▶> ditetapkan dan anda cuba untuk menggunakan salah satu kawalan kamera yang dikunci, [L] akan dipaparkan dalam pemidang tilik dan pada panel LCD. Juga, pada paparan tetapan fungsi penangkapan (hlm.56), [LOCK (KUNCI)] akan dipaparkan.
- Dalam tetapan lalai, apabila dikunci, dail <▶> akan dikunci.

### C.Fn-14 Retract lens on power off (Menarik balik lensa apabila kuasa terpadam)

Ini untuk menetapkan mekanisme penarikan balik lensa bagi apabila lensa STM didorong gear (seperti EF40mm f/2.8 STM) dipasang pada kamera. Anda boleh menetakannya untuk menarik balik lensa yang terkeluar secara automatik apabila suis kuasa kamera ditetapkan kepada <OFF>.

**0: Enable (Aktif)**

**1: Disable (Lumpuhkan)**




- Dengan kuasa terpadam secara auto, lensa tidak akan menarik balik tanpa mengambil kira tetapan.
- Sebelum menanggalkan lensa, pastikan ia telah ditarik balik.



Dengan tetapan 0, fungsi ini berkesan tanpa mengira tetapan suis mod fokus lensa (AF atau MF).


## MENU Mendaftarkan Menu Saya ☆

Di bawah tab Menu Saya, anda boleh mendaftar sehingga enam pilihan menu dan Fungsi Tersuai yang mana anda sering menukar tetapannya.




### 1 Pilih [My Menu settings (Tetapan Menu Saya)].

- Di bawah tab [★], pilih [My Menu settings (Tetapan Menu Saya)], kemudian tekan <SET>.



### 2 Pilih [Register to My Menu (Daftar ke Menu Saya)].

- Pilih [Register to My Menu (Daftar ke Menu Saya)], kemudian tekan <SET>.



### 3 Daftar item yang diinginkan.

- Pilih item, kemudian tekan <SET>.
- Pada dialog pengesahan, pilih [OK] dan tekan <SET> untuk mendaftar item.
- Anda boleh mendaftar sehingga enam item.
- Untuk kembali kepada skrin dalam langkah 2, tekan butang <MENU>.

## Tetapan Menu Saya

### • Sort (Isih)

Anda boleh menukar susunan item yang didaftarkan di Menu Saya. Pilih [Sort (Isih)] dan pilih item yang susunannya anda ingin tukar. Kemudian tekan <SET>. Dengan [↕] dipaparkan, tekan kekunci <▲> <▼> untuk menukar susunannya, kemudian tekan <SET>.

### • Delete item/items and Delete all items (Padam item/beberapa item dan Padam semua item)

Anda boleh memadamkan mana-mana item yang didaftarkan. [Delete item/items (Padam item/beberapa item)] memadamkan satu item pada satu masa dan [Delete all items (Padam semua item)] memadamkan semua item yang didaftarkan.

### • Display from My Menu (Paparkan dari Menu Saya)

Apabila [Enable (Aktif)] ditetapkan, tab [★] akan dipaparkan dahulu apabila anda memaparkan skrin menu.

# 14

## Rujukan

Bab ini menyediakan maklumat rujukan tentang ciri-ciri kamera, aksesori sistem, dll.



### Logo Pensijilan

Pilih [**F4**: Certification Logo Display (Paparannya Logo Pensijilan)] dan tekan <SET> untuk memaparkan sesetengah logo pensijilan kamera ini. Logo pensijilan lain boleh ditemui dalam Manual Arahan ini, pada badan kamera dan pada pembungkus kamera.

## Fungsi Butang INFO.



Jika anda menekan butang <INFO.> apabila kamera bersedia untuk menangkap, skrin untuk [Displays camera settings (Paparkan tetapan kamera)], [Electronic level (Ara elektronik)] (hlm.70) dan [Displays shooting function (Paparkan fungsi penangkapan)] (hlm.375) akan dipaparkan dalam urutan.


Di bawah tab [43], [INFO. button display options (Pilihan paparan butang INFO.)] membolehkan anda memilih pilihan yang dipaparkan apabila butang <INFO.> ditekan.

- Pilih pilihan paparan yang diinginkan dan tekan <SET> untuk menambah tanda semak <✓>.
- Selepas membuat pilihan, pilih [OK], kemudian tekan <SET>.





- Ambil perhatian bahawa anda tidak boleh membuang <✓> untuk ketiga-tiga pilihan paparan.
- Skrin sampel [Displays camera settings (Paparkan tetapan kamera)] dipaparkan dalam Bahasa Inggeris untuk semua bahasa.
- Walaupun jika anda buang tanda daripada [Electronic level (Ara elektronik)] supaya ia tidak muncul, ia masih akan muncul untuk penangkapan Pandangan Langsung dan rakaman filem apabila anda menekan butang <INFO.>.

## Tetapan Kamera




## Tetapan Fungsi Penangkapan




- Menekanan butang  membolehkan Kawalan Cepat tetapan penangkapan (hlm.57).

## MENU Memeriksa Maklumat Bateri

Anda boleh memeriksa keadaan bateri pada monitor LCD.



Kedudukan bateri



### Pilih [Battery info (Maklumat bateri)].

- Di bawah tab [43], pilih [Battery info (Maklumat bateri)], kemudian tekan <SET>.
- ▶ Skrin maklumat bateri akan muncul.

Model bateri atau sumber kuasa isi rumah yang digunakan.

Ikon aras bateri (hlm.43) dipaparkan.

Aras prestasi cas semula bateri dipaparkan sebagai salah satu daripada tiga aras.


- (Hijau) : Prestasi cas semula bateri ini baik.
- (Hijau) : Prestasi cas semula bateri menurun sedikit.
- (Merah) : Disarankan membeli bateri baharu.

**!** Penggunaan Pek Bateri LP-E17 Canon yang tulen adalah disarankan. Jika anda menggunakan bateri yang bukan produk tulen Canon, prestasi penuh kamera ini mungkin tidak boleh dicapai atau kepincangan boleh berlaku.

- Maklumat bateri akan dipaparkan walaupun apabila Cengkaman Bateri BG-E18 digunakan. Jika dua pek bateri LP-E17 dipasangkan, ia memaparkan gabungan baki aras bateri bagi kedua-dua pek bateri tersebut.
- Jika mesej ralat komunikasi bateri dipaparkan, ikuti mesej tersebut.


## Menggunakan Saluran Keluar Kuasa Isi Rumah

Dengan Kit Penyesuai AC ACK-E18 (dijual berasingan), anda boleh menyambungkan kamera ke saluran keluar kuasa isi rumah dan tidak perlu risau tentang baki aras bateri.




### 1 Sambungkan palam Pengganding DC.

- Sambungkan palam Pengganding DC kepada soket Penyesuai AC.




### 2 Sambungkan kord kuasa.

- Sambungkan kord kuasa seperti yang ditunjukkan di dalam ilustrasi.
- Selepas menggunakan kamera, cabut palam kuasa daripada saluran keluar kuasa.



### 3 Masukkan Pengganding DC.

- Buka penutup petak bateri dan masukkan Pengganding DC sehingga terkunci di tempatnya.



### 4 Tolak masuk kord DC.

- Buka penutup lubang kord DC dan pasang kord seperti yang ditunjukkan dalam ilustrasi.
- Tutup penutup petak bateri.




Jangan sambungkan atau memutuskan sambungan kord kuasa apabila suis kuasa kamera ditetapkan kepada <ON>.



## fi Suis Kawalan Jauh RS-60E3 (Dijual Berasingan)


Suis Kawalan Jauh RS-60E3 (dijual berasingan) disertakan dengan kord lebih kurang 60 cm/2.0 kaki. Apabila disambungkan ke terminal kawalan jauh kamera, ia boleh ditekan separuh atau sepenuhnya, sama seperti butang pengatup.



## Menggunakan Penutup Kanta Mata


Apabila anda menggunakan pemasa sendiri, mentol atau Suis Kawalan Jauh dan tidak melihat menerusi pemedang tilik, cahaya lilau yang memasuki pemedang tilik boleh menyebabkan gambar kelihatan gelap. Untuk menghalang keadaan ini, gunakan penutup kanta mata (hlm.35) yang dipasang pada tali kamera.

**Semasa penangkapan Pandangan Langsung dan rakaman filem, penutup kanta mata tidak perlu dipasang.**



### 1 Keluarkan eyecup.

- Tolak bahagian bawah eyecup untuk menanggalkannya.




### 2 Pasang penutup kanta mata.

- Luncurkan penutup kanta mata ke bawah ke dalam alur kanta mata untuk memasangnya.
- Selepas selesai menangkap, tanggalkan penutup kanta mata dan pasang eyecup dengan menggelongsorkannya ke bawah alur kanta mata.


## Menggunakan Kad Eye-Fi

Dengan kad Eye-Fi yang boleh didapati secara komersil tersedia, anda boleh memindahkan imej yang ditangkap ke komputer secara automatik atau muat naik imej ke perkhidmatan dalam talian melalui LAN wayarles.



Pemindahan imej adalah fungsi kad Eye-Fi. Untuk arahan mengenai cara menyediakan dan menggunakan kad Eye-Fi atau untuk menyelesaikan apa-apa masalah pemindahan imej, rujuk kepada manual arahan kad Eye-Fi ini atau hubungi pengeluar kad.

 **Kamera tidak dijamin boleh menyokong fungsi-fungsi kad Eye-Fi (termasuk pemindahan wayarles). Jika ada masalah dengan kad Eye-Fi, sila periksa dengan pengeluar kad. Ambil perhatian bahawa kelulusan diperlukan untuk menggunakan kad Eye-Fi di banyak negara atau wilayah. Tanpa kelulusan, penggunaan kad tidak dibenarkan. Jika tidak jelas sama ada kad itu diluluskan untuk digunakan di kawasan anda, sila periksa dengan pengeluar kad.**




### 1 Masukkan kad Eye-Fi (hlm.39).




### 2 Pilih [Eye-Fi settings (Tetapan Eye-Fi)].


- Di bawah tab [1], pilih [**Eye-Fi settings (Tetapan Eye-Fi)**], kemudian tekan <  >.
- Menu ini dipaparkan hanya apabila kad Eye-Fi dimasukkan ke dalam kamera.


### 3 Membolehkan penghantaran Eye-Fi.

- Pilih [**Eye-Fi trans. (Penghantaran Eye-Fi)**], kemudian tekan <  >.
- Pilih [**Enable (Aktif)**], kemudian tekan <  >.
- Jika anda menetapkan [**Disable (Lumpuhkan)**], penghantaran automatik tidak berlaku walaupun kad Eye-Fi telah dimasukkan (ikon status penghantaran ).



### 4 Paparkan maklumat sambungan.

- Pilih [**Connection info. (Maklumat sambungan)**], kemudian tekan <  >.





## 5 Periksa [Access point SSID (SSID titik akses)].

- Pastikan titik akses dipaparkan untuk [Access point SSID (SSID titik akses)].
- Anda juga boleh memeriksa alamat MAC kad Eye-Fi dan versi perisian tegar.
- Tekan butang <MENU> tiga kali untuk keluar dari menu.



## 6 Ambil gambar.

- ▶ Gambar ini dipindahkan dan ikon <📶> bertukar daripada kelabu (tidak bersambung) kepada salah satu ikon di bawah.
